



00-2202

# IKHWAN NASIR

Istimewa untuk 17,007 ketua UMNO Cawangan  
& ribuan aktivis UMNO di seluruh dunia

**Siri PENDIDIKAN POLITIK MALAYSIA**

# Apakah Ketua UMNO Cawangan Wajib Buat?

Ketua UMNO Cawangan  
Setulang Baru,  
Johor Bahru  
(Tahun 1963-70)

# Rayakan 11 Mei

# TEKAD

Buku ini mempunyai tekad untuk  
memperhebatkan perjuangan  
hampir tiga juta ahli UMNO  
yang sentiasa menghayati cogankata:-

**BERSATU,  
BERSETIA &  
BERKHIDMAT**

KOLEKSI NEGARA

249253

NASKAH PEMELIHARAAN demi mengekalkan maruah  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA martabat Bangsa, Agama  
dan Negara.

7 JUN 2000

*Ikhwan Nasir*

## Kandungan

4	Wasiat Tun Dr Ismail
7	Signifikan Angka 17,007
8	Ketua UMNO Cawangan Yang Efektif
10	Pemimpin Yang Masih Belum Berjasa
18	Allah SWT Lindungi UMNO
30	Mesyuarat Cawangan Yang Berkesan
34	Inisiatif Rapatkan Pemuda UMNO-Siswa
46	4 Pengerusi UMNO Yang Baru
55	Memuncak Di bawah Mahathir
63	Teknik Berpidato Yang Hebat
70	Apakah Yang Ketua UMNO Wajib Buat
81	Rakyat Tak Faham Dasar Kerajaan
87	Bancian Kepunyaan Melayu
93	Media Asing Terpinga-pinga
98	Wanita UMNO Serang Wan Azizah
105	Kedai Runcit 4,000 Masjid
110	Perayaan 11 Mei Yang Keramat
120	Mustapa Hadkan Jumlah Pengarah
124	Malaysia Negara Islam Sempurna
131	Kerajaan Tempatan Tunjuk Samseng
140	Melayu Jangan Merempat
148	Tidak Layak Jadi Pemimpin
156	Reaksi Terhadap Pak Lah
166	Ramai Melayu Makan Babi
178	Apakah Itu Politik?
188	Halang Orang Lain
193	Perlembagaan UMNO
198	Laksanakan Hasrat Nabi
206	Wawasan Pemimpin UMNO
218	Tak Apalah jadi Boneka Mahathir
224	Kekalkan Idealisme Perjuangan
231	Strategi Memenangi Pilihanraya



## Penerbit

LEOZONE (M) SDN. BHD. (332498 A)  
 91-A, Jalan Teratai 1/2, Taman Bukit Teratai,  
 56100 Ampang, Kuala Lumpur. (012-3788723)

# Wasiat Tun Dr. Ismail

*B*uku ini adalah satu wasiat Allahyarham Tun Dr Ismail semasa Sdra Ikhwan Nasir berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Allahyarham di antara tahun 1970 hingga 2 Ogos 1973, apabila Allahyarham kembali menemui Allah SWT.

Selaku Timbalan Presiden UMNO Malaysia dan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Johor beliau telah mengarahkan supaya Sdra Ikhwan menyusun sebuah buku mengenai model kepimpinan UMNO terutama di peringkat cawangan.

Allahyarham Tun Dr Ismail insaf akibat Tragedi 13 Mei, 1969 bahawa kesedaran dan patriotisma UMNO mestilah digembeling semula bagi membuktikan UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Semasa beliau mengundurkan diri dari Kabinet Kerajaan Persekutuan, Tun Dr Ismail menyaksikan sendiri pelbagai kelemahan hingga mengakibatkan UMNO dan Perikatan tewas teruk di dalam pilihanraya kebangsaan tahun 1969. Dr Mahathir Mohammad sendiri tewas dengan 898 undi di Kota Setar Selatan kepada Haji Mohd Yusuf Rawa, pemimpin PAS dari Pulau Pinang dan beliau kemudiannya dipecat daripada UMNO.

Tun Dr Ismail kemudian diminta menyertai semula ke dalam kabinet dan bila Tun Abd Razak menjadi Perdana Menteri, Tun Dr Ismail diberikan kepercayaan menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perusahaan di samping mengekalkan terus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai portfolio yang amat diminatinya.

Waktu itu Sdra Ikhwan menjadi Ketua UMNO Cawangan Setulang Baru, Johor Bahru dan semasa menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Mersing, beliau menang di dalam pertandingan merebut jawatan EXCO Pemuda UMNO Malaysia pada 1970. Dan kemudiannya dia terus diberikan kepercayaan tersebut hingga 1982. Sdra Ikhwan diberikan peranan sebagai ahli "Dewan Ketua" Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bersama-sama Datuk Haji Harun Idris, Datuk Musa Hitam, Haji Suhaimi Kamaruddin dan Senator Kamarul Ariffin Mohd Yassin.

Beliau mula menyusun buku ini ketika itu tetapi bila Allahyarham kembali

ke rahmatullah, beliau telah dihantar ke seberang laut menjadi diplomat di Kanada dan Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Pada 28 Januari, 1978 beliau bertanding dalam satu pilihanraya kecil akibat kematian Allahyarham, Menteri Pertanian, Datuk Ali Haji Ahmad yang menemui mautnya di nahas pesawat MAS di Tanjung Kupang, Johor.

Walaupun telah berada selama lebih 4 tahun di Amerika Utara, Beliau pulang ke tanahair dengan tergesa-gesa untuk menjadi calon BN di dalam pilihanraya kecil kapar Pontian. Dua penentang BN hilang wang pertaruhan masing-masing. Mereka ialah Othman Safian dari PRM mendapat 2036 undi dan Lew Ah Thiam ( Bebas-DAP ) mendapat 3032 undi manakala BN mendapat 21,811 undi.

Pada pilihanraya kebangsaan kemudiannya undi BN yang beliau wakili telah meningkat kepada 28,768 menghilangkan wang pertaruhan calon PAS yang cuma mendapat 3,029 undi, menjadikan peratusan undi majoriti yang dicapainya paling tinggi di seluruh tanahair jika dibandingkan dengan calon-calon lain di dalam pilihanraya kebangsaan 1978.

Semasa beliau menjadi Ahli Parlimen dalam tempoh yang sesingkat itu, peruntukan tahunannya sebanyak RM200,000 telah ditumpukan kepada pembinaan 210 gerai rakyat dan 11 industri kecil yang hingga ke hari ini masih menjadi pusat kegiatan ekonomi orang Melayu di kawasan parlimen Pontian dan kawasan parlimen Sungai Benut, Johor. Projek-projek untuk merintis kegiatan orang Melayu di dalam dunia perniagaan dan industri kecil telah dijayakan oleh Sdra Ikhwan di antara tahun 1978 hingga 1982.

Kiranya setiap kawasan parlimen mencontohi projek seperti ini sejak tahun 1978 dulu maka sudah tentu kejayaan IKS orang Melayu di seluruh negara sudah pun menjadi begitu hebat dan mantap kini.

Pada tahun 1987 hingga 1990, beliau telah diberikan tugas oleh YAB Perdana Menteri sebagai Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas dengan keanggotaan seramai 451 orang di Kementerian Penerangan.

Seramai 21 bekas para pegawai di bawah seliaannya menjadi ahli-ahli Yang Berhormat dan para setpol di seluruh tanahair manakala dua orang daripada mereka telah dilantik menjadi Pembantu Menteri di negeri Sabah.

Sepanjang perkhidmatan tersebut, BHEK telah berjaya merintis gerakan Setia Bersama Rakyat ( **SEMARAK** ) dalam kempen pemulihan imej UMNO dan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Adalah sesuatu yang amat dibanggakan, setelah beliau bersara sebagai Ahli Parlimen dalam usia 42 tahun pada tahun 1982, beliau terus meneruskan membantu UMNO dan BN. Hingga kini beliau terus bersedia mewakili UMNO di dalam forum-forum di pusat-pusat pengajian tinggi.

Sebagai Setiausaha Jabatan Penerangan UMNO Malaysia, saya sentiasa

saja meminta bantuan kepada Sdra Ikhwan dan sepanjang ingatan saya, dia telah mewakili UMNO lebih daripada 140 kali sejak tahun 1970 semasa menjadi setpol Tun Dr Ismail dan ahli EXCO Pemuda UMNO Malaysia.

Sama ada beliau memegang apa-apa jawatan atau tidak, beliau sentiasa saja dilihat dengan sabar membantu kekuatan UMNO di mana-mana saja.

Pada tahun 1972, bersama-sama dengan Ismail Nagor dan Abd Hamid Arabi di dalam satu kuliah Subuh di masjid Bukit Bendera, beliau telah membentangkan kertas kerja untuk mewujudkan **12 kadun Melayu** di Pulau Pinang dan sepuluh tahun kemudian dimakbulkan oleh Allah SWT.

Pada tahun 1988, beliau bersama-sama dengan Omar Khan dan Johari Janan mengetuai 50 rakan beliau dari seluruh Sabah melancarkan **Deklarasi Kundasang** yang popular menyumbangkan kekuatan UMNO dan BN.

Sdra Ikhwan berpendapat, satu mobilisasi perlu diperhebatkan di dalam UMNO bagi menghalang apa jua hakisan patriotisme yang melandanya.

YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang menjalankan tugas sebagai Timbalan Presiden UMNO memberitahunya tentang hal-hal ini dan beliau mencadangkan supaya Sdra Ikhwan menulis buku-buku yang dapat dijadikan rujukan di kalangan para pemimpin dan ahli-ahli UMNO seperti "Apakah yang ketua-ketua UMNO cawangan patut buat?"

Satu lagi bidang penguasaan Sdra Ikhwan ialah dunia kewartawanan yang membolehkan beliau mendidik ramai tokoh wartawan melalui beberapa penerbitan yang pernah di asaskannya.

Di kalangan anak buahnya yang sedang menjadi editor atau wartawan termasuk Adi Al Hadi ( Gila-gila ) Rahmah Saad ( Ibu & Pesona ), Shahabuddin Hussin ( B.H. ), Mohd Daud Ibrahim ( B. Utama ) Zulkifli Omar ( Tempo ), Amran Mamat ( Era Baru ), Rostam Omar ( Anak Sidek ), Azman Jamaluddin ( Metro ), Baha Azwan ( Wawasan ), Robert Hamly & Jeffry Mahidin ( Permata & Ole-Ole ), Yasir Abdullah ( Bulu Tangkis ), Mohd Saadun Jaafar ( Utusan ), Alias Hashim ( M. Utara ) dan ramai lagi.

Sebagai bekas guru di Sekolah Menengah Inggeris Pontian beliau berpuas hati akan kejayaan anak-anak muridnya. Lapan dari mereka mendapat ijazah Ph.D seperti Dr Suleiman Mahbob (MTEN) dan ramai lagi menjadi pensyarah universiti dan para pengetua sekolah menengah. Tidak kurang menjadi pegawai tadbir dan tokoh korporat termasuk Ahmad Khadis, Selamat Bajuri, Samad Madom, Datuk Mohd Esa Sharif (PTG Selangor), Haji Badri Dasuki (KSUS MB Johor). Tokoh-tokoh politik pula termasuk Haji Adam Hamid dan Haji Shamsuddin Abu Bakar.

*Haji Hassan Che Sob*

Setiausaha Jabatan Penerangan UMNO Malaysia

## SIGNIFIKAN ANGKA 17,007

*A*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh !  
Angka 17,007 punya signifikan tersendiri. Memanglah benar telah sedia wujud 165 UMNO bahagian dengan 2.7 juta ahli tetapi peranan UMNO pada setiap daripada 17,007 cawangan perlu diberikan penilaian semula.

Ada tiga kawasan parlimen (kapar) yang boleh dijadikan rujukan. Pada tiga-tiga kapar tersebut, para pemimpin UMNO bahagian kelihatan berjuang hebat tetapi sebahagian besar daripada para pemimpin cawangan tidak tahu membuat apa-apa operasi pun hingga mengakibatkan UMNO/BN kalah teruk.

- Pilihanraya kecil kapar Johor Bahru pada 25 Ogos, 1988, UMNO/BN tewas 12,613 undi di tangan calon bebas *Kunci* di tempat kelahiran UMNO sendiri. BN: 10,968, Bebas-Kunci: 23,581, PRM: 2,260, Majoriti: 12,613 undi.
- Pilihanraya kecil kapar Teluk Intan pada 17 Mei, 1997, UMNO kehilangan 16,884 undi ( tewas dengan majoriti 2,916 undi sedangkan BN menang pada tahun 1995 dengan 13,968 undi ). BN: 12,091, DAP: 15,007, Majoriti: 2,916.
- Pilihanraya kecil kapar Arau pada 4 Julai, 1998, UMNO/BN kehilangan 8,212 undi ( tewas dengan majoriti 1,323 undi sedangkan BN menang 6,889 undi pada pilihanraya kebangsaan 1995). BN: 11,541, PAS: 12,864, Majoriti: 1,323 undi.

Dalam beberapa pilihanraya kecil yang lain pula undi majoriti BN kelihatan amat merudum di waktu kebelakangan ini.

Dan yang lebih memalukan, ada juga keputusan yang memperlihatkan bahawa undi yang didapati oleh UMNO/BN *kurang daripada jumlah ahli UMNO/BN yang didaftarkan* pada satu-satu kapar atau kadun yang terbabit.

Buku ini disusun semata-mata untuk melancarkan mobilisasi memperhebatkan patriotisme yang mula terhakis di kalangan 2.7 juta ahli UMNO.

Saya yakin buku ini akan menjadi rujukan utama di dalam menjana kekuatan baru 17,007 UMNO cawangan di dalam menyemarakkan wawasan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden UMNO Malaysia di dalam menerajui parti politik yang paling hebat di negara kita dan paling lama mendapat kepercayaan rakyat, di dunia.

Semoga Allah SWT sentiasa mengizinkan perjuangan UMNO - Amin!

# KETUA UMNO CAWANGAN YANG EFEKTIF

*"Setiap kamu adalah gembala dan setiap gembala bertanggungjawab terhadap pemilihannya!" Maksud Hadis Nabi Muhammad saw.*



Pakah ada sebuah model Ketua UMNO Cawangan yang efektif?

Inilah di antara tanda tanya di kalangan sebahagian besar daripada 2.7 juta ahli UMNO yang bertebaran di seluruh dunia.

Mereka adalah ahli-ahli sebuah parti politik yang terkuat dan paling berpengaruh untuk memberikan keyakinan kepada 17,007 Ketua UMNO Cawangan masing-masing yang entah terpaksa atau tidak telah memenuhi tugas dan tanggungjawab kepimpinan di mana-mana saja mereka berada.

Menjelang 53 tahun kelahiran UMNO, sudah tiba masanya ahli-ahli UMNO tahu tentang kepimpinan yang efektif sehingga semua orang boleh mempunyai kriteria untuk menilai baik diri mereka sendiri yang menjadi pemimpin mahupun orang lain yang ditawarkan menjadi pemimpin.

17,007 Ketua UMNO Cawangan mesti wujud terus dalam hierarki kepimpinan parti yang menjadi tunggak kerajaan yang memerintah lebih 41 tahun sejak kemerdekaan tanahair dan kedudukan mereka mestilah menjadi fokus terpenting kepada pucuk pimpinan UMNO sendiri tanpa melupakan potensi yang boleh mereka sumbangkan di dalam kesinambungan kepimpinan negara.

Di dalam masyarakat seharian kita, entah terpaksa atau tidak maka seseorang itu seharusnya menduduki jawatan sebagai pemimpin kepada sebuah kelompok.

Mereka yang menjadi orang tua adalah pemimpin bagi anak-anak mereka.

Para guru pula adalah pemimpin kepada murid-murid mereka. Tokoh-tokoh kesatuan sekerja menjadi pemimpin kaum pekerja.

Imam, para khatib dan bilal menjadi orang kuat rumah ibadah seperti masjid, surau atau musalla. Demikianlah seterusnya dengan kelompok atau organisasi yang lain.



Nabi Besar Muhammad SAW sendiri pernah menegaskan di dalam sabda-nya yang amat masyhur, "*Setiap kamu adalah gembala (pemimpin) dan setiap pemimpin bertanggungjawab ke atas sesiapa saja yang dipimpinnya.*"

Memang benar dari sekian banyak orang yang menjadi pemimpin dalam beragam kegiatan di atas, berapa ramaikah yang betul-betul menjalankan peranan tersebut secara berkesan ?

Berapa ramaikah pula secara yang jujur mendakwa bahawa hasil kerja mereka mencapai matlamat dan menemui sasaran?

Walaupun telah melaksanakan peranan sangat berhati-hati, berapa ramaikah para pemimpin yang menempuh pelbagai kesukaran atau bahkan dimusuhi, dicemburui, dibenci dan sentiasa diganggu gugat dalam rangka perjuangan mereka untuk memimpin? Berapa ramai pula yang di akhir tempoh tugas masing-masing mengeluh sambil menarik nafas yang lega. "*Cukuplah, saya tidak akan memegangnya sekali lagi!*"

Apabila seseorang menjadi pemimpin maka sudah pasti dia akan menempuh pelbagai pengalaman pahit maung yang tidak menyedapkan malah menggerunkan.

Hanya sedikit orang yang mendapat latihan khusus berupaya untuk menjadi pemimpin yang efektif kerana insaf bahawa peranan dan tugas yang dijalankannya sentiasa saja menemui pelbagai cabaran, memerah tenaga dan fikiran atau menghadapi hal-hal yang mencemaskan.

Setiap ketua UMNO cawangan terpaksa mempelajari model kepimpinan yang akan saya perturunkan di dalam buku ini tetapi memahami model saja belum cukup kerana pemimpin harus mempunyai kemampuan untuk mempraktikkan model tersebut.

Satu keperluan utama kepimpinan ialah memastikan konsep penting tentang "Memenuhi keperluan semua pihak".

Bagaimanakah seorang ketua UMNO cawangan dapat mencapai sasaran perjuangan ini? Bagaimanakah para pemimpin UMNO mesti menyoal diri masing-masing, apakah yang telah mereka sumbangkan untuk memperkuatkan politik dan ekonomi Melayu kini?

Banyak strategi, teknik dan pendekatan yang boleh diolah dari pelbagai buku rujukan mengenai kepimpinan yang menyediakan pelbagai gagasan.

Buku ini cuba untuk menghuraikan peranan Ketua UMNO cawangan yang sebaik-baiknya di dalam memenuhi tugas untuk memberikan khidmat bakti kepada parti dan kepada negara.

# PEMIMPIN YANG MASIH BELUM BERJASA

*S*ebaik-baik saja anda dipilih menjadi Ketua UMNO Cawangan maka akan ada reaksi yang bermacam-macam dari orang ramai.

Ramai rakan yang pasti akan mengucapkan tahniah dengan pelbagai cara seperti bertemu sendiri dengan berjabat tangan. Ada yang menulis surat penghargaan atau bercakap menerusi telefon dengan mendoakan anda selamat berjuang.

Khabar berita itu disampaikan dengan gembira. Ada tokoh yang mengadakan pelbagai jamuan makan istimewa dengan keluarga masing-masing atau minum-minum dengan sahabat handai yang lainnya.

Ada yang merasakan bahawa mereka sudah berhasil mendaki anak tangga dan berhasil sampai ke kemuncak.

Sebenarnya semua reaksi itu amatlah berlebihan.

Pemilihan sebagai Ketua Cawangan tidak langsung menjadikan anda sebagai seorang pemimpin yang efektif secara automatik.

Anda baru saja memulakan tugas dan belum tentu akan menjadi pemimpin yang berjaya.

Setelah dipilih menjadi Ketua UMNO Cawangan, ada banyak yang harus dilaksanakan agar anda dapat diterima oleh ahli-ahli UMNO cawangan untuk dapat mengawal kesetiaan mereka dan berupaya memancing sokongan mereka secara yang spontan dan sukarela.

Selepas itu kepimpinan anda akan mula memperlihatkan pelbagai cabaran hingga ada kalanya mengundang kekecewaan dan masalah yang langsung tidak dikehendaki.

Ada dua peringkat yang akan anda hadapi.

Satu peringkat, datangnya dari iri hati pihak para pemimpin UMNO bahagian yang kadang-kadang khuatir kehadiran anda menjadi ancaman kepada kedudukan mereka.

Satu pihak lagi tentulah datang dari ahli-ahli UMNO cawangan yang iri hati akan kepimpinan anda yang telah mula diberikan kepercayaan oleh majoriti ahli.

Mungkin anda dapat mengesan akan perubahan-perubahan secara yang samar-samar atau ada juga yang begitu menjolok mata.

Kiranya anda memenangi jawatan Ketua UMNO Cawangan dengan pertandingan yang sengit, tidaklah perlu diragukan lagi bahawa anda akan segera melihat ada ahli-ahli di cawangan anda yang iri hati. Mereka terang-terang membenci anda kerana tidak suka anda mendapat jawatan Ketua UMNO Cawangan itu.

Di mata mereka anda tidak wajar mendapat jawatan tersebut kerana merasakan merekalah yang layak menjawatnya.

Ini telah pun mereka lakukan di dalam kempen secara berterang-terangan bila mereka menentang kepimpinan anda dan menyeru ahli-ahli UMNO cawangan menyokong kepimpinan mereka.

Jangan pula anda meremehkan kemungkinan bahawa sebahagian mereka mungkin berharap agar anda jatuh tersungkur di hadapan mereka dalam kemenangan baru anda menjadi ketua UMNO cawangan.

Anda tidak usah hairan bila melihat tanggapan-tanggapan negatif yang nampaknya muncul begitu wajar. Orang mempelajari pola seperti ini sejak mereka masih kanak-kanak.

Lihat saja bagaimana kanak-kanak menghadapi orang tua, guru-guru atau abang-abang mereka yang mempunyai autoriti.

Ketika masuk di dalam hubungan baru dengan seseorang yang mempunyai autoriti, ada pihak yang secara spontan menggunakan mekanisma perlawanan yang sudah menjadi kebiasaan sepanjang hidup mereka.

Itulah sebabnya seorang ketua UMNO cawangan yang baru pasti menghadapi ahli-ahli yang punya "keperibadian kanak-kanak" yang muncul dalam pelbagai rupa.

Di antara keperibadian kanak-kanak itu termasuklah:

- Melawan, menentang, memberontak dan bersikap negatif.
- Tidak suka, benci dan marah.
- Agresif, ingin membalas dendam dan meremehkan ketua cawangan yang baru.

- Berbohong dan mendendam perasaan.
- Menyalahkan orang lain.
- Membentuk kelompok untuk melawan pemimpin yang baru.
- Menjilat, mencari pujian dan bermuka-muka.

Melalui aktiviti kanak-kanak ini maka makin jelas ketika anda dipilih menjadi ketua UMNO cawangan, ada pihak yang terang-terang tak mahu menerima pemilihan tersebut walaupun sah dari segi perlembagaan parti.

Itulah sebabnya walaupun wujud pengiktirafan, anda mestilah menganggap pemilihan sebagai ketua UMNO cawangan belum tentu menjadikan anda seorang pemimpin secara automatik.

Untuk menjadi pemimpin yang efektif dan mempunyai pengaruh yang positif di kalangan ahli-ahli cawangan maka setiap ketua UMNO cawangan harus mempelajari beberapa teknik yang akan meletakkan mereka sebagai pemimpin yang berwibawa.

## ANDA JADI PEMIMPIN

RAMAI orang menegaskan bahawa " *pemimpin dilahirkan, bukan dibentuk*" hinggalah para pakar ilmu sosial mulai menjadikan kepimpinan sebagai satu subjek untuk diselidiki secara intensif.

Pakar-pakar tersebut akhirnya membuat penelitian untuk menentukan ciri-ciri universal seseorang pemimpin.

Banyak kajian tidak menunjukkan bukti bahawa pemimpin dilahirkan dari hasil sesuatu yang terdapat dalam warisan diri pemimpin.

Barangkali juga secara kebetulan ada juga orang yang dilahirkan sebagai pemimpin dari keluarga seorang pemimpin.

Yang sebenarnya ahli-ahli UMNO itu sendiri yang menentukan untuk memilih atau menolak kepimpinan seseorang ketua UMNO cawangan.

Oleh yang demikian terdapat permintaan dari ahli-ahli UMNO dan bagaimana pula ketua UMNO cawangan itu memenuhi akan permintaan tersebut.

Umpamanya, hal ehwal prasarana diperlukan untuk kepentingan persekitaran kediaman ahli-ahli UMNO.

Ada pelbagai aktiviti yang dibuktikan berhasil oleh seorang ketua UMNO cawangan.

Berupaya menjadikan UMNO cawangan yang dipimpinnya mempunyai hubungan yang rapat dengan kepimpinan UMNO bahagian

atau lebih tinggi lagi.

Oleh yang demikian, seorang ketua UMNO cawangan hanya akan kekal dan dapat dipertahankan bila peranannya sebagai pemimpin dilihat sendiri dengan mata kepala ahli-ahlinya.

Lebih-lebih lagi bila janji dan perjuangan ketua UMNO cawangan menjadi kenyataan demi kenyataan yang dilihat atau dinikmati manfaatnya secara bersama.

## DILEMA PEMIMPIN

*DR Thomas Gordon* dalam bukunya *The Leader Effectiveness Training ( L.E.T )* menegaskan bahawa mendapatkan pengikut secara memenuhi keperluan ahli-ahli belum mengungkapkannya seluruh kisah di sebalik kepemimpinan yang efektif.

Kajian mendapati bahawa pemimpin juga harus berhasil memenuhi keperluan diri sendiri.

Inilah dilema yang juga dihadapi oleh ketua-ketua UMNO cawangan.

Tetapi apakah ada larangan untuk ketua-ketua UMNO cawangan terus meningkat di dalam pelbagai bidang kehidupan dan kerjaya masing-masing?

Ramai dari kalangan ketua-ketua UMNO cawangan yang menjadi ketua-ketua kampung atau penghulu. Ada di kalangan mereka yang pada tradisinya dulu terdiri dari ramai kalangan para guru.

Di waktu kebelakangan ini pula ada ramai juga yang menjadi usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya.

Dr Gordon menyifatkan prinsip "cangkir yang penuh" menjadi tugas pemimpin bagi membolehkan orang lain turut meminum air di dalam cangkir yang penuh itu.

Ketua-ketua UMNO cawangan menghadapi dilema dalam menguruskan kehidupan masing-masing dan jumlah mereka kini seramai 17,007 orang adalah jumlah yang besar di seluruh negara.

Barangkali juga mereka boleh mengambil peluang untuk kehidupan dari kepimpinan yang mereka sandang, tetapi ketua-ketua UMNO cawangan mempunyai peluang yang amat sedikit di sekitar kawasan masing-masing.

Di luar kawasan kepimpinan UMNO cawangan yang dipimpinnya terbuka luas apa jua aktiviti yang boleh mengisi penuh cangkirkannya yang kosong.

Kiranya mereka terdiri daripada golongan orang profesional, mereka tidak dilarang untuk mempertahankan pemenuhan keperluan peribadi mereka agar mangkuk profesional mereka selalu penuh.

Saya telah menghadapkan anda dengan dilema ini.

Tetapi selagi ketua-ketua UMNO cawangan arif menjalankan tugas untuk ahli-ahli UMNO yang dipimpinya dalam program terutama yang melibatkan pasarana maka barangkali sudah cukup baginya untuk memikul tugas sebagai pemimpin dari pemilihan ahli-ahli UMNO.

Al-Quran pun melarang kita daripada mencampakkan diri ke dalam kebinasaan seandainya keperluan diri tanpa mengorbankan kepentingan awam tidak dicari hingga boleh memusnahkan diri akibat cangkir yang kosong.

Di Lembah Kelang, ramai ketua UMNO cawangan diberikan peluang menjadi pemborong membersihkan sampah sarap dan ada yang telah menjadi golongan yang berpendapatan tinggi.

Ramai juga yang menjadikan tugas ketua UMNO cawangan sebagai salah satu minat untuk mengabdikan diri di dalam rangka perjuangan memperkuat parti dan mendokong kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan tanpa mendapat apa-apa habuan pun.

Inilah di kalangan ketua-ketua UMNO cawangan yang seharusnya diberikan penghargaan dan sanjungan.

## SEBAGAI FASILITATOR

SAYA juga dapat menerima pendapat yang menyatakan bahawa ketua-ketua UMNO cawangan seharusnya juga berperanan sebagai seorang fasilitator.

Seorang fasilitator ialah seorang yang mampu memberikan buah fikiran atau tenaganya untuk memecahkan apa jua masalah yang timbul.

Sebuah cawangan UMNO memerlukan wujudnya seorang pemimpin yang berupaya dan berminat untuk selalu memecahkan apa jua masalah ahli-ahli UMNO.

Sebagai manusia biasa barangkali juga ketua UMNO cawangan bukan ahli di dalam semua perkara.

Untuk menyelesaikan apa jua masalah yang timbul sekurang-kurangnya dia boleh bertanya atau meminta pandangan dari rakan-rakannya di dalam barisan AJK UMNO cawangan atau di luar dari kelompok mereka akan penyelesaian yang diperlukan.

Kita dapat berteori bahawa sebuah cawangan UMNO yang betul-betul tidak pernah mempunyai masalah mungkin memang tidak memerlukan seorang ketua yang berfungsi sebagai fasilitator.

Jika sebuah cawangan dapat selalu berfungsi secara efisien dan produktif sehingga ahli-ahlinya selalu merasa puas, wujud keakraban di kalangan ahli-ahlinya, terlihat kebanggaan yang tinggi dan kehormatan peribadi menjadikan mereka seperti tidak memerlukan penukaran seorang ketua UMNO cawangan yang lain.

Kecualilah wujud pengaruh dan cucukan dari luar yang mahukan sokongan yang mereka mesti raih dari penggulingan ketua UMNO cawangan yang sedia ada walaupun sebaik mana dia menjalankan tugas sebagai ketua UMNO cawangan.

Ada satu teknik untuk meneliti akan sokongan ahli-ahli UMNO terhadap kepimpinan anda.

Bayangkan dalam fikiran anda bahawa anda sedang meneropong dari jendela dan pastikan dengan menulis nama ahli-ahli UMNO yang perilakunya begitu memberikan masalah kepada kepimpinan anda dari senarai ahli-ahli UMNO di cawangan anda.

Apakah yang harus anda lakukan terhadap mereka?

Cari rakan-rakan rapat anda atau rakan rapat ahli yang bermasalah dengan anda dan minta dia berurusan dengan ahli-ahli UMNO yang bermasalah dengan anda itu supaya memujuk mereka hingga menjadikan mereka sebagai ahli-ahli yang tiada bermasalah dengan anda.

Tugas ini bukan mudah tetapi cubalah lakukan dan sekali sekala anda sendiri menghulurkan tangan untuk memegang tangan mereka agak lama sedikit di hadapan ahli-ahli UMNO yang lain.

Anda mempunyai banyak lagi teknik lain yang anda fikirkan boleh menguasai ahli-ahli UMNO yang bermasalah dengan anda.

Kiranya bilangan mereka tidak ramai, janganlah ganggu mereka. Anda hanya mengejutkan harimau yang sedang tidur jadinya nanti.

Sekiranya majoriti ahli-ahli UMNO tidak ada masalah dengan anda maka bacalah Bismillah setiap kali anda memulakan tugas sebagai ketua UMNO cawangan di tempat anda.

Semoga Allah SWT sentiasa memandu kepimpinan anda.

## **TEAM SUMBANG SARAN**

**ADA** di kalangan ketua-ketua UMNO cawangan yang menolak

gagasan pembentukan sebuah team sumbang saran ( *brain storming* ) kerana merasa bahawa pada akhirnya mereka sendiri yang akan bertanggungjawab ke atas keberhasilan atau kegagalan kepimpinan UMNO cawangan yang sedang mereka terajui.

Saya gemar mempergunakan istilah *team* dari bahasa Inggerisnya yang bermakna *pasukan*.

Memang jelas di dalam organisasi formal, seorang pemimpin bertanggungjawab atas kerja-kerja pasukannya yang di sebut sebagai **akauntabiliti** iaitu bertanggungjawab dalam erti kata mengeluarkan keterangan terperinci dengan butir-butirnya.

Tentu saja, jika sebuah cawangan UMNO dilihat cukup baik di dalam menjalankan perannya, ketua UMNO cawangan sudah pasti kurang mendapat cabaran dan gugatan walaupun politik mengandaikan setiap pemimpin terdedah untuk digulingkan di dalam apa jua sebab jua pun.

Tetapi ada juga isu-isu yang harus diminta pendapat dan pandangan orang lain untuk dibuat keputusan oleh mana-mana UMNO cawangan.

Sebuah **team sumbang saran** perlu juga dibentuk untuk membantu ketua-ketua UMNO cawangan menyelesaikan apa jua isu yang berbangkit.

Pembahagian kerja untuk mengatasi masalah atau isu bolehlah dibahagi-bahagikan di kalangan siapa saja yang arif untuk bertindak mewakili cawangan.

Seorang pemimpin UMNO yang efektif tidak perlu memecahkan atau mengatasi masalah itu sendirian. Tetapi cukup kiranya dia memastikan apakah masalah yang timbul sudah terpecahkan.

Dalam proses pemecahan masalah ini, ia melibatkan sekurang-kurangnya lima tahap yang terpisah.

- Mengidentifikasi dan mendefinisikan masalah.
- Membuat pemecahan-pemecahan alternatif.
- Menilai pemecahan-pemecahan alternatif.
- Pengambilan dan pelaksanaan keputusan.
- Menilai pemecahan yang telah dilaksanakan.

## PEMIMPIN UMNO BAHAGIAN

TIDAKLAH salah kiranya setelah anda dipilih menjadi ketua UMNO cawangan, anda juga berhasrat untuk menjadi pemimpin UMNO di peringkat bahagian.



Demokrasi di dalam UMNO mengizinkan ahli-ahlinya menawarkan diri bagi membolehkan mereka berkhidmat di setiap peringkat.

Tetapi persetujuan ahli dari cawangan-cawangan UMNO lain diperlukan untuk membolehkan anda naik menjadi pemimpin UMNO di peringkat bahagian.

Anda terpaksa membuat lobi yang bukan kepalang bagi mengisi jawatan-jawatan di dalam kepimpinan UMNO bahagian.

Tentu saja anda terpaksa menemui para perwakilan dari UMNO cawangan-cawangan lain untuk membantu hingga terpilihnya anda di dalam sidang perwakilan UMNO bahagian pada setiap dua tahun sekali.

Cuba anda gambarkan apakah lima perwakilan dari cawangan-cawangan akan memberikan undi mereka untuk mengundi anda.

Kiranya ketua UMNO cawangan-cawangan di tempat lain memusuhi anda maka anda jangan bimbang kiranya anda tahu mendekati perwakilan lain bagi mendapatkan undi.

Kiranya anda bersungguh-sungguh dan keterampilan anda begitu ketara di kalangan perwakilan di cawangan-cawangan UMNO lain sudah pasti sekurang-kurangnya anda akan dipilih sebagai seorang ahli jawatankuasa UMNO bahagian.

Peranan anda akan menjadi lebih besar dan masa yang diperlukan untuk membuat perkhidmatan yang wajar semakin meningkat.

Anda mestilah mengatur agenda yang sempurna sebagai pemimpin UMNO bahagian.

Kiranya anda berhasrat untuk menjadi ahli yang berhormat, jawatan sebagai AJK UMNO bahagian adalah keperluan yang minima untuk membolehkan anda bertanding untuk kerusi parlimen atau kerusi dewan undangan negeri.

Untuk memenuhi jawatan sebagai ahli Majlis Daerah atau ahli Majlis Perbandaran maka posisi anda sebagai AJK Bahagian sudah memadai.

Bolehkah anda membuat semua kerja ini hanya kerana Allah SWT?

Sesungguhnya, semua kerja hendaklah dengan *nawaitu* seperti ditegaskan oleh agama kita.

Amatlah wajar supaya dipasang *nawaitu* kita untuk berjuang di dalam UMNO sebagai ibadah kepada Allah SWT.

"*Kami tidak jadikan jin dan manusia kecuali untuk beribadah*" tegas firman Allah SWT di dalam al-Quran.

Di dalam doa Iftitah pula kita berikrar di setiap solat lima waktu "***Bahawa solatku, ibadatku, hidupku dan matiku semuanya semata-mata untuk Allah SWT saja***".

## PERLINDUNGAN ALLAH SWT KE ATAS UMNO

*M*enoleh ke belakang kepada sejarah pelbagai cabaran yang menimpa UMNO sejak ditubuhkan pada 11 Mei, 1946 maka sudah ramai pun di kalangan ahli UMNO sendiri yang meramalkan kemusnahannya atau UMNO akan ditolak oleh orang Melayu dari keyakinan perjuangan sebatinya.

Tetapi apakah hasrat, cemuhan dan mimpi-mimpi karut tersebut dimakbulkan oleh Allah SWT?

Marilah kita membuat sorotan terhadap pelbagai kejadian kepada sejarah tersebut termasuklah peristiwa-peristiwa berikut:

- Peninggalkan Allahyarham Datuk Onn Jaafar daripada UMNO yang membentuk Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan kemudiannya membentuk Parti Negara.
- Keluarnya golongan agama dengan membentuk Parti Islam Se Malaya (PAS) pada tahun 1951.
- Keluarnya ribuan guru Melayu di dalam krisis dengan Menteri Pelajaran, Tan Sri Mohd Khir Johari mengenai isu bahasa dan pendidikan Melayu.
- Kelemahan pentadbiran menjelang pilihanraya 1969 yang mencetuskan peristiwa 13 Mei.
- Pengharaman UMNO pada tahun 1987 dan pembentukan S46 yang bergabung dengan PAS di dalam gagasan Angkatan Perpaduan Ummah.
- Pemecatan Anwar Ibrahim dan isu-isu yang berikutnya.

Memang benar, sudah banyak mulut ahli UMNO sendiri yang berkata, "teruklah UMNO kali ini nampaknya!" dan macam-macam cemuhan lagi.

Bagi saya, semua isu ini tidak sedikit pun menggoncangkan keyakinan saya terhadap UMNO sebagai wadah perjuangan yang sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah SWT. Malah saya dan ramai rakan-rakan saya yang lain akan terus berjuang

memastikan kesinambungan perjuangan UMNO yang tetap akan diwariskan dari satu generasi kepada satu generasi Melayu.

## **PAK LAH SEBAGAI TPM**

ATMOSFERA yang bergelora akibat pemecatan Anwar Ibrahim tiba-tiba saja menjadi tenang apabila Datuk Seri Dr Mahathir melantik Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Semua pemimpin UMNO dan para pemimpin parti komponen BN bersatu menyokong perlantikan tersebut yang mereka anggap sebagai pemilihan terbaik tokoh sederhana bakal pengganti Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia yang akan datang.

Datuk Abdullah pernah menyertai barisan Razaleigh-Musa untuk menentang Dr Mahathir dan beliau satu-satunya tokoh team B yang diberikan kepercayaan berjaya di dalam pemilihan sebagai Naib Presiden UMNO pada tahun 1987.

Walaupun beliau menang tetapi beliau kemudiannya dikeluarkan oleh Dr Mahathir daripada senarai ahli-ahli jemaah menteri.

Di dalam Perhimpunan Agung UMNO 1987 itu saya memberitahu Pak Lah bahawa beliau akan berjaya diberikan kepercayaan menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO di dalam pertemuan kami di Kementerian Pertahanan tetapi memberitahunya bahawa beliau setelah itu akan disingkirkan dari menjadi ahli jemaah menteri Dr Mahathir yang baru.

Setelah beliau tidak menjadi Menteri, kami selalu bertemu muka setelah mengerjakan solat Jumaat di mana ketika itu saya bertugas sebagai Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan.

Macam-macamlah isu yang kami timbulkan di dalam pertemuan-pertemuan tersebut.

Tidak lama setelah itu, Datuk Abdullah dan Datuk Abd Kadir Sheikh Fadzir - setelah mengumumkan tidak menyertai S46 - kedua-dua mereka kemudiannya telah dilantik semula oleh Dr Mahathir sebagai Menteri dan Timbalan Menteri.

Pak Lah tetap terus menjadi ahli UMNO walaupun selama 3 tahun 9 bulan beliau telah dikeluarkan daripada senarai jemaah menteri dan hanya menjadi ahli parlimen biasa.

Pak Lah dilaporkan turut menggubal Perlembagaan UMNO baru

yang didaftarkan setelah UMNO lama diharamkan.

Datuk Abdullah disamping diberikan kepercayaan tertinggi sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau juga diberikan portfolio penting iaitu Menteri Dalam Negeri dengan dibantu oleh Datuk Abd Kadir Sheikh Fadzir sebagai Timbalan Menterinya.

Berikutan dengan perlantikan Pak Lah itu, serangan-serangan yang dilancarkan ke atas pucuk pimpinan UMNO mula kendur.

Orang UMNO sendiri ada yang selama ini telah mula dipengeruhi oleh pelbagai pihak untuk memprojek tokoh-tokoh kesayangan masing-masing akibat kenyataan Dr Mahathir sebelumnya yang mahu mengosongkan jawatan Timbalan Perdana Menteri hingga selesai pemilihan Timbalan Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia bulan Jun 1999 ini.

Dr Mahathir telah tidak berpegang kepada keputusan awal beliau yang mahu mengosongkan jawatan TPM hingga Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun nanti memilih sendiri seorang Timbalan Presiden UMNO yang baru.

Sebelum perlantikan dibuat, Dr Mahathir dilaporkan telah memanggil Pak Lah, Datuk Najib dan Tengku Razaleigh.

Berikutan dengan adanya persiapan untuk menghadapi pilihanraya, Majlis Tertinggi UMNO telah membuat keputusan bahawa pemilihan pucuk pimpinan UMNO peringkat nasional telah ditangguhkan selama 18 bulan hingga berlansungnya pilihanraya.

Majlis Tertinggi UMNO di dalam sidangnyanya pada 6 Febuari, 1999 telah meminta Pak Lah menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Presiden UMNO yang menurut Datuk Mohd Najib adalah satu perkara yang bukan luar biasa di dalam UMNO.

Ditanya apakah itu bermakna yang beliau merupakan calon sesuai untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan yang akan datang, Pak Lah menjawab " Soal itu sepatutnya tidak perlu ditanya. Saya pun tak perlu menjawabnya."

Yang penting tambah beliau, sudah ada orang yang diberikan tugas untuk menjalankan kerja Timbalan Presiden UMNO.

Dr Mahathir menurut Datuk Najib pernah menjalankan tugas sebagai Timbalan Presiden UMNO ketika beliau dilantik oleh Tun Hussein Onn menjadi TPM.

" Sebagai TPM beliau wajar menjalankan tugas Timbalan Presiden, kerana kalau tidak maka menjadi kekok sedikit," tegas Datuk Najib.

Pak Lah sendiri berkata, di dalam peremuannya dengan Dr

Mahathir tidak pun diberitahu yang beliau akan dilantik oleh Dr Mahathir sebagai TPM.

Di dalam sejarah UMNO, seorang TPM tidak semestinya dilantik daripada tokoh yang memegang jawatan Naib Presiden Pertama.

Tun Dr Ismail, Tun Hussein Onn dan Dr Mahthir bukan penyandang jawatan Naib Presiden UMNO yang Pertama bila mereka dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Tun Dr Ismail semasa dilantik menjadi TPM adalah seorang ahli Majlis Tertinggi biasa, Tun Hussein Onn adalah Naib Presiden ke tiga dan Dr Mahathir juga adalah Naib Presiden UMNO ke tiga bila dilantik menjadi TPM.

Ramai di kalangan mereka yang tidak pun terpinga-pinga berikutan dengan pengumuman perlantikan Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang baru.

Saya agak rapat dengan Datuk Abdualah dan Datuk Abu Hassan Omar, Menteri Besar Selangor, setelah saya memenangi pilihanraya kecil di kapar Pontian pada 28 Januari, 1978 semasa kedua mereka masih lagi menjadi pegawai tinggi kerajaan sebagai Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian.

Di dalam pertemuan-pertemuan tersebut, saya pernah menyampaikan hasrat Tun Hussein Onn untuk meminta mereka berdua menyertai politik dengan meletakkan jawatan tinggi kerajaan dan bertanding di dalam pilihanraya.

Di dalam pilihanraya kebangsaan enam bulan kemudiannya, kedua mereka telah menang di kawasan masing-masing menjadi ahli yang terhormat dan dilantik menjadi Setiausaha-Setiausaha Parlimen sementara saya terus menjadi ahli parlimen biasa setelah menang kali kedua dengan tambahan undi yang saya perolehi meningkat dari 21,811 kepada 28,657 undi sementara calon pembangkang yang menentang saya telah hilang wang pertaruhan mereka.

## **TARIKH KEMERDEKAAN**

Apabila Pak Lah diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya diakui sendiri oleh Dr Mahathir sebagai pengganti beliau untuk jawatan Perdana Menteri, tidak ada kata-kata yang mahu mempertikaikan kewibawaan Pak Lah.

Pengalaman beliau yang luas membuktikan kecekapan seorang tokoh yang kebetulan mewarisi kepimpinan dari keluarga ulama.

Allahyarham Nindanya, Sheikh Abdullah Fahim dan Ayahanda beliau, Datuk Haji Ahmad Badawi adalah para ulama yang terbilang ketika itu. Ayahanda beliau pernah menjadi pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaya apabila Kapten Hussein Onn meletakkan jawatan. Beliau adalah seorang ulama yang telah diberikan kepercayaan menjadi pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang.

Datuk beliau pula adalah ulama yang paling awal menyertai UMNO dan ahli falak terkenal yang telah menentukan tarikh kemerdekaan tanahair pada 31 Ogos, 1957.

Tunku Abd Rahman Putera yang mula mengambil alih kepimpinan UMNO dari Datuk Onn Jaafar sentiasa saja menemui Sheikh Abdullah Fahim untuk mendapat kekuatan baru bagi menghidupkan semula UMNO yang kian lemah ketika itu.

Allahyarham Tun Sardon Zuber sendiri yang menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya pernah menyatakan sanjungan dan hormat beliau akan kegigihan Datuk Haji Ahmad Badawi menjalankan tugas sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Malaya yang sedang dipimpinnya.

Tan Sri Abd Samad Idris berkata, keberanian Datuk Ahmad Badawi menyebabkan Allahyarham telah diberikan tugas menyusun satu pasukan bertindak yang dikenali sebagai "Barisan 33" sebagai perjuangan mengangkat senjata sekiranya Inggeris engkar menyerahkan kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos, 1957.

Sebagai ulama, Allahyarham Datuk dan Ayah Pak Lah amat tekenal dengan pidato-pidato mereka dalam menggembeleng perjuangan berdasarkan Islam di zaman masing-masing.

Marilah kita hadiahkan bacaan al-Fatihah khusus untuk roh Datuk dan Ayah Pak Lah kerana kehidupan mereka yang sentiasa saja mengabdikan dirinya kepada Allah SWT dan rela dengan sepenuh hati berjuang menerusi UMNO sepanjang hayat mereka.

## **JAWATAN TPM**

Sebenarnya di dalam Perlembagaan Malaysia tidak tercatat pun jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Fasal 43 Perlembagaan Malaysia menyebutkan bahawa DYMM Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Perdana Menteri dari ahli Dewan Rakyat untuk mengetuai jemaah menteri yang baginda fikir boleh mendapat sokongan dari majoriti ahli-ahli Dewan

Rakyat.

Tetapi jawatan Timbalan Perdana Menteri tersebut telah diwujudkan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Biasanya seorang Timbalan Perdana Menteri adalah yang akan dengan secara automatik menjadi Perdana Menteri bila Perdana Menteri meletakkan jawatan atau meninggal dunia.

Tokoh-tokoh yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri adalah sebagai berikut:

- Tun Abd Razak menjadi TPM merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Pertahanan.
- Tun Dr Ismail menjadi TPM merangkap Menteri Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan & Industri. Termasuk di dalamnya Jabatan Perumahan, Pembangunan Bandar, Perusahaan Utama, MAS dan sebagainya.
- Tun Hussein Onn menjadi TPM merangkap Menteri Kewangan.
- Datuk Seri Dr Mahathir menjadi TPM merangkap Menteri Pelajaran.
- Tan Sri Musa Hitam menjadi TPM merangkap Menteri Dalam Negeri.
- Tun Abd Ghafar Baba menjadi TPM merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar.
- Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi TPM merangkap Menteri Kewangan.
- Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadi TPM merangkap Menteri Dalam Negeri.

Allahyarham Tun Abd Razak, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir adalah Timbalan-timbalan Perdana Menteri yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT dapat meningkat ke jawatan Perdana Menteri di dalam zaman masing-masing.

Dr Abd Kadir Jasin di dalam tulisannya di NST, 17 Januari, 1999 menyebutkan bagaimana uniknya jawatan Timbalan Perdana Menteri di Malaysia jika dibandingkan dengan amalan yang berlaku di negara-negara demokrasi lainnya.

Di Malaysia katanya, tokoh-tokoh yang menjadi Timbalan Perdana Menteri mendapat taraf dan sanjungan yang hampir sama dengan Perdana Menteri.

Berlainan dengan negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi peninggalan British seperti di Kanada, India, Australia,

New Zealand dan sebagainya tokoh-tokoh yang menjadi Timbalan Perdana Menteri jarang-jarang dikenali oleh dunia luar.

Di dalam negara masing-masing pun, jawatan Timbalan Perdana Menteri mempunyai kuasa yang terhad dan perlantikannya atau penyingkirannya tidak menimbulkan apa-apa reaksi pun.

Tetapi di Malaysia, para Timbalan Perdana Menteri mempunyai pengaruh yang hampir-hampir sama dengan Perdana Menteri atau di bawah sedikit daripada Perdana Menteri.

Dalam hal ini Tun Abd Razak, Tun Dr Ismail, Tan Sri Musa Hitam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuk dalam golongan ini.

Tun Razak menggantikan Tunku Abd Rahman dan Tun Dr Ismail pula telah pulang ke rahmatullah semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1973.

Tun Hussein Onn yang dilihat tidak sehebat Tun Dr Ismail telah menjadi Perdana Menteri selama enam tahun sejak kematian Tun Abd Razak pada tahun 1976.

Datuk Musa Hitam pula sepatutnya sudah boleh menggantikan Dr Mahathir kiranya tidak kerana wujudnya perbezaan pendapat dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu besar negara.

Kejatuhan Musa juga akibat meletakkan beliau setanding dengan Dr Mahathir seperti jolokan 2M (Mahathir-Musa) yang disebarikan secara meluas di samping mendengar nasihat daripada rakan-rakan mudanya yang mempunyai cita-cita besar.

Dr Mahathir sendiri katanya, membuat kesilapan dengan melantik Musa ke kementerian yang berpengaruh di Kementerian Dalam Negeri dan melakukan kesilapan itu lagi sekali dengan melantik Anwar Ibrahim ke Kementerian Kewangan.

Di sini jelaslah bahawa kegagalan Datuk Musa dan Anwar Ibrahim adalah akibat menggunakan golongan muda dalam parti yang kelihatan sudah tidak lagi sabar-sabar untuk merebut kuasa di dalam parti dan di dalam kerajaan.

Datuk Musa di dalam pertemuannya dengan Mingguan Malaysia mengakui, beliau sendiri pun telah merasa **syok** bila di sama tarafkan sebagai 2M dengan Dr Mahathir.

Tetapi perlantikan Datuk Abdullah sudah pasti kerana Dr Mahathir benar-benar percaya akan kesetiaan beliau disamping cuba untuk tidak terus memikul beban pentadbiran dalam rangka Perdana Menteri turun ke padang bagi menyusun strategi menghadapi pilihanraya kebangsaan yang akan diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.



Pak Lah sendiri menerusi RTM beberapa hari setelah memulakan tugasnya sebagai TPM berkata, semestinya hanya ada seorang jeneral di dalam politik dan di dalam pentadbiran kerajaan Malaysia.

Saya teringat bagaimana sekumpulan pemimpin UMNO Pulau Pinang yang dipimpin oleh Datuk Syed Hassan Aidid datang bertemu dengan Tun Dr Ismail meminta beliau menyelesaikan satu isu yang sudah pun dimaklumkan kepada Tun Abd Razak.

Tun Dr Ismail memberitahu mereka supaya menunggu dengan sabar apa jua yang akan dijawab atau diselesaikan oleh Tun Razak.

Beliau lantas memberi amaran supaya jangan membuat kerja yang boleh *melaga-lagakan* beliau sebagai TPM dengan Tun Abd Razak.

Datuk Zawawi Mahmuddin, Setiausaha Sulit Tun Dr Ismail ketika itu tentu masih ingat lagi, rombongan dari Pulau Pinang itu meninggalkan pejabat Tun Dr Ismail dan akur dengan nasihat beliau.

## POLITIK WANG

Para penganalisis politik menyifatkan perlantikan Datuk Seri Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri berasaskan bahawa beliau adalah seorang tokoh politik yang bersih dari penggunaan wang untuk mencapai kedudukan dalam parti.

Perlantikan tersebut menurut STAR, 18 Januari, 1999 ialah satu teladan bahawa tokoh-tokoh yang berhasrat untuk mendapat tempat di dalam politik dan kerajaan tidak semestinya menyuap para pengikut atau wakil-wakil UMNO dengan wang ringgit.

Menurut STAR, salah satu daripada kejadian yang telah merosakkan imej UMNO di waktu kebelakangan ini ialah menularnya politik wang di dalam parti tersebut hingganak perang menghapuskan perbuatan tersebut dilancarkan oleh Presiden UMNO.

Pelbagai tindakan disiplin telah diambil dan akan diambil bagi membanteras perbuatan politik wang tersebut yang dianggap sebagai **barah** yang membahayakan UMNO.

Perlantikan Pak Lah oleh Dr Mahathir adalah isyarat bahawa politik wang atau perlakuan yang tidak bermoral hendaklah dicegah dari merebak ke dalam darah daging UMNO.

***Sudah banyak kejadian di mana ahli-ahli UMNO telah diperbodohkan dengan adanya tokoh-tokoh yang rendah moralnya menipu para perwakilan dengan pemberian wang.***

Pak Lah sendiri telah terkorban bila beliau tewas di dalam perhimpunan agung tahun 1993 dari kedudukannya sebagai Naib Presiden di tangan Tim Wawasan.

Dr Mahathir tidak mepedulikan kekalahan Datuk Abdullah dan terus mengekalkan beliau sebagai Menteri Luar walaupun beliau tewas untuk mengekalkan jawatannya sebagai Naib Presiden UMNO.

Datuk Abdullah sendiri telah merasai pelbagai kesukaran bagi membenteras politik wang yang menjadi perangai sebahagian kecil daripada ahli-ahli UMNO yang bercakap tentang sistem demokrasi yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

## **TOKOH BERPENGALAMAN**

Pak Lah adalah salah seorang tokoh yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam banyak kementerian sebagai pegawai kerajaan dan sebagai tokoh politik.

Setelah menang di dalam pilihanraya bulan Ogos, 1978 beliau telah berkhidmat di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan sebagainya. Di Kementerian Luar beliau telah berkhidmat selama lapan tahun sebelum dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Disember, 1998 yang lalu.

Dalam tempoh lapan tahun, beliau telah berjaya membawa Malaysia menjalankan tugas-tugas yang aktif dalam arena antarabangsa.

Di dalam dunia politik pun beliau mempunyai pengalaman yang luas dengan jatuh bangunnya sebagai ahli UMNO dan sebagai pemimpinnya.

Semasa perjumpaan hariraya yang diadakan di kediamannya di Kepala Batas, saya melihat Datuk Abdullah seperti biasa saja melayani tokoh-tokoh yang pernah meremehkannya satu masa lalu.

Pulau Pinang sudah pasti merupakan negeri yang paling bergelora bila Datuk Seri Anwar dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada 2 September, 1998 yang lalu. Dengan perlantikan Pak Lah, suasana politik di Pulau Pinang seperti reda kembali.

Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Abd Latiff Mirasa, Datuk Ahmad Saad dan ramai tokoh-tokoh yang selama ini merupakan orang kuat Anwar Ibrahim turut berada berhari raya di kediaman Pak Lah.

Orang Pulau Pinang tidak rugi apa-apa malah Pak Lah telah diberikan jaminan akan menjadi Perdana Menteri menggantikan Dr

Mahathir bila-bila masa dari sekarang," tegas Datuk Mohd Zain Omar, Ketua Penerangan UMNO Pulau Pinang mengenai Pak Lah.

Ada ramalan telah dibuat bahawa BN akan tewas teruk kiranya tokoh lain diberikan tugas menggantikan Anwar Ibrahim.

Pak Lah telah membuktikan kepimpinan beliau direstui oleh Allah SWT bila BN memenangi 31 kerusi dari 48 kadun di Sabah. UMNO pula menang kesemua 24 kerusi yang dipertandingkan.

## MELAYU PULAU PINANG

Orang Melayu di Pulau Pinang merupakan minoriti yang terpinggir. Mereka berada di dalam semua keadaan yang memerlukan bantuan dan pertolongan dari kerajaan. Tanpa bantuan kerajaan, orang Melayu di Pulau Pinang pasti akan terus tenggelam dalam arus pembangunan yang lancar berjalan tanpa belas ehsan ke atas mana-mana kaum.

Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam rangka pelannya yang dipamerkan menunjukkan peratusan penjaja di majlis tersebut telah turun dari 21 peratus (1985) kepada 19 peratus (1993) walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim telah bertahun-tahun diberikan peluang menjadi pemimpin terpenting di Malaysia.

Sebuah rencana di Berita Harian, 26 September, 1998 telah membangkitkan bagaimana agenda Pak Lah untuk memajukan Melayu di Pulau Pinang terbantut akibat pengambilalihan peranan pengerusi perhubungan UMNO negeri ke tangan Anwar Ibrahim.

*Rencana tersebut mengungkit, jika kita melihat keseluruhan perkembangan orang Melayu di Pulau Pinang khususnya bagi kawasan Pulau itu sendiri, kita akan dapati tidak banyak dilakukan oleh Anwar.*

*Sebagai contoh, bagaimana ibu pejabat UMNO Pulau Pinang yang terletak di tanah wakaf di Jalan Macalister sendiri dibangunkan tetapi dari seluruh bangunan itu hanya sekedar 30 peratus saja dimiliki oleh Majlis Agama Islam dan bakinya terpaksa diserahkan kepada pihak pemaju projek sebagai mematuhi syarat perjanjian pembangunan.*

*Biarlah Pak Lah sendiri menyambung semua agendanya untuk membantu Melayu di Pulau Pinang menerusi pelbagai program yang beliau sendiri menjadikannya agenda perjuangan kepimpinannya.*

*Tetapi ada satu rancangan Pak Lah untuk meramaikan Melayu dengan mewujudkan Pejabat Wilayah Utaranya di Pulau Pinang.*

*Dengan berbuat demikian, ramailah nanti orang Melayu berhijrah ke Pulau Pinang dan dengan sendirinya bilangan mereka yang menetap di bandar itu akan bertambah ramai.*

*Apakan daya sebelum kesempatan ini berjaya, Pak Lah telah digantikan dengan Anwar yang dengan mudah telah memamatkan idea itu sebelum pun berputik dan berkembang*

*Kita sering diberitahu Anwar sebagai pejuang agama yang terwahid seakan-akan tanpa beliau tidak akan wujud Universiti Islam, Bank Islam dan Pusat Islam.*

*Malangnya tidak ramai orang tahu beliau terbabit dengan usaha hendak merobohkan Masjid Jamek Simpang Enam di tengah-tengah bandar raya Georgetown berhampiran dengan bangunan kemegahan Komtar.*

*Sepuluh tahun lalu, beliau meminta melalui seorang kawannya untuk menjadi khatib membaca khutbah.*

*Majlis itu diatur dan dengan berbesar hati semua pihak menyambut ketibaan beliau.*

*Sesudah solat Jumaat, beliau meninjau kawasan masjid dan meminta Pegawai Daerah memberikan pertolongan apa jua yang wajar.*

*Sebulan kemudian, pihak masjid terkejut apabila Anwar mengumumkan kerajaan akan merobohkan masjid ini untuk didirikan sebuah kompleks.*

*Masjid akan ditempatkan ditingkat 4 dan 5 hanya boleh memuatkan ahli jemaah seramai 300 orang sedangkan masjid kini didatangi oleh seribu orang untuk bersolah Jumaat.*

*Rupanya pembinaan kompleks itu yang dipersetujui oleh Anwar kerana adanya projek untuk mendirikan sebuah hotel lima bintang yang menganggap masjid tersebut selama ini telah dianggap sebagai batu penghalang untuk membina hotel tersebut.*

Banyak lagi isu yang disentuh di dalam rencana itu dan terpulanglah kepada Pak Lah untuk memastikan bahawa kampung-kampung Melayu tidak akan terhakis dan walaupun hendak dibangunkan juga maka wajiblah dipastikan bahawa orang Melayu jugalah diberikan keutamaan untuk memilikinya dengan apa cara jua pun.

Di sini barangkali juga kita jangan melupakan agenda yang diperjuangkan oleh Dr Sahol Hamid Abu Bakar dalam rangka membentuk Tekno-Entrepreneur menerusi kampus cawangan ITM di Permatang Pasir, Seberang Perai.

Beliau telah membuat penyelidikan dengan mendapati hanya 10 peratus saja pelajar Melayu yang mengambil pengajian sains di Pulau Pinang dan itu pun tidak semuanya berjaya.

Dr Sahol menegaskan, keunikan program yang dijalankan di kampus ITM berkenaan ialah selain latihan di dalam bidang teknologi tinggi, para pelajar akan juga diminta mengambil komponen tambahan iaitu perkomputeran dan keusahawanan.

Demikian juga dengan sumbangan yang sedang dibuat oleh Kolej

Yayasan Restu dalam menyediakan peluang kedua untuk para pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

Tetapi hanya satu saja cadangan saya untuk orang Melayu Pulau Pinang ialah pembinaan gerai-gerai rakyat yang dulunya pada tahun 1980 saya bina dengan harga RM2,500 melalui peruntukan yang saya terima sebagai ahli Parlimen.

Amatlah wajar sebelas UMNO bahagian di Pulau Pinang mencari tanah-tanah kerajaan sama ada tanah-tanah kecek atau kawasan perumahan kerajaan yang boleh dipergunakan untuk membina gerai-gerai rakyat bagi membolehkan orang Melayu menceburkan diri di dalam dunia perniagaan secara sederhana di seluruh Pulau Pinang.

Kalau ada tanah-tanah persendirian Melayu atau tanah-tanah wakaf boleh juga diajak berunding untuk pembinaan gerai-gerai tersebut.

Binalah gerai-gerai batu yang luasnya 16' X 20' berharga RM10,000 dari peruntukan penjaja kecil di Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan orang Melayu berniaga secara sederhana.

Sebelas UMNO bahagian di Pulau Pinang hendaklah menjadikan tugas ini sebagai tugas terpenting kerana membiayai seorang pelajar menuntut di United Kingdom menelan belanja sebanyak lebih daripada RM220,000 di mana peruntukkan yang sama boleh digunakan untuk pembinaan 22 gerai batu untuk orang Melayu berniaga.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Shariff Omar bolehlah mulai sekarang bertindak segera untuk menggerakkan masyarakat Melayu di bidang yang disarankan oleh Rasulullah saw.

Kalau satu kawasan parlimen berjaya membina 20 saja gerai rakyat maka sudah ada 220 unit gerai rakyat dalam tempoh satu tahun dan dalam tempoh 10 tahun akan terbinalah 2,200 unit gerai rakyat yang akan membentuk golongan perniagaan dan usahawan Melayu yang terkuat dan berdisiplin di Pulau Pinang.

Saya telah menjayakan projek ini di kawasan parlimen yang saya wakili selama empat tahun di kapar Pontian dan Sungai Benut menghasilkan lebih 200 gerai yang kini terus merancakkan orang Melayu berniaga hampir 20 tahun di satu kawasan parlimen di Johor.

Umpamanya pergilah menjamu selera di Restoren Bilal Yusuf di Kukup Laut, berbelanjalah di perhentian bas Bandar Pontian dan di perhentian bas di pekan Benut atau dipusat-pusat gerai rakyat lain yang hingga kini terus aktif menjalankan perniagaan masing-masing.

Apakah reaksi para pemimpin 11 bahagian UMNO di negeri Pulau Pinang mengenai saranan ini?

## MESYUARAT CAWANGAN UMNO YANG BERKESAN

Mesyuarat UMNO cawangan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **enam** kali di dalam setahun.

Lebih baik lagi kiranya diadakan mesyuarat sebulan sekali asal saja laporan mengenai **aktiviti para pemimpin UMNO cawangan** dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

Demi menyuburkan hubungan kolektif di kalangan para pemimpin cawangan, mesyuarat-mesyuarat tersebut sebaik-baiknya diadakan di tempat-tempat berikut:

**Mesyuarat pertama di kediaman Ketua Cawangan.**

**Mesyuarat kedua di kediaman AJK Cawangan.**

**Mesyuarat ketiga di kediaman Tim. Ketua/Setiausaha Cawangan.**

**Mesyuarat keempat di kediaman AJK Cawangan.**

**Mesyuarat kelima di kediaman Bendahari/Ketua Penerangan.**

**Mesyuarat keenam di kediaman AJK Cawangan.**

Mesyuarat sebaik-baiknya hanya berjalan selama **dua** jam saja. Mesyuarat hendaklah di jalankan secara serius. Mesyuarat mestilah memberi peluang kepada semua yang hadir turut mengeluarkan pendapat.

Setelah mesyuarat ditangguhkan, bolehlah duduk berbual-bual sepanjang mana yang anda suka.

### AGENDA MESYUARAT

SEMUA mesyuarat cawangan mestilah menyediakan agenda seperti berikut.

- Bacaan al-Fatihah untuk Rasulullah saw, datuk nenek, para pejuang UMNO dan kaum Muslimin/Muslimat yang telah meninggal dunia.
- Ucapan pengerusi mesyuarat yang biasanya ketua cawangan.

- Membentang dan mengesahkan peringatan yang lalu.
- Perkara-perkara yang berbangkit.
- Arahan daripada UMNO Bahagian.
- **Laporan aktiviti para pemimpin cawangan.**
- Beberapa isu penting.
- Hal-hal lain.
- Majlis ditangguhkan dengan bacaan surat al-'Asr.

## PERANAN PEMIMPIN CAWANGAN

SAYA mempunyai pengalaman memimpin tiga bahagian UMNO di negeri Johor.

*Di antara tahun 1960-62 menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pontian dengan Sdra Mohd Sanusi Abd Latif menjadi Setiausahanya*

*Di antara tahun 1963-70 menjadi AJK UMNO Bahagian Johor Bahru Timur dan ketua UMNO cawangan Setulang Baru dengan Sdra Mohd Ali Hassan sebagai Setiausahanya ( Kini Datuk Ali adalah Speaker Dewan Undangan Negeri Johor merangkap Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Johor )*

*Di antara tahun 1970-74 menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Mersing dengan mendapat bantuan daripada Sdra Mohd Salleh Ali ( Ketua Pemuda ) dan Abdullah Thani Othman ( Setiausaha )*

*Di antara 1980-84 menjadi Ketua UMNO Bahagian Pontian dengan YB Sdra Salehon Sengot sebagai Setiausaha Bahagian ( Kini beliau menjadi Adun Benut ).*

Di dalam mentadbirkan cawangan-cawangan, saya sentiasa menekankan laporan aktiviti setiap pemimpin cawangan yang mesti di catatkan di laporan setiap kali diadakan mesyuarat cawangan.

Dengan adanya catatan tersebut, ia akan menjadi ukuran kepada khidmat bakti dan peranan setiap seorang dari semua AJK cawangan UMNO demi kepentingan para pengundi dan rakyat setempat.

Pastikan supaya setiap AJK membuat apa saja aktiviti untuk dicatat.

Di bawah ini ada pelbagai contoh aktiviti yang boleh di catatkan di dalam laporan **aktiviti para pemimpin UMNO cawangan.**

## AKTIVITI PARA PEMIMPIN

- Ketua UMNO cawangan telah menerangkan tentang arahan dari mesyuarat UMNO bahagian yang beliau hadiri supaya setiap cawangan UMNO menyediakan **bilik gerakan pilihanraya** lebih awal.
- Setiausaha cawangan bersama-sama dengan empat AJK cawangan menyerahkan RM50 untuk disumbangkan kepada

keluarga seorang penduduk yang telah meninggal dunia tanpa mengira Allahyarham ahli UMNO atau bukan.

- Ketua cawangan telah menyerahkan surat-surat sokongan kepada ahli-ahli UMNO yang memohon untuk mendapatkan pembahagian kediaman rumah kos rendah berharaga RM25,000.
- Ketua cawangan dan tiga AJK cawangan telah hadir di dalam satu perjumpaan dengan YAB Perdana Menteri di kediaman YAB Menteri Besar dengan mencatatkan saranan Perdana Menteri bahawa UMNO/BN mesti menghidupkan jentera untuk bersedia menghadapi pilihanraya bila-bila masa saja mulai dari sekarang.
- Ketua Penerangan cawangan telah mendengar akan pidato para pemimpin PAS dan melaporkan kandungannya. Perbincangan telah dibuat untuk menyediakan hujah-hujah menolak akan fitnah mereka.
- Ketua Pemuda telah membawa pelbagai isu yang didengarnya untuk menghinakan UMNO/BN. Oleh kerana tidak ada sesiapa yang cekap menghuraikannya maka isu itu akan di fakskan ke pejabat Perhubungan UMNO Negeri dan Ibu Pejabat UMNO Malaysia.
- Ketua Wanita tidak puas hati dengan pembahagian tanah kerajaan yang dibahagi-bahagikan kepada orang ramai sedangkan orang UMNO tidak mendapat kurniaan tersebut. Satu surat bantahan akan dibuat kepada YAB Menteri Besar dengan segera.
- Seorang AJK melaporkan yang beliau bersama dengan Ketua Pemuda telah melawat seorang pemuda yang terlantar di hospital akibat kemalangan jalanraya di mana motosikal yang dipandunya merempuh lubang jalanraya akibat hujan lebat. Laporan juga telah dibuat kepada pihak JKR dan Majlis Daerah supaya memperbaiki jalan yang berlubang-lubang hingga boleh membahayakan nyawa para pengguna jalanraya. Wakil-wakil UMNO di Majlis Daerah telah diberitahu tentang perkara ini untuk tindakan seterusnya.
- Ketua Pemuda memberitahu bagaimana dia dan beberapa orang AJK pemuda cawangan menghadiahkan sebutir bola sepak dan dua bola sepak takraw kepada ketua-ketua pasukan bola dan sepak takraw cawangan di dalam upacara



- ringkas ketika para pemuda sedang beramai-ramai berada di padang bola dan di gelanggang sepak takraw.
- Ada beberapa orang pemuda telah membaca poster yang berbunyi " *Kita tak kisah sangat dakwaan yang menuduh PAS bersekongkol dengan DAP menyokong liwat kerana itulah cara mereka berjuang* "
  - Bendahari melaporkan bahawa beliau telah menghadiri mesyuarat agung PIBG dan mereka telah membuat keputusan untuk menambahkan bilik darjah yang sudah tidak boleh menampung murid-murid baru. UMNO cawangan mesti menulis kepada YB Menteri Pendidikan mengenai perkara ini.
  - Ketua wanita UMNO melaporkan yang beliau bersama rakan-rakannya menghadiri satu kelas memasak yang kebetulan telah diadakan di balairaya kampung. Mereka mahukan bantuan untuk mendapat dapur dan guru mengajar memasak makanan Barat.
  - Ketua Pemuda telah melaporkan yang beliau bersama-sama dengan beberapa orang rakannya telah mengadakan kerja bergotong-royong membersihkan tandas masjid setiap dua minggu sekali.
  - Seorang AJK telah membawa seorang murid ke Pejabat Kebajikan Masyarakat akibat tidak dapat masuk belajar tingkatan tiga kerana bapanya dibuang kerja.
  - Ahli-ahli cawangan bekerja bergotong-royong mendirikan rumah berharga RM5,000 dari Yayasan Basmi Kemiskinan untuk sebuah keluarga janda dengan anak seramai 5 orang.
  - Timbalan Ketua Cawangan memberitahu, dia dan beberapa orang AJK telah berjaya menubuhkan kelas Kafa dengan Tuan Imam menjadi guru mengajar mengaji al-Quran.
  - Seramai 20 ahli UMNO dengan menggunakan empat buah kereta telah turut menziarahi upacara pengkebumian bekas Ketua UMNO Bahagian merangkap bekas Adun yang letaknya kira-kira 40 kilometer sebagai penghargaan terakhir lebih seribu orang terhadap seorang yang pernah menjadi pemimpin UMNO di kawasan parlimen ini.

*Sekiranya aktiviti seperti di atas ini dilakukan maka sudah pasti tidak akan berlaku hakisan pengaruh ke atas setiap cawangan UMNO yang sentiasa terdedah kepada serangan parti-parti pembangkang di dalam sistem demokrasi di Malaysia di mana mereka diberikan lesen untuk menentang atau menubangkan UMNO/BN.*

## INISIATIF RAPATKAN HUBUNGAN PEMUDA-SISWA



Sebaik-baik saja Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi pemimpin tertinggi UMNO, forum-forum anjuran mahasiswa yang menemukan para pemimpin UMNO dengan para pemimpin parti-parti pembangkang, para sarjana dan wakil-wakil NGO seperti terhenti dengan serta merta.

Ribuan siswa gelisah kerana mereka sudah tidak mempunyai saluran lagi untuk meluahkan isi hati mereka menerusi forum-forum anjuran persatuan masing-masing.

Pihak pentadbiran universiti pula begitu senang mencuci tangan memberitahu bahawa majlis-majlis forum tidak boleh dianjurkan tanpa ikut serta wakil parti pemerintah terutama UMNO.

Persatuan mahasiswa menghadapi kesukaran kerana Ibu Pejabat UMNO sendiri tidak dapat menentukan wakil-wakilnya untuk menyertai forum-forum tersebut.

Inilah dilema yang dihadapi oleh ribuan siswa. Mereka arif benar akan ramainya para pemimpin siswa yang dulunya mempergunakan forum-forum universiti untuk menyerang UMNO tetapi setelah menjadi tokoh-tokoh UMNO terbilang, hidung dan bayang mereka pun sudah tidak kelihatan lagi.

Mahasiswa itu melihat sendiri bekas para pemimpin siswa tersebut bergelumbang dengan perjuangan menjijikkan untuk cepat naik ke atas atau menjadi tokoh korporat yang begitu gelojoh di dalam mengumpulkan harta kekayaan.

Mujurlah Datuk Hishammuddin Tun Hussein diberikan tugas mengambil alih peranan menerajui Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia sebagai pemangku Ketuanya.

Sekurang-kurangnya ada dua pendekatan yang diinisiatifkan oleh Datuk Hishammuddin di dalam menjalankan tugas politiknya.

**Pertama**, Pemuda UMNO Malaysia mahu menghidupkan semula dialognya dengan ribuan siswa di pusat-pusat pengajian tinggi untuk mendekatkan mereka dengan poerjuangan UMNO khususnya perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO yang sedang dipimpinya.

**Kedua**, memilih seberapa ramai tokoh mahasiswa yang akan diberikan peluang untuk berkhidmat dengan wakil-wakil rakyat seperti Ahli-ahli Parlimen atau Adun-adun bagi membolehkan mereka mendapat pengalaman bagaimana wakil-wakil rakyat BN menjalankan tugas masing-masing.

Pengerusi Majlis Pendidikan dan Latihan Pergerakan Pemuda UMNO itu, Hamlan Din sedang menggerakkan aktiviti majlis dialog dengan mahasiswa dari universiti-universiti yang sudah pun dikenal pasti berminat menyertai dialog tersebut.

Hamlan Din adalah Adun dari Belantek, Kedah yang sebelum ini pernah berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Khas, Jabatan Penerangan.

Datuk Hishammuddin ketika berucap merasmikan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Kubang Pasu berkata, Pergerakan Pemuda pimpinannya akan turun ke padang bertemu dengan ribuan mahasiswa bagi mendekati dan membimbing mereka daripada terlibat dengan kegiatan yang boleh merosakkan negara dan diri mereka sendiri.

Menteri Besar Johor, Datuk Abd Ghani Othman pula telah mengundang kumpulan para siswa dari beberapa buah universiti untuk datang ke kediamannya bagi tujuan memberi penjelasan seperti mana yang beliau lakukan kepada golongan akar umbi yang lain di negeri Johor.

Selepas berdialog secara terbuka dengan para pelajar itu, beliau akan bertandang pula ke universiti-universiti di seluruh Malaysia dalam misi yang sama.

Di dalam dialog tanpa disertai oleh tokoh-tokoh pembangkang, para sarjana dan golongan NGO, sekurang-kurangnya mesej parti pemerintah boleh disampaikan juga kepada sebahagian daripada ribuan siswa jika dibandingkan sejak Anwar Ibrahim menjadi

pemimpin UMNO di mana tidak ada apa-apa dialog pun yang boleh disertai oleh kaum mahasiswa.

Sekiranya semua Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri melaksanakan agenda ini yang pada kali yang lain disertai pula oleh Ahli-ahli Jemaah Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Supar-supar dan Setpol-setpol maka sudah tentulah golongan siswa akan menjadi lebih mesra lagi dengan parti pemerintah, sekurang-kurangnya mereka boleh diberitahu akan fakta-fakta yang ada pada kita.

Datuk Musa Hitam dalam kenyataannya baru-baru ini juga mahukan dialog seperti itu yang telah beliau dan Dr Mahathir sertai pada akhir tahun 60-an dan awal 70-an dihidupkan semula..

Saya ucapkan selamat berjuang kepada adik-adik dari Pergerakan Pemuda UMNO yang begitu prihatin dan senang hati untuk menyertai tugas yang telah saya jalankan hampir 30 tahun hingga kini.

## ROMBAKAN MAJLIS

TINDAKAN yang mengejutkan berlaku bila Hishammuddin melakukan rombakan dengan mengurangkan kepada hanya 11 majlis dari 25 majlis semasa beliau mengambil alih kepimpinan Pemuda.

Tindakan itu telah menerima kritikan tetapi Hishammuddin percaya kepada kemantapan kerja dan bukan bercokolnya barisan anggota-anggota majlis tetapi tidak membuat kerja-kerja yang berkesan.

Majlis-majlis terkini dan tokoh-tokoh yang memimpinya adalah sebagai berikut:

- Majlis Hal Ehwal Agama: Pengerusi, Abdul Wahab Din.
- Majlis Hal Ehwal Antarabangsa: Pengerusi, Abdul Azim Mohd Zabidi dan timbalannya, Dr Shamsul Anuar.
- Majlis Penerangan: Pengerusi, Mohd Suparadi Mohd Noor dan timbalannya, Wan Mohd Khairil Anuar Ahmad.
- Majlis Ekonomi & Usahawan: Pengerusi, Noordin Md Noor.
- Majlis Mahasiswa dan Latihan: Pengerusi, Zein Isma Ismail dan timbalannya, Zahidi Zainul Abidin.
- Majlis Hal Ehwal Pengguna: Pengerusi, Abd Aziz Sheikh Fadzir.
- Majlis Kebudayaan, Belia dan Sukan: Pengerusi Datuk Wan Ahmad Farid Datuk Wan Salleh.
- Majlis Perumahan Rakyat, Setinggan dan Pembangunan

Bandar: Pengerusi, Nur Jazlan Datuk Mohamed.

- Majlis Pembangunan Luar Bandar: Pengerusi, Abdul Fatah Abdullah.
- Majlis Pendidikan: Pengerusi, Sheikh Hamlan Din.
- Briged Putra: Pengerusi, Haji Abd Kadir Daud.

Hishammuddin juga mengekalkan Zulkifli Alwi sebagai Penolong Setiausaha yang juga Setiausaha Pemuda Barisan Nasional dan Mokhzani Mahathir sebagai Penolong Bendahari, sementara Suparadi Mohd Noor sebagai Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang baru menggantikan Datuk Abd Fatah Iskandar.

Barangkali juga Hishammuddin sudah menyaksikan hasrat penubuhan majlis yang begitu banyak hingga membariskan hampir 500 tokoh pemuda tetapi kiranya setiap seorang "mengUMNOkan" dua orang saja pemuda yang belum menyertai UMNO maka jumlahnya 1,000 dalam sebulan. Dalam tempoh setahun ada kira-kira 12,000 pemuda yang mula berminat dengan aktiviti parti pemerintah yang paling berpengaruh ini.

Jumlah ini kalau dapat dilipat gandakan akan menjadikan UMNO setempat lebih mudah untuk memainkan peranan untuk mengekalkan pengaruh UMNO/BN di kalangan rakyat setempat.

Tetapi peranan berdialog dengan ribuan siswa sudah tentulah dimaksudkan dengan berlangsungnya majlis-majlis forum yang turut mengundang tokoh-tokoh parti pembangkang, golongan intelektual dan tokoh-tokoh dari badan-badan bukan kerajaan.

Saya mempunyai pengalaman di dalam tugas ini kerana telah mula mewakili UMNO pada awal tahun-tahun tujuh puluhan semasa berkhidmat sebagai Setpol Allahyarham Tun Dr Ismail dan sebagai seorang ahli EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

## **PENYATA PERHIMPUNAN AGUNG**

MENURUT catatan Jabatan Penerangan UMNO Malaysia seperti yang diakui oleh Haji Hassan Che Soh bahawa saya telah mewakili UMNO berentap di hadapan ribuan para siswa lebih seratus kali.

Penyata Perhimpunan Agung UMNO Tahun 1986/87 telah melaporkan hal-hal berikut:

*Jabatan Penerangan UMNO Malaysia sentiasa saja menerima undangan daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang meminta UMNO turut*

*mengambil bahagian di dalam forum-forum yang disertai sama oleh parti-parti politik di Malaysia.*

*Siapa jua yang hadir sebagai wakil UMNO ke forum-forum tersebut terpaksa bertikam lidah untuk mempertahankan imej parti dan kerajaan dengan para pemimpin parti pembangkang, golongan pengkritik kerajaan dan para pensyarah pusat-pusat pengajian tinggi di hadapan ribuan siswa.*

*Ini satu tugas terpenting Jabatan Penerangan UMNO Malaysia di dalam melayani para penduduk kampus yang menjadi sasaran terpenting pihak-pihak yang cuba mempengaruhi ribuan tenaga muda yang biasanya lebih ghairah di dalam meransangkan apa jua tindakan dan gagasan anti-establishment.*

*Walaupun UMNO mempunyai ramai tokoh berkebolehan tetapi oleh kerana masing-masing sibuk dengan tugas-tugas tertentu maka dengan sendirinya mereka tidak dapat mewakili UMNO dalam semua forum yang dianjurkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi tersebut.*

*Namun begitu Jabatan Penerangan UMNO bernasib baik kerana mempunyai seorang ahli panel yang tidak ada masalah untuk mewakili ibu pejabat UMNO.*

*Beliau ialah Tuan Haji Ikhwan Nasir yang mempunyai pengalaman luas sebagai Setpol Tun Dr Ismail, diplomat Malaysia di Kanada dan Bangsa-bangsa Bersatu, di New York, ahli parlimen, ahli EXCO Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua UMNO Bahagian.*

*Setiap kali ibu pejabat UMNO Malaysia menghubungi beliau, beliau sentiasa saja bersedia untuk mewakili UMNO.*

*Dalam menjayakan tugas berat ini, saya biasa saja berdebat dengan Allahyarham Datuk Asri, Fadzil Noor, Haji Abd Hadi Awang, Mustafa Ali, Bakar Chik, Muhammad Sabu, Daing Sanusi, Ustaz Nakhaie dan tokoh-tokoh PAS lainnya.*

*Saya juga biasa bertikam lidah dengan tokoh-tokoh DAP seperti Dr Chin Man Hin, Lim Kit Siang, Karpal Singh, Tan Seng Giaw, P. Patto dan sebagainya. Dari pemimpin S46 pula termasuk Ibrahim Ali dan Sabry Chik.*

*Sudah tentulah pula dengan Allahyarham Dato' Ahmad Bustamam, Dr Syed Hussin Ali, Dr Sanusi Othman dan Abd Razak Ahmad dari PRM.*

*Para pemimpin ABIM yang sebelum Anwar memasuki UMNO terdiri daripada Anwar Ibrahim sendiri, Fuad Hassan, Kamaruddin Mohd Noor, Kamarudin Jaafar, Syed Othman Ali, Dr Mohd Noor Maruty dan ramai lagi tokoh Abim yang dengan celupar menghina UMNO ketika itu.*

Saya juga telah berdepan dengan para pemimpin NGO seperti Chandra Muzaffar, Zainal Rampak, Lee Lam Thye, Haji H.M. Idris, Prof Hamdan Adnan dan sebagainya.

Dari kalangan tokoh-tokoh universiti pula termasuklah Prof Diraja Ungku Abd Aziz, Jomo K. Sundram, Muhammad Abu Bakar, Zainal Kling, Zainal Abidin Abd Wahid dan banyak lagi nama yang lain.

Pengalaman saya menghadapi ribuan siswa tersebut amatlah menarik.

Pada satu ketika, di satu forum di UTM, saya menghadapi Lim Kit Siang dan Haji Abd Hadi Awang serentak. Tidak kurang 5,000 pelajar memenuhi dewan dan membanjiri luar dewan.

Adalah menjadi kebiasaan pengerusi forum mempersilakan wakil UMNO/BN memulakan ucapannya. Kemudian diikuti dengan ahli panel lain yang akan membuat serangan demi serangan.

Bila saya bangun dan hendak memberikan ucapan, dewan menjadi gegak gempita dengan laungan Allahu Akbar oleh ribuan pelajar hinggakkan saya tidak dapat memulakan ucapan saya.

Saya lantas turun dari pentas kerana mendapati tidak ada gunanya mengambil bahagian kerana jeritan Allahu Akbar itu sebagai isyarat untuk menghalang saya daripada memulakan ucapan saya.

Melihatkan saya turun dari pentas, pengerusi forum yang kebetulan seorang pemimpin mahasiswa lantas mengingatkan para hadirin bahawa beliau tidak akan meneruskan majlis forum itu kiranya ribuan siswa tidak berhenti daripada bersorak-sorak dengan kalimah Allahu Akbar.

Setelah tenang semula, saya diminta naik semula ke pentas untuk berucap sebagai ahli panel yang pertama berucap.

Saya lantas memberitahu para hadirin bahawa di zaman Rasulullah saw dan Khulafaurrasyidin, pekekkan Allahu Akbar digunakan ketika menyerang orang kafir Musyrikin tetapi di UTM ini, laungan Allahu Akbar dipergunakan untuk menyorak tetamu yang dijemput oleh para siswa bagi menghuraikan isu-isu yang tidak dapat dijelaskana oleh para pensyarah mereka.

Sudah pastilah saya hampir lupa berapa puluh kali terpaksa pergi ke UKM, UM, UPM, UTM, USM, ITM dan sebagainya untuk mewakili UMNO, parti politik yang pasti akan saya pertahankan untuk berkuasa mentadbir Malaysia dengan jayanya.

Cuma yang menjadi kenangan ialah ratusan cenderahati yang mempunyai pelbagai bentuk simbol dan tulisan sebagai tanda

kehadiran saya mewakili parti UMNO yang sangat saya sanjung perjuangannya.

Ramai bekas para pemimpin siswa yang bertemu dengan saya waktu kebelakangan ini menyatakan penghargaan dan sanjungan kerana menurut mereka, sekurang-kurangnya ada juga seorang dua tokoh UMNO seperti saya yang berupaya menghadapi ribuan siswa menghuraikan isu-isu untuk mempertahankan UMNO dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat di pusat-pusat pengajian tinggi.

Ada di kalangan mereka yang mempunyai kedudukan tinggi tetapi tidak berani untuk mendidik dan menenangkan adik-adik mereka yang sedang memperlihatkan darah panas masing-masing kini.

## ALLAHU AKBAR

Saya seterusnya memberitahu ribuan siswa yang hadir di forum di UTM itu bahawa saya merasa terhina dan begitu terharu kerana pekikan Allahu Akbar telah dipergunakan sesuka hati tanpa mengikut ajaran agama Islam dari wahyu yang diterima oleh Rasulullah saw.

Setelah itu suasana agak tenteram dan saya telah dapat mengeluarkan hujah-hujah menentang apa jua yang ditimbulkan oleh wakil DAP dan PAS itu dengan penuh yakin.

Datuk Hishamuddin pada mulanya saya lihat agak kekok dan begitu berhati-hati untuk dapat menyesuaikan diri menjalankan tugas sebagai Pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaysia mengambilalih jawatan yang dikosongkan oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Sebagai seorang yang mempunyai pengalaman bertugas lebih 10 tahun sebagai ahli EXCO Pemuda UMNO Malaysia, saya dapat menyaksikan siapa Hishammuddin pada waktu itu.

Tetapi dari hari ke hari beliau kelihatan semakin matang dan tegas dalam membuat kenyataan demi kenyataan yang mesti beliau huraikan dalam rangka perjuangan Pemuda UMNO Malaysia yang sedang terumbang ambing dan memerlukan kepimpinan beliau yang efisien dan boleh dipertanggung jawabkan.

Saya tidak pernah merasa serik atau jemu untuk melatih dan membantu siapa jua pemimpin Pemuda UMNO Malaysia asal saja ia di dalam agenda memperkuatkan UMNO keseluruhannya.

Walaupun saya menentang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menyokong Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin di dalam pemilihan Ketua



Pemuda UMNO pada tahun 1982 dan pernah menuduh beliau bertindak seperti *memijak bendera UMNO* sebelumnya tetapi saya tetap memberikan sokongan kepada kepimpinan Pemuda UMNO setelah pesidangan perwakilan membuat keputusan memilih Anwar.

Datuk Hishammuddin boleh menoleh kebelakang melihat sejarah kepimpinan Ketua Pemuda UMNO yang terdahulu termasuk Allahyarham ayahanda beliau sendiri.

Beliau sudah pasti akan terserempak dengan segala kelemahan dan kekuatan tokoh-tokoh pemuda UMNO sebelum ini yang telah banyak menempa sejarah.

Saya suka mencadangkan supaya sejarah perjuangan UMNO mestilah menjadi agenda terpenting kepada penyemarakan patriotisme generasi muda UMNO menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

Sekurang-kurangnya, penghinaan penjajahan yang dilalui oleh bangsa kita yang papa kedana dan tidak tahu *membuat sebatang jarum pun ketika itu* akan mendorong kita semua mempertahankan apa jua yang telah kita punyai sejak negara mencapai kemerdekaan.

Pergerakan Pemuda UMNO mestilah mencari jalan selaras dengan tekanan zaman baru yang sedang membawa kita kepada zaman teknologi maklumat dan globalisasi.

Sebagai seorang yang pernah terlibat secara langsung dalam perjuangan tiga dekad sejak peristiwa 13 Mei, 1969, saya melihat dengan positif akan keupayaan UMNO yang telah mendapat kurniaan dan perlindungan dari Allah SWT untuk melindungi bangsa Melayu.

Saya akan tetap mempergunakan sinonim Melayu dengan Islam dalam rangka perjuangan saya.

Saya telah ditanya oleh ramai orang asing dan para diplomat, apakah yang telah menyebabkan orang Melayu mencapai kejayaan yang luar biasa di Malaysia sedangkan penduduk Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan agama.

Saya menjawab mudah, " Saya yakin kerana Melayu itu 100 peratus Islam. Sesiapa yang bukan Islam maka dia bukan Melayu. Allah SWT telah mengurniakan segala kehebatan, kekuatan dan kebijaksanaan untuk Malaysia terus maju hidup di bawah langit dunia kepunyaan Allah SWT ini."

" Bangsa lain, seperti Indonesia, Mesir, Labnon, Turki, India, Pakistan, Jordan, Bangladesh dan Syria agak ketara orang bukan Islam di kalangan rakyat tetapi orang Melayu tetap 100 peratus Islam.

" Kita bersyukur akan semua nikmat dan kurniaan Allah SWT yang melimpah ruah untuk kebahagiaan umat Melayu dan bangsa Malaysia. Marilah kita berikrar untuk mempertahankan kemuliaan anugerah dari Allah SWT ini."

## **4B, MAYC & GPMS**

Angkatan Belia Islam (ABIM) telah menyokong pembentukan Parti keADILan Nasional sebagai sebuah lagi pertubuhan politik yang akan menentang kerajaan BN di dalam aktiviti untuk mempengaruhi rakyat terutama di dalam pilihanraya kebangsaan yang akan datang.

Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail selaku Presiden ADIL sudah pun ditentukan akan bertanding untuk menentang Datuk Seri Dr Mahathir di kapal Kubang Pasu.

Walaupun ramai daripada tokoh-tokoh ABIM masih lagi menjadi ahli UMNO tetapi aktiviti sebahagian besar daripada mereka sejak peristiwa Anwar Ibrahim dipecat dari UMNO memperlihatkan tindak tanduk mereka yang bertentangan dari aspirasi UMNO itu sendiri yang akan mempertahankan UMNO dan kepimpinannya.

ABIM telah dilihat sebagai organisasi golongan muda yang berpengaruh, banyak wang dengan pelbagai perniagaan yang lumayan.

Sepanjang perkhidmatan Anwar sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa di dalam kerajaan, ABIM dikatakan tidak begitu sukar untuk mendapat bantuan kewangan bagi membiayai aktiviti.

Datuk Wira Ali Rostam, Tan Sri Sanusi Junid dan Datuk Suhaimi Ibrahim yang masing-masing memimpin 4B, MAYC dan GPMS sedang menerima cabaran terbuka untuk menyaingi aktiviti ABIM yang kini sudah mula memperkecil-kecilkan UMNO.

Pengaruh 4B dan kekesanan kepimpinannya sejak diterajui oleh Datuk Wira Ali Rustam begitu memberansangkan.

Sebelum itu, selama lebih tiga tahun, 4B mengalami zaman teruknya hinggalah pendaftarannya hampir-hampir dibatalkan akibat pertarungan yang berterusan di kalangan para pemimpinnya.

Khabarnya, aktiviti ekonomi dan pendidikan yang melibatkan gerakan 4B amat memberansangkan yang boleh dinikmati dengan pelbagai kemudahan di kalangan ahli-ahlinya.

Beliau yang telah diberikan kepercayaan menjadi Presiden Belia Sedunia adalah orang Asia pertama pernah diberikan peranan

antarabangsa tersebut.

Sudah tentu nama Malaysia ikut melonjak di kalangan gerakan belia antarabangsa bila Datuk Ali menguruskan badan belia dunia itu.

Sanusi Junid dengan Syed Abd Hamid Albar mestilah tidak menjadikan MAYC pasif di dalam mempertahankan kepimpinan UMNO sekiranya di serang oleh ABIM.

Demikian pula dengan kepimpinan Datuk Suhaimi Ibrahim yang sedang terkial-kial menerajui GPMS. Amatlah malang, kelemahan aktiviti GPMS adalah akibat dari kekeringan tabung kewangannya.

Banyak agenda GPMS seperti mengadakan kelas-kelas bimbingan di setiap daerah telah terhenti akibat ketiadaan wang untuk membiayainya.

Kenyataan Suhaimi yang berterus terang mengenai ketiadaan wang itu sepatutnya disambut oleh golongan korporat dengan cara yang positif. GPMS mestilah diberikan bantuan dengan segera.

Berapa banyakkah wang yang diperlukan oleh GPMS untuk membiayai kelas-kelas bimbingan tersebut?

Suhaimi boleh membuat satu rancangan bersepadu dan mengemukakan kepada perbadanan kemajuan ekonomi negeri-negeri supaya menyumbangkan sedikit dari keuntungan mereka demi kemajuan pendidikan anak-anak Melayu.

Demikian pula sumbangan dari pelbagai yayasan dan golongan korporat yang boleh diminta untuk turut membantu aktiviti GPMS.

Saya amat kenal akan kepimpinan Datuk Wira Ali Rustam, Sanusi Junid dan Suhaimi Ibrahim sekian lama dan saya yakin mereka tidak akan membiarkan diri daripada terus menggilap kecemerlangan UMNO di kalangan generasi muda tanahair kita.

Pemuda UMNO mestilah mengambil inisiatif untuk berganding bahu dengan organisasi belia ini di dalam mempertahankan UMNO sebagai tonggak Melayu dan Melayu pula sebagai tonggak negara.

Datuk Hishammuddin juga mengumumkan tokoh-tokoh baru di dalam Perhubungan Pemuda UMNO di peringkat negeri-negeri sebagai berikut:

● **PERLIS**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiusaha  
Bendahari

Sdra Zahidi Zainal Abidin  
Sdra Ismail Kassim  
Sdra Jamil Saad  
Sdra Asri Mat Isa

● **KEDAH**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

Sdra Abdul Halim Said  
Sdra Abd Wahab Din  
Sdra YB Abd Lateh Mat Saman  
Sdra Aziz Sheikh Fadzir  
Sdra Azimi Daim

● **KELANTAN**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

Sdra Zahari Kechik  
Sdra Jazlan Haji Yaakub  
Sdra Dali Husin  
Sdra Kamaruddin Nik Omar  
Sdra Abdul Aziz Awang

● **TERENGGANU**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

YB Sdra Abdul Rahin Mohd Said  
YB Sdra Dr Ramli Taib  
Sdra Din Adam  
Sdra Mohd Shafian Ali  
Dato' Wan Farid Wan Salleh

● **PULAU PINANG**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

Sdra Mohd Ismail Mohd Othman  
Sdra Roslan Saidin  
Sdra Sdra Nor Azman Othman  
Sdra Liakat Ali Mohamed Ali  
Sdra Raja Munir Shah Raja  
Mustapha

● **PERAK**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

YB Jamal Nasir Rasdi  
Syed Abu Husin Abd Fasal  
Sdra Nasir Ismail  
Haji Mohd Daud Mohd Yusof  
Sdra Ton Zailani Hj Mat Darus

● **PAHANG**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

Sdra Mohd Mustafa Khalid  
YB Abd Fatah Abdullah  
Sdra Abd Mahat Atan  
Sdra Abd Aziz Mat Kiram  
Sdra Mohd Sharkar Shamsudin

● **SELANGOR**

Ketua Pemuda  
Naib Ketua  
Setiausaha  
Bendahari  
Ketua Penerangan

Sdra Jaya Kusuma Haji Rusman  
Raden Mokhtar Haji Mohd Yusof  
Dr Karim Mansor  
Sdra Sulaiman Karli  
Sdra Kasman Mahful

● **WILAYAH PERSEKUTUAN**

Ketua Pemuda	Sdra Abd Azim Mohd Zabidi
Naib Ketua	Sdra Ramlan Askolani
Setiausaha	Sdra Fauzi Zahari
Bendahari	Sdra Abd Hadi Md Zam
Ketua Penerangan	Sdra Yahya Mat Ghani

● **NEGERI SEMBILAN**

Ketua Pemuda	Sdra Shahrul Akram Othman
Naib Ketua	Sdra Shaziman Abu Mansur
Setiausaha	Sdra Othman Muhammad
Bendahari	Sdra Hashim Rusdi
Ketua Penerangan	Haji Ismail Lasim

● **MELAKA**

Ketua Pemuda	Sdra Nazari Adzam
Naib Ketua	Sdra Jamaluddin Jonit
Setiausaha	Sdra Abidullah Salleh
Bendahari	Sdra Fatanah Dato' Ahmad
Ketua Penerangan	Sdra Hasnol Sidang Husin

● **JOHOR**

Ketua Pemuda	Dr Nasrah Salim
Naib Ketua	Sdra Jemangi Rekijan
Setiausaha	Dr Adham Baba
Bendahari	Sdra Ayob Haji Jamil
Ketua Penerangan	Sdra Jamil Amin

● **SABAH**

Ketua Pemuda	Juhari Haji Janan
Naib Ketua	Sdra Rimin Maidin
Setiausaha	Sdra Ramlee Marhaban
Bendahari	Tuan Haji Marshum Haji Abu Ali
Ketua Penerangan	Sdra Aliasgar Basri

**YAYASAN GERAK BAKTI**

Hasni Mohamad, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pontian dan bekas Ketua Pemuda UMNO negeri Johor telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Yayasan Gerak Bakti. Beliau juga telah dilantik menjadi seorang Ahli EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Yayasan Gerak Bakti adalah badan korporat yang dimiliki oleh Pemuda UMNO Malaysia dengan pelbagai projek dalam sektor hartanah dan pemilikan saham yang digunakan untuk membiayai pelbagai projek penghapusan kemiskinan, memajukan pendidikan dan sebagainya.

## **EMPAT PENGERUSI UMNO NEGERI YANG BARU**

Tiga tokoh telah dilantik oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri terdiri daripada YAB-YAB Datuk Dr. Abu Hassan Omar, Tan Sri Sanusi Junid dan Datuk Seri Abu Zahar Isnin untuk mengetuai pentadbiran negeri masing-masing.

Tetapi tokoh keempat yang dilantik oleh Presiden UMNO ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Luar untuk menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengambil semula tugas menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang mulai 6 November lalu.

Jawatan Datuk Abdullah telah diberikan kepada Datuk Seri Anwar pada tahun 1982 bila Datuk Seri Dr Mahathir mula meletakkan kepercayaan kepada Anwar untuk mengendalikan kepimpinan UMNO Pulau Pinang dalam agenda menjadikan dia pemimpin negara.

Ketiga mereka yang dilantik menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri bukan berikutan dari hasil kemenangan BN di dalam pilihanraya kebangsaan tetapi akibat pelbagai kes yang menjadikan mereka diberikan kepercayaan oleh Dr Mahathir mengetuai pentadbiran kerajaan negeri masing-masing.

Datuk Dr. Abu Hassan berjaya memenangi pilihanraya kecil di kadun Permatang setelah Tan Sri Muhammad Muhd Taib meletakkan jawatan Menteri Besar akibat terlibat dengan satu kes tidak mengumumkan wang yang dibawanya ketika pulang dari kunjungan ke Australia.

Datuk Dr. Abu Hassan telah mencatatkan sejarah kemenangan dengan majoriti 7,800 undi berbeza dengan ramalan awal tentang kemenangannya cuma 2,000 undi berdasarkan kepada beberapa pilihanraya kecil yang lain di seluruh negara termasuk pilihanraya kecil kawasan parlimen yang UMNO/BN tewas teruk dengan

kehilangan 16.884 undi jika dibandingkan dengan kejayaan UMNO/BN di dalam pilihanraya kebangsaan 1995 di Teluk Intan, Perak.

Tan Sri Sanusi dan Datuk Dr Abu Hassan adalah dua tokoh yang telah mempunyai pengalaman yang luas sebagai menteri-menteri di peringkat persekutuan.

Mereka telah bertugas di pelbagai kementerian dan dianggap sebagai para menteri yang telah berjaya menjalankan tugas cemerlang di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Seri Dr Mahathir sendiri mahukan mereka berkhidmat di peringkat negeri untuk membolehkan mereka mengendalikan pentadbiran kerajaan negeri masing-masing berasaskan kepada pengalaman yang mereka punyai di peringkat Persekutuan.

Datuk Abu Zahar pula mempunyai latar belakang sebagai pemimpin peringkat negeri yang amat berpengalaman kerana pernah diberikan tugas sebagai ahli EXCO Kerajaan Negeri dan kemudiannya sebagai speaker Dewan Undangan Negeri Melaka.

Datuk Sanusi umpamanya telah merombak barisan EXCONya untuk kali ketiganya pada 2 Ogos lalu dengan hasrat untuk memastikan semua ahli EXCONya bekerja penuh dedikasi dengan memastikan tugas masing-masing sentiasa melebihi gaji dan menganggap ia sebagai amanah rakyat untuk membawa kemajuan.

Jika Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet berusaha gigih diperingkat kerajaan Persekutuan untuk membawa kemajuan kepada Malaysia, EXCO Kedah juga harus berusaha seumpama itu bagi memastikan Kedah terus membangun dengan ekonomi yang berteraskan perindustrian.

Tan Sri Sanusi berkata, jika pemimpin berkenaan yang diberikan tanggungjawab memajukan negeri gagal berusaha gigih, tidak mungkin ada pihak lain yang mampu melaksanakannya.

"Mesej saya kepada mereka ialah kita kena kerja kuat..... kalau bukan kita yang mesti kerja kuat, siapa lagi?"

"Kalau Datuk Seri Mahathir dan menteri-menteri kabinet bekerja kuat di peringkat Persekutuan, kita EXCO Kerajaan Negeri mesti bekerja kuat juga.

"Buat kerja mesti melebihi gaji bukan gaji melebihi kerja," tegas beliau.

Beliau barangkali merasakan bahawa ada khabar berita yang mendakwa ahli-ahli EXCO di peringkat negeri yang begitu menonjol tidak membuat kerja yang sewajarnya untuk kerajaan negeri dan

untuk parti pemerintah di peringkat negeri.

Barangkali beliau telah diberitahu adanya berita-berita yang menyatakan ahli EXCO cuma datang tiga empat hari ke pejabat dan pejabat mereka pula ada yang seperti pusat tempat pertemuan di kalangan kontraktor dan ahli-ahli perniagaan saja.

Ada di kalangan mereka yang telah menghabiskan masa untuk menguruskan perniagaan masing-masing menggunakan pejabat kerajaan.

Beberapa cerita juga terdengar dari beberapa buah negeri bagaimana adanya ahli-ahli EXCO yang lebih lama berada di luar daripada negeri masing-masing seperti sentiasa berada di Kuala Lumpur dan meninggalkan tugas dengan alasan banyak urusan politik.

Ada juga negeri yang seperti tidak terkawal akan perangai dan tingkah laku ahli-ahli yang berhormat yang meanggotai jawatan pentadbiran negeri masing-masing.

Ada juga Menteri Besar atau Ketua Menteri yang seperti sudah tidak dapat mengawal akan kewajaran ahli-ahli EXCONya bekerja keras untuk kepentingan rakyat.

Sebab itulah ada negeri-negeri yang dulunya menjadi kubu UMNO/BN tiba-tiba sahaja menghadapi hakisan kepercayaan rakyat dengan teruknya bila berlakunya pilihanraya kecil.

Negeri-negeri yang kelihatan ahli-ahli EXCONya bekerja kuat dan sentiasa mendampingi rakyat di bawah kepimpinan Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing walaupun menghadapi pelbagai tekanan tetapi berupaya bertahan dalam sebarang kegawatan.

Itulah sebabnya Tan Sri Sanusi mahukan semua ahli EXCO negeri Kedah yang dilantik atau dikekalkan portpolio masing-masing mestilah bekerja keras seperti para menteri dan para pemimpin kerajaan Persekutuan.

Mereka mestilah bekerja lebih daripada gaji dan dari semua kemudahan yang mereka terima untuk meneruskan penghargaan rakyat supaya kekal subur di bawah kepimpinan UMNO/BN.

Apa lagi bila dikira pencen maksima yang mereka terima bila mereka bersara setelah berkhidmat selama enam tahun.

Kalau ada para Menteri Besar atau Ketua Menteri yang tidak menyentuh kedudukan ahli-ahli EXCONya begitu lama maka sudah tentu dapat ditafsirkan, sama ada ahli-ahli EXCO itu memang telah menunjukkan kerja yang hebat atau pun sebaliknya, memang apa yang ahli EXCO itu buat tidak pun diketahui oleh bos mereka di



setiap negeri secara terperinci..

Itulah sebabnya ada ahli EXCO yang kekal dengan portpolionya tanpa bertukar-tukar sampai tiga empat penggal menjadi adun.

Atau ada yang memegang portpolio yang sama sejak seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri itu dilantik ke jawatan pentadbiran nombor satu di negeri masing-masing.

Kalau ditanya apakah yang dibuat dan kejayaan yang begitu hebat oleh ahli EXCO yang tersebut, ada para Menteri Besar atau Ketua Menteri yang sukar dapat menghuraikannya.

Para menteri yang pernah berkhidmat di perengkat Persekutuan terutama di bawah kepimpin Datuk Seri Dr Mahathir tentu tahu akan apa yang di hasratkan oleh Perdana Menteri di dalam memimpin Malaysia.

Teknik dan aspirasi Dr Mahathir sudah tentu sentiasa di teliti oleh para menterinya dan sudah tentu pengalaman bekerja di bawah Dr Mahathir akan dipergunakan sebaik-baiknya di perengkat negeri pula.

Barangkali juga Sanusi Junid, Abu Hassan Omar, Ghani Othman, Osu Sukam, Khalil Yaacob dan Taib Mahmud merupakan para pentadbir negeri nombor satu yang mempunyai keupayaan mempertahankan bidang pentadbiran dan politik di perengkat negeri dengan jayanya di negeri masing-masing.

Mungkin juga ini adalah satu cara yang sudah pun diperkenalkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir di dalam membuat perlantikan terhadap para Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sejak beberapa pilihanraya kebangsaan yang lalu.

Tan Sri Sanusi telah membuat pelbagai perubahan bukan saja di dalam pentadbiran negeri, pembangunan negeri malahan di dalam urusan politik UMNO di Negeri Kedah sendiri.

Atmosfera ini dirasakan di mana-mana di Negeri Kedah kini. Orang dari luar Kedah pun merasakan apa yang orang Kedah sendiri rasakan kini.

## **BUKAN MUDAH**

Pada mulanya bukan mudah dirasakan oleh rakyat Selangor sendiri untuk membolehkan Datuk Dr Haji Abu Hassan Omar dapat menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib menguruskan kepimpinan kerajaan dan parti pemerintah di peringkat negeri.

Tetapi sebagai seorang tokoh yang telah mempunyai pengalaman

luas di peringkat Persekutuan beliau terbukti berjaya melaksanakan tugasnya dengan cemerlang.

Dalam jangka waktu yang pendek, Datuk Dr Abu Hassan dengan sokongan para pemimpin politik dan pegawai-pegawai awam berupaya mengukuhkan arah tuju semua agenda untuk menjadikan Selangor negeri maju dalam tahun 2005.

Agenda ini termasuk menekankan pembangunan seimbang antara wilayah, pengwujudan kelas menengah Melayu dan paling penting ialah meningkatkan penghayatan Islam.

Beliau berazam untuk melicinkan pelaksanaan pentadbiran untuk mencapai taraf *world class* melalui pelaksanaan ISO 9000.

Dr Abu Hassan menegaskan bahawa negeri Selangor sangat bertuah kerana ia menjadi tapak kepada kebanyakan projek inovatif di Malaysia namun katanya, kita tidak akan memandangkan rangan akan keadaan ini.

Kita akan berusaha untuk menjadikan visi kita satu realiti dan merancang masa depan yang berteknologi tinggi. Kita juga sedang berusaha untuk menyesuaikan aspirasi kita supaya ia dapat memberikan cara hidup yang sihat dan memuaskan disamping mengambil kira nilai-nilai budaya dan tradisi.

Kita tidak akan lupa pada sumbangan industri-industri seperti perikanan dan pertanian. Tanjung Karang merupakan salah satu daripada kawasan tanaman padi utama di Malaysia.

Infrastruktur utama negeri Selangor termasuk:

- Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang futuristik dan telah dirancang untuk memenuhi keperluan lalulintas penerbangan melangkaui ke abad ke-21.
- Pelabuhan Kelang yang semakin pesat berkembang dan telah dirancang untuk mengendalikan kapal-kapal kargo yang terbesar.
- Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berwawasan yang kini menjadikan Malaysia negara yang menerajui pembangunan dan penggunaan teknologi elektronik era angkasa, di dunia.

Di dalam program yang dirangka dengan teliti, bandar-bandar satelit dan pusat-pusat penghasilan yang berkaitan untuk industri kecil, sederhana dan besar sudah pun beroperasi atau pun sedang dibina di serata negeri Selangor.

Kesemuanya mengandungi infrastruktur yang canggih seperti sistem komunikasi bertaraf dunia, dan laluan mudah ke sebuah sistem lebih raya yang menyeluruh dan saling berhubung.

Kebanyakan institusi pengajian tinggi yang utama di Malaysia juga bertempat di Selangor.

Matlamat kita adalah untuk mengambil peluang dari keadaan ini secara bijak dan berkesan agar seluruh rakyat Malaysia akhirnya dan rakyat Selangor khususnya akan mendapat manfaat daripadanya.

Datuk Abu Hassan juga menyebutkan bahwa kepimpinannya sedang hebat memperjuangkan **Tonggak 10** yang menjadi asas kepada pentadbiran baru Selangor yang sedang diterajunya kini.

## KEBERANIAN KM

DATUK Seri Abu Zahar Isnin telah membuktikan keberanian dengan berterus terang menyelar sesetengah ahli Pergerakan Pemuda UMNO yang menyertai program-program anjuran Pergerakan itu semata-mata untuk mendapatkan imbuhan.

Selaran Ketua Menteri Melaka itu mendapat reaksi yang memberansangkan bila Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Hishamuddin Tun Hussein memberi amaran bahawa ahli-ahli pemuda UMNO mungkin akan dipinggirkan kiranya mereka mengharapkan imbuhan di dalam perjuangan parti.

Tiga orang Ketua Pemuda UMNO negeri serentak menyokong amaran Datuk Hishamuddin itu. Mereka ialah Zahidi Zainal Abidin dari Perlis, Jamal Nasir Rasdi dari Perak dan Abd Rahin Datuk Mohd Said dari Terengganu.

Datuk Abu Zahar berkata, disebabkan tujuan mereka telah menyimpang sejak dari awal lagi, objektif program yang dianjurkan oleh pergerakan itu tidak dapat dicapai dengan baik.

"Sepatutnya setiap ahli pergerakan itu memahami dan menghayati objektif dan matlamat sesuatu program yang disertai oleh mereka supaya dapat mengenal pasti hala tujuan perjuangan UMNO," katanya.

Menurutnya, setiap orang yang menyertai UMNO seharusnya faham mengenai perjuangan UMNO semasa penubuhannya pada tahun 1946 yakni menyatu padukan orang Melayu.

Beliau yang juga Pengerusi UMNO Negeri Melaka berkata, semangat dan idealisme itu penting bagi membolehkan orang Melayu di seluruh negara bersatu padu.

"Pengukuhan perpaduan di kalangan umat Melayu itu amat penting supaya kita dapat mempertahankan diri daripada orang-orang yang cuba memperkotak-katikkan kepimpinan UMNO," tegas beliau.

Sejajar dengan itu, beliau meminta pergerakan itu sentiasa sensitif terhadap perkembangan negara supaya setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling dapat diketahui dengan segera dan ditangani dengan bijaksana.

Datuk Seri Abu Zahar bukanlah tokoh yang baru menceburi politik tetapi beliau adalah tokoh yang mempunyai keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh politik terkemuka di negeri Melaka.

Abang beliau Allahyarham Haji Ahmad Isnin adalah bekas ahli parlimen kawasan Jasin dan bapa saudara beliau, Tan Sri Abd Aziz Tapa yang pernah menjadi ahli EXCO dan speaker Dewan Undangan Negeri Melaka.

Bapa mertua beliau, Allahyarham Md Jeddi Abdullah adalah bekas adun Rim, Jasin.

Sementara isteri beliau, Datin Seri Khadijah kini Ketua Penerangan Wanita UMNO Bahagian Jasin.

Darah politik yang subur di kalangan keluarga dan saudara mara beliau menjadikan Datuk Seri Abu Zahar amat serius menjalankan tugas barunya sebagai Ketua Menteri Melaka mulai 23 Mei, 1997 setelah Datuk Mohd Zain Abd Ghani meninggal dunia.

Sebagai Ketua UMNO bahagian Jasin, Datuk Abu Zahar juga berpeluang mendapat bimbingan daripada Tun Abd Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri yang hingga kini masih terus menjadi ahli Parlimen kapar Jasin.

Di bawah kepimpinan Datuk Seri Abu Zahar, negeri Melaka tidak menghadapi apa-apa masalah pun untuk terus membangun dalam rangka perjuangan untuk menjadi sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2010.

Melaka nampaknya bernasib baik kerana Ketua Menteri mereka kini tahu memenuhi pelbagai keperluan semasa yang mendesak.

Kepimpinannya pasti akan mendapat sokongan hebat dari rakyat bila tiba tarikh pilihanraya sedangkan jentera BN lancar di bawah arahnya.

## **KESAN DARI AKTIVITI EXCO**

Kiranya semua ahli-ahli EXCO kerajaan-kerajaan negeri diberikan jadual kerja yang sistematik seperti mereka disarankan mengadakan perjumpaan dengan orang ramai hanya sekali di dalam seminggu maka ahli-ahli EXCO tersebut pasti menyumbangkan perkhidmatan

yang hebat di kalangan rakyat.

Biasanya ahli-ahli EXCO mempunyai portfolio yang tertentu dengan berbagai jabatan di dalamnya untuk diketuai oleh mereka.

Ada jabatan-jabatan kerajaan yang ditentukan terletak di bawah penyeliaan masing-masing dan sebagainya.

Cuba bayangkan kiranya sebuah negeri itu mempunyai 9 kawasan parlimen maka setiap minggu pertemuan diantara seorang dari 9 ahli EXCO dengan rakyat akan berlangsung di satu kawasan parlimen.

Katakanlah 9 ahli EXCO mengadakan satu perjumpaan setiap minggu maka jumlah perjumpaan dengan rakyat ialah 9 ahli EXCO x 4 minggu menjadi 36 kali perjumpaan bagi setiap bulan. Seandainya satu perjumpaan di hadiri oleh 200 orang maka jumlah rakyat yang ditemui oleh 9 ahli EXCO itu ialah  $1,800 \times 4$  minggu menjadi 7,200 rakyat dapat ditemu pada setiap bulan.

Dalam setahun jumlah yang ditemui meningkat 86,400 orang.

Jumlah ini bila dicampur dengan pertemuan 500 orang dalam seminggu di dalam perjumpaan yang dihadiri oleh YAB Menteri Besar atau Ketua Menteri maka jumlahnya:  $500 \text{ orang} \times 4 \text{ minggu} \times 12 \text{ bulan} = 24,000 \text{ orang}$  yang ditemui oleh YAB.

Yang demikian 86,400 orang yang ditemui oleh ahli-ahli EXCO dicampur dengan 24,000 yang ditemui oleh YAB maka jumlahnya 110,400 orang.

Kiranya di dalam setahun, para pemimpin negeri seperti Menteri Besar/ Ketua Menteri bersama-sama dengan 9 ahli EXCO menemui 110,400 orang maka jumlah tersebut amatlah berkesan daripada sokongan orang ramai.

Kalau sekiranya jumlah itu diambil kira selama empat tahun di antara satu pilihanraya kebangsaan dengan satu pilihanraya kebangsaan maka jumlahnya yang ditemui oleh para pemimpin perengkat negeri meningkat dari  $110,400 \times 4$  tahun kepada 441,600 orang.

Tidak ramaikah jumlah 441,600 orang rakyat yang menerima kekesanan dari dialog bersemuka di antara para pemimpin kerajaan negeri dengan rakyat?

Jumlah ini tidak termasuk pertemuan yang dianjurkan oleh para pemimpin daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Bolehkah YAB-YAB Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri memberikan tugas kepada ahli-ahli EXCO mereka akan apa yang saya cadangkan ini demi hubungan rakyat dengan para pemimpin di peringkat negeri.

Di dalam pelbagai perjumpaan itu, ahli-ahli EXCO tersebut boleh membawa sama para pegawai yang bertanggungjawab dengan portfolio masing-masing supaya dapat memahami rakyat atau bolehlah pula dipergunakan perjumpaan ini kiranya ada apa-apa bantuan yang hendak disampaikan untuk rakyat tersebut.

Laporan agenda tugas ahli-ahli EXCO ini boleh diserahkan secara bertulis kepada YAB-YAB untuk dimasukkan ke dalam rekod pencapaian kerja masing-masing.

Laporan tersebut juga boleh pula dihantar ke Jabatan Perdana Menteri dan Ibu Pejabat UMNO Malaysia supaya dapat dipastikan kekesan aktiviti menemui rakyat oleh para pemimpin tersebut.

Cubalah kita andaikan kiranya satu kawasan parlimen ada seramai 40,000 pengundi maka jumlah pengundi yang mesti didekati untuk 9 kawasan parliem ialah 360,000 orang.

Cuba kita bandingkan dengan jumlah 441,000 orang yang ditemui sepanjang 4 tahun untuk 9 kawasan maka tentulah jumlah pengundi yang ditemui menjadi lebih sedikit.

Tak kuatkah parti kita kalau ini dapat dipraktikkan? Jumlah pengundi ialah 360,000 tetapi kita telah berjaya menemui 441,000 pengundi untuk 9 kawasan parlimen atau 49,000 orang telah kita temui di satu kawasan parlimen yang mempunyai 40,000 pengundi.

Kita memerlukan 50,001 peratus undi untuk menang, apakah kita tidak berjaya menawan hati 21,000 pengundi dari 49,000 orang kita temui untuk kita laksanakan strategi ini?.

Ketua-ketua cawangan UMNO yang menjadi pemimpin di akar umbi tentu boleh mengatur perjumpaan sesama mereka bergilir-gilir sekali seminggu untuk ahli-ahli EXCO kerajaan negeri berkunjung ke kawasan parlimen masing-masing.

Pastikan setiap minggu orang yang hadir ialah orang yang datang dari cawangan-cawangan yang berlainan supaya semua ahli UMNO dan para pengundi setempat berpeluang dapat menemui para pemimpin kerajaan negeri secara bergilir-gilir setiap minggu.

Ketua-ketua UMNO cawangan di Teluk Intan dan di Arau tiada pilihan lain kecuali terus berkerja keras dengan menjemput secara bergilir-gilir setiap minggu seorang ahli EXCO Kerajaan Negeri mengadakan pertemuan dengan rakyat dan bersedia mendengar dengan sabar apa jua kesulitan yang para pengundi setempat akan timbulkan.

Apakah respon Ramli Ngah Talib dan Shahidan Kassim?

# MEMUNCAK DIBAWAH MAHATHIR

*M*enteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menegaskan bahawa kejayaan kita semakin memuncak di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

" Dr Mahathir berjaya mengubah corak pemikiran yang sering menganggap diri kita sebagai rendah dan hanya mampu mencapai kemajuan yang sederhana, kepada golongan cemerlang", ujar Najib yang juga Naib Presiden UMNO ketika melancarkan buku *The Way Forward* karangan Datuk Seri Dr Mahathir di Kuala Lumpur, tidak lama dulu.

17,007 ketua UMNO cawangan mestilah berupaya memahami akan kehebatan aspirasi tokoh yang selama ini mereka sanjung sebagai Presiden UMNO, parti yang menjadi sumber perjuangan politik mereka.

Sekurang-kurangnya dengan memahami akan perjuangan Dr Mahathir sejak dari zaman mudanya hingga kini, 17,007 ketua UMNO cawangan di seluruh tanahair mampu terus menyemarakkan ketahanan 2.7 juta ahli UMNO untuk menyambung perjuangan berjihad mempertahankan martabat agama, bangsa dan tanahair yang sudah pun kita hasilkan selama ini.

Datuk Najib menggilap pegalaman pahit Dr Mahathir di bawah empat penjajahan yang mengakibatkan Dr Mahathir menjadi amat sensitif

mengenai maruah bangsanya.

Katanya, Dr Mahathir mendapati bahawa sikap perasaan rendah diri, cepat berpuas hati, mudah menyerah kalah adalah di antara penyebab utama kepada kemunduran bangsanya.

Keinginan yang meluap-luap untuk melihat bangsa Malaysia menjadi bangsa merdeka yang dihormati di dunia menyebabkan beliau membuka langkah pembelaan.

Persoalan mengenai sikap, amalan nilai murni di dalam kehidupan harian diberikan penekanan khusus oleh Dr Mahathir.

Nilai-nilai murni inilah yang akan membina bangsa Malaysia yang maju dengan akhlak terpuji.

Tanpa jemu-jemu ujar Datuk Najib, Dr Mahathir menyentuh soal amanah, jujur, bekerja keras, bersih, cekap, bertanggungjawab serta melakukan sesuatu secara berulang-ulang sehingga mencapai kemahiran.

Sikap Dr Mahathir yang berterus terang, tegas tetapi bersahaja, jelas memberikan gambaran bahawa beliau benar-benar memahami apa yang ditanganinya.

Bagi beliau, pantun yang berbunyi:

**Buai laju-laju,  
Sampai balik sana,  
Beli baju baru,  
Dari Kedai Cina,**

seperti yang terdapat dalam bukunya itu adalah gambaran yang nyata mengenai sikap orang Melayu sejak dulu lagi.

Keadaan ini memberi cabaran kepada beliau untuk mencari jalan supaya sikap seperti itu diubah.

Dengan mengetahui premis latar seperti itu, barulah dapat kita fahami mengapa buku *The Malay Dilemma* dihasilkan dua setengah dekad yang lalu dan kini sebagai lanjutan dan jawapan kepada *The Malay Dilemma*, diterbitkan pula *The Way Forward*.

Penerbitan *The Way Forward* bertepatan dengan tempoh negara terperangkap dengan kegawatan ekonomi yang turut menurunkan nilai mata wang membuatkan gejolak masyarakat di beberapa buah negara di Asia Tenggara dan Asia Timur.

Secara kebetulan peristiwa ini dapat menyingkap tirai minda Dr Mahathir yang selama ini buah fikirannya banyak dipertikaikan terutama oleh orang Barat.

Seperkara yang amat menonjol dalam buku ini ialah ketinggian



daya intelek dan ketekalan ( konsisten ) idea atau gagasan yang diajukannya.

Pendapat Dr Mahathir mengenai ekonomi dan kegiatan ekonomi di negara kita sering mengundang kritikan tajam daripada pakar dan pundit ekonomi di sebelah sini apalagi daripada Barat.

Sekarang mereka terpaksa mengerutkan kening kehairanan kerana pendapat Dr Mahathir ternyata benar terutama mengenai fungsi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan spekulator mata wang.

Demikian pula halnya apabila Dr Mahathir membuka langkah pencak minda mempertahankan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dulu, ramai orang mengatakan DEB itu tidak adil dan berat sebelah.

Tetapi kini, sekali lagi mereka terpaksa menggaru kepala yang tidak gatal kerana terbukti juga bahawa DEB adalah pil ekonomi pahit yang paling mujarab untuk menyembuhkan bangsa Melayu daripada penyakit kerdil ekonomi, tanpa menjejaskan kesihatan ekonomi kaum lain di bumi Malaysia yang bertuah ini.

## **SATU KEJAYAAN ERA MODEN**

Setengah tokoh jelas Datuk Najib, menjadi berita utama manakala yang lain mencatat sejarah. Dengan gaya tersendiri yang sukar ditiru, Dr Mahathir mencapai kedua-duanya serentak.

Walaupun menghadapi rintangan, Dr Mahathir berjaya mengubah ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian yang sedang pesat membangun dan digambarkan sebagai salah satu cerita kejayaan di dalam era moden.

Pertumbuhan secara saksama ini menjadi mercu tanda kepada dasar pembangunan kita. Tidak hairan jika banyak peminat yang mencemburui kejayaan kita.

"Ini akan memastikan tempat istimewa Dr Mahathir dalam sejarah. Saya tidak meragui sejarah akan merakamkan dengan penuh puji-pujian sumbangan Dr Mahathir kepada Malaysia," tegas Datuk Najib.

Dr Mahathir telah hidup di dalam pelbagai era.

Beliau dilahir dan dibesarkan dalam era penjajahan, bersekolah ketika di zaman Jepun, bekerja sepanjang penjajahan Siam ke atas negeri-negeri Utara Malaya dan sekali lagi berjuang merebut kemerdekaan pada zaman pentadbiran penjajahan British. Banyak

yang diperkatakan mengenai perjalanan kerjayanya sejak kemerdekaan, sehingga mencapai mercu kerjayanya pada Julai 1981.

Sekarang kata Najib, beliau akan membawa kita memasuki abad ke-21.

" Jika beliau bukan orangnya yang menempuh pelbagai era, saya tidak kenal sesiapa lagi yang telah berbuat demikian."

Sememangnya, *The Way Forward* adalah buku kedua Perdana Menteri yang memiliki nilai abadi selepas buku pertamanya yang terkenal walaupun agak kontroversi, *The Malay Dilemma*.

Dr Mahathir menggerakkan kita dengan pantas seiring dengan corak pemikiran beliau.

Satu perkara yang sentiasa berlegar dalam pemikiran Perdana Menteri, beliau bersedia untuk mencabar kebijaksanaan konvensional dan mengemukakan alternatif yang kreatif. Mencabar pendekatan yang memang sudah diterima bermakna menentang konservatisme dan ortodoks.

Justeru, tidak menghairankan bahawa bukunya *The Malay Dilemma* tidak diterima dengan baik ketika pertama kali diterbitkan, kerana ia mempersoalkan pemikiran dan sikap Melayu tradisi yang telah memundurkan masyarakat Melayu. Bukunya nyata membuka banyak minda orang Melayu yang tertutup.

## MELAHIRKAN MELAYU BARU

Pada tahap tertentu, bukunya telah melahirkan Melayu Baru. berdekad-dekad sebelum terminologi ini meraih populariti.

Datuk Najib berkata, adalah sesuatu yang bernilai untuk disebut bahawa *The Way Forward* diterbitkan oleh penerbit yang terkenal dan memiliki reputasi antarabangsa yang berpangkalan di United Kingdom. Buku ini sudah pasti akan tersebar ke seluruh dunia dan mengesahkan bahawa Dr Mahathir bukan saja bijak bertindak tetapi juga prolifik dan pandai berhujah. Ini juga menjadikan beliau paling efektif.

Datuk Najib seterusnya menyatakan, tanggapan terhadap DEB berbeza bagi setiap orang. Ada juga pandangan orang lain tetapi bagi kita, ia menyediakan kestabilan politik dan sosial yang teruji sepanjang zaman.

Sejak 1980 apa yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir ialah memastikan DEB berjaya dengan tahap kecemerlangan yang lebih

tinggi.

"Kejayaan kita semakin memuncak di bawah kepimpinan Dr Mahathir. Beliau berjaya mengubah corak pemikiran yang sering menganggap diri kita sebagai rendah dan hanya mampu mencapai kemajuan yang sederhana, kepada golongan yang cemerlang.

"Banyak perkara yang boleh diperkatakan mengenai DEB tetapi cukup bagi saya katakan di sini bahawa DEB mengubah asas prasangka terhadap Melayu dan lain-lain perkara mengenai Melayu, khususnya berhubung dengan pembabitan mereka dalam pemiagaan, pendidikan, perubatan dan teknologi.

"DEB membuktikan kejayaan boleh tercapai dengan melonggarkan sedikit kehendak. Sebaliknya penekanan kepada meritokrasi dan kecemerlangan diterapkan dengan penjana sosial yang boleh diwujudkan pembangunan yang lebih mampan dalam masyarakat berbilang bangsa.

"Tidak dapat diragui lagi, DEB menyediakan asas dan menetapkan dasar bagi memastikan pertumbuhan ekonomi seperti yang dilihat pada tahun-tahun 1980-an dan 1990-an. Meskipun banyak kritikan terhadap DEB, ramai orang bersetuju, adalah tahap yang mesti dilalui oleh Malaysia.

"Kini kita menghampiri penghujung dekad ketiga sejak DEB diperkenalkan ketika suasana tidak menentu di Malaysia selepas rusuhan kaum pada Mei 1969. Adalah penting bagi kita untuk mempertahankan kejayaan DEB," tegas Datuk Najib.

Buku ini juga mendedahkan keprihatinan Dr Mahathir terhadap golongan miskin dan keperluan bagi keadilan sosial, sesuatu yang mengenai dirinya yang jarang-jarang ditonjolkan.

Datuk Najib mahukan rakyat Malaysia memiliki dan membaca buku *The Way Forward* kerana ia memberi gambaran latar belakang keperluan dan cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang membawa kepada kestabilan politik serta pengukuhan perpaduan kaum di Malaysia.

Buku setebal 133 halaman ini diterbitkan oleh Widenfeld & Nicolson yang berpejabat di London dan diedarkan di negara ini dengan kerjasama Time Publishing Group.

Buku ini mengandungi lima bab iaitu *The New Economic Policy*, *The Political Dimension*, *The New Economic Policy and Affirmative Action*, *Growth with Equity* dan *The Culture Dimension*.

Sebelum ini, buku tersebut telah dilancarkan oleh bekas Perdana

Menteri Britain, Margaret Thatcher di London, 8 Julai 1998 yang lalu. Rekod menunjukkan bahawa kejayaan Malaysia di dalam pembasmian kemiskinan sukar ditandingi.

## TIADA MIMPI GAWAT BEGINI

Mengenai krisis ekonomi kini katanya, krisis kewangan Asia Timur menutupi sebahagian sinar kejayaan masa lalu kita. Setelah satu dekad penuh kecemerlangan, satu kejayaan yang belum pernah tercapai di dalam sejarah kita, tiada siapa pun bermimpi akan menempuh keadaan gawat begini.

Bagaimanapun, kita akan pulih, dan tiada siapa yang lebih bersungguh-sungguh daripada Dr Mahathir untuk memastikan Malaysia akan bangkit kembali. Beliau sememangnya bertekad untuk memastikan ekonomi Malaysia akan bangun semula.

Ini terbukti dengan tumpuan khusus terhadap kerjanya, memujuk, merayu dan meyakinkan golongan yang meragui bahawa kita berada di landasan yang betul.

" Dr Mahathir tetap tabah dan pasti beroleh kemenangan, " yakin Datuk Najib.

Katanya, pandangan Dr Mahathir yang dianggap tidak konvensional sebelum ini kini menjadi cara pemikiran utama.

Orang yang suka mengecil-ngecilkan orang lain samada di dalam atau di luar negara kini menyederai kebijaksanaan Dr Mahathir.

Datuk Najib memberikan contoh bagaimana pandangan Dr Mahathir bahawa langkah IMF terlalu keras, terlalu ketat, justeru itu ianya tidak sesuai bagi negara Asia, juga telah diterima.

Mengenai spekulator mata wang antarabangsa, kini sudah wujud kesepakatan bahawa satu bentuk mekanisme kewangan dan kawalan diinstitusikan bagi mengawal selia aktiviti mereka.

Datuk Najib kemudiannya berkata, dengan terbitnya laporan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diumumkan oleh Tun Daim Zainuddin, kita kini mempunyai satu pelan pemulihan. Pasaran kelihatan lega kerana kini sudah ada persesuaian dalam dasar awam.

" Saya percaya, pasaran menyukai pelan berkenaan. Ia menyeluruh, seimbang dan munasabah kerana ia boleh dicapai. Ia mesra terhadap perniagaan di samping mengutamakan kepentingan sosial, mesra kepada warga asing tetapi menjamin keselamatan pertimbangan

strategi negara."

Bagaimanapun tegas beliau, seperti kebanyakan perkara, setiap pihak perlu berusaha ke arahnya bagi memastikan rancangan itu mencapai matalamatnya.

Kita juga tidak boleh mengharapkan pemulihan ini akan berlaku sekelip mata sebaliknya membabitkan satu proses perit bagi memastikan semuanya berada di landasan yang betul. Kita tidak boleh berlengah-lengah kerana kita telah kehilangan banyak masa.

## **BUKAN MASA UNTUK BERBALAH**

"Ini bukanlah masa untuk berbalah dan menonjolkan perbezaan, sebaliknya inilah masa untuk berpadu di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," tegas Datuk Mohd Najib lagi.

Mengenai krisis yang melanda Asia ketika ini, beliau berkata, ianya sudah pun menjejaskan pasaran eksport negara Barat di rantau ini.

Mengenai Dr Mahathir, beliau seterusnya menegaskan, adalah amat sukar bagi sesiapa pun membuat kesimpulan berhubung dengan sumbangan Dr Mahathir kepada negara kerana beliau sememangnya memainkan fungsi yang besar dalam memastikan kejayaan Malaysia.

"Saya ingin menegaskan, tiada satu kesimpulan harus dibuat mengenai Dr Mahathir memandangkan seluruh hidupnya diserahkan kepada Malaysia. Sepanjang hidupnya sudah diserahkan untuk membawa kesejahteraan kepada negara ini. Saya percaya, ketika bercuti juga, beliau melaksanakan tugas untuk negara.

Tidak ragu-ragu lagi, keadaan ini jelas mencerminkan reputasi beliau sebagai seorang yang kuat bekerja dan bersemangat waja. Bagaimanakah seseorang mencerminkan Dr Mahathir sebagai pemimpin?

Beliau bukanlah sebagai seorang pemimpin yang lain. Selain daripada pelbagai sumbangan yang lumrah sebagai seorang pemimpin, beliau adalah pemimpin transformasi - seringkali dilihat sebagai pemimpin terunggul. Seorang pemimpin transformasi berkeupayaan mengubah masyarakat dan negaranya kepada satu kedudukan yang lebih baik. Kepimpinan transformasi mempunyai tiga ciri.

*Pertama*, beliau mampu mengenal pasti keperluan untuk berubah.

*Kedua*, mencipta wawasan dan *ketiga*, menginstitusi perubahan.

Perdana Menteri kita mendahului masa kerana awal-awal lagi beliau

mengesa perlunya perubahan.

Beliau bukan saja menggariskan wawasan bagi Malaysia malah kata Datuk Najib, beliau sendiri mengetuai usaha itu dan menginstitusikan perubahan.

" Dengan kata lain, Dr Mahathir adalah insan yang bertanggungjawab mengubah cara pemikiran bangsa Melayu, pemikiran Malaysia dan Asia, yang pada akhirnya membawa kejayaan kepada orang Melayu, rakyat Malaysia dan warga negara Asia, " tegas Datuk Najib penuh yakin.

Naib Presiden UMNO itu kemudiannya memetik ucapan Dr Mahathir yang beliau bacakan mewakili Perdana Menteri pada bulan Mei lalu.

" Sememangnya terlalu banyak perkara menarik untuk dipertimbang dan difikirkan jika anda ingin membuat perubahan pada kehidupan anda. Sebahagian daripada perkara yang hendak diputuskan memerlukan keberanian moral malah pengorbanan. Kita harus boleh menentang arus yang kuat."

## **TIDAK AKAN MENGGOCCANG KAPAL**

Tekanan yang hebat mungkin menanti bagi menggagalkan usaha ini untuk hanya menjadi pak turut dan tidak menggoncang keadaan kapal yang sedia atau mengkritik.

Kita boleh dilabel atau diberi stigma tetapi di situ juga ada kepuasan yang besar yang boleh dicapai daripada bekerja kuat untuk kebaikan.

Tidak banyak yang boleh dicapai tanpa perjuangan dan kepayahan.

Dan jika ada diantaranya yang menentang, banyak juga yang akan menyokong dan sentiasa bersama kita.

Pada akhirnya sejarah akan menghargai kita. Jangan sekali-kali terpengaruh untuk mengambil jalan mudah.

Bertindaklah dengan memilih laluan yang tinggi dan mulia semoga Tuhan akan sentiasa berada di setiap jalan yang dilalui."

Dalam kita melangkah ke alaf baru ujar Datuk Najib, adalah mendukacitakan kerana terpaksa bergerak di dalam kedudukan yang lemah.

" Tetapi dengan Dr Mahathir menjadi kemudi, mengawasi kita, kita yakin, masa depan kita berada di tangan yang selamat.

Insyallah, kita akan melepasi kepayahan ini dan kembali menjad sebuah negara yang kuat, berpadu, berjaya dan makmur, " doa Datuk Najib penuh khusuk.

# TEKNIK JADI AHLI PIDATO YANG HEBAT

*S*alah satu tugas terpenting ketua UMNO cawangan ialah memberikan pidato atau menyampaikan ucapan. Sudah tentu ada di kalangan mereka yang merasakan bahawa memberikan pidato sebagai satu kerja yang menggerun dan menakutkan.

Itulah sebabnya ada didapati di kalangan ketua-ketua UMNO cawangan yang sampai keluar peluh sejuk bila diminta berpidato. Bila berpidato pun terketar-ketar dan suara mereka pun seperti keluar dengan tidak.

Kenapa mereka jadi demikian?

Sebenarnya berpidato tidak banyak berbeza dengan bercakap biasa. Kiranya anda mengikuti akan siri ini maka berpidato menjadi satu perkara yang amat menarik hati.

Kini semakin ramai orang yang telah punya keterampilan hasil kerja dan penglibatan masing-masing.

Ramai yang biasa dengan kerja-kerja di pejabat atau di kilang-kilang yang membolehkan mereka berlatih menyediakan laporan atau berkomunikasi di antara satu sama lain.

Sebenarnya, setiap orang terdedah dengan tugas membuat laporan walau serengkas mana sekalipun.

Umpamanya, seorang mandur akan menulis kerja-kerja yang dibuat oleh buruh masing-masing.

Seorang pemandu teksi boleh menulis laporan bagaimana dia terlibat di dalam satu kemalangan jalanraya.

Seorang kerani biasa melaporkan tugas yang dibuatnya sepanjang hari.

Seorang budak pejabat pun akan menulis apa yang dibuatnya ketika berlaku keadaan-keadaan yang sukar dihadapinya.

Seorang penjual akan membuat laporan barang-barang yang laku dijual atau barang-barang yang tidak laku dijual sepanjang hari.

Para penuntut yang mengambil peperiksaan PMR, SPM atau STPM pun telah menyudahkan karangan masing-masing di dalam peperiksaan Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian asas-asas untuk menyediakan sebuah pidato telah pun dipunyai oleh ramai orang yang ingin menjadi pemimpin.

Hanya satu perkara saja yang belum dipunyai oleh seorang yang hendak menyampaikan pidato ialah kepercayaan kepada diri sendiri.

Kepercayaan kepada diri sendiri itu boleh dimiliki dengan melakukan **lima perkara** di bawah ini.

**Pertama**, tulislah apa yang akan anda sampaikan di dalam pidato anda. Mula-mula tulislah seberapa panjang dan kemudiannya pendekkan isi kandungannya dan ambil fakta-fakta yang terbaik saja.

**Kedua**, setiap pidato mestilah mempunyai angka. Apa jua angka. Seperti **31** Ogos tarikh kemerdekaan negara. **165** bahagian UMNO dengan **17,007** cawangan. Seramai **60,000** pelajar Malaysia belajar di seberang laut dengan belanja sebanyak **RM2** billion. Kadar mengimport bahan makanan sebanyak **RM10** billion. **30** peratus mesti dicapai di dalam perjuangan merebut Dasar Ekonomi Baru. Ahli UMNO kini meningkat kepada **2.7** juta. **Perkapita kita telah turun daripada AS\$5,000** kepada AS\$2,000 akibat perbuatan penyangak wang antarabangsa diketuai oleh George Soros. Pelaburan saham kita telah turun dari **RM900** bilion kepada **RM300** bilion kini di mana kita telah kehilangan **RM600** bilion setelah pasaran saham kita diserang. Dan carilah angka-angka lain untuk memperkuatkan pidato anda kerana tanpa angka-angka ini, anda dianggap hanya bercakap kosong saja.

**Ketiga**, Cuba berlatih menyampaikan pidato umpamanya berdiri di hadapan cermin atau berdiri di depan meja atau sebagainya.

**Keempat**, bila tiba masanya untuk berpidato maka seorang ketua UMNO cawangan itu hendaklah bangun dengan nota-nota ringkas di tangan. Tanpa nota-nota di tangan maka anda akan hanya bercakap tak tentu arah. Jangan terpedaya konon, orang yang menggunakan nota sebagai orang yang tidak cekap. Perhatikanlah para pemimpin dunia pun berucap dengan menggunakan nota untuk menjadi panduan mereka berucap.

Biasanya, tanpa nota maka akan kocar kacirlah pidato kita kecuali



kita adalah seorang ahli pidato yang memang sudah pakar. Sebaik-baiknya di tangan kita ada pen dan kertas catatan untuk memudahkan kita mencatat dan membaca nota-nota yang terbaik untuk memperkukuhkan kandungan pidato kita.

**Kelima**, bacalah Bismillah sebelum Assalamualaikum dan berpidatolah dengan penuh yakin.

## FAKTA-FAKTA KETUA CAWANGAN

PASTIKAN dulu, di majlis apakah seorang ketua cawangan itu dijadualkan memberikan ucapannya.

Biasanya dia akan dijadualkan berucap semasa mesyuarat agung UMNO cawangan.

Atau dia akan diminta berucap kerana perayaan 11 Mei, hari kelahiran UMNO.

Atau dia akan diminta berucap di majlis Maulidur Rasul anjuran masjid atau kariahnya.

Atau dia akan berucap kerana meraikan Ketua UMNO bahagian atau ahli-ahli Yang Berhormat yang datang.

Sudah tentu ada pelbagai tujuan di mana dia akan dijadualkan berucap.

Tetapi yang penting, dia janganlah melupakan fakta-fakta ini di dalam ucapannya.

**Pertama**, tarikh UMNO cawangannya ditubuhkan dan sebutkan bilangan ahli semasa ditubuhkan dan kini berapa ramai pula ahlinya secara tepat dan bukan dengan agak-agak. Atau oleh kerana ramai ahlinya maka sudah ditubuhkan sebuah cawangan lain berhampiran untuk membolehkan lebih ramai ahli UMNO menjadi para pemimpin di peringkat cawangan.

**Kedua**, sebutkan latar belakang kampung beberapa tahun dulu atau sejarahnya dan pembangunan yang dinikmati kini.

Kalau boleh sebutkan tarikh masjid atau surau dibina. Berapa ramai penduduk yang menjadi ahli jemaahnya.

Tarikh sekolah dibuka dan berapa ramai muridnya.

Tarikh jalan raya disiapkan dan berapa buah kereta atau lori kepunyaan penduduk setempat yang menggunakannya.

Apakah sumbangan jalanraya tersebut kepada ekonomi dan peningkatan pendapatan para penduduk kampung.

Tarikh bila kedai makan dan kedai runcit dibina oleh ahli UMNO dan bagaimana pula ahli-ahli UMNO cawangan menyokongnya.

Carilah sebab musabab kenapa para penduduk tempatan masih lagi tidak menyokong dan membeli belah di kedai orang UMNO. Kenapa masih terus pergi ke kedai Ah Chong atau kedai Ramasamy?

Tarikh padang sepak takraw atau padang badminton dibina dan berapa ramai pemuda bermain di dalam kegiatan riadah yang disediakan.

Ada pusat kesihatan? Ada rumah bidan?

Ada taman pendidikan kanak-kanak yang dianjurkan oleh Kemas, kelas perpaduan atau persendirian?

Jangan lupa sebutkan nama budak kampung yang telah belajar ke universiti. Sebutkan nama ibu bapa mereka.

**Ketiga**, sebutkan apa jua matlamat yang sedang diperjuangkan oleh UMNO cawangan yang sedang anda pimpin dan mengharap sokongan daripada ahli-ahli untuk menjayakan matlamat tersebut.

**Keempat**, sebutkan sedikit kejayaan di daerah, di peringkat negeri atau di peringkat nasional dan antarabangsa yang anda tahu secara tepat.

**Kelima**, bacakan satu ayat al-Quran atau Hadis Nabi Muhammad saw yang hendaklah diminta seorang ustaz mengajar anda menyebutkannya supaya benar-benar fasih bacaannya. Kemudian terjemahkan ke bahasa Melayu untuk dijadikan panduan dan dorongan.

## BAHASA ANDA

INGATLAH bahasa yang anda pergunakan di dalam pidato anda tidak semestinya terlalu tinggi kandungan istilahnya hingga menyukarkan orang ramai memahaminya.

Sebaik-baiknya gunakanlah bahasa yang mudah difahami dan sekali sekala bolehlah diselang-selikan dengan dialog pasar.

Kalau hendak gunakan pepatah di dalam bahasa asing pun boleh juga bagi memperkuatkan hujah anda. Tetapi janganlah sampai terlalu banyak kita gunakan bahasa asing tersebut hingga seperti menenggelamkan bahasa ibunda kita.

Amatlah digalakkan anda memetik sepatah dua ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad saw. Dan kiranya anda hendak menggunakan pepatah Cina atau pepatah Inggeris dan sebagainya pun boleh juga.

Kiranya anda orang Selangor, anda boleh menggunakan loghat

orang Selangor bila berucap di Kelantan atau di Kedah. Orang lebih senang dengan loghat anda daripada anda cuba berucap di dalam loghat Kelantan atau Kedah yang seolah-olah kita memperli telor mereka. Cuma sekali-sekala bolehlah kita tuturkan loghat Kelantan atau Kedah untuk menyeronokkan pendengaran semata-mata.

Di atas tadi telah saya sebutkan bagaimana seorang yang hendak berpidato mestilah menyediakan terlebih dahulu sepanjang mungkin akan apa yang hendak kita sebutkan di dalam pidato kita.

Demikian juga tentang penggunaan bahasa yang mestilah memikat hati pada pendengar.

Perhatikan kedua-dua ayat ini. Bandingkan di antara (A) dan (B).

(A) " Saya ucapkan terima kasih di atas kedatangan YB ke kampung ini"

(B) "YB, terimalah sanjungan dan penghargaan kami kerana sudi datang untuk bermesra dengan kami semua ahli UMNO di sini."

(A) " Saya ada banyak perkara yang hendak dikemukakan seperti yang YB janjikan semasa berkempen di dalam pilihanraya dulu."

(B) " Izinkan kami kemukakan beberapa permohonan untuk memenuhi pelbagai keperluan hidup ahli-ahli UMNO di sini seperti yang YB perjuangkan selama ini".

(A) " Saya ternanti-nanti akan janji-janji YB semasa YB menjadi calon dulu yang tegas menyatakan bahwa YB akan meletakkan jawatan kiranya tidak berjaya memenuhi akan pembinaan jambatan yang menjadi nadi kepada penduduk di sini."

(B) " Kami yakin YB sudah pun mengemukakan isu pembinaan jambatan dan kami berdoa semoga tarikh pembinaannya akan YB umumkan hari ini."

## DISIPLIN BERPIDATO

ADA banyak disiplin perlu dipatuhi oleh setiap ketua UMNO cawangan bila mereka hendak menyampaikan pidato.

**Pertama**, sediakan nota walau sekecil mana sekalipun kerana para pemimpin dunia pun dapat kita lihat membuat ucapan dengan sekali sekala memerhatikan nota masing-masing.

**Kedua**, bacalah Bismillah dan kemudiannya memadailah menyebutkan nama dua atau tiga tokoh saja untuk memulakan pidato anda yang diikuti dengan ucapan Assalamualaikum .

**Ketiga**, berpidatolah sepanjang setengah jam dan berilah peluang

kepada tokoh atau tetamu undangan berucap selama satu jam bagi memuaskan hati ahli-ahli yang hadir.

( Kiranya Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri datang maka berilah beliau berucap satu jam sementara Ketua UMNO bahagian berucaplah selama setengah jam saja. Demikian juga bila Presiden UMNO datang berilah kepadanya masa satu jam dan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri berucap cuma setengah jam saja.

Pernah berlaku Presiden UMNO berucap setengah jam kerana masa sudah suntuk akibat Menteri Besar atau Pengerusi UMNO Negeri berucap lebih satu jam sebelumnya. )

**Keempat,** Ketua UMNO cawangan jangan selalu gunakan perkataan "saya" tetapi selalulah pergunakan perkataan yang lebih sesuai mewakili ahli-ahli UMNO seperti "Kami" atau "kita" di dalam menyampaikan pidato masing-masing untuk melibatkan semua ahli UMNO yang hadir.

**Kelima,** Jangan ulangkan fakta yang sama berkali-kali mengenai isu yang sama kerana ia membuang masa dan menjemukan.

**Keenam,** Jangan tunggu hingga orang ramai gelisah baru hendak berhenti menamatkan pidato setelah diberikan isyarat berkali-kali atau ditegur.

**Ketujuh,** jangan sebut kalimah "akhirnya, akhirnya, akhirnya" berkali-kali bila hendak menamatkan pidato. Ini membuktikan anda seorang yang cuai dan sambil lewa untuk menghormati tetamu yang lain.

Kalau boleh berhentilah ketika para hadirin sedang seronok meneliti ucapan yang sedang anda sampaikan. Cuba anda jadikan mereka tidak merasa puas mendengar pidato yang anda hentikan dengan tiba-tiba.

Ada ahli pidato yang berhenti menamatkan ucapannya seperti seorang yang cekap menekankan brek kereta ketika keretanya sedang meluncur dengan laju.

## KESAN PIDATO

SAYA adalah di antara ahli pidato yang gemar mencari mukadimah terbaik dengan fakta dan bahasa yang luar biasa.

Biasanya saya juga menyebutkan terima kasih kepada pihak yang menjemput saya berucap di tengah-tengah ucapan saya.

Di dalam ucapan saya di mana-mana pun, saya akan cuba mempergunakan fakta-fakta dan stail seperti di atas.

Alhamdulillah, ada kesan yang saya dapati di rasakan oleh para hadirin sebaik-baik saja saya menamatkan pidato saya.

Berpidato bukanlah satu bidang yang begitu menyukarkan.

Tetapi ada orang yang terus menerus berpidato seperti pada tahun

lima puluhan dengan menyebutkan, “ **Marilah kita berjuang untuk bangsa, agama dan negara.**”

Ucapan seperti itu memanglah sudah lapuk. Ucapan yang dibuat dengan penekanan secara umum saja seperti “ Marilah kita berjuang untuk agama, bangsa dan tanahair ” tanpa menghuraikan secara khusus apa aspek yang hendak diperjuangkan kini.

Para hadirin sememangnya mahu tahu apakah yang mesti kita buat untuk bangsa kita kini.

Umpamanya apakah yang wajar dilakukan oleh seorang ketua UMNO cawangan demi membangunkan cawangan masing-masing.

Ahli-ahli UMNO mahukan pemimpin mereka tahu menghuraikan perjuangan mereka secara lebih terperinci.

Umpamanya seruan supaya ahli-ahli UMNO menyokong kelas tiusyen, kelas tadika, kelas Fardu Ain, membeli di kedai-kedai runcit Melayu, pergi makan minum di kedai-kedai Islam, merayakan hari lahir UMNO 11 Mei, gerakkan PIBG, aktifkan penabungan dalam ASN, ASB, Tabung Haji dan sebagainya

Memanglah benar bahawa ahli-ahli pidato yang mempunyai nada suara yang hebat biasanya boleh menawan hati nurani para pendengar.

Ada juga orang yang tidak mempunyai suara yang hebat boleh juga menguasai minda hadirin dengan cara mereka menyampaikan ucapan dan fakta-fakta yang baru dan menarik minat.

Tetapi yang penting, seorang ahli pidato yang terbaik mestilah berupaya menyampaikan apa jua keistimewaan yang ada padanya dan curahkanlah segala-galanya untuk dihayati oleh para pendengar.

**Perhatikan teknik Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan ucapannya.**

Jangan lupa untuk mengikuti cara Datuk Seri Sanusi Junid berdebat.

Barangkali juga anda bolehlah mencontohi Tan Sri Abd Aziz Tapa dari Melaka, Datuk Annuar Musa ( Kelantan ), Haji Adam Abd Hamid ( Johor ), Datuk Drs Sulaiman Mohamad ( WP), Datuk Badruddin Amiruldin ( Kedah ), Datuk Shafie Daud ( Terengganu ), Datuk Adnan Yaakub ( Pahang ), Datuk Yahya Husssin ( Sabah ), Tan Sri Dr Abd Hamid Pawanteh ( Perlis ), Datuk Husni Hanadzallah ( Perak ), Datuk Fuad Hassan ( Selangor ) dan ramai lagi tokoh UMNO yang hebat.

Atau sekurang-kurangnya pernahkah anda menyaksikan bagaimana Sdr Ikhwan Nasir berucap di dalam kempen pilihanraya atau ketika beliau berhujah di hadapan ribuan para siswa?

Insyaa-Allah anda akan menjadi ahli pidato yang hebat.

## APAKAH YANG KETUA CAWANGAN WAJIB BUAT ?



Apakah hukum berjuang di dalam UMNO?

UMNO, PAS, DAP, PBS, PBB dan sebagainya adalah parti-parti politik yang dibentuk oleh manusia. Ia bukan sebuah agama seperti Islam yang diturunkan kepada manusia dari wahyu Firman Allah SWT yang disalurkan menerusi Nabi Besar Muhammad SAW.

Para pengasas yang mendirikan UMNO pada 11 Mei, 1946 terdiri daripada pelbagai tokoh yang dipimpin oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafaar dan para pendiri PAS pula terdiri daripada sebahagian alim ulama di dalam UMNO seperti Haji Ahmad Fuad yang keluar dari UMNO dan kemudiannya membentuk Parti Islam pada tahun 1951.

Di dalam pilihanraya tahun 1990, PAS menekankan lambang sebagai Parti Allah. UMNO dan BN dengan mudah mematahkan hujah PAS itu dengan bertanyakan, "Bila pula PAS menghantar borang untuk Allah menurunkan tandatangan menyertai parti itu?" Hujah ini diterima oleh para pengundi hinggalah PAS tewas teruk kecuali di Kelantan walaupun ketika itu PAS dengan S46 berganding bahu berjuang menentang UMNO/BN menerusi gagasan Angkatan Perpaduan Ummah.

Ketua-ketua UMNO Cawangan kenalah membuat pelbagai rujukan untuk memastikan bahawa mereka sedang berjuang di dalam parti yang mendapat keredhaan dari Allah SWT.

Apakah tidak dapat keredaan Allah SWT melahirkan ratusan ribu

kaum terpelajar di kalangan umat Islam termasuk menghantar ribuan anak-anak kita ke luar negeri seperti ke United Kingdom, Amerika Syarikat, Mesir, Indonesia, Jepun dan negara-negara lain?

Apakah tidak Islamik, kerana di dalam zaman penjajahan dulu rata-rata orang Islam hanya belajar di darjah enam sekolah rendah atau di sekolah-sekolah agama rakyat tetapi kini kita sudah ada lebih 1,000 para sarjana yang mempunyai ijazah Phd?

Apakah tidak Islamik kiranya dulu orang Islam hanya jadi anggota polis khas yang terhendap-hendap menjaga ladang-ladang Inggeris tetapi kini hampir semua ladang tersebut di seluruh tanahair di miliki oleh umat Islam?

Apakah bukan dari saranan Islam kini Baitulmal Wilayah Persekutuan saja berupaya memungut zakat dari pembayar-pembayar Islam sebanyak RM50.6 juta sepanjang tahun 1997 yang lalu? Sudah ramai orang Islam yang mempunyai kekayaan dan patuh pula mengeluarkan zakat, Alhamdulillah!

Apakah tidak Islamik kiranya ada lebih 20,000 umat Islam menunaikan Fardu Haji dan masing-masing membelanjakan wang tidak kurang RM7,000 berjumlah RM140 juta dan 100,000 orang mengerjakan Umrah dengan belanja RM3,000 seorang berjumlah RM300 juta saban tahun?

Apakah tidak Islamik kiranya kita telah dapat mengeluarkan satu juta kereta nasional buatan anak-anak orang Islam di negara kita?

Tidak tinggikah imej kita bila kita mempunyai lebuh raya yang panjang dan mengeksportkan kepakaran kita membina lebuh raya ke luar negara?

Tidak hebatkah umat Islam di Malaysia kerana negara kita mempunyai bangunan KLCC, salah satu bangunan yang tertinggi di dunia dan lapangan terbang yang termoden tetapi termurah belanja pembinaannya di seluruh dunia?

Apakah tidak mendapat keredhaan Allah, dengan izin-Nya UMNO dapat menaikkan taraf ekonomi dan sosial umat Islam yang dulunya rata-rata miskin dan daif?

Apakah tidak mendapat keredhaan Allah, kita telah memainkan peranan membantu umat Islam yang tertekan seperti di Bosnia Herzegovina dan di negara-negara lain di seluruh dunia?

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton sendiri berkata, tanpa Dr Mahathir dan tanpa Malaysia sudah lama umat Islam Bosnia masuk ke dalam kubur.

## KALENDAR MASJID

AMATLAH malang bila terdirinya masjid-masjid yang cantik di kampung-kampung tetapi tidak ada orang bersolat jemaah Subuh, Zuhur atau Asar, walaupun pada kebiasaannya ada orang bersolat jemaah Maghrib dan Isyak.

Kiranya ini berlaku, masjid yang cantik-cantik itu boleh mengakibatkan penduduk sekitaran mendapat dosa kerana menunaikan solat berjemaah lima waktu adalah Fardu Kifayah maka wajiblah sekurang-kurangnya ada seorang imam dengan seorang makmum bersolat jemaah untuk mengelakkan penduduk setempat ditimpa dosa seperti yang ditegaskan oleh ajaran agama kita.

Apakah terdapat sebuah masjid atau surau atau sebuah musalla di cawangan anda?

Dan adakah setiap ahli UMNO di cawangan anda mempunyai kalendar atau taqvim tahunan masing-masing?

Di kalendar tersebut bolehlah dicatatkan tugas masing-masing SATU HARI dalam sebulan untuk menguruskan masjid di qariah masing-masing.

Katakanlah cawangan anda ada 60 ahli UMNO, bolehlah anda memberikan nombor pengenalan untuk setiap ahli tersebut. Umpamanya ketua cawangan nombor satu, timbalan ketua nombor dua, setiausaha cawangan nombor tiga dan seterusnya hingga kepada ahli yang mempunyai nombor enam puluh.

Ambillah kalendar dan bagi-bagikan tugas untuk mengelakkan dosa yang mungkin menimpa penduduk kampung dengan setiap ahli pergi menguruskan masjid hanya SATU hari pada setiap bulan. Kehadiran mereka bersolat jemaah dengan membawa seorang anak yang baligh pun sudah cukup untuk menunaikan tugas Fardhu Kifayah itu.

Hai, tak boleh menyumbangkan tenaga SATU hari di dalam sebulan untuk menguruskan rumah Allah?

Masjid telah dibina dengan harga puluhan ribu ringgit, ratusan ribu ringgit atau berjuta-juta ringgit.

Kebanyakan masjid didirikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri dan sebahagian kecil wang pembinaannya dari sumbangan orang ramai.

Kerajaan Persekutuan saja telah memperuntukkan sebanyak RM140



juta untuk membiayai 29,000 guru Fardu Ain sepanjang tahun 1997 yang lalu. Angka ini tidak termasuk jumlah yang dibelanjakan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang telah mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk membina dan memperbaiki masjid-masjid di negeri masing-masing.

Dulu, di zaman datuk nenek kita, mendirikan masjid menjadi satu tugas jihad yang utama. Alhamdulillah, ramai orang yang berlumba-lumba mengeluarkan wang ringgit untuk mendirikan masjid dan para penyumbang membina masjid dengan titik peluh mereka juga yakin yang mereka akan menerima ganjaran seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Tetapi kini, akibat tindakan dan peranan kerajaan itu maka tertutuplah peluang untuk umat Islam mendapat pahala kerana kebanyakan masjid didirikan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa agama Islam tanpa melibatkan wang umat Islam pun.

Pembinaan masjid-masjid kini hampir tidak memberikan peluang bagi umat Islam turut mencari pahala untuk mendirikannya.

Malah ada wakil-wakil rakyat yang mempergunakan peruntukannya membeli periuk belanga dan gelas cawan untuk kegunaan masjid yang diminta dari cawangan UMNO setempat.

Hinggakan paip-paip air untuk orang mengambil wuduk pun di sediakan dari peruntukan kerajaan. Maka kerajaanlah yang mendapat pahala dan umat Islam pula terdedah dengan amal Fardzu Kifayah memeriahkan masjid yang akan mendapat dosa pula kiranya alpa menunaikan Fardhu Kifayah tersebut.

Tetapi kiranya ada inisiatif di kalangan ketua-ketua cawangan untuk memungut satu gelas dan satu pinggan dari seorang ahli UMNO pun sudah boleh terkumpul 60 gelas dan 60 pinggan untuk kegunaan di masjid-masjid di kawasan masing-masing.

Di dalam ajaran agama kita, mendirikan **solat berjemaah** adalah Fardu Kifayah. Kiranya ada seorang imam dan seorang ma'mum maka terlepaslah dosa penduduk sekitarnya tetapi kiranya tidak ada sesiapa pun yang mendirikan **solat berjemaah** maka seluruh ahli qariah menanggung dosanya.

Saya mencadangkan supaya kita mempergunakan kalendar dan menetapkan dua orang ahli UMNO menguruskan masjid SATU hari di dalam sebulan.

Sebelum mereka pergi bekerja, mereka boleh datang ke masjid untuk menunaikan solat Subuh bersama imam atau bilal yang telah

ditetapkan. Kiranya imam dan bilal uzur maka bolehlah ahli UMNO itu bersolat jemaah Subuh dengan anaknya yang telah akil baligh yang dibawa bersama-samanya ke masjid.

Oleh kerana kita telah menetapkan dua orang ahli menguruskan masjid di dalam sehari, Ahli A bolehlah datang untuk mengerjakan solat berjemaah Subuh dan Zuhur, Ahli B pula menunaikan solat Asar, Maghrib dan Isyak.

Kiranya ini dilaksanakan maka dengan sendirinya kedua-dua ahli UMNO itu akan mula berkenal-kenalan dan bertukar-tukar fikiran untuk membahagi-bahagikan kerja masing-masing menguruskan masjid.

Ketua cawangan, timbalannya, ketua pemuda dan ketua wanita barangkali boleh membuat kerja bergotong royong memimpin gerak amal membersihkan masjid DUA kali sebulan.

Amatlah memalukan kerana masjid-masjid yang cantik-cantik itu dihiasi dengan sarang labah-labah, tikar atau permaidani yang comot, bilik air dan bilik mengambil wuduknya yang amat kotor dan menjijikkan.

Di sinilah terletaknya peranan **Rakan Muda Masjid** yang akan menyumbangkan khidmat mereka dengan adanya pimpinan dari ketua-ketua UMNO cawangan.

Untuk lebih efisien lagi, sebuah *diari* disediakan bagi mencatatkan apa jua laporan yang ditulis oleh ahli-ahli UMNO yang bertugas itu untuk menjadi rujukan UMNO.

*Diari* tersebut bolehlah diserahkan dari satu tangan kepada satu tangan ahli-ahli UMNO yang bertugas untuk membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran dan mempererat ukhuwah di antara satu sama lain.

Pengerusi, nazir masjid atau tuan imam bolehlah diberikan tugas untuk meneliti akan laporan yang dibuat oleh ahli-ahli yang menguruskan masalah harian seperti yang ditetapkan menerusi kalendar bulanan yang terpampang di luar anjung masjid.

## TIADA KERUSI

BIASANYA bacaan doa menjadi salah satu acara dari semua majlis yang dianjurkan oleh UMNO.

Seorang ulama, guru agama atau ahli agama biasanya diundang dan ditetapkan untuk membaca doa yang ditakrifkan sebagai tokoh yang mewakili majlis untuk berkomunikasi dengan Allah SWT dan

Nabi Basar Muhammad saw.

Tetapi ingatlah, jangan sampai pembacaan doa itu seperti orang berkhotbah pula, panjang meleret-leret.

Ada satu kejadian menarik untuk dilaporkan di dalam satu perjumpaan di Perak.

"Saya pelik ke mana perginya Tuan Imam yang membacakan doa untuk kita memulakan majlis ini tadi," saya memberitahu orang ramai pada satu rapat umum anjuran UMNO Bahagian Larut dan Matang, Perak satu masa dulu.

"Tolonglah cari Tuan Imam itu sekarang ini juga. Tolong sediakan kerusi untuknya sebaris dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan tetamu kenamaan lainnya." saya menegaskan ini berkali-kali.

Saya enggan meneruskan ucapan saya dan terus duduk semula di kerusi yang dikhaskan untuk saya.

Setpol MB Perak, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Omar dan Ahli Parlimen, Datuk Zihin Hassan serta Tuan Haji Ali Mat Isa, Ketua UMNO bahagian kelihatan sibuk mencari Tuan Imam tersebut. Akhirnya Tuan Imam itu telah ditemui dan beliau telah diberikan kerusi sebaris dengan para pemimpin yang hadir di majlis tersebut.

Setelah itu, saya bangun ke pembesar suara dan meneruskan ucapan saya.

*"Terima kasih, terima kasih saudara-saudara. UMNO tidak akan membiarkan perbuatan meremehkan para ulama atau ahli-ahli agama terutama di dalam majlis-majlis rasmi seperti ini.*

*Kita telah menjemput Tok Imam tadi untuk berkomunikasi dengan Allah SWT. Tetapi orang semulia ini kita tidak pedulikan hinggan kerusi untuk beliau duduk pun tak ada.*

*Saya berharap lain kali bila ada majlis-majlis seperti ini, tokoh-tokoh agama yang kita tugaskan membaca doa untuk memulakan majlis ini diberikan kehormatan sama seperti kita menghormati tetamu kita yang lain. Kerusinya juga sebaik-baiknya sama sebaris dengan Ahli-ahli Yang Berhormat."*

Suasana majlis tersebut menjadi begitu terharu bila saya bertindak begitu rupa.

Ramai ketua cawangan UMNO yang setelah majlis tamat memberikan ucapan tahniah kepada YB Datuk Raja Ahmad, Datuk Zihin dan Tuan Haji Ali di atas reaksi positif mereka.

Ketua-ketua cawangan UMNO itu mahu mengambil iktibar untuk menghormati ahli-ahli agama dari insiden ini.

## MASJID JADI TANDAS

Ketua-ketua cawangan UMNO sendiri nampaknya bersungguh-sungguh supaya larangan menghisap rokok dikenakan di kalangan sesiapa saja yang datang ke kawasan masjid.

Mesyuarat cawangan-cawangan UMNO banyak yang mengambil ketetapan supaya dilarang sama sekali menghisap rokok di kalangan orang ramai yang datang ke masjid.

Keputusan ini barangkali berdasarkan larangan menghisap rokok di kawasan sekolah yang pesalahnya boleh dikenakan denda RM5,000 atau/dan setahun penjara.

Demikian juga larangan merokok dikenakan di kawasan hospital, di dalam kenderaan awam berhawa dingin dan di bangunan-bangunan kerajaan.

Masjid-masjid juga bukan tempat orang tidur. Bila air liur menitis di permaidani atau sejadah maka orang yang bersembahyang di atasnya mengerjakan solat di atas najis.

Tetapi ada satu tabiat yang telah menjadi kebiasaan orang yang memandu kereta bila nampak tanda masjid akan mengisyaratkan supaya berhenti di kawasan masjid untuk membuang air besar atau air kecil.

Tanpa disedari, masjid telah menjadi tandaslah kepada orang yang berjalan memandu kereta atau bermotosikal.

Tak sedarkah mereka bahawa mereka telah menganggap rumah Allah itu sebagai tempat kencing berak bila mereka nampak masjid dan beredar masuk ke perkarangannya untuk melepaskan hajat?

Ketua-ketua cawangan bolehlah memberitahu ahli-ahlinya, bila mereka nampak saja masjid maka niatlah untuk berhenti beriktikaf dan mengerjakan solat di dalamnya.

Serentak itu bolehlah kita menumpang untuk membuang air kecil atau air besar atau untuk menukarkan pakaian anak-anak kita atau berhenti untuk menikmati makanan dengan menumpang di kawasannya.

Jangan lupa berniat iktikaf bila masuk masjid dengan kaki kanan.

Bila hendak keluar, cubalah seluk saku dan ambil sekeping wang syiling RM1 dan masukkan ke dalam tabung masjid.

Sekurang-kurangnya wang tersebut boleh dipergunakan untuk membayar tenaga orang yang akan membersihkan tandas-tandas

yang anda turut mengotorkannya.

Dan bila hendak meninggalkan masjid, buanglah sampah di tempat-tempat yang disediakan.

Maka insya-Allah masjid kita akan sentiasa bersih adanya.

## **BACAAN YASIN**

KETUA-ketua UMNO cawangan patut benar menggalakkan supaya diadakan majlis-majlis agama seperti membaca Yassin, Tahlil dan Doa Arwah di kalangan ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sebulan sekali di masjid atau di surau yang tertentu.

Dan sekali seminggu patut pula diadakan di kalangan ahli-ahlinya dengan mengadakan majlis tersebut di kediaman masing-masing dengan cara bergilir-gilir.

Para jemputan tidak mesti hanya di kalangan ahli-ahli UMNO saja tetapi yang sebaik-baiknya dijemput kaum Muslimin yang menjadi jiran tetangga tanpa mengira fahaman politik.

Ketua-ketua UMNO wajib menggalakkan supaya ahli-ahli parti pembangkang turut dijemput di dalam majlis agama tersebut bagi memperkuatkan ukhuwah Islamiah dan memperlihatkan keterbukaan kita sesama Islam.

Inilah cara terbaik untuk memperlihatkan kesediaan kita sebagai ahli UMNO terhadap saudara-saudara kita yang barangkali mempunyai fahaman politik yang berbeza.

Kalau ini dapat dilakukan maka sudah pasti UMNO akan diterima sebagai pegangan untuk berjuang kerana ia memperlihatkan kemesraan dan persaudaraan tulin di kalangan kaum Muslimin.

Biar apa pun yang diperkatakan mengenai UMNO dan perjuangannya, ketua-ketua UMNO di peringkat cawangan mestilah menunjukkan sifat-sifat persaudaraan yang unggul.

Bila takdimnya berlaku apa-apa bencana dan musibah, ketua-ketua cawangan UMNO dengan disertai oleh ahli-ahlinya mestilah segera ke depan untuk memberikan apa jua bantuan dan pertolongan.

Pertolongan yang selama ini ditunjukkan oleh ahli-ahli UMNO amatlah membanggakan maka setiap ketua di peringkat cawangan mestilah menganggapnya sebagai satu keseronokan yang dijalankan dengan penuh minat untuk berbakti kepada masyarakat setempat.

Jadikanlah tugas menolong orang susah, membantu orang miskin, membantu memberi rawatan kepada orang sakit dan menyediakan

apa jua kemudahan kepada orang yang memerlukannya sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT.

## MAULIDUR RASUL

SETELAH dipilih menjadi Ahli Parlimen, saya telah mengepalai satu perarakan Maulidur Rasul di bandar Pontian pada tahun 1978. Setibanya kami semula ke masjid jamek bandar Pontian kelihatan Timbalan Menteri, Datuk Othman Abdullah yang diundang ke perayaan tersebut sudah pun berada di perkarangan masjid.

Sebentar kemudian diumumkan bahawa seorang ceti India dan seorang tauke Cina turut memberikan beras dan kambing untuk jamuan umat Islam merayakan perayaan Maulidur Rasul untuk para penduduk Islam setempat.

Saya kemudiannya diminta memberikan ucapan.

Di dalam ucapan di hadapan Datuk Othman Abdullah itu saya tegaskan bahawa pada tahun hadapan mungkin saya tidak akan dapat bersama-sama di dalam majlis Maulidur Rasul kiranya umat Islam di bandar Pontian tidak dapat membiayai jamuan makan dari sumbangan umat Islam sendiri tanpa meminta bantuan dari ceti atau tauke-tauke Cina.

Bolehkah saya menutup mata akan cara bagaimana orang Islam sudah tak mampu lagi untuk membiayai keseluruhan jamuan dan meminta orang bukan Islam yang latar belakang kebersihan wang pendapatan mereka amat diragui kebersihannya.

Sampai hatikah kita membiarkan perkara ini, mempergunakan pemberian orang bukan Islam untuk kita memuliakan Maulidur Rasul?

Setiap orang Islam wajib bertanya apakah tanggungjawab mereka untuk sama-sama merayakan hari jadi nabi besar Muhammad saw.

Tak malukah kita dengan menderma sebanyak RM5 atau RM10 kemudian bersungut, "Asyik derma saja tak sudah-sudah, teruklah kita!"

Kiranya pendapatan kita RM1,000 sebulan atau RM12,000 setahun, apakah kita tidak merasa malu kerana kita cuma menyumbangkan RM5 atau RM10 untuk membesarkan dan merayakan hari keputeraan junjungan kita nabi besar Muhammad saw yang kita sentiasa mengharapkan syafaat dan berkat daripadanya.

Saya menganjurkan supaya setiap orang yang berpendapatan

RM12,000 setahun menyumbangkan RM100 setiap tibanya Maulidur Rasul?

Kiranya ada 50 orang di bandar Pontian orang berderma RM100 maka jumlahnya meningkat RM5,000.

Dengan wang sebanyak itu bolehlah dipergunakan untuk menjamu makan dan minuman untuk 1,000 kaum Muslimin dan Muslimat dan bakinya bolehlah dipergunakan bagi membeli basikal untuk para pelajar terbaik di dalam ujian SPM, PMR atau UPSR.

Rupanya saranan saya itu telah disambut oleh masyarakat Melayu di seluruh kawasan parlimen Pontian.

Haji Rusdi Sapawi dan Haji Rahmat Manidi, dua tokoh UMNO bahagian Pontian memberitahu, keadaan orang Islam yang menyumbangkan wang untuk Maulidur Rasul telah meningkat begitu hebat sebagai menyahut saranan saya itu.

Ada beberapa mukim yang telah berjaya membeli 2 atau 3 ekor lembu untuk dijadikan jamuan kepada kaum Muslimin dan Muslimat di mukim-mukim di daerah Pontian.

Ada mukim yang memberikan hadiah RM100 kepada setiap pelajarnya yang berjaya di dalam peperiksaan USPR, PMR dan SPM setelah menerima sumbangan yang bukan kecil dari kalangan orang setempat dari golongan yang berada semasa merayakan Maulidur Rasul.

Rupanya, ramai orang Islam yang tidak sedar akan peranan mereka untuk bersedekah hinggalah mereka diberikan kefahaman yang sempurna.

Peranan membayar Zakat sebagai contoh telah berjaya memungut RM50.6 juta oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan setelah wujudnya jentera yang memungutnya secara penuh dedikasi dan berdisiplin mendorong umat Islam membuat sumbangan masing-masing tanpa teragak-agak.

Rupanya sudah ramai umat Islam yang tahu bersyukur dengan lidah mereka akan kurniaan dari Allah SWT dan dengan spontan kini menyumbangkan material yang dulunya amat sukar untuk didapati dari mereka.

Yang lebih penting, orang Islam sudah tidak perlu lagi menadah tangan hinggalah untuk merayakan Maulidur Rasul pun terpaksa meminta-minta kepada orang kafir tanpa segan silu.

Ketua-ketua UMNO cawangan sudah pasti ada yang menitikkan air mata sedih atau tersenyum bila mengingati akan detik-detik hodoh

yang kita tempuh selama ini.

Tak malukah kita bila merayakan hari keputeraan Nabi Besar Muhammad pun kita terpaksa menadah tangan kepada ceti atau tauke-tauke babi ?

17,007 ketua UMNO cawangan kenalah mengambil iktibar supaya kerja-kerja yang mendapat keredaaan Allah SWT ini diperhebatkan di cawangan masing-masing bagi memastikan bahawa peranan mereka akan dikenang oleh ahli-ahli UMNO sepanjang hayat mereka.

Sudah tentu pula ganjaran di akhirat akan diterima oleh mereka kerana Allah SWT tidak pernah mungkir untuk memenuhi janji-janjinya.

## JANGAN BERSENGKETA

KETUA-ketua UMNO cawangan tentulah boleh mengambil iktibar bagaimana Presiden Sadam Hussin dan Ayatollah Khomeini ketika berperang di antara Iraq dan Iran dulu sama-sama bersembahyang lima waktu sehari semalam tetapi kedengaran doa mereka meminta supaya Allah SWT jangan menghalang sasaran peluru berpandu mereka membunuh tentera umat Islam dari negara yang sedang berperang dengan mereka.

Demikian pula dengan perang Iraq dan Kuwait, sengketa sempadan di antara Arab Saudi dengan Yaman dan sebagainya.

Demikian pula dengan sengketa di antara Afghanistan dan Iran akibat pembunuhan beberapa diplomat Iran oleh anggota-anggota Taliban.

Dalam sejarah di Asia Barat juga banyak korban akibat pertelagahan di antara Jordan dengan Palestin, Iraq, Syria, Mesir, Sudan, Lybia, Algeria dan sebagainya.

Negara-negara Islam lebih seronok berperang dengan negara Islam yang lain tanpa mempedulikan korban nyawa dan harta benda.

Rupanya lebih ramai orang Islam yang terbunuh di tangan orang Islam sendiri daripada orang kafir membunuh orang Islam.

Tak insafkah kita bahwa orang Melayu dan Islam tak sampai pun 55 peratus daripada penduduk Malaysia keseluruhannya.

Apakah akibatnya kiranya kita orang Melayu dan kaum Muslimin menggela-gela bersengketa satu sama lain, siang dan malam berusaha untuk menghentam saudara-saudaranya yang lain?.

Hai, ada juga yang mendoakan supaya Allah SWT menurunkan bala bencana ke atas sesama Islam, Astaghfirullah!



## **RAKYAT TIDAK FAHAM DASAR-DASAR KERAJAAN?**



kibat tewas teruk di dalam pilihanraya kecil di Teluk Intan dan di Arau, Perlis, ada banyak saranan yang mahukan Bahagian Kemajuan Masyarakat di Kementerian Luar Bandar memainkan peranan lebih aktif untuk menyampaikan maklumat tentang dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

"Peranan KEMAS sangat penting supaya maklumat kerajaan dapat disampaikan hingga ke akar umbi. Begitu juga sebaliknya, peranan KEMAS untuk menyampaikan maklumat daripada rakyat kepada kerajaan supaya dapat diperjuangkan apa jua masalah rakyat," demikian Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa diberitahu ketika menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian di antara Kementerianya dengan Institut Nury yang akan mengendalikan 7,500 Tabika KEMAS melibatkan 250,000 kanak-kanak di seluruh tanahair.

Saranan itu berbunyi, KEMAS perlu menyusun semula programnya supaya lebih berkesan untuk membantu membangunkan masyarakat

Apakah operasi KEMAS belum begitu berkesan selama ini hinggakan ada ruang yang agak luas untuk menjadikannya sebagai sebuah agensi kerajaan yang lebih efektif?

Sudah tentu Datuk Annuar Musa selaku Menteri Pembangunan Luar Bandar yang agak sibuk dengan agenda kerjanya tahu apa yang dimaksudkan oleh saranan tersebut.

Saya sendiri cuba mencari definisi yang mesti dilakukan oleh KEMAS menerusi huraian saya yang perlu diberikan perhatian di dalam melaksanakan tugas Jabatan Kemajuan Masyarakat itu.

Saya mentafsirkan KEMAS sebagai berikut:

**K** = **Kehebatan**  
**E** = **Empayar**  
**M** = **Melayu**  
**A** = **Anda**  
**S** = **Semarakkan!**

Saya tujukan slogan ini "**Kehebatan Empayar Melayu Anda Semarakkan!**" kepada 14,000 anggota KEMAS di seluruh tanahair.

Anggota-anggota KEMAS mestilah meletakkan keutamaan bekerja untuk menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat di akar umbi dan sebaliknya menyampaikan hasrat dan harapan rakyat kepada kerajaan untuk tindakan wajar pihak kerajaan.

Kiranya seorang anggota KEMAS berjaya memahamkan seorang rakyat yang belum faham akan aspirasi kerajaan setiap bulan maka ada seramai 14,000 orang golongan sasaran yang dapat diselamatkan.

Kiranya jumlah ini didarabkan kepada 12 bulan maka jumlahnya tentu meningkat 168,000 saban tahun golongan sasaran ini dapat diselamatkan.

Saya yakin Datuk Annuar Musa mempunyai angka unjuran ini di dalam menerajui KEMAS yang terletak di bawah kementeriannya?

Kiranya 168,000 ini didarabkan selama empat tahun tarikh jarak di antara satu pilihanraya kepada satu pilihanraya maka jumlahnya meningkat 672,000 orang.

Sudah tentu ketua-ketua UMNO cawangan di seluruh tanahair akan terpesona dan segera memastikan angka ini menjadi kenyataan.

Tak gagahkah kerajaan bila mereka dapat menguasai 672,000 jumlah orang yang mula memahami aspirasi kerajaan menerusi peranan KEMAS dari golongan yang selama ini belum memahaminya atau dari golongan yang menentang kerajaan terutama di luar bandar?

KEMAS adalah sebuah agensi kerajaan yang mempunyai peranan khusus untuk memahamkan rakyat hingga ke akar umbi.

Peranan KEMAS mestilah diberikan penilaian terbaru dalam kancas kita menghadapi cabaran-cabaran yang semakin sengit kini. Kalau ini dapat dijayakan sudah pasti KEMAS menjadi agensi yang hebat bekerja dan hebat berjuang. Siapakah yang tak mahu KEMAS terus menjadi hebat?

## BAHAGIAN KHAS

Ada tiga orang ahli Majlis Tertinggi UMNO di Kementerian Penerangan. Mereka ialah Datuk Mohamed Rahmat, Datuk Drs Sulaiman Mohamad dan Datuk Shafie Afdal.

Sebagai para pemimpin tertinggi UMNO sudah pasti peranan mereka sangat diharapkan untuk tugas menghuraikan dan menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat.

Di Angkasapuri sendiri ada RTM dan Jabatan Penerangan dengan kesemuanya mempunyai kakitangan tidak kurang 7.000 orang.

Mereka juga ada FINAS dan FILEM NEGARA yang tidak boleh melepaskan diri dari tanggungjawab menyebarkan maklumat.

RTM menguasai penyiaran udara dan Jabatan Penerangan pula merupakan tenaga bersemuka orang Kerajaan dengan rakyat.

Dengan semua tenaga yang dipunyai oleh mereka, rasanya sebahagian besar rakyat menerima penyiaran hingga ke kediaman masing-masing yang disampaikan melalui Kementerian Penerangan.

Tetapi kenapakah di Telok Intan BN kehilangan 16,884 undi dan di Arau pula 8,212 pengundi BN telah berpaling tadah.

Melihat kepada tragedi kekalahan teruk BN di Johor Bahru dengan 12,613 undi tetapi kemenangan di Parit Raja 413 undi dan kemenangan di Ampang Jaya dengan 4,250 undi maka kakitangan Bahagian Hal Ehwal Khas di kementerian itu sendiri boleh memberikan jawapan mereka kiranya sebuah panel bebas ditubuhkan untuk mengkaji keberkesanan Kementerian Penerangan seperti yang digambarkan oleh menterinya sebagai "*tentera udara dan tentera daratnya*".

Ustaz Nakhaie Haji Ahmad ketika berucap di PWTC 8 Oktober, 1998 telah menyangkal kejayaan SEMARAK kerana katanya Kelantan terlepas ke tangan PAS di dalam pilihanraya kebangsaan 1990.

Tetapi saya yakin sekurang-kurangnya, SEMARAK telah berupaya mempertahankan kerusi-kerusi BN yang lain walaupun Kelantan terlepas dari tangan BN akibat serangan berpadu PAS-S46 itu.

Bila Ustaz Nakhaie mengetuai BHEK selepas saya, saya tidak tahu apakah yang dibuatnya untuk cuba merampas Kelantan dari tangan PAS-S46 atau beliau tak buat apa-apa pun mengenai Kelantan.

Malah kita sedang menunggu apakah yang dibuatnya untuk menyerang PAS seperti tugas yang diberikan kepadanya setelah menyertai UMNO sekian lama. Barangkali Nakhaie memerlukan jawatan lain untuk memudahkan beliau bertindak ?

Saya terkejut dengan kenyataan Datuk Mohamed Rahmat yang disiarkan oleh Minggu Malaysia bertarikh 19 Julai dari laporan yang dibuat oleh BERNAMA bahawa "Urusan kita adalah tanggungjawab kita sebagai anggota perkhidmatan kerajaan. Urusan lain, percaturan politik misalnya, bukan urusan kita. Biarkan ia menjadi urusan mereka di dalam bidang itu dan bukan kita," tegas Menteri Penerangan di majlis Anugerah Cemerlang 1997 di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Apakah sebenarnya yang hendak diterangkan oleh Datuk Mohamed Rahmat itu?

Tetapi mujurlah beliau seterusnya menyebutkan bahawa sebagai kakitangan kerajaan, mereka harus menyokong dasar dan menegakkan kepentingan kerajaan sepanjang masa.

"Saya harap saudara/saudari sedar akan tugas berat ini dan memikulnya dengan penuh amanah dan kesetiaan demi menyelamatkan negara dari musuh yang mahukan kita jadi seperti di sesetengah negara lain," tegas beliau.

Apakah percaturan politik sudah tidak lagi termasuk di dalam agenda tugas Angkasapuri? RTM dan Jabatan Penerangan tidak lagi terlibat untuk mengadun percaturan politik bagi menyelamatkan negara?

Sekurang-kurangnya ada seramai 500 kakitangan BHEK di bawah Jabatan Penerangan sejak dibentuk menerusi Akta Parlimen pada tahun 1961 dulu.

Saya bernasib baik dapat mengetuai BHEK dan hingga kami berjaya memelopori Gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) di dalam menangani krisis yang dihadapi oleh kepimpinan kerajaan ketika itu.

Rapat-rapat umum SEMARAK di peringkat negeri telah dihadiri oleh 30,000 - 70,000 rakyat. Pertemuan-pertemuan di peringkat cawangan telah diadakan hampir di seluruh tanahair telah dianjurkan untuk menangkis apa jua propaganda dan fitnah yang dilemparkan kepada kepimpinan kerajaan ketika itu.

Menteri yang sangat aktif ketika itu semasa saya dapat menunaikan tugas dengan cemerlang ialah Datuk Mohamed Rahmat sendiri yang sentiasa saja memberikan persetujuan, rangsangan malah mengeluarkan wang kocek beliau sendiri dalam rangka menjayakan apa jua projek penggembelengan patriotisma di kalangan rakyat yang kami lancarkan.

Saya tidak pernah terfikir bahawa ketiga-tiga ahli Majlis Tertinggi UMNO yang berada di Kementerian Penerangan tidak lagi berhasrat untuk menjadikan aktiviti kakitangan Kementerian Penerangan terutama

BHEK sebagai sebuah unit yang aktif dan efektif di dalam merangka kerja-kerja untuk mempertahankan kerajaan menghadapi cabaran paling hebat kini.

Ketika berucap di satu perjumpaan di Tumpat seperti yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar, Ketua Pengarah Penerangan, Encik Abbas Salleh menafikan khabar-khabar angin yang menyatakan adanya cadangan untuk menutup Jabatan Penerangan akibat fungsinya yang sudah tidak relevan di dalam zaman multimedia kini.

Pada saya khabar-khabar angin itu tidak perlu dilayan kerana yang penting bahawa Jabatan Penerangan sendiri hendaklah membuktikan bahawa ia adalah jabatan kerajaan yang terus diperlukan wujudnya dengan fungsi yang khusus dan mendesak.

Hingga kini, kesan dari Komunikasi Bersemuka masih begitu ketara kerana rakyat lebih memerlukan penerangan berdepan-depan walaupun sudah wujud suasana multimedia.

Ahli-ahli politik dan pakar-pakar komunikasi di Jabatan Penerangan mestilah membuktikan bahawa pelbagai tugas boleh dilaksanakan sebaik-baiknya untuk menjustifikasikan kewujudan mereka.

Tan Sri Mazlah Ahmad yang pernah menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan pernah menempelak bahawa Jabatan Penerangan sebagai seekor dinosaur tetapi kehadiran beliau di Angkasapuri tidak pun berupaya memperbaiki peranan Jabatan Penerangan seperti yang beliau mahukan.

Saya suka menjelaskan bahawa tugas agensi-agensi kerajaan yang mendakwa ada hubungan dengan aktiviti politik kerajaan bukan setakat mengumpulkan maklumat-maklumat rakyat semata-mata tetapi yang lebih penting ialah bagaimana maklumat-maklumat tersebut yang sebahagian besarnya merupakan fakta-fakta negatif yang mesti diselesaikan.

Laporan yang bertimbun-timbun tanpa mengenal pasti penyelesaiannya adalah kerja-kerja membazir yang menghabiskan masa dan tenaga saja.

Apalah gunanya kita menghabiskan masa dan tenaga mengumpulkan apa jua maklumat dari yang sekecil-kecilnya dari daerah-daerah kiranya kita tidak tahu menyalurkannya untuk tindakan penyelesaian?

Itulah sebabnya peranan agensi-agensi kerajaan lain seperti SERANTA di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi juga hendaklah diberikan penilaian semula.

Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) yang bertanggungjawab mengenai urusan agama Islam tidak juga terlepas daripada tugas menghuraikan apa jua isu yang melibatkan umat Islam terutama di dalam isu yang memburuk-burukkan kerajaan oleh pihak-pihak yang sengaja mahu mencemarkan syiar Islam sendiri demi kepentingan peribadi mereka.

JAKIM sudah pun menguasai penyiaran RTM mengendalikan urusan hal ehwal Islam dan umat Islam menerusi programnya yang agak menarik hati juga.

Demikian pula dengan IKIM yang juga aktif menghuraikan pelbagai isu mengenai hal ehwal Islam.

Barangkali juga saya boleh mengucapkan tahniah kepada **Datuk Dr Abd Hamid Othman dan Datuk Dr Ismail Ibrahim** di atas keupayaan kepimpinan mereka di bidang yang sangat kritikal kini.

Kedua-dua kepimpinan tersebut mestilah melahirkan lebih ramai tokoh yang boleh pergi menjelajah ke seluruh tanahair untuk membetulkan tafsiran salah yang disebarkan untuk memecah-belahkan umat Islam.

Kawalan terhadap khutbah Jumaat seperti yang diumumkan oleh Datuk Dr Abd Hamid Othman dirasakan amat perlu kerana Mimbar Jumaat mestilah memupuk persaudaraan umat Islam dan bukan pula menjadi gelanggang menghancurkan kekuatan umat Islam.

Sekiranya setiap daripada 27,000 guru Kafa berupaya memahamkan seorang saja orang yang tak faham tentang Islam yang diperjuangkan oleh UMNO maka jumlah mereka mencapai 27,000 dalam sebulan atau 324,000 orang dalam setahun. Kerajaan membelanja RM140 juta setahun untuk membayar eluan guru Kafa itu.

Saya suka mencadangkan supaya diadakan aktiviti bersepadu seperti yang kami buat ketika melancarkan aktiviti SEMARAK dulu.

Ketua-ketua BTN, KEMAS, BHEK, JAKIM, IKIM, SERANTA dan sebagainya patutlah ditemukan segera di dalam satu tugas kerja untuk memperinci akan aktiviti yang boleh membantu penyampaian maklumat secara yang lebih efisien dan sistematik.

Datuk Annuar Musa mestilah diberikan tugas menyelia aktiviti bersepadu ini kerana beliau kini mempunyai 14,000 anggota KEMAS.

Kalau seorang anggota KEMAS berjaya memahamkan hanya dua orang saja sebulan segala dasar-dasar kerajaan untuk disebarkan kepada orang lain maka sudah ada 28,000 orang bukan ahli UMNO yang akan bermaklumat setiap bulan. Ramai bukan jumlah ini?

## **BANCIAN HAK KEPUNYAAN MELAYU DI SETIAP CAWANGAN**

*K*etua-ketua UMNO cawangan mungkin juga telah mengikuti perangkaan mengenai pencapaian ekonomi orang Melayu secara menyeluruh yang kelihatan begitu berjaya jika dibandingkan ketika negara menghadapi Peristiwa 13 Mei, 1969 dan sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan.

Tetapi yang penting ialah ketua-ketua UMNO cawangan mestilah membuat bancian tentang aktiviti ekonomi di cawangan masing-masing atau aktiviti perniagaan di setiap bahagian yang mereka menjadi pemimpinnya.

Mula-mula kita penuhi dulu borang yang saya sediakan ini.

Kemudian ambillah kertas atau buku lain untuk membuat borang baru yang boleh mengisi laporan secara terperinci untuk menjadi bahan perbandingan dan perjuangan ketua-ketua UMNO cawangan seterusnya.

Sebaik-baik saja membaca buku ini, ketua-ketua UMNO cawangan bolehlah mendesak supaya diadakan mesyuarat tergempar Biro Ekonomi dan Biro Perniagaan UMNO bahagian masing-masing.

Di dalam mesyuarat tersebut dijemput sama ahli-ahli majlis daerah atau ahli-ahli majlis perbandaran Melayu supaya mereka dapat menerangkan secara terperinci akan peranan masing-masing untuk memajukan perniagaan orang Melayu.

Di dalam setiap mesyuarat tersebut buatlah pelbagai kajian yang

menyeluruh tentang perniagaan Melayu di kawasan parlimen masing-masing.

Umpamanya, adakah sudah wujud kedai buku yang menjadi francais kepada Dewan Bahasa dan Pustaka di kawasan parlimen anda?

Adakah ada sebuah kedai kasut kerana MARA sudah sekian lama mempunyai kilang kasut kulitnya yang selama ini mengusahakan kasut-kasut kulit dan beg-beg kulit sejak berbelas tahun yang lalu.

Adakah kedai yang menjadi agen menjual motosikal sedangkan kita telah pun mengeluarkan motosikal Modenas?

Ketua-ketua UMNO cawangan barangkali boleh menghubungi Timbalan Ketua UMNO bahagian yang biasanya menjadi Pengerusi Biro Ekonomi UMNO Bahagian untuk membincangkan kemajuan orang Melayu di dalam bidang ekonomi termasuk aktiviti perniagaan.

Gunakanlah kekeramatan angka 165 iaitu angka menunjukkan UMNO mempunyai 165 bahagian dengan 17,007 buah cawangan kini.

Borang ini sudah pasti akan mendedahkan bagaimana kawasan parlimen yang kita diami sudah pun melaksanakan perjuangan UMNO untuk memperbaiki dan meningkatkan perniagaan dan perindustrian Melayu setempat.

Kiranya DBP membuat francais buku-buku dan majalah-majalah penerbitannya dengan mengenakan wang deposit sebanyak RM50,000 kepada setiap kedai Melayu di setiap kawasan parlimen maka DBP sudah boleh mengumpul RM10 juta wang deposit tersebut.

Kiranya wang pertaruhan untuk menjadi agen menjual motosikal Modenas sebanyak RM150,000 maka sudah pasti ada orang Melayu di setiap kawasan parlimen yang mampu membayarnya menjadikan wang pertaruhan meningkat RM30 juta.

Tun Abd Ghafar Baba semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu berkali-kali merungut bagaimana satu bidang yang amat berkekurangan orang Melayu melibatkan diri ialah menjadi agen penjual motosikal.

Ramai orang Melayu yang sudah boleh memperbaiki motosikal tetapi tidak pernah diberikan peluang menjual motorsikal termasuk motosikal Modenas yang dikatakan dipunyai oleh orang Melayu.

Demikian juga dengan kedai kasut. Tentulah mustahil kiranya tidak ada 5,000 pasang kasut kulit dibeli orang saban tahun di setiap kawasan parlimen.

Kini begitu ramai orang mempergunakan komputer tetapi adakah wujud kedai Melayu menjual komputer dan memperbaiki komputer



dengan cekap di setiap kawasan parlimen.

Ambillah kertas lain dan contohi borang ini dan isikan kandungannya lebih terperinci untuk kepentingan UMNO cawangan dan UMNO bahagian yang anda wakili.

Nama Kawasan Parlimen:.....

Nama UMNO Bahagian:.....

Nama UMNO Cawangan:.....

NO. PERNIAGAAN	JUMLAH (berapa unit atau tiada)	FRANCAISEE
1. Buku	.....	DBP
2. Motosikal	.....	Modenas
3. Kasut	.....	MARA
4. Komputer	.....	.....
5. Barang letrik	.....	MEC/IBEX
6. Kereta	.....	EON
7. Beras	.....	Bernas
8. Basikal	.....	.....
9. Kedai runcit	.....	.....
10. Bengkel Motosikal	.....	.....
11. Jahit	.....	.....
12. Tayar	.....	.....
13. Bateri	.....	.....
14. Perabut	.....	.....
15. Jual kain	.....	.....
16. Stesen minyak	.....	.....
17. Keperluan harian	.....	.....
18. Sayuran/buahan	.....	.....
19. Buat kunci	.....	.....
20. Bengkel TV/Radio	.....	.....
21. Bengkel penyejuk	.....	.....
22. Kedai gambar	.....	.....
23. Fotostat/penjilid	.....	.....
24. Percetakan	.....	.....
25. Ikan	.....	.....
26. Ayam	.....	.....
27. Kambing/ Lembu	.....	.....

28.	Jual pakaian	.....	.....
29.	Tukang gunting	.....	.....
30.	Pandu kereta	.....	.....
31.	Kedai makan	.....	.....
32.	Tukaran wang	.....	.....
33.	Farmasi	.....	.....
34.	Kek/roti	.....	.....
35.	Klinik perubatan	.....	.....
36.	Songkok/kitab	.....	.....
37.	Ubat Tradisional	.....	.....
38.	Jual kain ela	.....	.....
39.	Rubber stamps	.....	.....
40.	Persolekan	.....	.....

Selaku ketua-ketua UMNO cawangan, anda juga patut membuat bancian terhadap premis perniagaan yang bertaraf gerai, kedai kayu, kedai batu dan bangunan mewah di setiap kawasan anda.

Bancian itu barangkali juga tidak disenangi oleh banyak pihak tetapi sebagai ahli-ahli politik yang percaya kepada kekuatan ekonomi akan mendukung kekuatan politik maka sekurang-kurangnya anda akan mengetahui tentang perbandingan bilangan premis Melayu dan bukan Melayu.

Dengan adanya angka-angka tersebut maka mudahlah anda bersama-sama dengan rakan-rakan anda yang lain meletakkan sasaran perjuangan di bidang perniagaan dan perindustrian tersebut.

Bukankah bila anda ada catatan mutakhir mengenai keadaan perdagangan dan perindustrian Melayu, sudah pasti anda sendiri akan menyedari akan kemunduran atau kemajuan orang Melayu mengenainya.

Dan tentu pula agak mudah untuk anda bercakap dan turut berani memperjuangkannya kerana anda memiliki angkanya yang tepat.

Demikian pula tentang industri kecil seperti berikut:

**NAMA KILANG PEMBUAT**

**ALAMAT**

- |    |           |       |       |
|----|-----------|-------|-------|
| 1. | Mee tauhu | ..... | ..... |
|    |           | ..... | ..... |
| 2. | Roti/kek  | ..... | ..... |
|    |           | ..... | ..... |

3. Sos cili/kicap .....
4. Baju sekolah .....
5. Kuih-muih .....
5. Tukang buat nisan .....
6. Tukang besi .....
7. Tukang perbaiki paip .....
8. Tukang letrik .....
9. Tukang jahit .....
10. Tukang kimpal .....
11. Klinik baiki kasut .....
12. Klinik baiki TV/Radio .....
13. Klinik baiki kereta .....
14. Klinik baiki basikal .....
15. Klinik baiki motosikal .....
16. Klinik baiki penyejuk .....
17. Klinik baiki permaidani .....
18. Klinik pergigian .....
19. Klinik baiki tandas .....
20. Klinik .....

<b>PREMIS PERNIAGAAN/KEDIAMAN</b>	<b>Jumlah premis kepunyaan Melayu</b>
-----------------------------------	---

- |                               |       |
|-------------------------------|-------|
| 1. Rumah kos rendah           | ..... |
| 2. Rumah kos rendah sederhana | ..... |
| 3. Rumah kos sederhana        | ..... |
| 4. Rumah mewah/banglo         | ..... |
| 5. Gerai rakyat               | ..... |
| 6. Rumah Kedai Pangsapuri     | ..... |
| 7. Kedai batu setingkat       | ..... |
| 8. Kedai batu 2 tingkat       | ..... |

**NAMA SISWAZAH****BIDANG ILMU (UNIVERSITI)**

- |        |       |
|--------|-------|
| 1..... | ..... |
| 2..... | ..... |
| 3..... | ..... |
| 4..... | ..... |
| 5..... | ..... |
| 6..... | ..... |
| 7..... | ..... |
| 8..... | ..... |
| 9..... | ..... |

## **MEDIA ASING TERPINGA-PINGA**

*M*edia asing keseluruhannya telah melaporkan bahawa BN akan kecundang dan Dr Mahathir akan ditimpa malu besar sebaik-baik saja parti pemerintah itu tewas teruk di dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah yang berlangsung pada 12-13 Mac yang lalu.

Agensi-agensi berita asing yang berpejabat di Kuala Lumpur seperti Reuters, Agence France Press (AFP) dan Associated Press (AP) telah melaporkan bahawa BN akan tewas atau sekurang-kurangnya hanya menang tipis.

Akibatnya semua laporan tersebut telah dipergunakan oleh semua media terkemuka di dunia untuk meramalkan zaman malang yang akan menimpa parti pemerintah pimpinan Dr Mahathir.

Tetapi kini mereka sedang terpinga-pinga kerana BN bukan saja tidak tersungkur tetapi sebaliknya ramalan Dr Mahathir bahawa BN boleh menang 28 kerusi telah meningkat menjadi 31 kerusi, tambahan 3 lagi kadun yang dimenangi secara terbuka oleh BN.

BN telah menambah lagi 6 adun yang dilantik dan dengan sendirinya ia mempunyai dua pertiga kerusi di Dewan Undangan Negeri Sabah.

Di dalam pilihanraya tersebut, BN menang 31 kerusi, kurang satu kerusi untuk mencapai dua pertiga kerusi Dewan Undangan Negeri.

UMNO telah membuktikan kehebatannya dengan memenangi semua 24 kerusi yang dipertandingkan. Pencapaian 100% ini satu kejayaan yang paling cemerlang dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah yang baru berlalu itu.

Di dalam pilihanraya tahun 1994, BN menang 23 kerusi di mana 21 daripadanya adalah calon-calon UMNO. Kali ini UMNO menambah

kemenangan 3 kerusi lagi menjadi 24.

Dengan kemampuan UMNO memenangi 24 daripada 31 calon BN, Datuk Panglima Osu Haji Sukam telah pun dilantik menjadi Ketua Menteri Sabah yang ke-12.

Perlantikan Osu sudah pastilah juga akibat kekalahan Tan Sri Bernard Dompok yang tidak berupaya mempertahankan kadun Moyog yang diwakilinya sejak 1986 yang lalu.

Dompok sepatutnya boleh menyambung lagi jawatan Ketua Menteri selama 14 bulan untuk terus menjayakan sistem Giliran Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir sejak pembentukan kerajaan BN tahun 1994.

Semasa berkempen, Datuk Seri Dr Mahathir berkali-kali menegaskan bahawa sistem ketua menteri bergilir-gilir akan tetap diteruskan kiranya Tan Sri Dompok diberikan kepercayaan untuk memenangi semula kerusi yang diwakilinya.

Tetapi akibat kekalahan Dompok itu dan hanya dua adun BN saja dari Kadazandusun yang menang di dalam pilihanraya tersebut, BN tidak ada pilihan lain kecuali melantik Datuk Panglima Osu dengan azam bahawa BN memerlukan sebuah kerajaan yang kuat dalam perjuangan menghadapi pilihanraya kebangsaan sebelum April, 2000.

Dr Mahathir adalah tokoh yang bertanggungjawab menghasilkan kemenangan BN kerana beliau berkali-kali datang ke Sabah dan memberikan amanahnya yang dapat didengar oleh para pengundi di Sabah terutama melalui siaran RTM sepanjang kempen tersebut.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang buat pertama kalinya diuji kepimpinannya sebagai TPM telah dilihat sebagai tokoh yang sentiasa menjadi rujukan mengenai apa jua aktiviti sepanjang pilihanraya tersebut.

Para Pengerusi Perhubungan UMNO negeri-negeri di Semenanjung terutama Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang telah diberikan tugas terpenting untuk menjadi penyelarasan BN, telah meninggalkan negeri masing-masing untuk menumpukan tenaga di Sabah.

## **KADAZANDUSUN**

**KEMENANGAN** Parti Bersatu Sabah (PBS) menawan 17 kadun memperlihatkan bagaimana PBS merupakan parti dominan bagi kaum Bumiputera Bukan Islam di Sabah.

Memanglah benar bahawa PBS telah memenangi 25 kadun di dalam

pilihanraya tahun 1994 sementara BN cuma menang 23 kadun tetapi bila Dewan Undangan dibubarkan pada 22 Februari, 1999, PBS cuma mempunyai 5 adunnya saja.

20 adunnya yang lain telah meninggalkan Pairin dengan menyertai BN maka kemenangan PBS itu sudah tentu akan dirayakan sebagai satu kemenangan yang besar juga walaupun PBS tidak dapat membentuk kerajaan.

Semasa Dewan Undangan Negeri di bubarkan, BN mempunyai 13 adun dari kalangan Bumiputera Bukan Islam tetapi hanya dua saja daripada mereka yang dapat mempertahankan kerusi.

Ketua Menteri yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok dan Timbalan Ketua Menteri, Joseph Kurup, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) telah kecundang.

Kemenangan dua calon BN dari Kadazandusun mestilah dijadikan asas dalam melancarkan aktiviti untuk menarik sokongan mereka yang sudah mula berjinak-jinak dengan BN kerana jumlah undi calon BN dari Kadazandusun ada juga yang telah meningkat walaupun mereka tewas.

Walau bagaimana pun, untuk meneruskan sistem penggiliran Ketua Menteri telah mendapat tentangan daripada Pemuda dan Wanita UMNO yang ketua masing-masing, Johari Haji Janan dan Norjan Khan mahukan Ketua Menteri hanya dari UMNO mulai sekarang.

Mereka membuat keputusan ini akibat dari penolakan oleh para pengundi Kadazandusun yang tidak mengundi calon-calon BN dari kaum mereka untuk meneruskan kepimpinan Tan Sri Bernard Dompok yang sepatutnya boleh menyambungkan tugasnya kiranya beliau menang dalam pilihanraya pada 12-13 Mac, yang lalu.

## **INISIATIF UMNO**

SATU perkara yang penting untuk dijadikan ingatan kepada UMNO ialah undi popular yang diperoleh oleh BN hanya 46.5 peratus dari rakyat yang keluar membuang undi di Sabah.

Oleh yang demikian, mulai sekarang setiap cawangan UMNO di Sabah bolehlah memulakan apa jua aktiviti walau sekecil mana sekalipun setiap tiga bulan sekali yang dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat cawangan untuk menawan sokongan Kadazandusun di dalam kesinambungan Kerajaan BN di Sabah.

UMNO mestilah menggalakkan parti-parti Bumiputera Bukan Islam

menganjurkan apa jua aktiviti di kalangan sesama mereka yang disokong dan di sarankan oleh UMNO pada setiap ketika.

Barangkali juga pilihanraya yang baru lalu memperlihatkan sikap mereka **membalas dendam** terhadap calon-calon PBS yang telah melompat menyertai BN telah pun diberikan hukuman daripada orang Kadazandusun sendiri yang telah tidak mengundi mereka.

Mungkin juga selepas ini mereka akan mula insaf bagaimana kaum Kadazandusun telah dipinggirkan dari aliran perdana politik yang aktif dan hanya menerima belas ehsan daripada UMNO kerana cuma dua adun mereka saja yang dipilih.

Setiap UMNO Bahagian pula mestilah mengambil peluang untuk cuba menarik perhatian kaum Bumiputera Bukan Islam di dalam pelbagai aktiviti sukan, pendidikan, sosial dan sebagainya.

Sebenarnya UMNO sudah boleh memerintah Sabah dengan kemenangan 24 kadun tetapi UMNO tidak tamak kuasa kerana UMNO sentiasa ingin memperlihatkan pendiriannya yang mahu menegakkan perkongsian kuasa di dalam mentadbirkan negeri.

Datuk Wilfred Bumburing, seorang Tokoh PDS yang tewas di Tamparuli telah dilantik sebagai adun dan diberikan kepercayaan sebagai Timbalan Ketua Menteri bagi pihak Bumiputera Bukan Islam.

## PILIHANRAYA SEGERA

DR MAHATHIR Mohamad berkata, kemenangan BN hingga membentuk Kerajaan di Sabah bukan bererti yang beliau akan segera mencadangkan pembubaran Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri untuk memanggil pilihanraya kebangsaan cepat.

Tewasnya BN dengan kehilangan 16,884 undi di Telok Intan, Perak kepada calon DAP dan 8,212 undi BN yang pergi kepada calon PAS di Arau, Perlis sebelum meruncingnya kegawatan ekonomi mestilah diambil kira bahawa kepercayaan rakyat terhadap BN belum lagi pulih dengan kemenangan BN di Sabah.

Jentera UMNO di semua peringkat perlulah diperkemaskan supaya suasana yang negatif di kalangan akar umbi dapat dibentaras.

Cubalah setiap ahli UMNO memberikan nama seorang bukan ahli UMNO yang dapat ditawannya kepada cawangan masing-masing maka kekuatan UMNO sudah pasti akan berlipat sekali ganda.

Apa kata 17,007 ketua UMNO cawangan di seluruh tanahair mengenai saranan ini dalam rangka persiapan menjelang pilihanraya?



## UMNO TIDAK TAMAK

SEBENARNYA di Sabah terdapat 27 kadun yang majoritinya terdiri daripada Bumiputera Islam, 13 kadun Kadazan, Dusun dan Murut, tujuh kadun dengan majoriti pengundi Cina dan satu kadun pula para pengundinya terdiri daripada berbilang kaum.

UMNO boleh meletakkan 27 calon untuk bertanding di semua 27 kadun Bumiputera Islam dan UMNO yakin boleh menang di semua 27 kadun berdasarkan kepada undi-undi yang dibuat oleh para pengundi di dalam pilihanraya 12-13 Mac, yang lalu.

Tetapi UMNO hanya bertanding untuk 24 kadun saja dan menang kesemuanya. Pencapaian 100 % ini membuktikan UMNO Sabah sungguh hebat dan seperti kata Ketua Penerangan UMNO Sabah, Datuk Abd Karim Ghani, " Kami boleh menyatakan bangga dan bersyukur kami kepada segala kurniaan Allah SWT ini yang terbukti di dalam pilihanraya kali ini. Kami bertekad untuk memenuhi apa jua keperluan rakyat yang boleh kami sumbangkan untuk kesejahteraan para pengundi semua kaum."

Di dalam pilihanraya tahun 1994 yang lalu, UMNO bertanding di 23 kadun dan menang 21 kerusi. Di dalam pilihanraya tersebut, BN menang 23 kerusi dan PBS menang 25 kerusi.

Kerajaan PBS yang dibentuk selepas pilihanraya tersebut hanya berusia 5 minggu kemudiannya ditumbangkan bila sebahagian besar daripada adun-adun mereka bertindak keluar daripada PBS menyertai BN dengan membentuk parti-parti baru.

Akhirnya PBS hanya mempunyai 5 adunnya saja menjelang pilihanraya yang baru lalu.

Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, UMNO bukan parti yang tamak kuasa. Falsafah pemerintahannya ialah memberikan peluang kepada semua pihak untuk berkongsi kuasa.

Walaupun UMNO menguasai 24 kerusi dan tujuh lagi adun dari parti-parti komponen namun kabinet negeri tetap mencerminkan penyertaan pelbagai kaum.

Memanglah benar di Semenanjung bahawa MIC mempunyai enam anggota parlimen yang menang di semua kapar yang diperuntukkan kepada mereka sedangkan mereka tidak mempunyai satu pun kawasan parlimen yang mempunyai majoriti kaum India yang ketara.

Datuk S. Samy Vellu sendiri menang di Sungai Siput, Perak, kapar yang mempunyai majoriti pengundi Melayu.

## **TUGAS UTAMA WANITA UMNO SERANG WAN AZIZAH**

*B*arangkali juga dengan perlantikan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menjadi seorang menteri membolehkan tiga orang tokoh wanita UMNO yang kini menjadi anggota jemaah menteri membuat serangan demi serangan untuk menghadapi Presiden ADIL, Datin Seri Wan Azizah daripada mengganggu UMNO dan BN.

Ibu Pejabat Wanita UMNO mungkin boleh membuat penyelarasan dengan ketiga-tiga menteri wanita itu untuk mengemukakan hujah demi hujah bergilir-gilir menyerang tokoh wanita yang menjadi pemimpin kepada sebuah parti pembangkang di tanahair kita.

Apabila ketiga-tiga menteri wanita ini dengan 165 bahagian wanita UMNO membuktikan kegagahan mereka untuk menghadapi Wan Azizah, saya yakin serangan tersebut berupaya menghalang gangguan Presiden Adil ke atas UMNO dan BN.

Perlantikan Datuk Dr Siti Zahrah sudah pasti merupakan pengiktirafan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir terhadap kepercayaan wanita UMNO yang telah memilihnya sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di persidangan perwakilan wanita UMNO tahun 1966 yang lalu.

Setelah menunggu hampir tiga tahun yang menggelisahkan, wanita UMNO sendiri yang memilih Datuk Dr Siti Zaharah hampir-hampir merasa kecewa terhadap ketua mereka yang seperti tidak mendapat pengiktirafan daripada Dr Mahathir.

Sudah ada dua tokoh wanita menjadi menteri di dalam kabinet Dr Mahathir. Mereka ialah bekas Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Abd Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datin Paduka Zaleha Ismail

selaku Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Datuk Dr Siti Zaharah telah dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tentulah amat kekok bila dilihat oleh orang UMNO sendiri bagaimana dua tokoh wanita UMNO yang menjadi menteri tidak pun duduk menerajui Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Sedangkan Ketua Wanita UMNO Malaysia yang dipilih terus menjadi Timbalan Menteri Kesihatan.

Memberhentikan seorang atau kedua-dua menteri semata-mata akibat mereka tewas di dalam pertandingan merebut pucuk pimpinan Wanita UMNO bukanlah cara Dr Mahathir.

Ada ramai para menteri dan menteri-menteri besar yang tewas di dalam pertandingan parti terus berkhidmat tanpa apa-apa tindakan dari Datuk Seri Dr Mahathir.

Rafidah dan Zaleha pula bukanlah sebarang menteri dan kecekapan mereka mentadbirkan kementerian masing-masing dilihat tidak kurang hebatnya dengan para menteri lelaki atau ada yang menyebutkan kebolehan Rafidah dilihat sebagai mengatasi akan kecekapan beberapa orang pak-pak menteri.

Dengan perlantikan Siti Zaharah itu membuktikan Dr Mahathir telah mengiktiraf sumbangan wanita UMNO yang kini menjadi separuh daripada keanggotaan UMNO keseluruhannya.

Malahan ramai penganalisis politik melihat akan aktiviti wanita UMNO di peringkat akar umbi tidak ada tolok bandingnya kepada kekuatan UMNO sendiri.

Di bawah kepimpinan Dr Mahathir, wanita yang sebelumnya hanya punya seorang menteri saja kemudiannya bertambah menjadi dua dan kini berjumlah tiga menteri.

Oleh yang demikian, Zaharah, Rafidah dan Zaleha mestilah tidak membiarkan Wan Azizah dan partinya memfitnah dan meremehkan kepimpinan Dr Mahathir sesuka hati mereka.

Kepakaran ketiga-tiga tokoh wanita UMNO ini boleh mengakibatkan Wan Azizah tidak sampai ke mana pun.

Datuk Sri Rafidah umpamanya, tidak memberi muka kepada Al Gore dan Madeleine Al Bright melakukan sesuka hati bila mereka menghadiri sidang APEC tempoh hari.

Beliau bukan setakat mempertahankan apa jua tindakan kerajaan kita malah dengan beraninya telah menyerang para pemimpin Amerika yang biadap itu.

## SASARAN TERBARU

PERGERAKAN wanita UMNO Malaysia berjaya melancarkan Amanah Saham Wanita (ASNITA), saham amanah wanita tunggal di negeri ini yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir pada 5 Mei, 1998 lalu.

Inilah satu aktiviti terulung yang dilancarkan sejak Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mengambil alih kepimpinan pergerakan tersebut daripada Datuk Seri Rafidah Aziz, dua tahun lalu.

Saya melihat Asnita telah berjaya mengatasi prestasi indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sejak ia dilancarkan dan saya yakin ia berkemungkinan besar berupaya mengumumkan dividen setara paras kadar faedah tetap (FD) semasa yang ditawarkan oleh institusi kewangan tempatan.

Bagaimanapun Asnita sendiri yang diuruskan oleh Hijrah Unit Trust Management Bhd (HIJRAH) yakin dapat mengumumkan pulangan dua angka kepada para pelaburnya jika ia dapat mengekalkan prestasi cemerlang di dalam keadaan pasaran semasa sehingga akhir tahun lalu.

Pengerusi Eksekutifnya, Puan Rohani Md Shahrir berkata, jika pasaran saham tempatan menerima pemantulan pada bila-bila masa, Asnita berkemungkinan dapat memberi pulangan lebih tinggi malah melebihi kadar faedah simpanan tetap, yang sudah tentu akan menjadi daya tarikan para pelabor.

Asnita yang dilancarkan pada 5 Mei, 1998 telah berjaya mengutip RM55 juta sehingga akhir Jun lalu.

Daripada jumlah tersebut, 10 peratus digunakan untuk melabur dalam bon kerajaan dan 25 peratus dalam pasaran saham, yang mana setakat ini ia sudah dilaburkan dalam 20 kaunter, selebihnya 65 peratus dilaburkan di dalam pasaran wang dan sekuriti hutang yang memberi pulangan paling lumayan lebih 11 peratus.

"Prestasi dan pencapaian memberansangkan Asnita di dasarkan kepada pendekatan berhati-hati para pengurus dananya. Semua cadangan pelaburan wajib melalui lapan tapisan dan ujian tekanan kewangan membabitkan kekuatan dari segi asas dan teknikal sesebuah kaunter dan pelaburan," ujar Puan Rohani.

Berdasarkan pendekatan ini, ASNITA mengamalkan 3 strategi pelaburan di dalam menjayakan pelaburannya iaitu jangka panjang membabitkan pulangan antara 3 dan 5 tahun, senarai utama membabitkan pelaburan setahun dan pembelian runcit.

## **PERJUANGAN AKAR UMBI**

PERGERAKAN Wanita UMNO selalu disanjung sebagai sayap kiri UMNO dengan Pemuda berada sebagai sayap kanannya.

Tetapi peranannya boleh di lihat di mana-mana terutama di dalam tugas menggembeleng sokongan terhadap parti tanpa syarat dan tanpa ganjaran dari perjuangan yang mereka sumbangkan.

Ada pendapat yang lumrah mendakwa bahawa wanita-wanita UMNO di peringkat akar umbilah yang kelihatan sentiasa komited di dalam menegakkan UMNO kerana tanpa mereka apalah UMNO.

Datuk Seri Dr Mahathir sendiri arif benar akan sumbangan ini.

Tetapi wanita UMNO kini tidak lagi dapat bertahan begitu saja melihat apa jua keadaan yang mereka warisi dari perjuangan bertahun-tahun menjunjung UMNO di atas pundak mereka.

Wanita UMNO melalui ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman telah pun mengumumkan bahawa mereka akan mula menggerakkan semua jentera bagi memastikan matlamat penguasaan 30 peratus kalangan wanita dalam bidang tugas pembuat dasar dan membuat keputusan di Malaysia tercapai menjelang tahun 2005.

Kata Siti Zaharah, wanita UMNO telah menubuhkan unit khas bagi memastikan semua pihak bertanggungjawab melaksanakan program memastikan lebih ramai kaum wanita dilantik sebagai pembuat dasar atau keputusan.

Beliau tidak mahu matlamat ini hanya sebagai kenyataan politik semata-mata.

"Kita amat serius dan mahu memastikan matlamat itu tercapai dalam tempoh tujuh tahun dari sekarang."

Beliau menambah, Wanita UMNO juga akan mengenal pasti status penguasaan wanita dalam bidang pembuat dasar keputusan sekarang sebagai langkah susulan.

Katanya, pihak bertanggungjawab perlu memastikan langkah sudah pun diambil bagi memenuhi objektif ini.

"Kita akan mengambil contoh daripada kerajaan tempatan, majlis perbandaran dan pihak lain bagi memastikan objektif ini dipenuhi."

Beliau kesal usaha yang diambil sebelum ini tidak memberansangkan, sebaliknya matlamat penguasaan wanita itu hanya tinggal pengiktirafan kerajaan semata-mata.

Beliau juga menyebutkan, pergerakan wanita pimpinannya akan berganding bahu dengan pelbagai pertubuhan wanita serta golongan

profesional bagi memastikan matlamat 30 peratus wanita di dalam bidang tugas membuat dasar tercapai.

"Wanita UMNO juga akan memberi perhatian mengisi keperluan serta memantau usaha itu untuk peringkat negeri, daerah serta kampung.

"Kita juga akan membantu semua pihak termasuk badan bukan kerajaan seperti parti politik bagi mencapai matlamat ini."

Beliau berkata, Biro Politik Wanita UMNO akan memberi tumpuan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk membantu kerajaan mengenal pasti wanita yang layak mengisi kekosongan secara beransur.

Dalam perkembangan lain, Dr Siti Zaharah berkata, Pergerakan wanita UMNO menyarankan supaya satu konglomerat diwujudkan bagi menggembelng dana yang membolehkan wanita negara ini mengambil pegangan ekuiti dalam beberapa perusahaan yang strategik dan berkepentingan negara.

Katanya, antara perusahaan strategik itu adalah bidang pertanian moden, pembuatan, perkhidmatan, kewangan, pengedaran, khidmat pergudangan, pelancongan dan industri hospitaliti. Menurutnya, dengan peluang lebih terbuka kepada wanita yang mewakili kira-kira 11 juta atau separuh daripada jumlah rakyat negara ini, usaha tersebut pasti akan meningkatkan pendapatan mereka.

## DANA IKS UNTUK WANITA

DR NORRAESAH Abd Rahman, ahli EXCO Wanita UMNO Malaysia mengalu-alukan saranan yang dibuat oleh Datuk Dr Afifuddin Haji Omar, semasa menjadi Timbalan Menteri Kewangan yang mahukan wanita UMNO memohon kerajaan supaya sebahagian daripada RM1.5 bilion yang diperuntukan dalam tabung IKS diberikan kepada kaum wanita.

Katanya, cadangan Dr Afifuddin meyakinkan beliau kemampuan wanita di dalam menjana semula ekonomi negara.

"Selain daripada itu, berbanding dengan lelaki, usahawan wanita lebih mudah membayar hutang."

Katanya, dalam sejarah penggunaan seperti IKS, kajian mendapati 100 peratus kaum wanita membayar balik pinjaman berbanding dengan 77 peratus saja dari kalangan usahawan lelaki.

Faktor ini merupakan *markah tambahan* bagi wanita selain daripada

ianya dapat membantu menjana semula ekonomi kita yang kini sedang menguncup. tegas beliau selepas merasmikan ekspo niaga wanita 98, di Kuala Lumpur, tahun lalu.

Dr Afifuddin berkata, tabung IKS yang dilancarkan Januari lalu dengan peruntukan RM1.5 bilion telah menerima sambutan yang dingin kerana hanya RM312 juta atau 20.8 peratus saja yang diluluskan hingga kini. Daripada jumlah tersebut hanya RM50 juta saja yang telah dikeluarkan.

Dr Norraesah yakin kiranya pembiayaan khusus untuk wanita itu dibuat, wang dana tersebut akan dapat dipergunakan dengan cepat.

YB Senator Toh Puan Wan Aishah Ahmad pula menghargai tawaran oleh Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad yang telah meminta wanita UMNO menyenaraikan nama usahawan wanita yang ingin mendapatkan kemudahan pinjaman supaya dapat diberikan perhatian segera.

Seorang lagi ahli EXCO wanita UMNO, YB Mesrah Selamat mengalu-alukan cadangan supaya semua 165 Ketua Wanita UMNO Bahagian dengan secara automatik dilantik menjadi seorang dari sepuluh ahli perwakilan UMNO bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia bagi mengimbangi angka perwakilan wanita yang didapati amat kurang selama ini.

YB Datuk Sabariah Ahmad, Ahli EXCO Wanita UMNO dari Johor gembira kerana peranan wanita Melayu telah semakin ditingkatkan di dalam semua bidang termasuk pentadbiran, politik, ekonomi dan sebagainya.

Hajah Zainab Abd Rahman, ahli EXCO dari Kedah menyanjung tinggi akan kepercayaan Dr Mahathir melantik Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai TPM menggantikan Anwar Ibrahim.

Datuk Maznah Abd Hamid, seorang lagi ahli EXCO dari Kedah bersedia untuk memimpin seberapa ramai kaum wanita terlibat aktif di dalam dunia perdagangan dan perusahaan.

YB Maznah Ali, seorang ahli EXCO dari Pahang mahukan lebih banyak aktiviti untuk menguruskan hal ehwal wanita dilancarkan bagi meningkatkan lagi peranan wanita menghadapi zaman depan mereka.

YB Khamsiah Yeop, ahli EXCO dari Perak pula menggesa kaum wanita supaya terus berjuang dengan penuh yakin untuk kesinambungan kepimpinan wanita Melayu pada masa depan.

YB Zaleha Hussain, ahli EXCO dari Kelantan mahukan **suasana beragama** terus disemarakkan di dalam kehidupan bangsa Melayu.

## BULETIN WANITA

SALAH satu aktiviti terpenting wanita UMNO di peringkat bahagian ialah menerbitkan buletin berkala sekurang-kurangnya setahun sekali yang menyiarkan juga aktiviti bergambar.

Saya sempat membaca Buletin NALURI terbitan sulung Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Tanjung, Pulau Pinang yang agak menarik.

Buletin tersebut melambangkan kesungguhan dan tekad wanita untuk memperjuang dan mengekalkan ketuanan bangsa, kata Ketua Pergerakan Wanita UMNO bahagian itu, Norjan Abdul Hamid.

Beliau yakin penerbitan buletin tersebut mampu berfungsi sebagai penyampai maklumat kepada agenda Wanita UMNO Tanjung.

Saya mengucapkan syabas kepada Norjan dan kawan-kawannya yang menjadikan buletin tersebut untuk merapatkan hubungan serta kepimpinan Wanita UMNO di peringkat bahagian hingga ke akar umbi dengan satu wawasan untuk menjaga nama baik dan keharmonian UMNO bahagian dan parti keseluruhannya.

Saya suka mencadangkan supaya sekurang-kurangnya satu aktiviti setiap cawangan pergerakan wanita dilaporkan yang melibatkan ahli-ahli pergerakan Wanita UMNO setempat.

Demikian pula sekurang-kurangnya satu aktiviti bagi setiap AJK Wanita UMNO bahagian akan disiarkan walaupun hanya satu para berita sekali pun.

Dengan cara itu buletin tersebut akan menjadi rujukan aktiviti semua para pemimpin Wanita UMNO bahagian dan aktiviti setiap cawangan yang sudah pasti akan menyemarakkan aktiviti keseluruhan Wanita UMNO bahagian yang terlibat.

Cubalah elakkan memasukkan laporan yang berjela-jela untuk seseorang tokoh dan tidak menyiarkan langsung aktiviti tokoh lain.


Ingatlah, bila satu-satu buletin diterbitkan mempamerkan banyak gambar dan berita seseorang tokoh saja walaupun setinggi mana jawatannya maka para pembaca akan meluat dengan buletin itu.

Itulah sebabnya ada banyak buletin yang walaupun diberikan secara percuma tetapi berlambak-lambak tidak sudi dibaca orang.

Ada buletin yang mempamerkan nama penasihat dan penaungnya dengan cerita dan gambar penasihat dan penaungnya lebih suku daripada isi kandungannya hanya menjadi bahan ketawa rakyat yang kini mahir tentang penyebaran maklumat yang berkesan.



## 4,000 MASJID PASARAN TERBARU MUSLIMIN

 Apabila kami melancarkan projek pembinaan lebih 200 unit gerai rakyat di kawasan parlimen Pontian hampir 20 tahun yang lalu, kami mencadangkan supaya didirikan dua gerai - sebuah untuk gerai makanan dan sebuah lagi untuk gerai jualan barang-barang runcit di setiap kawasan masjid.

Rancangan kami itu telah mendapat tentangan hebat tetapi kami tetap juga mendirikan gerai-gerai rakyat tersebut di kawasan yang berhampiran dengan masjid dan di setiap persimpangan jalan masuk ke kampung-kampung di daerah Pontian.

Cadangan ini pernah saya suarakan di dalam mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri Johor yang dipengerusikan oleh Datuk Musa Hitam tetapi Datuk Ajib Haji Ahmad yang menjadi Menteri Besar waktu itu menganggap gagasan ini sebagai remeh. Maka terkial-kiallah kami secara bersendirian menjayakan projek tersebut dari peruntukkan RM200,000 yang saya terima sebagai Ahli Parlimen.

20 tahun kemudian bila Kerajaan Kedah melancarkan pembinaan Kedai Runcit Masjid (KRM) di perkarangan 200 dari 528 buah masjid di negeri itu maka tentulah saya orang yang pertama memberi tabik hormat kepada Tan Sri Sanusi kerana kepimpinan beliau patuh kepada saranan Nabi Muhammad saw yang menegaskan bahawa "**Sembilan persepuluh rezeki itu ada di dalam perniagaan.**"

Jabatan Kerja Raya Kedah telah membuat reka bentuk KRM itu yang telah didirikan di perkarangan puluhan buah masjid sejak program itu dilancarkan akhir tahun 1998 yang lalu.

Setiap unit KRM itu berharga RM15,000, merupakan bangunan kedai

yang sederhana tetapi menarik pandangan orang ramai.

Kami di Pontian bernasib baik kerana adanya seorang Pegawai Daerah seperti Datuk Mohd Noor Abd Rahim dan penolong pegawai daerah seperti Mahmood Hashim dan Abdul Samad Ariffin yang telah turut membantu menjayakan projek gerai rakyat tersebut.

Para pemimpin UMNO bahagian yang turut membantu saya termasuklah Datuk Jalok Daing Malibok, Salehon Sengot, Yahaya Abd Rahim, Nasir Safar, Abd Malek Ibrahim, Rahmat Manidi, Abd Jalal Aziz, Bakri Shahid, Rushdi Sapawi dan ramai lagi rakan-rakan lain yang telah berusaha penuh gigih hinggakan lebih 200 gerai rakyat dapat kami bina dalam tempoh empat tahun saya menjadi Ahli Parlimen kasar Pontian.

Memanglah banyak halangan telah dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk anasir-anasir dari kalangan kita sendiri yang membuat alasan bahawa masjid bukanlah tempat berniaga dan kawasan masjid tidak patut dikotori oleh kedai-kedai yang hendak kami bina.

Walau bagaimanapun, ada juga gerai-gerai rakyat yang kami bina berhampiran dengan masjid atau surau di mana pihak para peniaga tersebut telah saya arahkan supaya membayar wang api dan air yang telah digunakan di masjid atau di surau-sarau berhampiran sebagai amal jariah mereka setiap bulan.

Sebahagian besar daripada lebih 200 gerai rakyat yang saya bina dari peruntukan ahli parlimen di kawasan parlimen Pontian dan Sungai Benut masih terus aktif menjalankan perniagaan hingga ke hari ini.

Walaupun saya telah disuruh bersara dari menjadi wakil rakyat lebih 17 tahun yang lalu, saya bersyukur bahawa sebahagian besar dari gerai-gerai rakyat tersebut masih tegak memperlihatkan aktiviti perniagaan di kalangan orang Melayu secara kecil-kecilan yang terulung di tanahair kita.

Tidak hebatkah gagasan ini kerana sudah wujud 200 unit gerai yang bertaburan di setiap mukim di kawasan Parlimen Pontian dan Sungai Benut yang saya wakili pada tahun 1978-82 yang lalu untuk orang Melayu terus berniaga hingga ke hari ini?

Tetapi bila Tan Sri Sanusi bergegas melancarkan projek KRM di negeri Kedah itu, sudah tentulah saya orang yang pertama merasa terhibur akan inisiatif beliau itu.

Sejak saya bersara 17 tahun yang lalu maka terhalanglah projek lansung yang boleh saya buat sebagai Ahli Parlimen itu. Tetapi saya tidak berputus asa untuk menyebarkan gagasan ini termasuk semasa

saya membentangkan kertas kerja mengenai **Strategi Penerangan UMNO** pada 8 September, 1998 di PWTC itu.

Syukurlah gagasan ini telah dijayakan di tempat-tempat lain seperti di Melaka, Terengganu, Selangor, Kedah, Perlis, Pahang dan sebagainya walaupun tidak se pantas dan sebanyak yang saya bina di Pontian dan di Sungai Benut pada tahun-tahun 1978-82 itu.

Tan Sri Sanusi mahu membina 200 kedai runcit masjid dari 528 masjid dan kini ada sebanyak 8,000 buah masjid di seluruh tanahair.

Apakah pendapat 17,007 ketua cawangan UMNO sekiranya separuh dari jumlah semua masjid itu iaitu 4,000 masjid mempunyai kedai runcitnya masing-masing?

Apakah yang patut dibuat oleh 17,007 ketua cawangan bila meneliti projek KRM ini?

Tidakkah kita terfikir, dengan terbinanya 4,000 unit kedai runcit di seluruh tanahair itu merupakan salah satu jaminan wujudnya dengan luas pasaran kepada apa jua pengeluaran industri oleh bangsa Melayu tidak seperti sekarang ini yang sentiasa saja menghadapi pelbagai sabotaj oleh pihak-pihak yang tertentu.

## **KEMPEN MINGGUAN**

Sebaik-baik saja kedai runcit didirikan di perkarangan masjid, ahli-ahli jawatankuasa masjid diberikan tugas baru untuk menguruskannya sebagai tugas tambahan yang sedang dijalankan oleh mereka seperti mengendalikan pungutan wang derma dan menjayakan agenda harian, mingguan, bulanan dan tahunan masjid yang telah ditetapkan selama ini.

Sudah tentulah peranan menguruskan KRM itu akan dilibatkan secara langsung dengan aktiviti masjid kerana sebahagian daripada keuntungannya akan dipergunakan untuk pengurusan masjid.

Tan Sri Sanusi mahukan laporan mengenai 200 KRM itu dihantar kepada Majlis Agama Islam Kedah yang kemudiannya akan dibincangkan di dalam mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri.

Pelancarannya sudah pasti akan menjadi bahan khutbah Jumaat atau diumumkan sebelum sembahyang Jumaat atau selepas menunaikan sembahyang Jumaat saban minggu.

Barangkali juga boleh kita mengambil teladan dari kalangan bangsa kita sendiri, apabila ada kedai-kedai Melayu yang hendak dirasmikan pembukaannya. Mereka biasa saja memperli dan

menyindir-nyindir dengan perkataan negatif seperti, " Melayu nak berniaga? Tengoklah tak berapa lama nanti akan bankrup jua akhirnya!"

Cakap-cakap ini selalu didendangkan dan kebanyakannya *masin* juga cakap celupar ini.

Kini kita boleh menggunakan masa menunaikan solat Jumaat untuk memberitahu sambutan yang diberikan oleh orang Islam terhadap kedai runcit ini.

Biasanya masjid yang hendak didirikan kedai runcit ini mempunyai kira-kira 300 ahli kariah yang menunaikan solat Jumaat.

Sekiranya seorang berbelanja RM50 saja sebulan maka jumlahnya meningkat RM15,000 sebulan. Sudah pasti jumlah tersebut merupakan kuasa membeli yang kuat untuk menegakkan peranan menjual beli di kalangan orang Melayu.

Saya juga seronok dengan andaian angka berikut.

Sekiranya setiap dari 4,000 masjid boleh menjual 100 kampil 10 kilo beras maka jumlahnya menjadi 400,000 kampil atau 4 juta kilo sebulan.

Sekiranya setiap masjid boleh menjual 100 kilo gula maka jumlahnya ialah 400,000 kilo gula dapat dipasarkan melalui KRM ini.

FAMA dan Pernas Edar sudah pasti boleh memasarkan banyak barangan melalui KRM ini.

Ketika itu pembentukan dan peranan industri kecil dan sederhana (IKS) Melayu akan dapat dilaksanakan secara lebih terjamin kerana 4,000 KRM sudah mampu memberi jaminan untuk memasarkan barangan keluaran mereka.

Cerita orang Melayu memakan bahan-bahan makanan yang syubhah atau tidak pasti halalnya juga akan berkurangan atau boleh dielakkan terus kerana industri makanan Melayu dan sebagainya boleh diwujudkan dan pasti mendapat sambutan menerusi KRM-KRM ini untuk dibeli oleh kaum Muslimin.

## PERANAN BAITULMAL

Setiausaha Akhbar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ustaz Shamsul Najmi memberi tahu saya akan angka-angka pungutan zakat yang melibatkan beberapa buah negeri pada tahun 1998 yang lalu.

Umpamanya Wilayah Persekutuan memungut RM50.6 juta. Johor

RM23 juta, Pulau Pinang RM10 juta, Melaka RM9 juta, Sarawak RM10 juta, Kedah RM10 juta, Pahang RM9 juta dan Perak hanya dapat memungut RM10 juta saja tahun lalu akibat pelbagai kelemahan pentadbirannya selama ini yang masih terus belum diperbaiki.

Dari lapan asnaf, sekurang-kurangnya ada tiga ansaf yang peruntukannya boleh dipergunakan untuk memajukan ekonomi umat Islam seperti al-Gharimin, Fisabilillah dan Ibni Sabil.

Marilah kita membuat andaian dengan mengambil satu asnaf iaitu 12.5 peratus saja dari keseluruhan wang zakat itu maka pembinaan KRM tersebut akan dapat dibina tanpa menghadapi apa-apa masalah kewangan pun pada tahun ini.

11 bahagian UMNO mestilah berusaha mendapatkan 10 peratus atau RM5 juta saja dari keseluruhan zakat tahun lalu untuk mendirikan lebih 333 KRM di seluruh Wilayah Persekutuan.

Peruntukan satu tahun ini sudah mencukupi untuk membina KRM di 333 buah masjid atau surau bagi seluruh Wilayah Persekutuan.

Johor pula boleh memperuntukkan RM2.3 juta dari kutipan zakat tahun lalu membolehkannya mendirikan 153 KRM di seluruh Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang pula boleh memperuntukkan RM1 juta bagi mendirikan 66 unit KRM di setiap negeri daripada pungutan zakat tahun lalu.

11 UMNO bahagian di Pulau Pinang bolehlah meminta kepada Datuk Shariff mempergunakan 10% dari wang zakat untuk membina tidak kurang 70 KRM setiap tahun berharga RM15,000 seunit.

Apa kata pengerusi-pengerusi Perhubungan UMNO Negeri yang lain mengenai cadangan saya ini dan apa pula reaksi mereka terhadap projek perintis yang telah pun mula dilancarkan di Negeri Kedah di bawah pimpinan Tan Sri Sanusi Junid?

Kalau projek KRM ini dijayakan serentak yang diambil dari satu saja asnaf dari lapan asnaf untuk tahun lalu saja maka pada tahun 1999 ini kita akan melihat tidak kurang 1,100 masjid di seluruh tanahair mempunyai kedai runcit masing-masing.

Ada juga masjid-masjid yang mempunyai wang simpanan puluhan malahan ratusan ribu ringgit dari pungutan derma orang ramai saban minggu ketika menunaikan Fardu Jumaat dan tentulah mereka boleh mendirikan KRM yang berharga RM15,000 itu tanpa meminta peruntukan daripada kerajaan atau Baitulmal.

Tidak hebatkah dunia pemasaran perniagaan umat Islam bila terbinanya 4,000 KRM nanti?

# PERAYAAN 11 MEI YANG KERAMAT

*U*MNO telah memasuki usianya yang ke 52 pada 10 Mei, 1998 yang lalu. Bagaimanakah sambutan terhadap hari yang dianggap keramat kepada Bangsa Melayu itu?

Datuk Seri Dr Mahathir ketika merasmikan Menara UMNO Pulau Pinang yang berharga RM30 juta telah menyeru ahli-ahli UMNO supaya selalu memperingati akan sejarah perjuangan UMNO yang dirintis oleh datuk nenek dan ibu bapa kita hingga membolehkan kita kini dapat mengecapi nikmat yang telah diperjuangkan oleh mereka di zaman dulu kala.

Beliau pernah berkali-kali sebelum itu menyarankan supaya golongan muda didedahkan dengan sejarah pahit maung yang dideritai oleh orang Melayu terutama semasa berada di dalam beberapa zaman penjajahan.

Dr Mahathir sendiri telah menempuh pelbagai rejim penjajahan yang di alaminya dengan penuh keinsafan hingga menyebabkan beliau bertekad untuk melindungi rakyat Malaysia dari dijajah semula dalam bentuk yang lebih teruk setelah negara mencapai kemerdekaan lebih 41 tahun.

17,007 cawangan UMNO mestilah segera menyemarakkan patriotisme di kalangan ahli-ahlinya yang berjumlah 2.7 juta orang supaya hakisan semangat cintakan tanahair tidak akan berlaku di waktu kebelakangan yang amat mencabar ini.

Apakah yang dibuat oleh UMNO di semua peringkat untuk mematuhi akan saranan dan arahan Dr Mahathir itu?

Di ibu pejabat UMNO Malaysia, pada petang 10 Mei, 1998 itu telah diadakan satu majlis forum yang dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda

UMNO Malaysia.

Empat orang telah mengambil bahagian di dalam forum tersebut. Mereka termasuklah Datuk Dr Sidik Fadzil, Tan Sri Abd Samad Idris, Datuk Dr Abd Kadir Jasin, A. Rostam Sani dan Prof Samsul Amri dari UKM.

Pada waktu senja, hanya seramai seratus orang bersolat Maghrib, membaca Yassin dan doa tahlil kemudiannya bersolat Jemaah Isyak yang diimamkan oleh Tan Sri Datuk Wan Mokhtar Haji Ahmad.

Majlis makan malam yang menyediakan jamuan untuk 300 tetamu hanya dipenuhi oleh tidak sampai 30 peratus saja kerusi yang disediakan.

Kebetulan ketika ulang tahun UMNO ke 52 itu, Datuk Seri Dr Mahathir sedang melawat ke Republik Mesir dan Sudan bersama-sama dengan beberapa orang tokoh UMNO yang telah menyertai rombongan Perdana Menteri itu seperti Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Dr Abd Hamid Othman dan Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Dr Mohd Yusuf Noor.

Apakah kerana Datuk Seri Dr Mahathir tidak berada di Malaysia maka ramai para menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik telah tidak hadir hingga ada cakap-cakap yang menyatakan bahawa **tokoh-tokoh politik UMNO yang mendapat darjat dan kemewahan tidak lagi menghormati hari kelahiran UMNO.**

Walau bagaimana pun empat orang Menteri Besar turut hadir. Mereka ialah Datuk Abd Ghani Othman, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Tan Sri Sanusi Junid dan Datuk Dr Abu Hassan Omar.

Pengerusi UMNO Negeri Sabah, Datuk Osu Haji Sukam dan Tan Sri Musa Hitam, bekas Timbalan Presiden UMNO turut hadir.

Siapakah yang boleh menafikan, 11 Mei itu adalah tarikh keramat?

Siapakah yang tidak bersetuju kiranya 11 Mei dirayakan oleh ahli-ahli UMNO di seluruh duniamnihuy6?

UMNO telah dilahirkan pada hari itu sebagai satu kekuatan yang paling hebat pernah ditunjukkan oleh Bangsa Melayu untuk menentang perbuatan biadab Penjajah Inggeris yang hendak menghancurkan Bangsa Melayu.

Dengan wujudnya UMNO, kita telah berjaya menentang Malayan Union, satu gagasan Inggeris untuk menghapuskan kekuasaan Raja-raja Melayu dan Bangsa Melayu sekaligus.

UMNO ditubuhkan dengan rasminya pada 11 Mei, 1946 di Istana Besar, Johor Bahru hasil Kongres Melayu Pertama yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru, di antara 1 hingga 4 Mac, 1946. Peristiwa tersebut membawa orang Melayu memasuki perjuangan

mencapai kemerdekaan yang terus disemarakkan hinggan tarikh kemerdekaan Malaya ketika itu dapat disegerakan lebih awal dua tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh Inggeris.

Menerusi pimpinan UMNO juga, Malaysia berjaya dibentuk yang memasukkan Sabah, Sarawak dan Singapura pada 16 September, 1963. Singapura kemudiannya telah disingkirkan dari Persekutuan Malaysia itu dan menjadi negara republik kemudiannya.

Kerajaan yang didukung oleh UMNO telah berjaya menghapuskan darurat dalam tempoh tiga tahun saja setelah merdeka pada tahun 1960 berbanding di bawah Inggeris yang bersengketa dengan komunis melalui perisytiharan darurat mulai tahun 1948 hingga 1957.

Kerajaan pimpinan UMNO telah diterajui oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri terdiri dari orang Melayu hingga berupaya menukar taraf hidup orang Melayu dari bangsa yang miskin dan papa kepada ramainya golongan terpelajar dan golongan yang berkemampuan setelah Mei 1969.

Kerajaan pimpinan UMNO memainkan peranan untuk kepentingan sejagat yang begitu terserlah hinggan Tan Sri Razali Ismail seorang diplomat Malaysia yang terkemuka telah dilantik menjadi Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1996.

Kenapakah UMNO hampir di semua peringkat negeri dan bahagian-bahagian di seluruh tanahair tidak mengambil kesempatan merayakan hari ulang tahun UMNO ini untuk menyemarakkan semangat perjuangan 2.7 juta ahli UMNO yang dikatakan telah mula pudar.

Anda sebagai ketua UMNO Cawangan tidak merasa apa-apakah bila tibanya hari kelahiran UMNO?

Barangkali ada sesuatu kerosakan dalam minda ketua-ketua cawangan UMNO kiranya mereka tidak merasakan sesuatu pun bila tibanya tarikh 11 Mei setiap tahun.

Saya suka menggesa supaya diadakan perayaan setiap ulang tahun UMNO di setiap cawangan UMNO untuk menggembleng semangat patriotisme kita yang tidak jemu-jemu berjuang di dalam UMNO.

Anjurkanlah majlis bacaan doa selamat dan beberapa pidato yang menghuraikan perjuangan UMNO sejak dari zaman orang Melayu tidak punya apa-apa pun supaya generasi muda kita dapat menyambung perjuangan untuk menghayati jihad ibu bapa dan nenek moyang mereka.

Sebaik-baiknya, mintalah seorang veteran UMNO datang menyampaikan pidato politik yang menghuraikan sejarah perjuangan UMNO dan penderitaan yang tak tertanggung ketika itu.



Prof Madya Ramlah Adam, seorang Pensyarah Sejarah dari Universiti Malaya dalam wawancaranya dengan TV3 menyarankan supaya sejarah perjuangan awal UMNO disebutkan semula untuk memberikan inspirasi kepada generasi terkini menghayati perjuangan tulin UMNO seperti yang tercatat di dalam sejarah.

Beliau mahukan kaum wanita UMNO terus memperingati sejarah perjuangan Ibu Zain yang begitu prihatin dengan masalah pendidikan yang menjadi sasaran perjuangan Allahyarham pada awal perjuangan UMNO.

Prof Ramlah menyebutkan bagaimana datuk nenek kita berjuang membentuk UMNO, menentang Malayan Union, menentang keganasan komunis, mempertahankan tanahair daripada serangan konfrantasi "Ganyang Malaysia" yang dilancarkan oleh Rejim Presiden Soekarno dari Indonesia.

Kegigihan perjuangan datuk nenek kita itu menurut Prof Ramlah patut sangat dibacakan semula untuk menyemarakkan semangat perjuangan tulin UMNO.

Jemputlah semua orang Melayu yang bukan menjadi ahli UMNO supaya turut sama mendengar dengan sabar akan kisah perjuangan UMNO yang hebat dan berkat ini.

Para hadirin mestilah diberitahu akan kejayaan menaikkan martabat orang Melayu sejak UMNO ditubuhkan pada 11 Mei, 1946 dulu hingga di zaman kehebatan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir kini.

Aminkan beramai-ramai akan permohonan doa yang dibacakan semoga Allah SWT memberikan taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua untuk meneruskan perjuangan seperti yang ditegaskan oleh Nabi Besar Muhammad saw **"Cintakan tanahair itu sebahagian daripada iman!"**

Inilah salah satu tugas yang wajib dilakukan oleh setiap daripada 17,007 ketua UMNO di seluruh tanahair kita yang tercinta ini sebagai tugas memperingati akan sejarah perjuangan jihad kita.

Kewajipan tersebut adalah sebagai persediaan menggembelng jiwa raga untuk mematuhi akan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

**"Dan bersiap sedialah untuk menghadapi mereka (musuh) dengan kekuatan apa saja yang kamu sanggup daripada kuda terlatih untuk berperang yang dengan persiapan itu kamu dapat menggerunkan musuh Allah, musuh kamu dan orang selain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah maha mengetahui." ayat 61 surah Al-Anfal.**

Mengadakan majlis perayaan mengingati akan perayaan ulangtahun UMNO adalah salah satu aktiviti cawangan UMNO untuk memperhebatkan jihad kita bagi menentang musuh-musuh kita dan musuh Allah SWT.

Saya ingin menyarankan supaya perayaan ulang tahun UMNO pada setiap 11 Mei itu diadakan tidak melebihi daripada 3 setengah jam.

Perayaan patut dibuat pada petang Khamis di Kelantan, Terengganu dan Kedah atau petang hari Sabtu untuk negeri-negeri lain.

Perayaan juga boleh diadakan di sebelah pagi hari cuti mingguan, Jumaat atau Ahad. Tetapi untuk menjaga maruah UMNO, pada jam 12.15 tengahari majlis yang diadakan itu hendaklah ditamatkan dan semua ahli UMNO lelaki hendaklah ke masjid menunaikan Fardu Jumaat dan tinggallah ahli-ahli wanita UMNO saja yang segera mengemaskan tempat perayaan supaya tidak ditinggalkan secara yang kotor.

### **PERAYAAN ULANG TAHUN UMNO KE 53**

#### **Anjuran UMNO Cawangan .....**

Susunan Majlis:

2.30 petang/ 9.00 pagi:	Ucapan Pengerusi Majlis, Setiausaha atau Ketua Penerangan UMNO Caw. ( 5 minit )
2.35 petang/ 9.05 pagi:	Bacaan Doa. ( 5 minit )
2.40 petang/ 9.10 pagi:	Menyanyikan lagu UMNO ( 5 minit )
2.45 petang/ 9.15 pagi:	Ucapan Ketua Cawangan ( 20 minit )
3.05 petang/ 9.35 pagi:	Ucapan Wakil Bahagian ( 30 minit )
3.35 petang/10.05 pagi:	Ucapan Wakil Rakyat ( 40 minit )
4.15 petang/10.45 pagi:	Ucapan tokoh undangan ( 60 minit )
5.15 petang/11.45 pagi:	Pengumuman tokoh cawangan terutamanya tokoh veteran
5.20 petang/11.50 pagi:	Membacakan latar belakang tokoh cawangan ( 20 minit )
5.40 petang/12.10 tgh:	Menyampaikan cendera hati kepada tokoh cawangan
5.55 petang/12.15 tgh:	Majlis bersurai.

( Semua perjumpaan cawangan hendaklah dijalankan tidak melebihi 3 1/2 jam. Kiranya majlis perayaan ulang tahun itu diadakan di sebelah petang hendaklah ditamatkan pada jam 6 petang bagi membolehkan ahli-ahli UMNO pulang menunaikan solat Asar dan kaum wanita dapat pulang segera menguruskan rumah tangga menjelang malam.

*Para penceramah pula mestilah mencuba sebaik mungkin untuk memberikan ucapan di dalam tempoh yang dihadkan kerana cakap-cakap yang berjela-jela tanpa menyediakan nota yang ringkas hanya membuang masa kerana mungkin apa yang hendak disebutkan oleh para pemimpin itu telah kerap didengar oleh orang ramai yang hadir.*

*Kemajuan media elektronik dan media cetak menghasilkan maklumat yang serta merta dapat diketahui oleh rakyat dan yang demikian, para pemedato yang menyampaikan ucapannya di mana-mana majlis mestilah sensitif akan isi kandungan ucapan masing-masing supaya tidak dianggap basi dan membuang masa orang ramai yang hadir di dalam satu-satu perjumpaan yang dianjurkan oleh mana-mana cawangan UMNO.*

*Para pemimpin cawangan juga tidak perlu bercakap panjang kerana berilah peluang kepada tetamu yang diundang memberikan ucapan agak lama sedikit kerana suara pemimpin setempat telah selalu benar didengari oleh ahli-ahli UMNO cawangan.*

*Mungkin mereka mahu mengambil peluang untuk mendengar orang luar atau tokoh lain memberikan ucapan yang agak panjang sedikit. )*

## **PEMUDA UMNO**

7.30 malam: Selepas Maghrib, wajarlah diadakan satu majlis membaca Surah Yassin dan Tahliil anjuran UMNO cawangan.

Esok pagi atau petangnya pula, hari cuti mingguan, Pergerakan Pemuda UMNO cawangan patutlah mengetuai ahli-ahli UMNO dan kaum Muslimin setempat mengadakan kerja bergotong royong membersihkan kawasan dan sekitaran masjid, balai raya atau kawasan tanah perkuburan Islam sebagai aktiviti bergotong royong meraikan ulang tahun UMNO yang amat berjasa dengan izin Allah SWT itu.

Aktiviti membersihkan sekitaran masjid patut diutamakan di dalam perayaan ulang tahun UMNO itu kerana ada banyak masjid yang keadaan bilik airnya begitu kotor. Kawasan mengambil wuduknya yang berlumut dan licin sedangkan kaum Muslimin dan Muslimat ramai yang mempergunakan masjid kini untuk solat lima waktu setiap hari.

Pada setiap hari Jumaat pula begitu ramai orang yang menunaikan Fardu Jumaat. Kelas-kelas agama untuk kanak-kanak, wanita dan orang awam kini sentiasa dianjurkan di masjid-masjid di seluruh negara.

Demikian juga dengan sarang labah-labah dan tahi cicak yang bertaburan di hamparan masjid patut benar dibersihkan untuk membuktikan bahawa ahli-ahli UMNO sentiasa saja peka terhadap ajaran Islam yang mahukan para penganutnya dalam keadaan bersih

terutama di dalam tugas menunaikan ibadah di masjid.

Bersempena dengan perayaan ulang tahun UMNO anjuran cawangan itu ada baiknya juga dijemput tokoh-tokoh dari cawangan-cawangan yang berhampiran bagi membolehkan mereka sekurang-kurangnya mengambil teladan daripada apa yang mereka lihat daripada pelbagai peristiwa yang berlaku semasa perayaan tersebut.

Jemputan ini sudah pasti boleh mengeratkan lagi hubungan di antara cawangan-cawangan UMNO yang berhampiran untuk lebih bersedia memberikan bantuan di antara satu sama lain di dalam apa jua aktiviti yang melibatkan masyarakat setempat.

Kiranya sebahagian besar daripada berpuluh-puluh ketua atau wakil-wakil cawangan UMNO di dalam satu-satu bahagian UMNO hadir maka sudah barang tentu perayaan cawangan tersebut akan memberi impak dan menyemarakkan semangat perjuangan dan keyakinan ahli-ahli cawangan setempat.

Saya berharap benar supaya perayaan kelahiran UMNO di semua peringkat akan menjadi perayaan yang amat meriah mulai daripada perayaan 11 Mei, 1999 ini.

Para pemimpin 17,007 cawangan yang membaca tulisan saya ini sudah mula mengatur apa jua persiapan untuk merayakan hari kelahiran UMNO pada setiap tahun, insya-Allah.

Bawalah agenda perayaan 11 Mei itu di dalam mesyuarat UMNO cawangan yang turut disertai oleh pemuda dan wanitanya.

Adakan aktiviti yang bersepadu untuk mengeratkan lagi hubungan di kalangan ahli-ahli UMNO dan jangan sama sekali membiarkan aktiviti berasingan hingga boleh membawa kepada keretakan di dalam sesebuah cawangan.

Apa jua aktiviti pemuda atau wanita, maka wakil-wakil cawangan patut hadir sama sepanjang perayaan tersebut.

## TULISAN JAWI

SEPANJANG perayaan 11 Mei tersebut jangan pula kita lupa menghidupkan syiar agama seperti membaca Selawat ke atas Nabi Muhammad saw dan tulisan jawi pula mestilah menjadi tulisan utama yang kelihatan terpampang besarnya di papan kenyataan.

Tulisan Jawi menggambarkan ajaran Islam yang kita junjung. UMNO di setiap cawangan mestilah mempertahankan penggunaannya setiap masa terutama bila kita mengadakan majlis-majlis keramaian.

Lambang UMNO yang bertulisan jawi " PEKEMBAR " itu hendaklah dipampangkan dengan saiz yang besar.

Kempen penggunaan Jawi hendaklah dipergunakan terus oleh para pemimpin cawangan terutama di dalam surat menyurat kepada ahli-ahlinya.

Umpamanya tulislah sekurang-kurangnya perkataan Assalamualaikum dan Bismillah dengan tulisan Jawi.

## PAMERAN KEJAYAAN

Di PERAYAAN menyambut 11 Mei yang diadakan setiap tahun, satu pameran patutlah juga diadakan sebagai tontonan setiap orang yang datang menghadiri perayaan tersebut.

Mungkin ada di antara penduduk di cawangan UMNO yang menyimpan gambar-gambar yang bersejarah maka pinjamlah daripada mereka untuk tujuan pameran tersebut.

Di muka surat 86 disediakan satu contoh bancian kepunyaan Melayu maka hasil bancian itu boleh juga turut dipamerkan.

Apakah kejayaan dari perjuangan yang telah dicapai oleh cawangan UMNO kita selama ini?

Kiranya ada gambar-gambar lama yang menunjukkan kawasan hutan belukar tempat asal pembangunan yang ada kini maka sudah pasti gambar-gambar tersebut akan dilihat dengan penuh nostalgia.

Kiranya ada gambar-gambar pembangunan yang baru maka bolehlah digandingkan dengan gambar-gambar lama tersebut.

Yang menarik juga ialah kejayaan pendidikan di kalangan anak-anak para penduduk setempat.

Pamerkan juga gambar anak-anak yang berjaya tersebut dan keluarga mereka untuk menjadi teladan orang ramai.

Tak hebatkah kiranya ada seorang doktor, peguam, akauntan, pilot, diplomat, pegawai PTD, guru siswazah, para pensyarah dan sebagainya yang berjaya dari kalangan keluarga mereka?

Kalau ada gambar mencatatkan pelbagai peristiwa tersebut tentulah lebih baik lagi di dalam memeriahkan perayaan 11 Mei ini.

Kalau ada minat untuk menunjukkan pencapaian para pelajar yang berjaya pada masa ini maka penyampaian hadiah patut juga dibuat bagi memberikan semangat anak-anak setempat lebih gigih belajar.

Jangan lupa kita kibarkan bendera UMNO, bendera BN dan bendera Malaysia supaya perayaan 11 Mei itu menjadi lebih hebat lagi.

## POSTER KEMENTERIAN

Semua ketua UMNO Bahagian mestilah cuba menjadikan perayaan 11 Mei, 1999 untuk merayakan 53 tahun kelahiran UMNO sebagai satu daripada acara persiapan menjelang pilihanraya kebangsaan yang akan di adakan bila-bila masa saja mulai dari sekarang hingga April, 2000.

Tulislah kepada tokoh-tokoh UMNO di semua kementerian dan mintalah daripada mereka sekurang-kurangnya satu poster istimewa yang mempamerkan kejayaan yang dicapai oleh kementerian masing-masing.

Kerajaan Malaysia mempunyai 24 kementerian dan sudah sepatutnya ada sebanyak 24 poster yang boleh dipamerkan sepanjang perayaan yang dianjurkan oleh 17,007 cawangan di seluruh tanahair.

Tentulah amat malang sekiranya tokoh-tokoh UMNO di mana-mana kementerian tidak mampu mencetak satu poster pun untuk dijadikan bahan pameran tersebut.

Demikian juga dengan poster-poster yang disediakan oleh kerajaan-kerajaan negeri sebagai tambah menarik perhatian para pengunjung.

Sepatutnya sudah menjadi tugas tokoh-tokoh tersebut memilih sekurang-kurangnya satu objek untuk dijadikan poster setiap tahun atau satu poster untuk lima tahun kerana sekiranya mereka tidak berupaya juga mewujudkannya maka apalah gunanya mereka bercokol di kementerian-kementerian tersebut dengan memiliki para pegawai seperti setiausaha-setiausaha politik dan setiausaha-setiausaha akhbar yang sedang dibantu oleh ramai para pegawai lainnya.

Ketua-ketua UMNO Bahagian mestilah memudahkan cawangan masing-masing untuk mendapatkan poster-poster tersebut bagi membolehkan setiap cawangan mengadakan pameran paling meriah untuk merayakan 53 tahun kelahiran UMNO pada 11 Mei, 1999 ini.

Dengan berlansungnya perayaan 53 tahun kelahiran UMNO ini secara yang meriah di setiap daripada 17,007 cawangan UMNO sudah pasti ia akan membantu merencanakan kempen untuk BN menguasai semula pemerintahan Malaysia dengan majoriti yang lebih besar lagi di dalam pilihanraya kebangsaan pada kali ini.

Setiap kementerian bolehlah mula mencetak 20,000 poster yang boleh diagihkan kepada 17,007 cawangan UMNO sebagai kempen yang terus sampai ke peringkat akar umbi melibatkan setiap ahli UMNO yang berjumlah 2.7 juta dan berjuta-juta rakyat Malaysia lainnya.

Saya yakin Pak Lah akan menjadikan perayaan ini sebagai teknik menyebarkan maklumat yang berkesan dalam rangka menyuburkan lagi semangat patriotisme di kalangan rakyat setempat.

Anda sudah punya maklumat sistematik terkini dengan kandungan buku Ketua UMNO Cawangan ini? Jangan lupa pula untuk memiliki juga buku yang sehebat ini;

Siri PENDIDIKAN POLITIK MALAYSIA (04)

**IKHWAN NASIR**

*Mengburaikan Tugas Setpol, Setiausaha Akbbar,  
Setiausaha Sulit, Setiausaha Peribadi Dsb*

**Peranan  
17,007  
Setiausaha  
UMNO**

*Kehebatan TOK MAT !*

Anda mahu tahu apakah peranan SUA UMNO,  
Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, Setiausaha  
Bahagian, Setiausaha Kerja dan sebagainya?

## **MUSTAPA HADKAN JUMLAH PENGARAH**

*M*enteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad telah bertindak menghadkan hanya 25 jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh seseorang individu termasuk 10 jawatan pengarah di dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL.

Sebelum itu beliau hanya membenarkan 15 pengarah saja termasuk lima syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL.

Tindakan beliau itu mestilah dialu-alukan kerana aspirasi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang saya suarakan di dalam perhimpunan agung UMNO tahun 1972 dan 73 menyarankan yang kami tidak mahu tokoh-tokoh politik dan para pegawai kerajaan yang bersara memegang puluhan jawatan pengarah ketika itu.

Kami telah mengkritik dilema tersebut dengan alasan bagaimanakah para pengarah Melayu yang berusia lanjut itu boleh berjaya memainkan peranan melibatkan orang Melayu di dalam dunia perdagangan dan perusahaan seperti yang mula hendak diperkenalkan oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dicetuskan akibat Tragedi 13 Mei, 1969.

Kami lantas menyarankan supaya satu dua jawatan pengarah diberikan juga kepada golongan muda Melayu supaya mereka mempunyai masa yang agak panjang untuk berlatih mengendalikan syarikat-syarikat bagi melibatkan orang Melayu benar-benar aktif di dalam bidang perdagangan dan perusahaan.



Kritikan yang saya suarakan itu menimbulkan kemarahan terutama di kalangan veteran UMNO di mana Datuk Harun Idris dan Datuk Musa Hitam terpaksa menemui Tun Dr Ismail memohon maaf di atas hujah-hujah yang saya kemukakan itu kiranya telah mencederakan banyak pihak terutama di kalangan para pemimpin veteran UMNO ketika itu.

Tun Dr Ismail memberitahu Datuk Harun dan Datuk Musa bahawa beliau mengambil tanggungjawab atas apa yang disuarakan oleh saya yang kebetulan menjadi setpol beliau dan mewakili Pemuda UMNO Malaysia.

Tun Abd Razak ketika menjawab kritikan saya itu mahukan supaya saya memberitahu Tun Dr Ismail apa juga isu kerana menurut beliau, saya adalah setpol Tun Dr Ismail.

Tun Dr Ismail juga mahukan Pemuda UMNO supaya bersedia menerima apa juga kritikan para pemimpin terhadap tindak tanduk mereka yang kelihatan begitu ofensif pada masa itu.

Lantas di dalam satu perjumpaan yang lain Tun Dr Ismail telah memberi amaran kepada Pemuda UMNO yang saya sendiri menjadi ahli Dewan Ketuanya supaya jangan menubuhkan " parti di dalam parti " bagi mengelakkan tanggapan Pemuda UMNO sepatutnya tidak menyerang kerajaan yang boleh dipergunakan oleh pembangkang untuk menarik sokongan rakyat.

Banyak isu lain ditimbulkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO seperti menjadikan Kuala Lumpur ibu pejabat akhbar-akhbar Inggeris, Melayu dan Cina yang ketika itu berpangkalan di Singapura.

Tun Dr Ismail telah diberikan tugas untuk melaksanakannya.

Pemuda UMNO juga telah mengalu-alukan Malaysia membentuk syarikat penerbangannya sendiri yang tugas itu juga dikendalikan oleh Tun Dr Ismail.

Kepimpinan Pemuda UMNO dari regu Harun-Musa itu juga mahu tindakan segera akibat penagehan dadah, penyusunan semula badan-badan kerajaan yang tidak mencerminkan wujudnya kakitangan pihak atasan yang wajar terdiri daripada orang Melayu, mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak mengenai ekuiti Melayu yang dikatakan tidak sampai 1 peratus ketika itu, program melahirkan 1,000 tenaga profesional Melayu setiap tahun dan sebagainya.

Saya mestilah menyebutkan juga nama rakan-rakan saya yang lain seperti Wan Mokhtar, Abd Kadir Sheikh Fadzir, Dr Noordin Selat, Abd Aziz Salehuddin, Abdullah Ismail, Hang Tuah Arshad, Dr Nik Hussin Abd Rahman, Man Harun, Zakaria Yahya dan sebagainya yang telah mempertahankan peranan pemuda sepenoh hati.

Satu peristiwa yang amat mengemparkan ialah keberanian Pemuda UMNO Malaysia menjemput Dr Mahahtir yang telah dipecat daripada UMNO dan belum pun diterima semula menjadi ahli UMNO ke satu seminar di Morib, Selangor yang dihadiri oleh pemuda-pemuda UMNO dari seluruh tanahair dengan dirasmikan oleh Tun Dr Ismail.

Dr Mahathir telah diminta membentangkan kertas kerja mengenai "kejenteraan" di mana Kamarul Ariffin Mohd Yassin menjadi pengerusi dan saya sendiri menjadi setiausaha bengkel tersebut.

Kami yang pernah menjadi para pemimpin Pemuda UMNO tentulah merasa amat terkejut bila bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Ahmad Zahid Hamidi sendiri dilaporkan menjadi pengarah kepada hampir seratus syarikat.

Dr Abd Rahim Ghaus, bekas Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang pula menjadi pengarah kepada lebih 40 syarikat dan Ruslan Kasim, bekas Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan menjadi pengarah kepada 20 syarikat.

Saya sendiri merasa terhina akan kejadian ini kerana kami telah membidas pembolotan menjadi pengarah syarikat 27 tahun yang lalu oleh segelintir pemimpin dan bekas pegawai kerajaan tetapi 27 tahun kemudian terbongkar berita bahawa para pemimpin Pemuda UMNO pula bertindak membolot jawatan pengarah-pengarah puluhan syarikat.

Datuk Mustapa meminta supaya tindakan menghadkan seseorang individu menjadi pengarah kepada hanya 25 syarikat dilaksanakan di dalam tempoh enam bulan dari sekarang.

Untuk melaksanakan arahan ini pastilah juga perbadanan ekonomi negeri-negeri terlibat sama.

Hingga kini ada individu yang menjadi pengarah kepada lebih 100 syarikat kepunyaan perbadanan ekonomi negeri-negeri.

Saya amat kecewa kerana tokoh-tokoh politik seperti ahli-ahli parlimen dan adun-adun biasa tidak berpeluang menjadi pengarah di dalam syarikat-syarikat milik kerajaan seperti yang didakwa oleh mereka, baru-baru ini.

Datuk Mustapa mestilah bertegas supaya seorang ahli parlimen atau seorang adun biasa diberikan peranan sekurang-kurang sebagai pengarah kepada sebuah syarikat kepunyaan kerajaan negeri.

Semasa menjadi diplomat pada 1974-77 saya menerima gaji RM2,450 sebulan tidak termasuk elaun seberang laut dan sebagainya.

Tetapi bila saya pulang ke tanahair dan dipilih menjadi ahli parlimen,

saya hanya menerima elaun sebanyak RM1,500 sebulan.

Cubalah bayangkan, apakah yang boleh saya buat dengan elaun RM1,500 itu. Tetapi Alhamdulillah dapat juga saya wariskan kawasan parlimen Pontian dan Sungai Benut dengan pelbagai sumber aktiviti perniagaan di samping memainkan peranan di peringkat nasional.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap ahli parlimen biasa dan setiap Adun biasa diberikan peluang menjadi pengarah kepada mana-mana syarikat di bawah perbadanan ekonomi negeri-negeri bila pengarah-pengarah yang sedia ada hanya dibenarkan menjadi pengarah kepada 25 syarikat saja termasuk sepuluh syarikat yang disenaraikan di BSKL.

Kenapakah tokoh-tokoh politik yang menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri tidak sudi melihat isu ini secara serius untuk memudahkan wakil-wakil rakyat dan ahli-ahli politik kita membuat khidmat.

Sekurang-kurangnya mereka boleh menggunakan kemudahan sebagai ahli lembaga pengarah itu untuk memberikan khidmat yang lebih berkesan untuk kepentingan rakyat dan para pengundi masing-masing.

## **MENTERI BESAR**

Kenapakah pula ahli-ahli politik tidak boleh diberikan tugas yang sama mengendalikan syarikat-syarikat perbadanan negeri sedangkan mereka adalah para pemimpin rakyat yang dipilih dan mendapat kepercayaan para pengundi mewakili UMNO dan BN.

Demikian pula dengan ketua-ketua UMNO bahagian yang tidak menjadi ahli parlimen, adun atau senator maka mereka juga sepatutnya diberikan peluang menjadi para pengarah kepada syarikat-syarikat yang kerajaan negeri dan kerajaan pusat mempunyai saham terbesar di dalamnya.

Datuk Mustapa telah mengarahkan jumlah 25 pengarah saja untuk seorang individu dan sudah tentu puluhan jawatan pengarah lagi terpaksa dilepaskan oleh mereka dalam tempoh enam bulan ini.

Saya yakin wakil-wakil rakyat dan tokoh-tokoh politik yang menerima habuan sebagai pengarah itu akan dapat menyumbangkan sebahagian daripada elaun mereka untuk kepentingan aktiviti parti pemerintah yang mereka wakili malah dapat pula sedikit sebanyak membiayai tugas-tugas politik yang semakin berat untuk kepentingan para pengundi.

Sudah pastilah saya mengucapkan syabas kepada Datuk Mustapa yang telah membuat inisiatif untuk menyelesaikan isu yang saya timbulkan mewakili Pemuda UMNO Malaysia 27 tahun yang lalu.

# MALAYSIA NEGARA ISLAM SEMPURNA



Ada ketua-ketua UMNO cawangan yang terpengaruh untuk meyakini akan perjuangan yang mereka sumbangkan melalui parti yang mereka dukung kadang-kadang mula goyah setelah mendengar akan hujah-hujah parti PAS bahawa UMNO memperjuangkan ajaran sekular dan orang UMNO terkeluar dari Islam.

Ada juga tuduhan dari PAS yang menyebutkan bahawa akidah orang UMNO telah terkeluar dari Islam kiranya mereka berterusan menjadi ahli UMNO dengan memperjuangkan ajaran sekular.

Kita bernasib baik walaupun hujah mengenai perjuangan UMNO telah dihuraikan sebagai perjuangan umat Islam yang sah oleh alim ulama kita tetapi kehadiran Syeikh al-Azhar patutlah menjadi pegangan semua 2.7 juta ahli UMNO di seluruh dunia.

Dengan huraian yang dibuat oleh Syeikh Mohamed Sayed Tantawi yang telah berkunjung buat kali keduanya ke Malaysia maka ahli-ahli UMNO akan lebih merasa yakin tentang komitmen mereka memperjuangkan ajaran Islam melalui UMNO.

Dr Mohamed Tantawi, 70 tahun, adalah pemimpin agama Islam tertinggi Mesir yang mempunyai kedudukan setaraf dengan Perdana

Menteri negara Arab itu.

Beliau menjadi pakar rujuk dalam hal ehwal Islam khususnya berkaitan dengan fatwa.

Beliau sedang memimpin Universiti al-Azhar, di Mesir, pusat pengajian tinggi yang sudah berusia lebih 1.000 tahun dan terus menjadi tumpuan ribuan para pelajar kita melanjutkan pengajian masing-masing di Asia Barat.

Ada ribuan para siswazah dari Universiti al-Azhar yang sedang berkhidmat di negara kita terutama ahli-ahli agama dan para alim ulama yang terbilang.

Dr Tantawi berada selama 4 hari di tanahair kita mulai 18 Ogos, 1998 dan ini adalah kunjungan kedua beliau ke sini sejak 10 tahun yang lalu.

Apakah ulasan Syeikh al-Azhar itu tentang Malaysia?

Katanya, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang sempurna kerana melaksanakan pembangunan yang lengkap di dalam bidang keagamaan dan keduniaan.

Di dalam wawancaranya dengan TV3 dan Mingguan Malaysia, Dr Tantawi berkata, menerusi penelitiannya mengenai Malaysia yang disaksikannya sendiri selama 4 hari, tidak ada sebab kenapa Malaysia tidak boleh dianggapnya sebagai negara Islam.

Beliau menyaksikan sendiri pembangunan yang lengkap yang dicapai oleh Malaysia di dalam kemajuan dunia dan agama sepanjang lawatannya itu.

Sepuluh tahun dulu beliau telah datang ke sini dan kehadiran beliau kali ini menyaksikan kemajuan dan tamaddun yang dicapai oleh Malaysia dalam tempoh yang amat singkat itu.

" Saya melihat sendiri di sini orang Islam sangat kuat dalam mengerjakan fardu-fardu yang dituntut oleh Islam dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diperintahkan oleh Allah SWT ke atas mereka.

" Semua ini menunjukkan Malaysia adalah negara Islam walaupun mempunyai kaum-kaum yang lain tinggal bersama. Tapi memadailah kiranya orang Islam menjadi penduduk majoriti," tegas beliau.

Dr Tantawi seterusnya memberikan alasan bahawa Malaysia adalah negara Islam kerana ciri-ciri terpenting sesebuah negara ialah apabila ia menganggap Islam sebagai agama yang benar, mendaulatkan keesaan Tuhan dan mengaku Nabi Muhammad saw sebagai Rasul Allah.

Selain daripada itu, ia membenarkan penduduknya mengerjakan segala fardu di dalam ajaran Islam, menggalakkan penyuburan sifat-sifat kebaikan dan berusaha untuk menguburkan sifat-sifat kejahatan, percaya kepada syariah Islam dan bekerja untuk melaksanakannya secara menyeluruh dalam semua aspek hidup.

Wartawan Astora Jabat daripada Utusan Melayu telah bertanya kepadanya, apakah Islam sesebuah negara itu jika ia tidak melaksanakan hukum hudud?

Dr Tantawi menjawab, pendapat itu kurang tepat kecuali jika sesebuah negara itu telah mengingkari perkara-perkara yang jelas menjadi hukum agama dan pengingkaran itu pula dilakukan secara jelas.

Menurutnya, usaha seperti yang dijalankan oleh Malaysia dengan mendahulukan pembangunan ekonomi umat Islam daripada hudud bukan mengingkari perkara-perkara yang jelas menjadi hukum agama.

"Orang yang menganggap Malaysia kafir adalah keterlaluan dan terkeluar daripada batas agama.

"Melaksanakan syariah Islam bukan hanya hudud saja, tapi mencakupi semua perkara yang dituntut oleh agama, sama ada yang berkaitan dengan agama mahupun yang berkaitan dengan dunia," ujar beliau.

Beliau seterusnya berkata, Islam melarang dilaksanakan syariah secara paksa, kerana paksaan tidak melahirkan Mukmin yang sebenar tetapi akan melahirkan Mukmin yang munafik.

Sebaliknya, menurut Dr Tantawi, pelaksanaan syariah harus dijalankan secara bijaksana seperti melalui nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar.

Wawancara lebih terperinci yang dibuat oleh Astora Jabat dengan Syeikh Tantawi adalah sebagai berikut:

● **SOALAN:** *Apakah ciri-ciri negara islam dan adakah mungkin dianggap Malaysia yang diduduki oleh pelbagai etnik sebagai negara Islam?*

● **JAWAPAN:** Ciri-ciri negara Islam, antara yang terpenting ialah ikhlas beribadat kepada Allah, berikrar bahawa Islam itu agama yang benar, menyaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, melaksanakan fardu yang dituntut oleh Allah seperti sembahyang, zakat, puasa, mengerjakan haji dan lain-lain suruhan agama.

## BERKEMBANG PERKARA BAIK

Negara Islam itu juga mesti di dalamnya berkembang perkara-perkara yang baik dan berkekurangan perkara-perkara yang tidak baik.

Ia juga sebuah negara yang berpegang dengan syariah Islam dan bekerja untuk melaksanakannya dalam semua aspek hidup secara keseluruhannya.

Itulah di antara ciri-ciri negara Islam.

Saya secara peribadi bila tiba di Malaysia buat kali kedua beberapa hari yang lalu menyaksikan pembangunan yang lengkap di dalam kemajuan dunia dan agama.

Saya melihat bangsa Malaysia adalah bangsa yang sangat mengambil berat terhadap fardu-fardu yang dituntut oleh Islam, melakukan segala suruhan yang diwajibkan oleh Allah ke atas mereka.

Saya dapati mereka rajin mengerjakan sembahyang di masjid-masjid.

Malah saya juga mendapati kaum wanita memakai sopan di rumah dan di jalan raya.

Itu semua menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara Islam. Tidak menjadi sebarang masalah terdapat di negara ini seperti yang terdapat di negara Islam yang lain penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik. Untuk menjadi negara Islam sudah cukup bila orang Islam menjadi penduduk majoritinya.

## SECARA KEKERASAN

● **SOALAN:** *Sesetengah orang mahu melaksanakan hukum Islam secara kekerasan, paksaan atau kekuatan seperti yang berlaku di beberapa buah negara, apakah pendapat tuan di dalam perkara ini?*

● **JAWAPAN:** Paksaan tidak dapat melahirkan orang Mukmin yang benar. Sebaliknya yang mampu melahirkan orang Mukmin yang benar ialah nasihat, bimbingan dan membiarkan mereka yakin sendiri. Setiap perbuatan yang dilakukan secara paksaan dalam syariah Islam dianggap memudaratkan dan tiada sebarang erti.

Kerana ini telah disebut di dalam al-Quran: "Dan bukanlah menjadi

tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman, jika Tuhanmu menghendaknya necaya berimanlah sekalian manusia yang ada di muka bumi ini. Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang yang beriman?" ( Surah Yunus: 99)

Dengan itu saya bersetuju menggunakan pendekatan nasihat, bimbingan dan biar yakin sendiri dan tidak sama sekali dengan paksaan.

Bagaimanapun, saya setuju dengan mengenakan hukuman ke atas orang yang menyakiti dan memerangi Islam dengan hukuman yang setimpal kerana itulah manhaj atau metodologi al-Quran dan Syariah Islam.

Manhaj al-Quran tidak menyamakan di antara orang yang baik dengan orang yang jahat. Allah berfirman, " Patutkah Kami ( berlaku tidak adil, dengan menjadikan orang-orang Islam ( yang taat ) sama seperti penjenayah ( orang yang berdosa, yang kufur ingkar )" (al-Qalam 35).

Al-Quran tidak menyebut orang Mukmin kecuali disebut bersama balasan baik yang akan diterima dan kemudian ia pula menyebut tentang orang kafir atau pelaku maksiat yang akan dikenakan balasan buruk.

Allah berfirman mengenai hal ini: " Maka ( dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya ),serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, maka sesungguhnya neraka Jahamanlah tempat kediamannya." ( an-Nazi'at: 37-39 ).

Maka dengan itu nasihat, bimbingan dan biar yakin sendiri adalah asas dalam pelaksanaan Islam. Sedangkan paksaan akan menyebabkan lahirnya orang Mukmin yang munafik dan pembongong. Dengan itu, Islam melarang menggunakan paksaan dalam pelaksanaan Islam.

● **SOALAN:** *Bagaimanakah negara Islam boleh membangunkan ekonomi tanpa mengorbankan nilai-nilai agama dan akhlak seperti yang berlaku di negara-negara Barat?*

● **JAWAPAN:** Negara Islam boleh membangunkan ekonomi dan menjadi maju seperti negara-negara maju di Barat dengan mengikut ajaran Islam. Ini kerana menjadi kewajipan orang Islam membangunkan ekonomi dan membangunkan dunia secara



keseluruhannya kerana Islam menyuruh kita berbuat demikian.

Sesiapa membaca al-Quran, dia akan mendapati bahawa Allah banyak menyebut perkara berkenaan seperti dalam ayat 61 surah al-Hud:

"Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka, Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta mengkehendaki kamu memakmurkan (membangunkannya). Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya."

Maksud 'menghendaki kamu memakmurkannya' ialah menyuruh kita membangun dunia ini dalam semua aspek. Difaham dari maksud ayat tersebut, kita perlu mengadakan pembangunan ekonomi, pembangunan ilmu, pembangunan budaya, pembangunan teknologi dan pembangunan peradaban secara menyeluruh.

Pokoknya kita mesti maju dalam semua bidang hidup. Bagaimanapun pembangunan untuk menjadi maju itu mestilah dengan syarat tidak bercanggah dengan nilai dan ajaran agama kita.

Ini bererti tindak tanduk dan interaksi kita di dalam kehidupan mesti mengikut dan tepat dengan hukum-hukum syarak.

Kita tidak patut meniru Barat yang maju dan bebas dari segala suruhan agama dan terurai daripada peribadatan kepada Allah SWT.

Sebaliknya apa yang perlu kita lakukan ialah berpegang teguh dengan ajaran agama di waktu kita berusaha membangun dan jika boleh mendahului orang lain atau sekurang-kurangnya menyamai mereka atau bekerja seperti mereka dalam bidang penciptaan, kemajuan sains, teknologi dan lain-lainnya.

Beza antara kita dengan mereka ialah kemajuan kita terikat dengan nilai-nilai kebaikan dan akhlak. Sedangkan kemajuan mereka boleh jadi menyeleweng daripada ketaatan kepada Allah SWT dan terhindar daripada melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

● *SOALAN: Terdapat orang beranggapan bahawa usaha atau ikhtiar untuk membangun dunia atau membangun negara untuk menjadi maju itu tidak ada kaitan dengan tuntutan Islam. Apa pendapat tuan?*

- **JAWAPAN:** Kegiatan dunia jika bertujuan supaya kita tidak meminta atau bergantung kepada bangsa lain, atau bertujuan untuk menyebarkan kemakmuran dalam masyarakat, atau bertujuan untuk membangun umat dan bangsa dalam bidang pertanian, perindustrian, perekonomian dan sebagainya, atau bertujuan untuk meninggikan kalimah Allah, adalah dituntut oleh Islam maka ia adalah wajib. Sebab semua itu dianggap sebagai salah satu daripada ibadat. Ini kerana ibadat di dalam Islam adalah termasuk setiap perkataan dan perbuatan yang diredai oleh Allah.

## **BEKERJALAH SEOLAH-OLAH HIDUP SELAMA-LAMANYA**

JIKA seseorang melakukan semua kewajipan dan membuat kerjanya dengan sempurna, sama ada doktor, jurutera, petani, buruh dan sebagainya adalah dianggap beribadat kepada Allah SWT.

Saya teringat sebuah kisah yang terkenal mengenai seorang lelaki yang ditegur oleh Rasulullah saw kerana suka membuat ibadat dan sering berada di dalam masjid. Nabi saw bersua dengan lelaki itu semasa baginda beriktikaf dalam masjid. Nabi bertanya, siapa yang menyara atau memberi dia makan?

Lelaki itu menjawab, ada orang tertentu yang menyara hidupnya. Rasul Allah lantas berkata, "Orang yang menyara kau itu lebih baik ibadatnya daripada kau."

Mengenai perkara ini Allah berfirman: "Maka apabila kamu selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu bertebaran di muka bumi dan carilah kurniaan Allah dan ingatkanlah Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beroleh keberuntungan." (al-Jumaat: 10).

Dalam Athar ada menyebutkan bahawa: "*Bekerjalah untuk dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok hari.*"

- *Pelbagai pendapat yang dihuraikan oleh Syeikh al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi ini sudah jelas membuktikan kepada kita bahawa perjuangan UMNO adalah perjuangan yang mendapat keredaan daripada Allah SWT.*

**2.7 juta ahli UMNO mestilah berjuang dengan keyakinan bahawa Allah SWT akan memberkati perjuangan hamba-Nya seperti kejayaan demi kejayaan yang dikurniakan-Nya untuk kita semua selama ini.**

## KERAJAAN TEMPATAN TUNJUK SAMSENG

**B**anyak lubang-lubang yang terdapat di jalan-jalan raya di Majlis Tempatan, Daerah, Perbandaran dan Dewan-dewan Bandaraya yang telah mengakibatkan para penggunanya menemui kecelakaan seperti cedera, cedera parah dan ada yang membawa maut.

Banyak juga kenderaan yang terlibat, ada yang rosak mengakibatkan perbelanjaan ratusan malah ada yang meningkat ribuan ringgit untuk memperbaikinya.

Saya tidak pernah terbaca sebarang sepanduk yang berbunyi, "***Kami memohon maaf akibat jalanraya yang masih belum lagi dapat kami perbaiki!***"

Puluhan malah ratusan kakitangan majlis-majlis tempatan tidak seorang pun dapat mengesannya dan barangkali sebaliknya ketua-ketua UMNO cawangan sendiri tahu benar akan tindak-tanduk pihak Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran dan Dewan-dewan Bandaraya yang dapat mereka anggap sebagai samseng dengan kuasa yang ada pada mereka.

Ini dapat dilihat di sana sini bila ada saja papan tanda yang terpampang menyebutkan "Jangan biarkan harta anda disita kerana tidak membayar cukai harta", " Bayar segera cukai taksiran sebelum harta anda dirampas. " "Elakkan harta anda dari disita, segera jelaskan cukai taksiran" dan sebagainya.

Arahan tersebut diikuti dengan peringatan " Dengan Perintah Tuan Yang DiPertua Majlis atau Datuk Bandaraya."

Gerunkan bunyi papan tanda itu?

Apakah wakil-wakil UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan sebagainya turut seronok dengan papan tanda yang sedemikian itu?

Maka berlakulah tindakan menghantar pasukan penguatkuasa untuk mengambil TV, peti sejuk, komputer, kerusi meja, dapur gas, motosikal dan entah apa lagi hingga menjadi gamatlah temasya merampas dan meyelong harta rakyat yang kebetulan belum dapat membayar cukai harta tersebut.

Kemudiannya cerita tersebut pun dimuatkan ke dalam buletin Majlis Daerah masing-masing untuk menunjukkan betapa hebatnya kerja dan tindakan pihak Yang DiPertua Majlis dan ahli-ahli majlis yang diwakili oleh parti-parti pemerintah.

Cubalah kita bayangkan apakah yang akan berlaku kiranya kita mengadakan pilihanraya untuk memilih ahli-ahli menduduki Majlis-majlis Daerah, Perbandaran atau Dewan Bandaraya seperti ini?

Semua Yang Dipertua Majlis-majlis Daerah, Perbandaran dan Dewan-dewan Bandaraya mestilah sedar bahawa mereka dilantik memegang jawatan tersebut kerana pilihanraya di majlis-majlis itu telah tidak di adakan sejak sekian lama.

Dulu pernah diadakan pilihanraya dan rakyat memang meluat melihat perangai kakitangan Majlis-majlis Tempatan hingga rata-rata mereka mengundi parti-parti pembangkang sebelum 1969.

Akibat kekalahan teruk parti Perikatan pada masa itu (sekarang BN) maka pilihanraya di Majlis-majlis Tempatan, Daerah, Perbandaran dan Dewan-dewan Bandaraya telah dimansuhkan.

Maka kuasa pun diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk melantik ahli-ahli Majlis Daerah, Perbandaran dan Bandaraya dari kalangan para wakil parti-parti pemerintah.

Ahli-ahli majlis mesti insaf bahawa cara mereka mengendalikan majlis-majlis ini tidak disukai oleh rakyat dan kiranya diadakan pilihanraya maka kita dengan mudah akan ditewaskan.

Kakitangan yang berkhidmat di majlis-majlis tersebut termasuk Yang Dipertuanya tentulah tahu apakah akibat dari keputusan ini jika ia benar-benar berlaku.

Oleh yang demikian, pihak Berkuasa Tempatan mestilah membuat perkhidmatan untuk kepentingan orang ramai dan bukan membuat kerja-kerja yang menyusahkan mereka.

Memang benar Majlis-majlis Daerah perlukan kewangan untuk membiayai pentadbirannya tetapi bukanlah dengan menunjukkan samseng seperti mensita harta orang ramai walau dengan apa sebab sekalipun hanya semata-mata untuk mendapatkan cukai bagi menguruskan majlis termasuk membayar gaji kakitangannya.

Cuba kita ambil contoh adanya kekotoran di sana sini, longkang-longkang yang tidak ada sistem keselamatan atau jalanraya yang berlubang-lubang hingga membawa maut kepada penggunaanya seperti para penunggang motosikal dan kenderaan lainnya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr Ting Chew Peh kecewa kerana hanya 50 daripada 148 pihak berkuasa tempatan yang membuat laporan tentang keadaan longkang dan parti-parit yang berada di kawasan masing-masing.

Beratus-ratus kakitangan di setiap majlis tersebut tidak mampu membuat laporan seperti yang disebutkan oleh Dr Ting. Membuat laporan pun tidak terdaya maka apalah yang hendak diharapkan kepada beratus kakitangan majlis tersebut kiranya ada jalanraya, longkang atau keadaan yang membahayakan sedang mengancam keselamatan para pembayar cukai?

Saya pernah melihat kemalangan jalanraya akibat lubang-lubang yang tidak dipedulikan walaupun di dalam Majlis Daerah ada berbelas ahli Majlis dari parti pemerintah dengan ratusan kakitangannya.

Tidak bolehkah mereka menghubungi JKR untuk meminta pertolongan menampalkan lubang-lubang di jalanraya tersebut?

Dari segi kemudahan awam pula ada atap perhentian bas yang telah buruk, bocor, terkopak dan tunggu masa nak roboh, telah tidak dipedulikan hingga ditiup angin boleh mencederakan orang ramai yang menunggu bas.

Tetapi mereka pula akan mengerah semua kekuatannya untuk mensita harta orang ramai yang belum membayar cukai walaupun dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Tak bolehkah mereka mengenakan denda dan tunggakan denda walaupun sehingga melampaui tempoh mereka membayar cukai tanpa merampas dan melelong harta orang ramai yang dianggap amat memalukan dan kejam?

Satu contoh yang baik dibuat oleh Kerajaan Johor yang menangguhkan kutipan cukai kadar baru di seluruh negeri akibat kegawatan ekonomi.

Haji Adam Abd Hamid, Pengerusi Perumahan, IKS dan Kerajaan Tempatan memberitahu, tindakan tersebut dibuat oleh Kerajaan Johor

untuk meringankan beban yang menimpa rakyat kini.

Majlis-majlis ini sebenarnya seperti anak harimau yang dulunya daif kerana terpaksa diberikan makanan dan bantuan.

Tetapi kini anak harimau ini sudah besar dan banyak keperluan lain yang mesti dilayan.

Majlis-Majlis Daerah juga semakin besar dengan jumlah kakitangannya yang besar hingga memerlukan perbelanjaan yang besar menerusi bayaran cukai yang dibuat oleh para penduduk setempat dan dari geran kerajaan Persekutuan dan negeri.

Ketua-ketua cawangan kenalah melihat bagaimana tokoh-tokoh yang mewakili parti pemerintah menjalankan peranan masing-masing.

Ketua-ketua UMNO cawangan boleh meminta supaya mesyuarat UMNO bahagian membuat satu agenda untuk mendengar laporan ahli-ahli majlis yang mewakili mereka dan menolong mereka menyampaikan apa jua masalah dan rungutan orang ramai yang perlu diatasi segera.

## PREMIS UNTUK MELAYU

Biasanya ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri yang menjadi Pengerusi Kerajaan Tempatan dan Perumahan adalah ahli EXCO yang kanan dan dianggap sebagai tokoh nombor dua setelah Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Tetapi apakah yang berlaku sebenarnya dari peranan mereka hingga portfolio ini menjadi begitu kanan dan istimewa.

Sebabnya, pada pendapat saya hanya satu saja.

Dia mesti melihat akan **kecorotan pemilikan premis Melayu** di negerinya untuk membantu Menteri Besar atau Ketua Menteri berjuang memudahkan orang Melayu menambahkan jumlah unit kepunyaan mereka pada setiap bulan atau setiap tahun.

YB itu bukan hanya tahu angka rumah murah, rumah murah sederhana, rumah mewah, gerai rakyat, premis perniagaan dan sebagainya daripada para pegawainya tetapi yang lebih penting ialah mengetahui angka sebenar premis kepunyaan orang Melayu dan bagaimana dia berjuang dengan agenda yang dibuatnya untuk menambahkan unit-unit kepunyaan orang Melayu selama dia diberikan tugas sebagai ahli EXCO tersebut.

Ketua-ketua UMNO cawangan bolehlah mendapat berita-berita tersebut menerusi UMNO bahagian atau UMNO Perhubungan yang mestinya mempunyai agenda di mana ahli EXCO tersebut memberikan taklimat kerjanya yang serius dan bersistematik.

Ketua-ketua UMNO bahagian pula boleh mendapat maklumat tersebut kiranya ahli EXCO yang bertanggungjawab dapat menyampaikan maklumatnya dengan cekap .

Yang peliknya, ada Majlis-majlis Daerah yang tidak tahu berapa jumlah premis Melayu di kawasannya sedangkan merekalah yang mengutip cukai premis berkenaan setiap tahun dan gemar pula menyita harta orang yang belum membayar cukai dengan garangnya.

Saya ingin menyorot kembali kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Ting Chew Peh yang menegaskan bahawa tokoh-tokoh politik boleh dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis sepenuh masa berdasarkan pengalaman luas di bidang pentadbiran yang dipunyai oleh wakil-wakil rakyat.

Saya tahu di Kelantan dan di Terengganu ada ADUN-ADUN yang telah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis-majlis Daerah.

Suatu masa dulu, di Selangor pun sudah memulakan perlantikan tokoh-tokoh politik seperti Datuk Aini Taib yang menjadi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Shah Alam yang aktiviti Melayunya begitu ketara.

Saya yakin kiranya tokoh-tokoh politik menjadi Yang Dipertua Majlis-majlis Daerah, mereka lebih peka terhadap kepentingan para pengundi daripada kakitangan kerajaan yang kadang-kadang tidak memperdulikan langsung kepentingan para pengundi.

Datuk Dr Ting Chew Peh sudah pun meminta inisiatif yang ditunjukkan oleh Bandaraya Kota Kinabalu dicontohi kerana memberi peluang para pembayar cukai membayar cukai dengan cara ansuran bulanan atau 4 kali sepanjang tahun.

## **TEKAD AZMI BANTU BUMI**

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu perjumpaan di Pulau Pinang telah memberikan jaminan bahawa kerajaan akan memberikan keutamaan membantu para kontraktor Bumiputera yang sedang terancam akibat kegawatan ekonomi sekarang ini.

Jaminan beliau itu telah mendapat sambutan dengan tepuk gemuruh daripada para hadirin.

Salah satu saluran yang boleh membantu para kontraktor Bumiputera ialah pihak berkuasa tempatan seperti dewan-dewan bandar raya, majlis-majlis perbandaran atau majlis-majlis daerah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Azmi Khalid tahu benar akan kerenah birokrasi yang sedang dideritai oleh

pihak-pihak berkuasa majlis tempatan itu.

"Tetapi pihak berkuasa tempatan itu kini sudah menjadi begitu besar dan peranannya amat penting kepada pembangunan negara. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan setiap bulan dari sumbangan kerajaan persekutuan untuk memajukan mereka." ujar Datuk Azmi ketika menghadiri perasmian Pusat Sate Kajang berharga RM800,000 dari RM4.2 juta sumbangan Kerajaan Persekutuan di Kajang.

Datuk Azmi telah diberitahu akan kecekapan yang dijalankan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah menjelaskan pembayaran kepada para kontraktor Melayu dalam masa yang paling pantas jika dibandingkan dengan majlis-majlis daerah, majlis perbandaran atau dewan-dewan bandaraya yang lain.

"Apalah gunanya kita membuat kerja seumpama ini?" tegas beliau.

Timbalan Menteri itu kemudiannya menyebutkan satu Hadis Nabi Muhammad saw "**Bayarlah upah buruhmu sebelum kering peluhnya.**"

"Kalau kita bayar lima hari lebih awal, orang akan puji kita dan mendoakan keselamatan kita. Tetapi kalau kita bayar lambat lima hari, kita kena bayar juga sedangkan kita telah kena sumpah seranah. Kerana doa orang yang kena zalim itu dimakbulkan Allah SWT maka teruklah kita nanti menerima padahnya." tegas Datuk Azmi.

## PUSAT SATE KAJANG

DI DALAM rencana ini saya tidak akan dapat melupakan insiden yang berlaku di majlis merasmikan Pusat Sate di Bandar Kajang tahun lalu.

Yang Dipertua Majlis yang juga seorang pegawai PTD telah menyebutkan nama ahli EXCO Kerajaan Negeri lebih dahulu daripada nama Timbalan Menteri. Ahli EXCO itu pula diminta berucap sedangkan Timbalan Menteri tidak diberikan peluang untuk berucap pun.

Mujurlah Datuk Abu Hassan Omar yang berucap merasmikan majlis tersebut telah membetulkan urutan kedudukan para tetamu dengan menyebut nama Timbalan Menteri lebih dahulu dari ahli EXCO.

Ahli Parlimen Hulu Langat, Badrul Hisham Aziz memberitahu, keadaan majlis tersebut amat memalukan kerana pelbagai kesilapan protokol berlaku.

Beliau tidak pernah pun menduga yang MPKj tidak tahu akan urutan nama para tetamu yang hendak disebut di dalam majlis rasmi itu.

Takkanlah Pegawai Perhubungan Awam atau Yang Dipertua sendiri



tidak cuba menghubungi pejabat istiadat untuk memastikan bahawa Timbalan Menteri adalah lebih tinggi kedudukannya daripada ahli EXCO.

Kedua, kalau sekiranya Yang Dipertua sudah berucap dan Menteri Besar berucap merasmikan pusat sate itu maka Timbalan Menteri yang mewakili Kerajaan Persekutuan mestilah diberikan masa untuk berucap.

Kekok benar rasanya majlis tersebut kerana kedatangan tokoh politik dari Kerajaan Pusat sebagai Timbalan Menterti dianggap remeh dan beliau tentu ada mesej yang hendak disampaikan untuk orang ramai.

Lebih-lenbih lagi Pusat Sate Kajang mendapat peruntukan RM800,000 dari Kerajaan Persekutuan yang menyumbangkan lebih RM4 juta kepada MPKj sebagai persiapan mengahadapi Sukan Komanwel.

Pegawai Perhubungan Awam sepatutnya tidak menyebutkan nama kontraktor bukan Melayu di dalam wawancaranya dengan pihak Radio Shah Alam kerana ia telah menyakitkan hati para kontraktor Melayu yang sepatutnya diberikan peluang membina pusat tersebut yang merupakan pusat makanan tradisi Melayu yang ulung.

Sudahlah kontraktor Melayu tidak berpeluang membinanya, nama kontraktor bukan Melayu pula dimegah-megahkan hingga boleh menghina orang Melayu kerana ramai dari kalangan mereka yang berupaya membina bangunan RM800,000 itu.

Saya mencadangkan supaya satu kursus diadakan dikalangan para pegawai majlis-majlis daerah, perbandaran dan bandaraya supaya mereka juga mahir dengan perkara-perkara istiadat dan protokol ini untuk mengelakkan mereka daripada terus membuat sesuka hati saja di khalayak orang ramai.

Apakah bukan perkara yang memalukan MPKj dengan insiden ini?

Demikian pula dengan urusan menerbitkan buletin mereka.

Kadang-kadang kita menjadi geli geman membaca akan isi kandungan buletin yang lebih banyak bersikap " syok sendiri!".

Satu panduan mestilah dibuat bahwa hanya 25 pertatus saja aktiviti kakitangan majlis disiarkan dan jangan membiarkan cerita seorang pegawai " yang merepek " tentang dirinya diceritakan banyak kali dalam satu keluaran. 75 peratus dari kandungannya hendaklah berita dan gambar para pembayar cukai yang menjadi nadi membiayai majlis-majlis tersebut.

Setakat ini, MPKj hanya membina 70 gerai dan warong untuk Melayu sedangkan di Ampang Jaya sudah mendirikan 2,225 unit gerai tersebut.

Bila dibuat perbandingan angka 70 dengan 2,225 ini maka ia menunjukkan MPKj satu pentadbiran Melayu tidak punya wawasan.

Jelaslah bahawa MPKj yang termasuk di dalamnya kawasan UKM Bangi

tidak membuat perancangan yang positif untuk memajukan Melayu setempat walaupun kakitanganya diambil dari kalangan orang Melayu.

Saya tidak tahu apakah sebabnya Ketua UMNO Bahagian yang juga ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor telah tidak hadir di majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor pada hari itu.

Dalam sebuk-sebuk kita menghadapi wabak JE, pihak yang berkuasa Bandaraya Kuala Lumpur pula telah diminta merobohkan beberapa pusat sembelihan babi yang haram di satu tempat di Ibu Kota.

Tentulah kita terperanjat bila TV3 menyiarkan gambar bukannya pusat sembelihan babi haram yang dirobohkan tetapi ialah sebuah bangunan di situ yang dijadikan surau dan tempat mengaji anak-anak Islam. Menteri Tajol Rosli pasti amat terkilang mengenai insiden ini dan tentulah beliau tahu untuk bertindak dalam isu-isu yang lain pada masa depan.

Dalam perjalanan saya ke Johor Bahru, saya telah pergi menikmati ikan bakar di tepi Selat Tebrau yang berhampiran dengan hospital. Beberapa pekedai di situ merungut bila dia menghidangkan ikan bakar dan pelbagai makanan laut untuk kami.

" Abang tengoklah orang kita Melayu, ada kedai Melayu yang boleh memasak sedap orang Cina, mereka pergi juga makan di sana," tegas seorang gadis yang memang cantik melayan kami.

Di dalam masa menikmati ikan bakar yang paling sedap pernah saya rasa selama ini di mana-mana, tiba-tiba datang seorang tokoh koporat di Johor yang dulunya saya kenali sebagai seorang kerani biasa saja.

Dia seperti tergamam bila saya tanyakan kenapa tidak makan ikan bakar masakan orang Melayu.

Gadis tersebut tersenyum mendengarkan pertanyaan saya itu.

Tokoh itu lantas memandang kepada gadis itu dan berkata, " lain kali saya akan makan di tempat awak tapi mesti masak sedap-sedap."

Saya beritahu gadis itu, dulu ada beratus orang pegawai dari Jabatan Penerangan dari seluruh negara yang tetap datang ke sini setiap malam menjamu selera ketika berlansungnya beberapa pilihan raya kecil.

Saya melihat ramai juga pak-pak Haji yang memakai kupiah Haji dan wanita-wanita yang bermuni telekung sedang menjamu selera di gerai kepunyaan tauke Cina yang ada bersebelahan dengan gerai Melayu itu.

Di Pekan Nenas pula ada sebanyak 30 gerai dari batu telah didirikan di situ dengan harga RM8,000 satu unit. Sewanya cuma RM50 sebulan.

Lokasi yang baik di tepi jalan raya dari Pontian ke Johor Bahru dan berdepan dengan masjid baru Pekan Nenas sudah tentu akan menjadi

perhentian untuk menjamu selera yang terbaik.

Ada nasi beriani yang dimasak oleh seorang tukang masak Bugis amatlah menyelerakan saya bila menikmatinya.

Demikian pula bila saya melintasi pekan Rengit, saya melihat ada puluhan gerai batu yang dibina untuk kesele saan para peniaga Melayu.

Di Batu Pahat pula, saya tercari-cari restoran menjual nasi beriani yang masyhur yang telah berpindah sementara di satu tempat berhampiran.

Amatlah menggembirakan yang gerai rakyat papan disitu telah dirobohkan dan satu blok bangunan dua tingkat didirikan di atasnya.

Saya berharap, akan menjadi semakin hebatlah jualan nasi beriani di Batu Pahat bila bangunan dua tingkat siap nanti.

## APA KATA UMNO MUAR?

Bila saya tiba di simpang empat Parit Jawa, Muar, saya berhenti di satu baris gerai rakyat berdepan balai polis disitu.

Mata saya didorong oleh sebuah papan tanda besar yang tegak di hadapan gerai tersebut menyatakan syarat-syarat penyewaan berikut:

- Sewa gerai mesti dijelaskan sebelum 7 hb. tiap-tiap bulan.
- Gerai tidak boleh disewa/diserahkan berkongsi dengan orang lain.
- Tidak boleh membuat pindaan/ tambahan pemasangan pada gerai.

*PERINGATAN: Pelanggaran syarat-syarat di atas akan menyebabkan gerai tuan dirampas tanpa apa-apa notis lagi.*

*Dengan perintah daripada;*

*Yang Dipertua Majlis Daerah Muar Selatan.*

Sampai hatikah Adam Hamid atau apakah beliau tidak merasa terhina bila membaca kata-kata tersebut yang terpampang besarnya?

Apa kata Ketua UMNO Bahagian Muar, Dr Abd Malek Munip yang hebat pengajian tingginya?

Apa komen, Abd Aziz Yassin, Ahli Parlimen Muar mengenainya?

Apa pula kata para pegawai tadbir negeri Johor (JCS) kerana arahan tersebut datang dari seorang pegawainya?

Tak cukupkah amaran bertulis di dalam surat perjanjian penyewa?

Ahli-ahli Majlis Daerah Muar Selatan yang terdiri daripada wakil-wakil UMNO, MCA dan MIC barangkali merasa amat megah dengan papan tanda tersebut yang telah tegak di situ bertahun-tahun lamanya.

Tak adakah sesiapa yang peka terhadap hal ini di Johor.

Saja-saja nak tunjuk samseng ke?

## MELAYU BANDAR TIDAK PATUT MEREMPAT

*D*atuk Dr Khoo Kye Kim, seorang pakar sejarah menegaskan, kehebatan semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan tanahair adalah akibat terpinggirnnya orang Melayu dari kawasan pekan-pekan dan bandar-bandar di seluruh tanahair.

Katanya, orang Cina dan India mula menguasai pekan-pekan dan bandar-bandar sebelum perang dunia kedua sementara bilangan orang Melayu kelihatan kian merosot dan mereka mula meminggirkan diri ke kawasan luar bandar atau ke kampung-kampung.

Iniilah tambah beliau, yang menyemarakkan nasionalisme di kalangan orang Melayu jika dibandingkan dengan orang bukan Melayu ketika itu.

Tetapi setelah 41 tahun merdeka, apakah yang telah dibuat oleh orang Melayu sendiri terutama para pemimpinnya di dalam menjayakan apa yang dihuraikan oleh Dr Khoo yang kebetulan seorang tokoh sejarah yang terkemuka dari keturunan Cina?

Salah satu isu yang menyakitkan hati orang Melayu hingga berlakunya Peristiwa 13 Mei, 1969 ialah cakap-cakap kasar dan menghina yang dikeluarkan kepada orang Melayu seperti "Melayu balik kampunglah!" yang dipekikkan ketika parti pembangkang memenangi pilihanraya yang telah mengadakan perarakan liar di ibu kota, Kuala Lumpur.

Apa perasaan kita bila membaca penegasan Datuk Khoo itu? Apa pula reaksi 17,007 ketua UMNO cawangan yang mula membaca akan penegasan beliau itu?

Mula-mula saya tujukan kepada para pemimpin UMNO dan orang

Melayu yang menjadi golongan minoriti di kawasan pekan-pekan atau di bandar-bandar bahawa mereka perlu bijak mempergunakan kuasa dan kedudukan politik mereka untuk memastikan Bumiputera tidak terus terpinggir dari arus pembangunan.

Untuk merealisasikan wawasan ini, para pemimpin UMNO sama ada di peringkat bahagian atau cawangan mestilah segera menghentikan sengketa politik yang tidak membawa faedah.

Kerana kiranya mereka terus bertelingkah maka masa mereka akan terbuang dan perjuangan untuk kepentingan orang Melayu sudah pasti akan hilang dari sasaran sebenar mereka.

Para pemimpin yang dipilih oleh rakyat khususnya daripada UMNO perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah kerana jawatan yang disandang bukan satu keistimewaan.

Seseorang pemimpin tidak kekal tetapi yang penting mereka dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab serta mampu membawa perubahan dalam kehidupan orang Melayu di dalam pekan-pekan atau bandar-bandar.

Ketua-ketua UMNO cawangan yang kebetulan terletak di kawasan bandar tentulah tidak begitu lembab dan jahil untuk memahami akan penegasan Dr Khoo ini.

Adalah amat rugi jika orang Melayu yang minoriti di dalam bandar-bandar terus berpecah-belah hingga menjadi lemah dan gagal memanfaatkan peluang untuk maju.

Tentu saja saya menunjukan rencana ini kepada para pemimpin UMNO di bandaraya Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Kangar, Seremban, Kota Melaka, Pulau Pinang, Labuan, Kota Kinabalu dan demikianlah halnya dengan para pemimpin Melayu di Kuching, Sarawak.

Satu konvensyen ***Mempertingkatkan Martabat Melayu Tanjong*** di Pulau Pinang telah diadakan tidak lama dulu.

Semua pemimpin UMNO di bandar-bandar yang saya sebutkan tadi patutlah menghubungi UMNO bahagian Tanjong, Pulau Pinang untuk mendapatkan kertas kerja yang boleh menjadi panduan mereka bertindak.

Berikutan dengan konvensyen tersebut, para pemimpin UMNO di bandar-bandar perlulah merancang agenda perjuangan yang menyeluruh membabitkan semua aspek kehidupan orang Melayu, khususnya perumahan, pendidikan, sosial dan penjaja.

Untuk menjayakan wawasan ini dengan menggunakan kuasa dan

kedudukan politik yang ada tidak bermakna kita menuntut sesuatu yang melampau, cukuplah bagi memastikan agihan yang lebih adil.

Konvensyen UMNO bahagian Tanjong Pulau Pinang itu membincangkan tiga masalah asas masyarakat Melayu bandar iaitu aspek geopolitik, pendidikan dan ekonomi.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang merangkap Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar. Para pemimpin UMNO lain yang hadir termasuk ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Ibrahim Saad dan Ketua UMNO Bahagian Tanjong, Ahmad Ibni Hajar.

Walaupun orang Melayu dalam bandar banyak masalah, ia boleh diatasi jika mereka sedia bersatu dan berpegang kepada prinsip musyawarah.

Amatlah malang jika orang Melayu menjadi golongan minoriti dalam bandar tetapi pada ketika yang sama menjadi majoriti dalam masalah lain seperti menjadi golongan majoriti dalam gejala sosial, penagihan dadah dan mengamalkan perbuatan maksiat.

Sudahlah jumlah orang Melayu dalam bandar sedikit, perangai pula hodoh serta hidup merempat.

UMNO Bahagian Tanjong sebagai satu daripada UMNO Bahagian di dalam Bandaraya Georgetown, mestilah mempelopori semangat memartabatkan maruah orang Melayu dalam bandar dengan melaksanakan program yang telah diputuskan dengan cara yang berkesan.

Kita tentulah sedih dan kecewa jika melihat masih ada orang Melayu yang hidup merempat di dalam keadaan serba kekurangan dan tidak pula cuba diatasi dengan berkesan.

Walupun jumlah orang Melayu di dalam bandaraya adalah kecil, mereka perlu mempunyai keyakinan diri dan kekuatan mental dan fizikal untuk bersaing.

Bandar adalah pusat pembinaan tamadun dan orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar ini perlu mengatasi pelbagai masalah sosial supaya mereka tidak menjadi masyarakat yang terpinggir.

UMNO Bahagian Tanjong mestilah menggunakan kebijaksanaan untuk membawa perubahan kepada masyarakat Melayu setempat.

Bagi mencapai hasrat tersebut, mereka perlu mempunyai keyakinan dan berani pula menghadapi apa jua halangan termasuk maki hamun dan fitnah pihak yang tertentu.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu bandar

di Georgetown mereka mestilah membuat rumusan iaitu segala masalah harus dikemukakan kepada Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Mohd Shariff Omar yang juga Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang mestilah turut mencari jalan bagaimana dapat membantu orang Melayu yang sedang menetap di dalam bandar Georgetown itu.

Saya telah menyarankan di halaman 35 supaya didirikan 20 gerai rakyat daripada batu setiap tahun di 11 kawasan parlimen di Pulau Pinang yang jumlahnya 220 unit semuanya dalam setahun.

Bandaraya-bandaraya, bandar-bandar dan pekan-pekan lain patut juga dilaksanakan saranan saya ini.

Semua ahli parlimen dari BN tanpa mengira dari parti mana mereka datang patut menyumbangkan RM100,000 dari RM500,000 peruntukan masing-masing bagi pembinaan gerai rakyat khusus untuk Bumiputera menjalankan perniagaan bagi melaksanakan penyusunan semula masyarakat seperti yang menjadi sasaran Dasar Ekonomi Baru.

Semua UMNO bahagian dan cawangan yang terlibat boleh bertegas untuk projek ini kerana kiranya berjaya maka golongan inilah yang biasanya tidak lokek untuk menolong membayar bil elektrik dan air di masjid atau menyumbangkan beras untuk perayaan Maulidur Rasul.

## KIOS-KIOS

Dalam perjalanan ke Dungun dan Kemaman untuk memberikan ceramah di majlis penerangan untuk ahli-ahli UMNO setempat, saya melihat sendiri akan adanya puluhan kios yang didirikan dikebanyakan perhentian bas di negeri Terengganu.

Saya mesti mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Wan Mokhtar kerana kesudian kerajaan pimpinannya membina kios-kios tersebut yang menyaksikan bukan setakat melatih orang Melayu berniaga tetapi ada kemajuan ketara yang ditunjukkan oleh para peniaga setempat.

Khabarnya kios-kios tersebut diberikan percuma atau dikenakan sedikit bayaran ala kadar saja dalam rangka memajukan orang Melayu di bidang perniagaan.

Banyak perhentian bas di bandar-bandar menjadi tumpuan ratusan

malah ribuan orang setiap hari untuk naik turun bas maka di setiap perhentian bas seperti inilah sepatutnya kios-kios itu ditempatkan.

Kios-kios ini sudah pasti akan menjadi tempat latihan anak-anak Melayu belajar dan belatih berniaga secara praktikal.

Modalnya tidak banyak tetapi pengalaman untuk mempelajari rangkaian pemasaran begitu ketara. Sedangkan orang Melayu bukan setakat lemah menjalankan perniagaan tetapi terlalu lemah didalam mengenali hal ehwal pemasaran.

Kalau sekiranya kios-kios ini didirikan di perhentian bas di seluruh pekan-pekan, bandar-bandar dan bandaraya-bandaraya di seluruh negara, sudah tentu bilangannya meningkat ribuan unit.

Yang pentingnya ada ribuan anak-anak Melayu akan dapat menceburkan diri secara kecil-kecilan di dalam dunia perniagaan.

Saya mencadangkan kios-kios ini didirikan dengan belanja antara RM5,000 hingga RM10,000 satu unit.

Kita mempunyai 192 kawasan parlimen (kapar) di seluruh negara. Kiranya dalam setahun kita bina 10 unit kios saja di satu kapar maka jumlahnya 1,920 unit maka ia akan menjadi 19,200 unit dalam tempoh sepuluh tahun atau 100 unit gerai untuk satu kapar.

Kiosk-kiosk tersebut akan menjual akhbar dan majalah, minuman dan makanan ringan serta barang-barang lain yang diusahakan oleh orang Melayu.

Selain daripada Pulau Pinang, kapar-kapar di Lembah Klang patut membina kios-kios tersebut. Marilah kita tunggu apakah yang akan dibuat oleh UMNO bahagian dan cawangan-cawangan di Titiwangsa, Wangsa Maju, Lembah Pantai, Hulu Langat, Setapak, Sungai Besi, Seputeh, Batu, Gombak, Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan sebagainya.

Di negeri-negeri lain termasuk kapar Johor Bahru, Pulai, Tebrau, Kuantan, Seremban, Ipoh, Kota Melaka, Alor Setar dan sebagainya yang para pemimpin UMNOnya hebat-hebat belaka.

Apakata sekiranya 19,200 kios itu menjual 10 bungkus saja nasi lemak sehari maka jumlahnya 192,000 bungkus, tentu banyak bukan?

Kiranya 19,200 kios ini membentuk koperasi dikalangan mereka dengan menyumbangkan pelaburan RM1 sehari atau RM365 setahun maka para peniaga kios boleh menyumbangkan RM70,080,000 pelaburan terkumpul di dalam setahun.

Wang RM70 juta itu tentulah banyak untuk memperkuat ekonomi dengan yang demikian, orang Melayu di bandar-bandar tentu saja boleh menjengukkan muka masing-masing sekurang-kurangnya di setiap kios



tersebut yang menjadikan mereka aktif berniaga.

### **PREMIS 20' X 35'**

Saya merasa amat terhina bila ada para pemimpin yang suka menampelak kiranya berlaku begitu banyak unit-unit rumah kedai yang tidak dibeli walaupun telah dikhususkan untuk Bumiputera.

Marilah kita senaraikan nama-nama mereka!

Para pemimpin kerajaan-kerajaan negeri adalah bertanggungjawab keseluruhannya mengenai pembinaan bangunan termasuk rumah kediaman dan premis niaga.

Selama ini premis niaga yang tidak mampu dibeli oleh orang Melayu ialah yang berharga lebih daripada RM150,000.

Biasanya premis perniagaan yang dibina seluas 22' X 70' dan diwaktu kebelakangan ini mempunyai dua, tiga atau empat tingkat.

Saya tidak mempunyai angka sebanyak manakah premis tersebut yang dibeli oleh orang Melayu. Tetapi rata-rata jawapannya, tidak ada satu kawasan pembangunan komersil pun yang tahap kuotanya 30 % dibeli oleh orang Melayu.

UDA yang ditugaskan untuk menyediakan tempat Melayu berniaga pun sudah gagal. MARA pun nampaknya sangat terhad sahaja di dalam pembinaan premis Melayu untuk berniaga.

Saya ada melihat beberapa tempat di Selangor di mana premis perniagaan telah dibina yang keluasannya separuh daripada premis perniagaan biasa untuk tingkat pertama, kedua, ketiga dan keempat bagi bangunan empat tingkat.

Ertinya, satu bangunan perniagaan empat tingkat menjadi lapan unit di mana di setiap tingkat ada dua unit.

Luasnya 20' X 35' atau 700 kaki persegi boleh dibeli dengan harga RM50,000 hingga RM80,000 satu unit.

Saya dapati ramai orang Melayu membeli unit-unit tersebut untuk dijadikan pejabat atau tempat perniagaan masing-masing malah ada yang menjadikannya tempat tinggal disamping tempat berniaga.

Bolehkah kerajaan-kerajaan negeri membuat syarat untuk setiap pemaju premis niaga membina unit-unit seperti yang saya cadangkan ini untuk dibeli oleh orang Melayu di setiap bandar ?

Mulai hari ini, saya mencadangkan supaya premis perniagaan yang berharga di bawah RM100,000 dijadikan satu syarat di mana sejumlah 30 peratus dari keseluruhan premis niaga tersebut hendaklah

diperuntukkan kepada orang Melayu.

Saya telah membuat pertanyaan rambang kepada para peniaga kecil dan sederhana, para penjaja dan golongan profesional yang baru saja keluar daripada universiti bahawa mereka sudah tentu akan membeli premis yang berharga sederhana tersebut.

Golongan siswazah yang menerima skim pinjaman RM50,000 sedang mencari premis yang harganya seperti saya sebutkan itu.

Kalau untuk sementara waktu ini orang Melayu masih belum mampu juga maka badan-badan kerajaan atau swasta seperti Majlis Agama Islam, Tabung Haji, Permodalan Berhad, Angkatan tentera dan Polis, PKEN-PKEN boleh membelinya.

Badan-badan tersebut bolehlah menyewakannya kepada orang Melayu atau kemudiannya menjualkan kepada orang Melayu seperti orang Melayu yang menjadi kakitangan badan-badan tersebut yang berminat untuk menceburkan diri di dalam perniagaan.

Terserahlah kepada para Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri serta barisan EXCO masing-masing supaya tidak merasa malu-malu untuk menerima cadangan ini.

Sebaik-baik saja dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali mengumumkan, kerajaan bercadang untuk menjadikan beberapa tempat letak kereta di sekitar Ibu Kota sebagai pusat penjaja makanan di waktu malam bagi memberi peluang lebih ramai para penduduk mendapat peluang berniaga.

Hai, setelah begitu lama memungut bayaran letak kereta baru kali ini idea tersebut dicetuskan itu pun setelah Datuk Tajol diberikan tugas menjadi menteri yang bertanggungjawab terhadap ibu kota.

Saya menyokong cadangan tersebut semata-mata untuk memberi peluang kepada orang Melayu terus dapat bertahan atau tidak merempat di bandar-bandar walaupun dengan tambahan pendapatan menjaja yang tidak kurang juga hasilnya.

Sekiranya ada tapak-tapak letak kereta persendirian boleh juga dirundingkan untuk mewujudkan pusat penjaja makanan tersebut.

Dewan-dewan Bandaraya yang lain, Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah sepatutnya segera melaksanakan apa yang disarankan oleh Datuk Tajol itu sebagai satu daripada tindakan-tindakan tidak membiarkan orang Melayu merempat di bandar-bandar.

Kita belum lagi terlambat untuk membuat sesuatu seperti yang disebutkan oleh Dr Khoo Kye Kim tadi.

Kiranya beliau menyebutkan bahawa perjuangan merebut

kemerdekaan yang begitu hebat diperjuangkan oleh orang Melayu kerana mereka takut bangsa Melayu akan disingkirkan maka apakah setelah 41 tahun merdeka, jumlah orang Melayu yang berjaya di dalam kehidupan di bandar-bandar telah meningkat bertlipat ganda?

Kita telah membuktikan bahawa pengaruh politik kita semakin stabil dan kukuh di bandar-bandar jika dibandingkan dengan keadaan yang ada sebelum 13 Mei, 1969 dulu.

Dulu kita berbasikal menunaikan Solat Jumaat tetapi kini menggunakan kereta dan motosikal yang tidak cukup untuk diletakkan di tempat letak kereta hingga memenuhi jalanraya.

Dulu Melayu di Kuala Lumpur yang tidak menumpang di rumah kerajaan, rata-rata tinggal di kawasan setinggian tapi kini Alhamdulillah.

Cuma kini kita hanya ada 570 unit premis niaga Melayu dari 10,000 unit di sekitar Lembah Klang iaitu 5.7 % seperi yang diakui sendiri oleh Datuk Mustapa. Sudah tentu teruk jugalah Menteri Pembangunan Usahawan itu melaksanakan tugasnya kini.

Para pemimpin UMNO yang ada kuasa dan ada pengaruh janganlah menganggap remeh akan keperluan ini.

## **AKTIVITI AGAMA**

Saya tetap menyarankan supaya kehidupan di bandar-bandar ditingkatkan dengan kesedaran beragama.

Syukurlah, ada masjid dan surau di bandar-bandar telah dikunjungi oleh ahli kariah setiap masa.

Ketua-ketua Cawangan wajiblah bersama-sama menghidupkan suasana masjid dengan pelbagai majlis ilmu.

Demikian pula dengan mendekati anak-anak kita supaya rajin datang ke masjid menunaikan solat berjemaah dan menghadiri kelas agama fardu ain ( Kafa ) yang sudah tentu diwujudkan untuk mencelikkan kita semua mengenai al-Quran.

Saya yakin bila aktiviti beragama dapat disuburkan di kalangan para penduduk setempat dan di kalangan keluarga masing-masing maka sudah pasti ajaran agama Islam akan menjadi benteng yang kuat untuk mempertahankan sahsiah seseorang.

Individu yang mempunyai asas agama akan menjadi anggota masyarakat yang baik dan mereka biasanya sentiasa saja berminat untuk membuat kerja-kerja amal terutama di dalam mempertahankan kehebatan kehidupan harian umat Islam.

## TIDAK LAYAK JADI PEMIMPIN

**D**atuk Seri Dr Mahathir berkata, tingkah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak melayakkan dia daripada terus menjadi pemimpin UMNO, pemimpin kerajaan atau menjadi pemimpin negara kita.

Penegasan ini dibuat oleh beliau di dalam sidang media setelah menemui ribuan para pemimpin UMNO yang berkumpul di PWTC untuk mendengar penjelasan dari beliau sendiri mengenai tindakan memecat Anwar dari kerajaan dan parti pemerintah.

Dr Mahathir menegaskan, beliau mempunyai bukti yang kukuh mengenai salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga dipecat daripada kabinet dan UMNO pada 2 September, 1998 yang lalu.

Kata Perdana Menteri, tindakan memecat Anwar itu di ambil semata-mata kerana faktor moral, bukannya akibat perselisihan faham mereka mengenai ekonomi atau politik negara.

Mengenai hasrat Anwar untuk menentangnya, Datuk Seri Mahathir berkata, beliau mempunyai sokongan yang mampu mempertahankan kedudukannya di dalam parti dan di dalam kerajaan.

Mengenai perbezaan menguruskan ekonomi dan kewangan, beliau merasa telah menerima sokongan yang jelas dan merasa boleh memujuk Anwar menerima pandangannya dan cara-cara beliau menyelesaikan kegawatan tersebut.

"Tetapi dakwaan terhadap perkara yang lagi satu itu, saya tidak boleh terima, parti tidak boleh terima, negara ini tidak boleh terima," tegas Dr Mahathir.

Anwar telah dilucutkan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan pada 2 September, 1998 sehari kemudiannya dia telah dipecat dari UMNO.

Satu affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi antara lain mendakwa Anwar melakukan hubungan homoseksual, seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

Ditanya sama ada beliau amat yakin dengan bukti itu, Dr Mahathir menegaskan, cukup baginya untuk menyatakan bahawa Anwar tidak lagi sesuai untuk menjadi pemimpin dan tindakan ke atasnya tidak langsung membabitkan isu politik.

Dr Mahathir memberitahu, beliau sepatutnya tidak memecat Anwar kerana dia telah dibawanya naik untuk menggantikannya.

"Mengapa harus saya lakukan ini kepada beliau?" tanya beliau.

Tetapi tambah beliau, dakwaan terhadap Anwar amat sukar untuk dijelaskan dan sukar pula bagi orang ramai menerimanya.

"Latar belakang Anwar sebagai seorang yang warak, amat baik. Saya seharusnya mencari alasan lain tetapi malangnya tidak ada penjelasan lain," keluh Perdana Menteri.

Beliau merasa amat kecewa dengan apa yang berlaku itu kerana beliau sudah merancang untuk bersara tahun ini dan beliau mahu melepaskan jawatan tersebut kepada Anwar.

"Tahun lalu, saya telah pergi bercuti untuk memberi peluang kepada Anwar mengetuai negara. Jika tidak kerana kegawatan ekonomi, saya sudah melepaskan jawatan itu.

"Malangnya saya terpaksa kekal menyumbangkan pengalaman saya bagi mencari penyelesaian terhadap masalah ini," ujar beliau.

Ketika menjawab pertanyaan wartawan setelah merasmikan sidang Persatuan Pengurusan dan Pentadbiran Awam Komanwel, Dr Mahathir menjelaskan, keputusan memecat Anwar daripada kabinet dan UMNO dibuat kerana masalah peribadi bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Saya tidak fikir rakyat Malaysia mahu seseorang yang mempunyai moral begitu rendah yang terbabit dengan kegiatan yang tidak sepatutnya membabitkan seorang pemimpin di peringkat itu."

Kepada pertanyaan daripada wartawan Taiwan yang mahu tahu sama ada pemecatan itu akan memberikan kesan kepada keselamatan, Perdana Menteri yakin ia tidak akan menimbulkan sebarang kekacauan di negara ini.

Katanya, rakyat negara ini berdisiplin dan sukakan keamanan.

Dalam heboh-heboh dengan pelbagai tindakan yang dikenakan ke

atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tokoh-tokoh yang menyokongnya, tiba-tiba tersebar berita yang menyebutkan bahawa Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd Razak dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi telah meletakkan jawatan.

Berita perletakan jawatan tersebut tentulah disebarikan dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa kedua-dua pemimpin kanan itu tidak bersetuju dengan tindakan demi tindakan yang dibuat terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan-rakannya.

Datuk Abdullah yang sedang berada di New York menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu menerbitkan kenyataan menafikan khabar angin tersebut.

Menteri Pendidikan yang juga Naib Presiden UMNO juga turut menafikan khabar yang menyebutkan beliau meletakkan jawatan.

## **PENGERUSI BERSAMA DISIPLIN**

YANG lebih menarik ialah kedua-dua tokoh kanan tersebut telah dilantik oleh Datuk Seri Mahathir menjadi pengerusi bersama Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan UMNO Malaysia menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka berterima kasih di atas kepercayaan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memberikan kepercayaan kepada mereka.

Mereka telah pun mula membuat pelbagai persediaan untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa itu buat pertama kalinya setelah Anwar dipecat.

Mesyuarat tersebut diadakan pada 30 September dan agenda pertama akan membincangkan tentang 13 tokoh UMNO yang sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mengenai sikap sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong seruan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar, Datuk Abdullah berkata, pertubuhan tersebut hanya mengambil kesempatan untuk menentang kerajaan.

"Mereka tidak tahu apa-apa dan hanya mengambil kesempatan untuk mengkritik kerajaan berdasarkan kepada tindakan Anwar yang berbuat demikian," sambung beliau.

Beliau menegaskan berkali-kali, "UMNO sejak dulu lagi sudah membuat pelbagai reformasi untuk kepentingan rakyat termasuk membasmi segala penyelewengan, rasuah dan skandal yang

melibatkan para pemimpinnya.

" Reformasi bukan sekadar kepada dasar. Reformasi juga perlu pada diri para pemimpin bagi memastikan mereka berwibawa, berhemat tinggi, bercakap benar, tidak menyeleweng dan bersungguh-sungguh untuk memajukan negara," tegas Badawi lagi.

### **3 TPM BERHENTI**

TIGA tokoh yang menjadi Timbalan Perdana Menteri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa memgosongkan bilik masing-masing akibat pelbagai sebab yang menggemparkan dunia politik tanahair kita.

Tan Sri Musa Hitam merupakan gandingan yang popular dengan 2M terpaksa meletakkan jawatannya kerana beliau sudah tak dapat lagi meneruskan perkhidmatannya di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau terus mengekalkan jawatan parti sebagai Timbalan Presiden UMNO hingga pada tahun 1990 bila beliau ditewaskan oleh Tun Abd Ghafar Baba yang menjadi regu utama dengan Dr Mahathir menewaskan gandingan Tengku Razaleigh Hamzah - Musa Hitam di perhimpunan agung UMNO yang bersejarah itu.

Di dalam pertandingan tersebut, Tengku Razaleigh masih lagi menjadi Menteri Kewangan di dalam kabinet pimpinan Dr Mahathir termasuk juga ahli-ahli jemaah menteri lain seperti Datuk Rais Yatim, Shahrir Abd Samad, Ajib Ahmad, Adib Adam dan sebagainya.

Tan Sri Musa telah ditewaskan dengan 40 undi oleh Tun Abd Ghafar yang ketika itu telah pun memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Tun Abd Ghafar pula yang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri sejak Tan Sri Musa meletakkan jawatannya hanya berkhidmat selama empat tahun bila beliau mengaku kalah kepada Anwar Ibrahim dalam satu rebutan jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding.

Sejak tahun 1993, Anwar telah dilihat sebagai tokoh bakal pengganti Dr Mahathir kerana karismanya menjadi orang nombor dua paling terkemuka di Malaysia.

Golongan muda terutama yang datang dan dibesarkan di dalam UMNO seperti tokoh-tokoh Abim telah memberikan sokongan dan input terutama dari Institut Kajian Dasar (IKD) yang mengumpulkan golongan intelek dalam membantu pelbagai strategi politik Anwar.

Datuk Kamaruddin Jaafar selaku Presiden IKD telah menafikan

penglibatan institutnya di dalam merencanakan strategi untuk Anwar.

Menjelang hari ulang tahun kemerdekaan ke 41, Anwar dilihat sedang dilambung ombak yang diertikan sebagai pukulan paling hebat untuk sekaligus menguburkan kerjaya politiknya melalui UMNO.

Beliau dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di mana sehari kemudian, beliau telah dipecat dari keanggotaannya di dalam UMNO.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan melantik sesiapa pun menjadi Timbalan Perdana Menteri, jawatan yang dikosongkan oleh Anwar hingga tiba masa pemilihan pucuk pimpinan parti pada bulan Jun tahun 1999.

Tetapi pemilihan tersebut telah ditangguhkan hingga selepas pilihanraya yang tarikhnya mesti diadakan sebelum April, 2000.

## POLITIK WANG

Di perhimpunan agung UMNO tahun 1996, tiga tokoh UMNO telah dipilih oleh lebih 1,900 perwakilan menjadi Naib-naib Presiden UMNO dengan meraih undi seperti berikut:

Datuk Mohd Najib mendapat 1,483 undi, Datuk Abdullah Ahmad Badawi diberikan 1,053 undi dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib di tempat ketiga dengan mendapat 1,045 undi.

Keputusan yang mengejutkan di Perhimpunan Agung UMNO itu berlaku bila Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin penyandang jawatan Naib Presiden Pertama tiba-tiba diketepikan dan hanya diberikan tempat ke enam dengan 545 undi saja.

Apakah yang mengakibatkan Tan Sri Muhyiddin tidak lagi mendapat kepercayaan perwakilan yang sebelum itu telah menjulanginya begitu tinggi sebagai tokoh nombor tiga di dalam UMNO setelah Presiden dan Timbalan Presiden?

Politik di Johor sendiri telah mengakibatkan beliau tewas teruk kerana ada pelbagai pihak yang terus menyerang dan memberikan gambaran buruk terhadap kepimpinan beliau semasa menjadi Menteri Besar Johor yang penuh dengan pelbagai cabaran.

Siapakah yang boleh menolak kemungkinan sekiranya beliau tidak disabotaj, Tan Sri Muhyiddin barangkali akan muncul sebagai calon Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO dari Johor yang berpotensi.



Beliau merupakan Menteri Besar yang paling berani di dalam krisis Perlembagaan yang menyentuh Raja-raja, krisis kepimpinan UMNO hingga terbentuknya S46 dan ketewasan teruk BN dengan 12,613 undi ditangan calon bebas di Johor Bahru serta perjuangan memulihkan UMNO setelah diharamkan.

Pada tahun 1993 Tan Sri Muhyiddin muncul sebagai calon yang mendapat undi terbanyak dengan meraih 1,413 undi sementara Datuk Mohd Najib mendapat tempat kedua dengan 1,202 undi dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula mendapat 1,189 undi.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Tan Sri Sanusi Junid penyandang jawatan Naib-naib Presiden UMNO ketika itu telah ditewaskan dengan masing-masing hanya mendapat 927 dan 525 undi.

Team yang pada masa itu terkenal sebagai *Team Wawasan* telah menyapu bersih kemenangan dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden dan Naib-Naib Presiden UMNO terdiri daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abd. Razak Dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari jawatannya di dalam kerajaan dan didalam parti sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Presiden UMNO.

Di dalam sejarahnya beliau dengan mudah telah menang tanpa bertanding bila beliau meminggirkan Tun Abdul Ghafar Baba di dalam satu manipulasi politik yang begitu terancang.

Tun Ghafar terpaksa melepaskan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO setelah mendapati hampir kesekuruhan bahagian UMNO telah memberikan pencalonan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkali-kali memberitahu bahawa beliau tidak akan menentang Tun Ghafar untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Tun Ghafar dikatakan terperangkap dengan jaminan Anwar hingga beliau tidak pun menyediakan diri untuk mempertahankan jawatan yang telah beliau menangi dengan majoriti 40 undi menewaskan Tan Sri Musa Hitam pada tahun 1990 dulu.

Datuk Seri Anwar telah dibawa ke ibu pejabat UMNO di Tingkat 39 Manara Dato' Onn untuk mengumumkan bahawa semua para pemimpin UMNO telah mengambil keputusan berdiri teguh di belakang pencalonan beliau.

Tun Abd Ghafar terpaksa menyerah kalah yang kemudiannya diikuti dengan perletakan jawatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri

dan Menteri Luar Bandar.

Dr Alias Muhammad, bekas Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri mendakwa bahawa "politik wang" telah memainkan peranan di dalam menyingkirkan Tun Ghafar Baba pada tahun 1993 itu.

Mengenai sikap setengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong seruan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar, Pak Lah berkata, perbuatan tersebut hanya mengambil kesempatan untuk mengkritik kerajaan.

" Mereka tidak tahu apa-apa mengenai rreformasi dan hanya mengambil kesempatan untuk mengkritik kerajaan berikutan dengan tindakan Anwar yang berbuat demikian sebagai tindakan yang tidak ada pilihan lain."

Beliau mengesakan berkali-kali " UMNO sejak dilahirkan 52 tahun yang lalu sudah membuat pelbagai reformasi untuk kepentingan rakyat termasuk membasmi segala macam penyelewengan, rasuah dan skandal yang melibatkan para pemimpinnya.

" Reformasi bukan sekadar kepada dasar. Reformasi juga perlu pada diri para pemimpin bagi memastikan mereka berwibawa, berhemat tinggi, bercakap benar, tidak menyeleweng dan bersungguh-sungguh untuk memajukan negara."

## TINDAKAN MENGIKUT SYARIAT

Beberapa tokoh agama telah membuat reaksi yang menyokong tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan timbalan beliau sebagai tindakan yang mengikut syariat Islam.

Bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin Abd Kadir yang kini Adun Melor merangkap Ketua Penerangan UMNO Kelantan berkata, pemecatan Anwar dari kabinet dan UMNO atas sebab moral yang rendah adalah tepat dan mengikut syariat Islam.

Katanya, apa yang ditekankan oleh Dr Mahathir di dalam membuat keputusan itu selaras dengan prinsip menjadi seorang pemimpin.

" Seseorang pemimpin harus mengamalkan akhlak dan moral yang tinggi, mengikut konsep kepimpinan melalui teladan kerana amalan seseorang pemimpin tentu menjadi ikutan para pengikut.

" Berdasarkan faktor ini, Perdana Menteri membuat keputusan yang betul dan mengikut syariat Islam," tegas beliau.

Mengenai dakwaan Anwar bahawa dia diadili sebelum kesnya dibicarakan di mahkamah, Datuk Zainal menjelaskan, Rasulullah saw

pernah menyatakan bahawa baginda sendiri terpaksa membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan yang ada.

" Dr Mahathir telah membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan yang ada. Kerana akhirnya Allah SWT saja yang mengetahui akan perkara yang sebenarnya, " ujar beliau yang juga seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang turut menyokong penjelasan Dr Mahathir berkata, Anwar sebagai pemimpin Islam tidak patut melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran agama Islam.

**" Soal moral di dalam agama amat luas. Perbualan Anwar dengan isteri orang ketika suaminya tidak ada sudah cukup bukti dan tidak boleh diterima di dalam hukum Islam, "** tegas beliau.

Datuk Dr Abd Hamid Othman pula berkata, UMNO terus kekal dengan dasarnya iaitu seseorang pemimpin atau ahli yang menimbulkan kontroversi seperti yang dikaitkan dengan moral dan rasuah, perlu berundur dari politik.

" Perdana Menteri memberi contoh kes Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang terpaksa berundur selepas dilanda kontroversi.

" Ahli UMNO perlu ambil kes ini sebagai sesuatu yang positif dan orang luar UMNO tidak perlu pertikai, " tegas Dr Abd. Hamid.

Datuk Mohd Yusuf Abd Latif, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan pernah menjadi seorang ahli Parlimen berkata, " Dr Mahathir telah membuat sesuatu yang terbaik untuk UMNO, bangsa Melayu dan Malaysia dalam memecat Anwar."

Beliau yang pernah menjadi pemimpin ABIM Pulau Pinang menyeru umat Islam mendoakan kesejahteraan berkekalan untuk Malaysia.

Datuk Yusuf yakin kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir berupaya menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang dihormati oleh mana-mana negara Islam di seluruh dunia.

Beliau juga gembira akan peranan Pak Lah sebagai Menteri Luar selama lapan tahun yang telah berjaya menjalankan tugas antarabangsanya hingga Malaysia mendapat segala kehormatan dan sanjungan dari pelbagai kalangan sejagat.

Peranannya selama ini untuk menterjemahkan kepimpinan Dr Mahathir menjadikan sumbangan sejagat Malaysia semakin berkesan.

Kini Datuk Abdullah yang juga anak Pulau Pinang telah dilantik menggantikan peranan Anwar Ibrahim yang telah dipecat itu.

## Reaksi Tokoh-tokoh UMNO terhadap **PAK LAH**

● *DATUK MOHAMED KAMAL HUSSAIN*, Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan berkata:

"Kita selalu berpandu kepada pemilihan secara demokrasi bagi jawatan-jawatan terpenting di dalam parti dan kerajaan kerana ini mencerminkan penerimaan seseorang pemimpin itu oleh orang ramai.

Walaupun pada ketika ini, kita tidak begitu jelas akan proses pemilihan pemimpin UMNO, kita percaya pucuk pimpinan mempunyai agenda tertentu melantik Pak Lah. Sebagai anggota parti, kita harus bersikap seperti seorang anggota tentera yang patuh kepada arahan. Siapa yang ditonjol buat sementara waktu ini, beliaulah wajar diberikan sokongan sepenuhnya demi kejayaan parti.

Oleh itu, tidak timbul soal penerimaan atau tidak seseorang pemimpin yang diketengahkan di dalam situasi seperti sekarang sehingga mengakibatkan tercetusnya penentangan secara terbuka atau kecil-kecilan.

UMNO mendukung demokrasi maka sudah tentulah pemilihan secara demokrasi pasti akan diadakan bila-bila masa saja yang diizinkan oleh keadaan. Kita harus menerima sepenuhnya pemimpin yang dilantik tanpa

mengira kepentingan diri kita sahaja."

● **DATUK ABU BAKAR TAIB**, Ketua UMNO Bahagian Langkawi, Kedah berpendapat:

"Di dalam isu perlantikan TPM baru-baru ini, kita semua tahu hanya ada dua nama saja yang layak menjawat jawatan tersebut. Mereka ialah Datuk Seri Mohd Najib dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Mereka berdualah yang paling kanan walaupun ada individu lain yang berangan-angan untuk mengisi kekosongan tersebut. Individu-individu tersebut perlulah ingat bahawa keperluan mereka untuk melonjak ke jawatan nombor dua itu buat masa ini tidak membenarkan mereka berbuat demikian."

● **DATUK HAJI ONN HAJI ISMAIL**, Ketua UMNO Bahagian Kapar, merangkap Setiausaha Perhubungan UMNO Selangor mengulas:

"Mengapa Pak Lah dipilih adalah satu isu yang amat menarik. Jika dibandingkan di antara Datuk Najib dengan Pak Lah, tentulah anggota-anggota parti memihak kepada Pak Lah di dalam keadaan parti seperti sekarang ini.

Ini sama sekali jangan diertikan bahawa Datuk Najib tidak layak. Beliau ada masa selepas ini, Insya-Allah."

● **DATUK ABD RASHID NGAH**, Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus, Terengganu berkata:

"Kepercayaan Dr Mahathir kepada Pak Lah apabila disandarkan dengan tugas yang mencabar adalah hasil dari rekod perkhidmatan dan perwatakan beliau yang cemerlang dan cukup hebat.

Pak Lah kurang kontroversi malah pengalaman beliau amat diperlukan dalam waktu UMNO dan Negara sedang mencari ketenangan."

● **DATUK HAJI AHMAD SHAHIBUDDIN MOHD NOOR**, Ketua UMNO Bahagian Bachok merangkap Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Kelantan berpendapat:

"Dr Mahathir sangat bijak dan berani. Beliau memilih Pak Lah yang dilihat sebagai seorang yang tinggi diplomasinya. Ini akan membantu mewujudkan perpaduan dan merapatkan barisan di dalam UMNO dan BN demi menghadapi pilihanraya sebelum bulan April, 2000."

● **DATUK RADZI MANAN**, Ketua UMNO Bahagian Kampar, Perak

berkata:

"Sudah pasti suasana politik yang kian tenang akan menyumbangkan kepada pemulihan ekonomi dengan lebih cepat lagi. Saya ucapkan syabas kepada Dr Mahathir kerana memilih Pak Lah sebagai timbalan beliau dan tahniah kepada Pak Lah yang terus bekerja dengan tekun dan penuh tabah."

● *DATUK TAN MOHD AMINUDDIN ISHAK*, Ketua UMNO Bahagian Maran, Pahang berkata:

"Pemilihan Pak Lah untuk menerajui jawatan nombor dua penting dalam negara membawa imej baru kepada negara dan UMNO sendiri. Pak Lah mencerminkan watak seorang yang sederhana di dalam kehidupan hariannya."

● *DATUK ABU ZAHAR DATUK ANDIKA UJANG*, Ketua UMNO Bahagian Kuala Pilah, Negeri Sembilan berpendapat:

"Buat masa ini, tidak ada orang yang benci kepada Pak Lah. Tidak ada orang yang boleh tidak suka kepada beliau. Pak Lah diterima oleh semua pihak dan penerimaan ini membawa keuntungan kepada beliau kerana ini dapat memastikan yang beliau tidak akan digugat oleh calon-calon lain yang berhajat. Secara jelas kedudukan Pak Lah terjamin."

● *HAJI BAHAROM ABD GHANI*, Ketua UMNO Bahagian Pulau Johor mengulas:

"Pak Lah memiliki imej pemimpin yang lembut, sederhana dan tidak serakah. Walaupun pernah terpinggir dan dicemuh oleh sebahagian ahli UMNO kerana menyebelahi Team B suatu masa dulu, tetapi Pak Lah tetap Pak Lah. Beliau mempunyai sifat-sifat keterbukaan dan tidak menyimpan dendam. Beliau sentiasa mempunyai niat yang baik terhadap orang lain."

● *ENCIKYUNUS RAHMAT*, Ketua UMNO Bahagian Jelebu, Negeri Sembilan berkata:

"Mengikut rekod, Pak Lah merupakan seorang ahli politik yang tidak keterlaluan bermain politik. Pak Lah bersikap terbuka dan menyerahkan kedudukannya kepada kebijaksanaan dan kematangan ahli-ahli UMNO. Pak Lah percaya kepada ketentuan Allah SWT."

● *DATUK ABU SEMAN YUSOF*, Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah,

Melaka mengulas:

"Sebaik saja dilantik menjadi TPM, Pak Lah terus segera menunaikan tugas yang dipikulnya tanpa mencanang. Beliau memilih untuk tidak mempunyai agendanya sendiri kerana beliau sepatutnya tidak ada agenda lain selain daripada agenda memperkuatkan UMNO dan membina negara."

● **DATUK HAJI AZMAN ATTAR**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Batu, Wilayah Persekutuan menegaskan:

"Pak Lah tidak memerlukan perantikan secara rasmi bagi beliau menjalankan tugas terbarunya. Kini beliau diberikan kepercayaan pula bagi mengendalikan urusan sebagai Timbalan Presiden UMNO sejajar dengan perantikan beliau sebagai TPM.

Pak Lah dilihat bertanggungjawab bagi melancarkan lagi segala urusan dalaman dan luaran parti yang tergendala beberapa ketika dan mengembalikan semangat yang kian pudar di kalangan orang ramai. Apabila kita melihat air muka Pak Lah, ia berseri, bersih, lembut dan sejuk mata memandang. UMNO dan BN pasti kuat kembali."

● **DATUK ABD RASHID ABDULLAH**, Ketua UMNO Bahagian Nibong Tebal, Pulau Pinang berkata:

"Pak Lah pilihan terbaik untuk pemimpin nombor dua UMNO dan Negara. Marilah kita berdoa semoga Allah SWT terus memberikan pertunjuk dan hidayahNya kepada kepimpinan Dr Mahathir yang dibantu oleh Pak Lah dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ujian yang kian meningkat memasuki alaf baru kini."

● **DATUK AHMAD LEBAI SUDIN**, Ketua UMNO Bahagian Pokok Sena, Kedah mengulas:

"Dalam tempoh yang paling singkat, Pak Lah telah membuktikan bahawa perantikan beliau telah memperlihatkan UMNO mampu bersatu padu untuk menghadapi serangan parti-parti pembangkang dan NGO yang anti kerajaan. Saya yakin Pak Lah akan berjaya melaksanakan peranan sebagai tokoh nombor dua yang berkesan."

● **DATUK DR ZAINAL ABIDIN AHMAD**, Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat, Selangor menegaskan:

"Kemampuan Pak Lah tidak perlu dipertikaikan di dalam bidang pentadbiran dan politik. Beliau mempunyai pengalaman luas dan tentu berupaya menyumbangkan apa jua keperluan untuk parti dan kerajaan di

dalam memenuhi keperluan rakyat."

- *DATUK MOHAMAD HAJI AZIZ*, Ketua UMNO Bahagian Sri Gading, Johor berkata:  
" Pak Lah boleh menyumbangkan kesetiaan beliau kepada Dr Mahathir tanpa ragu-ragu. Dengan kesetiaan tersebut, Dr Mahathir tidak akan merasa terganggu bila mana beliau meneruskan tugas menyelesaikan kegawatan ekonomi dan politik negara."
- *ENCIK RIZALMAN ABDULLAH*, Ketua UMNO Bahagian Tenom, Sabah mahukan semua ahli UMNO memberikan sokongan tanpa berbelah bagi untuk membolehkan Pak Lah berjuang menegakkan kewibawaan parti dan kemakmuran negara untuk kepentingan rakyat.
- *DATUK ARIFFIN ABD HAMID*, Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Kelantan menegaskan:  
" Saya hanya bersyukur kepada Allah SWT yang telah menggerakkan hati Dr Mahathir memilih Pak Lah kerana pemilihan itu adalah dari kehendak dan pertunjuk-Nya yang tidak boleh dihalang oleh mana-mana manusia pun."
- *DATUK YUSUFF KASSIM*, Ketua UMNO Bahagian Batu Gajah mengulas:  
" Pemilihan Pak Lah telah dilihat sebagai satu asakan secara terus bagi menghancurkan pengaruh Datuk Anwar Ibrahim dan keterampilan Pak Lah dapat pula mengimbangi asakan bekas ahli S46 yang telah menyertai UMNO."
- *DATUK OMAR OTHMAN*, Ketua UMNO Bahagian Lipis, Pahang berpendapat:  
" 165 bahagian UMNO dan lebih dua juta ahlinya bernasib baik kerana perlantikan Pak Lah telah memudahkan tugas-tugas politik untuk menghadapi rakyat."
- *DATUK ISHAK ISMAIL*, Ketua UMNO Bahagian Seremban mahukan semua ahli UMNO menumpukan tenaga dan buah fikiran masing-masing untuk memperkuat parti dan melupakan isu-isu remeh yang boleh memecah belahkan UMNO sebagai tanda menyokong kepada perlantikan Pak Lah menjadi TPM dan menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO.



● *DATUK HAJI TALHA HAJI ISMAIL*, Ketua UMNO Bahagian Chenderoh, Perak berkata:

" Pak Lah adalah satu kurniaan istimewa daripada Allah SWT kepada orang Melayu. Beliau merupakan anak UMNO yang terbaik dalam dekad ini."

● *HAJI MUNTAHA KAILAN*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Muar, Johor mengulas:

" Orang UMNO yang mementingkan kekuatan UMNO untuk terus berkhidmat memajukan orang Melayu sudah pasti menyokong Pak Lah yang tidak akan bertolak ansur memperjuangkan ketuanan Melayu di mana-mana."

● *SENATOR HAJI SAIRIN KARNO*, Ketua UMNO Bahagian Keningau, Sabah berpendapat:

" Sejak Pak Lah di lantik, tugas kita agak ringan sedikit. Rakyat melihat beliau sebagai pemimpin yang bersih, tenang tetapi tegas. Ciri-ciri seperti inilah yang diperlukan di dalam kepimpinan UMNO."

● *ENCIK MOHD ZAIN ISMAIL*, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Kelantan menegaskan:

" Pak Lah punya lagenda terpenting di dalam pergolakan UMNO yang sentiasa bekerja keras untuk memastikan UMNO terus berupaya menyumbangkan khidmat bakti untuk orang Melayu dan tanahair kita Malaysia."

● *DATUK SHAHIRUDDIN ABDUL MOIN*, Ketua UMNO Bahagian Raub mengulas:

" Cakap-cakap yang mengarut mengenai pemimpin UMNO nampaknya tidak dapat ditujukan kepada Pak Lah. Beliau seorang pemimpin yang sentiasa rapat dengan akar umbi dan tahu sepak terajang bila turun ke padang."

● *DR ABD LATIFF AHMAD*, Ketua UMNO Bahagian Mersing, Johor berkata:

" Kita mesti bersyukur kepada Allah SWT kerana perlantikan Pak Lah lebih memudahkan kita menyusun barisan untuk menghadapi apa jua kemungkinan dari parti-parti pembangkang."

- *DATUK HAJI BAHARI HAJI TAIB*, Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Perlis berkata:  
"Ahli-ahli UMNO di negeri Perlis bersyukur kerana dengan izin Allah SWT Pak Lah telah diberikan tugas sebagai tokoh nombor dua di dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan dan kepimpinan UMNO. Kita mestilah memberikan sokongan yang padu kepada beliau."
- *HAJI AZHAR IBRAHIM*, Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang menyeru supaya perpaduan ahli-ahli UMNO di negeri ini dapat dipertingkatkan untuk menghadapi cabaran yang semakin besar menunggu di hadapan kita terutama di dalam mempertahankan pemerintahan BN di sini.
- *DATUK ABD RASHID ABD RAHMAN*, Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang berkata:  
"Rekod Pak Lah yang kita ketahui di dalam UMNO dan di dalam pentadbiran kerajaan menjadikan ahli-ahli UMNO merasa lega untuk berjuang menghadapi parti-parti pembangkang dan NGO yang menyerang kita. Pak Lah juga boleh menenangkan fikiran kita untuk mencapai sasaran politik dan ekonomi yang sedang kita perjuangkan bersama."
- *DR MOHD FUAD JARKASI*, Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor mengulas:  
"Kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Pak Lah selama ini membuktikan bahawa beliau mempunyai kekuatan untuk mempertahankan kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani kegawatan ekonomi dan politik di tanahair kita, Malaysia."
- *HAJI ZAID HAJI SIRAT*, Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak mengingatkan:  
"Kepimpinan Pak Lah sebagai tokoh nombor dua di dalam kerajaan dan di dalam UMNO hanya akan berkesan kiranya kita semua melihat ke depan untuk bekerja lebih kuat dan penuh disiplin menyokongnya."
- *DATUK HAJI KARIM GHANI*, Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah berkata:  
"Perlantikan Pak Lah sebagai TPM dan menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO memudahkan perjuangan UMNO dan pentadbiran kerajaan

untuk menuju kepada terlaksananya Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 seperti yang diilhamkan oleh Dr Mahathir."

● **DATUK FADZIL MAHMOOD**, Ketua Penerangan UMNO Negeri Perlis menyifatkan perlantikan Pak Lah sebagai yang terbaik di dalam saat-saat kita menghadapi kegawatan ekonomi dan politik kini.

● **DATUK HAJI SHUIB HAJI ENDUT**, Ketua penerangan UMNO Bahagian Kubang Pasu mahukan semua ahli UMNO di seluruh tanahair memberikan kepercayaan dan kesetiaan mereka tanpa berbelah bagi kepada kepimpinan Pak Lah seagai tokoh nombor dua dalam negara.

● **HAJI KASSIM TADIN**, Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan menegaskan:  
"Pak Lah sudah pasti akan dapat menyelesaikan banyak isu yang selama ini masih belum selesai terutama mengenai perpaduan di dalam UMNO sendiri yang kelihatan seperti ada dua *camp*."

● **HAJI OSMAN HAJI MD AJI**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Kulim Bandar Baru, Kedah berkata:  
"Saya sokong kenyataan Pak Lah yang menyebutkan bahawa bahtera UMNO mestilah mempunyai hanya seorang kapten."

● **HAJI MAT RIFFIN SAID**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Peringat, Kelantan menegaskan:  
"Pak Lah telah memberi contoh terbaik sebagai pemimpin UMNO yang bersih dan tidak gentar bila ditewaskan di dalam pemilihan parti tetapi terus bekerja hingga diberikan kepercayaan semula dan akhirnya kini beliau mendapat kedudukan yang ada."

● **ENCIK AHMAD MUZAKIR HAJI TAHIR**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Sungai Siput merasa lega bahawa Pak Lah tidak mahu ahli-ahli UMNO dilabelkan dengan kumpulan itu atau ini.

● **ENCIK MOHAMED KASBI**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Johor Bahru berterima kasih kepada Dr Mahathir yang memberikan jaminan bahawa Pak Lah akan menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia pada satu masa yang akan tiba kelak, insya-Allah.

- *ENCIK MAILIN HAJI MANJIT*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Papar, Sabah berkata:  
 "Pak Lah telah membuktikan dirinya sebagai tokoh yang senang didekati oleh ahli-ahli UMNO di negeri Sabah sepanjang pilihanraya Dewan Undangan Negeri yang berlangsung baru-baru ini."
- *ENCIK SALIHUDDIN SIHAK*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Paya Besar, Pahang pula menegaskan:  
 "Saya lihat Pak Lah, Datuk Osu dan Tan Sri Khalil Yaakub amat secocok di dalam menjalankan tugas memberikan kemenangan yang hebat kepada calon-calon UMNO dan BN hingga berupaya membentuk Kerajaan BN yang tidak memerlukan penyertaan parti-parti pembangkang."
- *HAJI NAWAWI AHMAD*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Jasin, Melaka berkata:  
 "Kita memerlukan pemimpin yang bertaqwa dan takutkan azab Allah SWT seperti Pak Lah yang akan terus membawa UMNO bersungguh-sungguh berjuang meninggikan syiar Islam untuk menentang fitnah PAS."
- *ENCIK ZAKARIA OTHMAN*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Ledang, Johor menegaskan:  
 "Pak Lah, Dr Mahathir dan ramai lagi tokoh UMNO yang pernah jatuh bangun di dalam perjuangan masing-masing tetapi terus bergerak untuk memastikan UMNO dapat kekal berjasa kepada orang Melayu dan Negara Malaysia."
- *HAJI BAHRO HAJI BINGU*, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Sungai Benut, Johor berkata:  
 "Sementara kita menunggu turunnya Nabi Isa a.s. dengan tugas utamanya menghapuskan babi. Allah SWT mengurniakan seorang putera Malaysia mengetuai tugas membunuh lebih sejuta babi yang membawa penyakit JE bagi menyelamatkan rakyat yang sudah pun terkurban seratus orang."
- *ENCIK SHAMSUDDIN HUSSIN*, Setiausaha UMNO Bahagian Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan tahu benar akan keikhlasan perjuangan Pak Lah yang ditunjukkannya selama ini sekalipun semasa beliau tidak menjadi menteri selepas pertandingan pucuk pimpinan UMNO tahun 1987 yang lalu.

● **HAJI TAHA BAHMAN**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Telok Kemang, Negeri Sembilan menegaskan:

" Saya tidak terkejut dengan perlantikan Pak Lah kerana kami tahu pemilihan terhadapnya sebagai ganti kepada Anwar Ibrahim adalah pilihan terbaik yang dilakukan oleh Dr Mahathir sebelum beliau bersara satu hari nanti."

● **ENCIK KADZIN YAHYA**, Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah berkata:

" Dr Mahathir dan Pak Lah merupakan penawar besar kepada UMNO negeri Sabah kerana sumbangan beliau dan Dr Mahathir menyemarakkan semangat ahli-ahli UMNO menghadapi parti-parti pembangkang."

● **ENCIK SHITH HIJJAZ**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Pasir Salak, Perak pula menegaskan:

" Tidak ada sesiapa pun yang boleh mempertikaikan kemampuan Pak Lah untuk menjadi tokoh nombor dua membantu Dr Mahathir menerajui UMNO dan BN."

● **SENATOR ABU BAKAR ISMAIL**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Arau, Perlis berkata:

" Saya tabek kejayaan Pak Lah melancarkan gagasan MESRA di kalangan pasukan polis disamping slogan CEPAT dan BETUL yang sudah pasti akan mendidik pasukan polis kita ke arah perkhidmatan yang lebih disenangi oleh rakyat."

● **TUAN HAJI ABU BAKAR DARUS**, Ketua Penerangan UMNO Bahagian Kepala Batas menegaskan:

" Pak Lah adalah seorang tokoh daripada keluarga ulama yang telah berjuang bermati-matian untuk menegakkan UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu pada zaman sebelum merdeka lagi."

● **TUAN HAJI AZMI MERICAN**, Setiausaha Kerja Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang berkata:

" Ahli-ahli UMNO Pulau Pinang memandangkan ke depan untuk menyokong apa jua agenda Pak Lah bagi memajukan orang Melayu yang seperti terpinggir di dalam bidang perniagaan dan ekonomi di negeri ini."

# RAMAI MELAYU MAKAN BABI

*"Setiap daging yang terjadi daripada makanan termasuk minuman yang haram maka api nerakalah yang layak baginya" - Maksud Hadis Nabi Muhammad saw riwayat Al-Tarmizi.*

**B**arangkali juga perkataan khinzir yang tiba-tiba saja cuba dipopularkan oleh media cetak dan media elektronik kini tidak berjaya mengendurkan kebencian dan kejiikan masyarakat Melayu terhadap makhlok najis *Mughallazah* yang dihukum oleh Allah SWT ke atas babi.

Apa jua yang bersumberkan babi adalah haram untuk dijadikan makanan dan minuman atau hukumnya najis atas barangan yang bersumberkan dari babi di kalangan umat Islam.

Siapakah yang mula mempopularkan perkataan khinzir sebagai perkataan yang agak lunak jika dibandingkan dengan perkataan asal Melayu - **BABI** - yang begitu jijik untuk diterima oleh masyarakat Melayu.

Apakah wabak jangkitan penyakit Japanese Encephalitis (JE) yang menimpa Malaysia telah menghalang nama khinzir daripada diteruskan penggunaannya oleh media dan pihak-pihak yang terlibat?

Dr Abdul Hayei Abd Syukur daripada Akademi Pengajian Islam UM menyebutkan bahawa jangkitan wabak JE yang menimpa negara kita adalah jawapan yang sangat relevan dan menjadi bukti bagaimana tepatnya hukum pengharaman Allah SWT ke atas babi.

Selain daripada itu, ada banyak lagi sebab dan hikmat pengharaman babi, sama ada yang diketahui atau yang masih tersembunyi di sebalik larangan Allah SWT itu.

Di Negeri Sembilan saja lebih 600,000 babi telah dimusnahkan dan seramai 80 orang telah mati akibat JE.

Islam mempunyai prinsip yang mudah dan jelas iaitu syariatnya tidak mengharamkan pengambilan makanan atau minuman yang

mendatangkan kebaikan.

Jika Islam mengharamkan umatnya mengambil atau memakan sesuatu maka percayalah bahan itu boleh mendatangkan bahaya dan mudarat yang sangat besar.

Ada dua keterangan dalam al-Quran tentang pengharaman babi iaitu pada ayat 173 surah al-Baqarah dan ayat 145 surah al-An'am.

Nabi Muhammad saw pula bersabda pada hari pembukaan Mekah seperti hadis riwayat Jabir: *Sesungguhnya Allah dan rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan berhala.*

Babi adalah binatang yang boleh menyesuaikan diri dengan tempat-tempat yang kotor, punya perwatakan pemalas, tidak suka bertarung walaupun untuk mempertahankan diri malah boleh hidup selesa bergelumang dengan najis sendiri.

Babi cepat sekali membesar, mudah membiak dan melahirkan anak beberapa kali di dalam setahun dan ini boleh memberikan keuntungan yang lumayan kepada para penternaknya.

Babi juga merupakan gudang kuman-kuman yang berbahaya. Pemakan daging babi sangat mudah menjemput penyakit-penyakit lama datang kembali, ia juga boleh menyebabkan kemandulan, mengaktifkan asma dan reumatik.

Kuman-kuman babi biasanya menyerang saraf otak yang menyebabkan kematian kepada mangsa yang dijangkitinya.

Beberapa kajian menemui, pemakan-pemakan daging babi pada umumnya sangat kurang menyimpan perasaan malu atau cemburu.

Seekor babi jantan langsung tidak memperlihatkan cemburu atau marah bila pasangannya bercumbu dengan babi yang lain.

Kajian ini sama dengan apa yang telah ditulis oleh Ibn Khaldun yang berkata: Orang Turki suka makan daging kuda, kerana itu tabiat mereka menjadi rakus. Orang Badwi suka makan daging unta, kerana itu tabiat mereka kasar. Orang Afranji (kulit putih) pula suka makan babi, kerana itu tabiat mereka hilang rasa malu dan cemburu.

Memang pun dalam masyarakat barat, perlakuan seksual, zina, liwat, lesbian dan sebagainya begitu terbuka dan murah sekali, malahan segala perbuatan keji itu tidak dianggap keji lagi dalam masyarakat pemakan babi yang semakin moden.

Sebaliknya masyarakat Timur yang tidak makan babi lebih mempunyai rasa sensitif tentang perbuatan-perbuatan keji yang di sebutkan tadi.

*Mungkin ini juga boleh dilihat di kalangan masyarakat kita yang sukakan perbuatan-perbuatan keji itu terdiri daripada mereka yang suka atau or-*

ang yang tidak sedarkan diri kerana terlalu suka memakan makanan yang ada subhah dengan daging babi.

Pengharaman babi bukan hanya dalam kitab suci al-Quran saja malah dalam kitab Taurat (perjanjian lama) turut mengharamkannya. Dalam agama Hindu juga menganggap memakan babi sangat mengaibkan kecuali mereka dari kasta Sudra dan Harijan.

Dalam ajaran Buddha yang dikatakan terdapat sebanyak 50 wasiat utama, antara lain melarang memakan babi.

Kitab Injil (perjanjian baru) yang menjadi pegangan penganut Kristian juga melarang memakan daging binatang babi tersebut.

Agama Sabbatarian, Zoroaster, Kong Khu Chu dan beberapa agama lain turut mengharamkan memakan daging babi itu.

*Apa pula hukum membunuh babi?*

Dr Abdul Hayei berkata, dalam beberapa hadis meriwayatkan, pada akhir zaman, Nabi Isa akan turun ke dunia, baginda akan menjalankan syariat Islam antara lain akan bertindak memusnahkan babi.

Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih al-Bukhari memuatkan judul pemusnahan babi, yang menunjukkan beliau lebih cenderung kepada pendapat harus memusnahkannya.

Kerajaan Malaysia telah melancarkan pemusnahan lebih sejuta ekor babi dengan melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengerusi jawatankuasa bertindak kabinet.

Presiden PAS, Ustaz Fadzil Noor pula mempolitikkan tugas Pak Lah dengan menyatakan bahawa Kaum Badwi di negeri Arab menjaga Unta dan kambing tetapi Badawi di Malaysia menjaga babi.

Pak Lah tidak memerlukan sanjungan dari Ustaz Fadzil di dalam menunaikan tugasnya untuk menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia yang lebih 90 orang telah terkorban akibat wabak JE dari babi itu.

Ustaz Fadzil janganlah bersedih kerana sekurang-kurangnya kita sudah lega akibat ratusan ribu babi yang membawa wabak telah dimusnahkan sementara kita semua masih lagi menunggu Nabi Isa turun ke dunia.

## MEMAKAI KOPIAH HAJI

Tan Sri Ghazali Shafie pernah menyarankan supaya perkataan **dadah** dijadikan perkataan yang jijik sambil mengambil contoh di mana orang Melayu akan merasa amat jijik bila disebut saja perkataan babi.

Tetapi kini agaknya sudah semakin ramai orang Melayu yang memakai



kupiah haji dan wanita-wanita Melayu yang memakai tudung mini telekung bercokol menjamu selera dengan lahapnya di kedai-kedai yang taukenya memang memakan babi dan menyimpan bahan-bahan masakan yang bercampur aduk dengan bahan babi di dalam peti sejuk masing-masing.

Mereka juga sudah pun mencari helah dengan mengambil wanita-wanita Indonesia yang memakai tudung untuk melayan tetamu.

Atau mengadakan pekerja Cina atau India yang memakai kupiah haji untuk mengelirukan masyarakat Melayu.

Ada juga orang Melayu yang begitu sabar berdiri menunggu giliran untuk membeli rojak, tauhu, nasi lemak, Yong Tau Fu, lauk pauk atau makanan lain yang disediakan dari periuk belanga, kualiti dan pisau yang digunakan untuk memotong dan memasak makanan bercampur babi.

Peralatan yang *tidak disamak* dengan cara Islam itu kemudiannya dipergunakan untuk menyediakan makanan yang juga sedang dinikmati dengan lahapnya oleh kaum Muslimin dan Muslimat yang tidak teliti.

Tidak gelikah lagi mereka? Atau mereka sudah seperti tidak sedar lagi bahawa mereka sedang menghirup dan memakan makanan yang tidak bersih dan kotor dari ajaran agama kita? Atau sudah tidak jijik lagikah mereka merasa makanan yang ada bersubhat dengan daging babi yang disimpan di dalam peti sejuk yang sama?

Rakan-rakan saudara baru Islam memberitahu saya, tuan-tuan punya restoran kafir yang memakan babi, tidak pernah menyediakan pinggan mangkuk dan pisau parang yang mereka sediakan khusus untuk dipergunakan bagi menyediakan makanan untuk para pelanggan yang beragama Islam.

Memang benar, ada di kalangan mereka yang percaya bahawa orang Melayu memang tidak makan babi tetapi bahan-bahan yang membabitkan babi boleh disajikan untuk para pelanggan Islam.

Sebab itulah apa jua makanan yang disediakan oleh tuan punya atau tukang masak kafir yang memakan babi tidak akan dapat *menyamak* makanan atau minuman yang tersentuh atau disentuh dengan bahan-bahan dari bulu, tulang, minyak atau daging babi.

Persatuan Pengguna Islam Malaysia ( PPIM ) telah berjaya membongkar beberapa insiden melibatkan barang-barang haram yang berasal dari sumber babi telah menjadi bahan yang telah dipergunakan atau dimakan oleh orang Melayu beragama Islam.

Setiausaha Agung PPIM, Dr Maamor Othman berkata, Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang sedang dipimpinya telah mendedahkan

bagaimana terdapat berus dari bulu babi yang digunakan untuk memalit minyak di daging ayam yang dipanggang oleh beberapa buah restoran makanan segera.

Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Pusat Islam dilaporkan telah bertindak ke atas pihak yang didakwa melakukan perbuatan menjerumuskan umat Islam memakan barang-barang yang haram dari daging babi itu.

Ketua-ketua UMNO cawangan tidak harus melepaskan tanggungjawab masing-masing begitu saja kerana mereka boleh memainkan peranan mencegah perkara ini daripada terus berlaku.

Cubalah kita renungkan, bila restoran kepunyaan bukan Islam wujud maka sudah tentu mereka akan memasak makanan yang sekurang-kurangnya ada recah-recah babi untuk makan minum mereka sendiri. Atau bahan-bahan masakan mereka bercampur dengan babi bila mereka simpan bahan-bahan itu di satu bakul atau di peti sejuk yang sama.

Hanya dengan **bersamak**, *sekali dengan air tanah dan 6 kali dengan air bersih* barulah periuk kualiti, bakul dan peti sejuk itu tidak najis lagi.

Tertikirkah anda kiranya ada tauke-tauke bukan Islam yang menyamak periuk belanga, gelas dan cawan, piring atau pinggan setelah mereka menggunakannya dengan recah-recah babi itu.

Malah di dalam beberapa serbuan oleh pihak berkuasa telah dibuktikan di beberapa buah restoran bukan Islam di seluruh negara yang telah didapati adanya daging babi dan minyak babi berdekatan dengan periuk belanga untuk memasak makanan yang kononnya bersih dan suci untuk makanan pelanggan beragama Islam.

Persatuan Pengguna Islam menyeru umat Islam terutama dari negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Johor supaya mencontohi **orang Melayu Kedah** yang tidak akan pergi memakan makanan kecuali di kedai Melayu atau mamak Muslim.

Inilah di antara identiti orang Kedah yang mesti dibanggakan kerana mereka lebih mengutamakan kedai-kedai makan Melayu atau Islam untuk menjamu selera masing-masing.

Ada juga restoran bukan Islam yang sengaja meletakkan tulisan ayat al-Quran terpampang di depan pintu masuk dan kelihatan seorang India atau bangsa Cina yang memakai kopiah haji sibuk melayan tetamu dan mengisi sajian untuk menarik pelanggan.

Ketua-ketua UMNO cawangan barangkali boleh berusaha sedikit untuk meminta tuan-tuan khatib memasukkan isu makanan haram dan

mencegah umat Islam daripada pergi menikmati makanan bukan Islam - sama ada Cina atau Hindu - di dalam khutbah di masjid masing-masing.

Saya merasa amat bangga membaca huruf-huruf besar yang terpampang dengan perkataan **MAJLIS AGAMA ISLAM PAHANG** di gerai-gerai yang aktif melayan pelanggan.

Contoh yang dibuat oleh Tan Sri Khalil Yaakub ini patutlah dijayakan juga oleh majlis-majlis agama Islam di negeri-negeri lain yang telah pun menerima banyak bayaran zakat dari umat Islam.

Sekiranya semua kawasan masjid ada didirikan gerai-gerai makanan maka tentulah cara ini akan lebih memudahkan orang ramai pergi menunaikan solat dan mudah pula untuk mendapatkan makanan dan minuman yang halal tanpa ragu-ragu.

Atau ketua-ketua UMNO cawangan berusaha supaya dapat didirikan kedai-kedai makanan di sekitaran masjid atau surau yang memang ada sedikit ruang di setiap kawasan mereka.

## KEDAI MAKAN DI SABAH

Sekiranya setiap cawangan hanya berjaya mendirikan sebuah saja kedai makan maka sudah pasti ada lebih 4,000 kedai makan Islam di Sabah. Dan sekiranya ada sebuah kedai runcit Islam didirikan di setiap cawangan UMNO di Sabah maka akan ada 4,000 kedai runcit Islam di Sabah.

Untuk mengusahakan pembinaan gerai-gerai Melayu didirikan di setiap cawangan UMNO di Sabah, ketua-ketua UMNO cawangan di Sabah mestilah membawa usul mendirikan gerai-gerai tersebut di dalam mesyuarat cawangan untuk mendapat sokongan yang padu daripada ratusan ahli UMNO.

Sebaik-baiknya didirikan dua tiga unit gerai, sebuah untuk menyediakan makan minum, sebuah untuk kedai runcit dan lain-lain.

Pengerusi UMNO Sabah, Datuk Osu Haji Sukam yang kini diberikan kepercayaan sebagai Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah sudah pasti akan menjadikan projek pembinaan sebuah kedai makan untuk sebuah UMNO cawangan di Sabah sebagai salah satu dari keutamaan tugas langsung beliau untuk UMNO Sabah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam pula sudah pasti boleh membantu pembinaan gerai-gerai tersebut atau projek-projek IKS yang lain menerusi gerakan koperasi yang mesti dipertingkatkan aktivitiinya di negeri Sabah.

Sabah maka Datuk Osu dan Tan Sri Kasitah tentulah mahu meneruskan pembinaan kedai-kedai keperluan yang lain atau menyemarakkan kewujudan industri kecil dan sederhana ( IKS ) untuk ahli-ahli UMNO cawangan di negeri itu.

Pada tahun 1997 yang lalu, Baitulmal Wilayah Persekutuan telah berjaya memungut zakat sebanyak RM50.6 juta, satu jumlah yang begitu banyak dan tidak pernah terfikir dapat dikumpulkan selama ini.

Ketua-ketua UMNO cawangan di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan sepatutnya jangan berlengah-lengah lagi untuk mencadangkan supaya satu peruntukan diminta dari Baitulmal Wilayah Persekutuan untuk mendirikan gerai-gerai makanan yang akan disewakan dengan bayaran yang sederhana di kalangan umat Islam.

Saya yakin dengan terdirinya gerai-gerai makanan secara yang terbuka untuk 4,000 cawangan UMNO di Sabah maka masalah persediaan makanan yang diragukan halal haramnya selama ini akan dapat diatasi di dalam kehidupan harian umat Islam di Sabah.

Ada alim ulama dan guru-guru agama yang menyebutkan bahawa umat Islam yang termakan babi akan menjadi lemah dalam serba serbinya hingga mengakibatkan mereka seperti tidak bernyawa lagi dari segi spiritual dan fizikal.

Sesungguhnya makanan yang haram itu sama ada dari bahan-bahan yang najis atau yang ada subahah atau dari sumber pencarian haram atau subahat haram boleh mendatangkan tiga bahaya yang besar.

**Pertama**, makanan tersebut mempengaruhi jiwa seseorang sehingga gemar mengerjakan kerja-kerja kejahatan dan maksiat, sebaliknya pula benci mengerjakan kerja-kerja kebajikan dan ketaatan.

**Kedua**, sebarang doanya tidak dimakbulkan oleh Allah SWT.

**Ketiga**, mengakibatkan dia diseksa di dalam neraka di akhirat nanti seperti Sabda Rasulullah saw diriwayatkan oleh Al Tarmizi yang maksudnya: "**Setiap daging yang terjadi dari makanan termasuk minuman yang haram itu maka api nerakalah yang layak baginya.**"

Seramai 17,007 ketua UMNO cawangan wajiblah membuat ucapan di cawangan masing-masing mengenai isu ini dan menyeru ahli-ahlinya supaya berwaspada dengan menyelamatkan diri daripada termakan atau memakan makanan di restoran-restoran bukan Islam yang menyajikan makanan yang melibatkan minyak babi atau bahan-bahan dari najis babi.

Hadis Nabi Muhammad saw bermaksud, "**Barang siapa yang tidak ambil peduli akan hal ehwal umat Islam maka mereka bukan daripada orang Islam.**"

## MELAYU BELA LALAT

BAGAIMANAKAH pula dengan restoran-restoran kepunyaan orang Islam yang didapati kotor memelihara lalat dan membiarkan makanan terdedah dan dengan mudah boleh dihinggap oleh habuk kekotoran?

Bagaimanakah pula dengan restoran-restoran Melayu yang tidak mempedulikan sekitaran dan hanya pakai ada saja untuk mengambil wang pelanggan tanpa mempedulikan meja, kerusi, pinggan mangkuk, sudu garpu dan lantai yang berselekeh?

Kita semua sepatutnya berani mengingatkan semua operator makanan dan minuman Melayu supaya faham benar bahawa mereka bukan menyediakan rangkaian makanan atau minuman untuk dihidangkan kepada orang ramai secara percuma.

Makanan dan minuman yang kotor diberikan secara percuma kepada orang ramai pun satu jenayah.

Lebih-lebih lagi bila para pelanggan yang datang ke mana-mana kedai makan atau warung-warung yang menyediakan makanan mesti membayar sejumlah wang untuk mengisi perut mereka.

Mereka membayar akan makanan dan minuman yang akan mereka isi ke dalam perut mereka untuk mengelakkan kelaparan.

Tidak ada sesiapa pun harus memejamkan mata atau mendiamkan diri kiranya mereka tahu bahawa makanan dan minuman yang disediakan oleh mana-mana restoran itu kotor dan tidak bersih.

Lebih-lebih lagi dalam konteks makanan yang bersubahah dengan sentuhan atau daging babi yang memang najis dari pandangan Islam.

Kiranya ada penipuan menggunakan tanda halal sedangkan sebenarnya mereka menyediakan makanan bernajis babi maka wajiblah ketua-ketua UMNO cawangan melaporkannya kepada pihak yang berkuasa.

Mengenai kedai-kedai makan yang menggunakan air kotor atau makanan yang tidak dibersihkan dengan air yang bersih bolehlah kita mengadakan hubungan dengan pihak restoran-restoran tersebut dengan memberitahu bahawa makanan atau minuman yang mereka sediakan didapati kotor.

Tanya mereka baik-baik, bukankah lebih laris jualan kita jika restoran dan makanan mereka lebih bersih?

Tetapi yang lebih baik kiranya pihak Wanita UMNO cawangan-cawangan dianjurkan supaya memastikan makanan atau minuman yang mereka sediakan membahayakan atau tidak.

Seperti dengan makanan atau minuman yang ada najis babi atau

makanan dan minuman yang memang kotor hingga membahayakan kesihatan maka bolehlah Wanita UMNO memberitahu kepada pihak Pejabat Kesihatan setempat supaya segera bertindak ke atas mereka.

Tentulah cawangan-cawangan Wanita UMNO merasa bangga kiranya mereka dapat memainkan peranan ini dan sekaligus membantu akan seruan Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang dulu pernah menjadi Timbalan Menteri Kesihatan.

Sekiranya ini dilakukan, pedulikan apa jua tuduhan yang mendakwa bahawa kita begitu terdorong untuk membantu segala aktiviti perniagaan Melayu yang tidak kotor dan tidak merosakkan kesihatan.

Adanya pelbagai insentif untuk orang Melayu menceburkan diri di dalam bidang perniagaan bukan bererti bahawa mereka yang terlibat di dalam dunia perniagaan itu boleh membuat sesuka hati hingga di dalam perkara-perkara yang membahayakan kesihatan ummat.

Dimensi terpenting kita ialah mewujudkan sebuah rangkaian kedai-kedai makanan dan minuman Melayu yang terjamin kebersihannya dengan harga yang berpatutan dan dengan sendiri akan wujudlah satu golongan masyarakat perniagaan Melayu yang jujur dan berdisiplin.

Dengan adanya kerjasama yang erat setiap masa maka pihak Jabatan Kesihatan dan Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Perbandaran atau Dewan Bandaraya berupaya memastikan makanan dan minuman yang disediakan di kawasan masing-masing sentiasa saja bersih dalam meningkatkan kesihatan rakyat yang mengunjungi kedai-kedai mereka.

## RESTORAN CINA YANG HALAL?

UMAT Islam ramai yang telah terpedaya akibat iklan-iklan yang terpampang menyatakan adanya restoran Cina bukan Islam yang menjual makanan atau minuman yang halal.

Ada restoran Cina yang bukan Islam menyimpan minyak babi, perencah yang ada subahah, ayam itik yang tidak bersembelih bersebelahan dengan barang-barang masakan lain ketika diserbu oleh pihak penguatkuasa undang-undang dari Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, baru-baru ini.

Menteri Datuk Megat Junid Megat Ayub mengesahkan kejadian ini dan meminta semua pihak berwaspada mengenai isu ini.

Demikian jugalah barangkali yang berlaku di kedai-kedai restoran masakan Cina dan India yang bukan Islam yang kebiasaannya menyediakan bahan-bahan makanan yang tidak halal.

Sudah ramai orang yang berkopiah Haji dan bertudung mini telekung secara terang-terang pergi memenuhi perut masing-masing dengan bahan-bahan najis yang disediakan oleh restoran-restoran tersebut.

Ada juga pak-pak haji dan mak-mak haji yang kemudiannya memberitahu rakan-rakan mereka supaya pergi menikmati makanan yang memangnya tidak halal kerana di restoran-restoran tersebut terpampang tanda HALAL dan taukenya bersedia pula menanggung dosa kiranya ada didapati makanan dan minuman yang bernajis di restoran mereka.

Tidakkah kita sedari setelah kita pergi memakan dan meminum bahan-bahan najis dan tak halal itu ***perangai kita sentiasa saja terdorong untuk membuat kejahatan dan mengerjakan maksiat?***

Ada di kalangan peniaga-peniaga bukan Islam yang bertekad untuk sengaja memasang tanda halal sama ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri atau dengan tulisan yang biasa untuk menarik perhatian umat Islam supaya datang berkunjung memakan makanan tersebut.

Mereka kemudiannya meletakkan dua tiga orang pekerja wanita Melayu atau Indonesia bermuni telekung bagi mengelirukan perhatian umat Islam supaya membeli dan memasukkan ke mulut masing-masing benda-benda yang najis dan haram yang mereka hidangkan.

Pinggan mangkuk, periuk belanga, pisau, sudu garpu dan sebagainya yang terlibat dengan daging babi tidak disamak pun dengan sekali air tanah dan enam kali air bersih.

Pendeknya, makanan yang disediakan oleh kedai-kedai restoran Cina bukan Islam itu adalah najis dan tidak boleh disentuh oleh umat Islam.

Apalagi bila mereka memakan dan meminumnya maka mereka melahap bahan-bahan yang bercampur dengan daging babi.

Atau pun ayam itik yang tidak pun disembelih secara Islam.

Di dalam Islam, keraguan ini mengakibatkan kita akan terjatuh ke dalam suasana yang tidak dibenarkan oleh agama kita yang suci.

***Memakan dan meminum di kedai yang ada subahah najis dan bahan tidak halal menjadikan seseorang itu gemar mengerjakan kejahatan dan maksiat.***

***Memakan dan meminum di kedai yang ada subahah najis dan bahan tidak halal menjadikan doa mereka ditolak oleh Allah SWT.***

***Memakan dan meminum di kedai yang ada subahah najis dan tidak halal maka tubuh mereka lebih layak dijilat oleh api neraka.***

Satu sikap yang lebih dahsyat lagi, ada orang Melayu yang melangkah kaki masuk ke restoran yang makanannya ada subahah tidak berani pun bertanya akan bukti makanan yang disediakan itu halal.

Untuk melindungi tubuh kita daripada dijilat api neraka, kita mestilah mempunyai keberanian bertanya akan halal atau haram makanan dan minuman yang disediakan seperti pinggan mangkuk, periuk belanga, pisau dan garpu yang bercampur aduk dengan najis babi.

Barangkali juga untuk mengenali tanda orang Melayu yang bacul itu ialah orang yang bila kita beri salam, mereka tak tahu lagi untuk menjawab salam kita, sedangkan menjawab salam itu hukumnya wajib.

***Nak tanya ada babi di dalam makanan pun sekarang ini sudah ada Melayu yang bacul dan tidak berani!***

Jalan yang paling selamat ialah anda janganlah sekali-kali pergi melangkah ke mana-mana jua restoran orang kafir yang tentunya memakan babi hingga boleh menjerumuskan anda menggunakan wang sendiri untuk dijilat oleh api neraka, **Nauzu billah!**

## LEBIH DARIPADA SATU

PRESIDEN yang juga Ketua Eksekutif Sirim Sdn Bhd, Datuk Dr Mohd Ariffin Aton mahukan supaya Malaysia mempunyai lebih daripada satu badan yang melaksanakan kerja-kerja pengiktirafan dan pengujian standard halal untuk produk tempatan demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

Pada masa ini hanya sebuah syarikat swasta, Ilham Daya Sdn Bhd telah diberikan tanggungjawab untuk memberikan pengiktirafan standard atau logo kepada syarikat-syarikat tempatan.

Banyak kekeliruan mengenai peranan badan tersebut, kos tinggi yang diperlukan untuk mendapatkan lesen halal dan prosedur kerja yang leceh serta lambat.

Beliau berpendapat, Sirim adalah badan paling tepat untuk membantu Jakim dan memikul tanggungjawab berdasarkan kepakaran dan tahap profesionalisme kerja serta mampu membantu daripada aspek teknikal.

Dr Ariffin berkata, tugas untuk memastikan penghasilan standard mutu halal adalah satu kerja yang rumit dan penting kerana ia mestilah berdasarkan prinsip syarak Islam.

Katanya, adalah penting pengeluar produk halal berusaha mendapatkan standard mutu yang boleh diterima di pasaran antarabangsa seperti ISO 9000 dan bertindak balas terhadap pembangunan dalam tekbologi serta proses R & D untuk kekal berdaya saing.

Sebelum itu, isu mengenai pengiktirafan standard halal telah disentuh



oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang menyarankan supaya badan pengiktirafan di Malaysia perlu memperkenalkan pendekatan baru yang dapat mengiktiraf standard pensijilan khusus untuk proses pengeluaran produk halal.

Rafidah berkata, dalam rekod perdagangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), perdagangannya meningkat daripada AS\$478.9 bilion pada tahun 1970 kepada AS\$834.5 bilion pada tahun 1997.

## PANDUAN PRODUK HARAM

TENTULAH kita boleh mengalu-alukan agenda kerja Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk menerbitkan buku panduan perniagaan Islam bagi membantu orang ramai mendapatkan produk yang halal dan mengelakkan daripada terpedaya dengan produk yang haram.

Ini adalah satu lagi perkhidmatan yang dirancang oleh PPIM untuk kemudahan pengguna Islam terutama 5.000 ahlinya.

PPIM juga telah membentuk Institut Penyelidikan Piawai Islam (RISIS) yang akan menyediakan semua maklumat penyelidikan mengenai makanan halal haram itu.

Ketua-ketua UMNO cawangan perlulah membuat inisiatif masing-masing untuk menghubungi PPIM bagi mendapatkan buku tersebut yang boleh dijadikan bahan rujukan terutama mengenai makanan halal haram tersebut.

PPIM yang dibentuk sejak Jun tahun 1997 lalu membariskan sekumpulan ahli profesional terdiri daripada para peguam, doktor, ulama, ahli akademik, wartawan dan sebagainya.

PPIM juga sudah mempunyai sebuah makmal di Setapak bagi menjalankan kajian dari segi halal haramnya satu-satu jenis produk yang dijual di pasaran.

Ketua-ketua UMNO cawangan sepatutnya boleh mengambil peluang untuk mematuhi akan Hadis Nabi SAW yang menegaskan:

***"Barang siapa yang tidak mempedulikan hal ehwal umat Islam maka orang itu bukanlah daripada orang Islam."***

Umat Islam yang berminat mengenai isu ini bolehlah menghubungi:

Dr Maamor Othman,

Setiausaha Agung,

Persatuan Pengguna Islam Malaysia,

438, Jalan Tun Abd Razak, 50400 Kuala Lumpur.

# APAKAH ITU POLITIK ?

P

ertanyaan ini sering diucapkan kerana ia memang sukar untuk dimengertikan secara lengkap bahkan pertanyaan seperti itu boleh membawa kepada pelbagai pertengkaran yang berlarut-larut di dalam kajian-kajian ilmiah.

Asal kata politik ialah *polis* ( negara kota ) yang kemudiannya di dalam bahasa Inggeris berkembang menjadi *polity*, *politic*, *politics*, *political*, *politician*, *police* dan *policy*.

Dalam konteks ini, *Robert A. Dahl* di dalam bukunya *Modern Political Analysis* mentafsirkan;

Apakah itu politik?

Pertanyaan selamba ini sama juga seperti bertanya kepada ahli biologi

" Apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan ? "

Dikatakan bahawa biologi itu ialah ilmu tentang segala sesuatu yang hidup atau tentang jasad hidup.

Ternyata lah bahawa pertanyaan ini sungguh sukar untuk dijawab dan ternyata lah bahawa ahli-ahli biologi sendiri tidak sekata berpendapat.

Namun mereka meyakini bahawa " kunci " atau titik tolak ilmu biologi terletak pada beberapa jenis jasad tertentu - binatang bersel satu misalnya dan batu granit pula berada di luar bidang biologi.

Begitulah hal dengan ilmu politik. Umumnya kita bersependapat apa yang dianggap jelas bersifat politik.

Jadi, pemerintahan di Amerika Syarikat, di Soviet Union atau

pemerintahan negara mana pun, pemerintahan persekutuan, negeri, daerah, bandaraya atau pemerintahan koloni semuanya sudah terang mengandungi erti politik dan berada di dalam lingkup ilmu politik.

Pemerintahan koloni semut jelas pula bukan termasuk di dalamnya.

Pokoknya, sepanjang ingatan saya, tiada di antara rakan-rakan saya yang menulis tentang politik berparti atau penjajahan di koloni semut.

Tanpa ragu-ragu kita dapat menyatakan apa yang menjadi hakikat politik, namun kita tidak begitu pasti batas-batasnya yang tepat. Sama halnya dengan ilmu biologi yang menghadapi pertanyaan "Apakah yang dinamakan kehidupan?"

Marilah saya jelaskan apakah hakikat politik itu.

Setiap kali kita berhadapan dengan politik, tidak dapat tidak kita berhadapan dengan sekelompok manusia yang hidup bersama dalam satu bentuk persatuan.

Itulah sebabnya kata mukadimah buku yang masyhur POLITIK karya *Aristotiles* berbunyi:

"Penelitian pertama menunjukkan kepada kita bahawa setiap polis atau negara tidak lain daripada semacam persatuan. Setiap kali kita berdepan dengan politik, kita menemukan adanya suatu hubungan khusus antara manusia yang hidup bersama, hubungan ini diberi pelbagai sebutan seperti aturan (rule), berkuasa (authority) atau kuasa (power)."

*Karl W. Deutsch* pula menghuraikan *politics* sebagai berikut:

Politik mengambil berat tentang pencapaian matlamat masyarakat, bidang tugasnya ialah membuat keputusan yang menyangkut kepentingan seluruh masyarakat dan dapat dipaksakan berlakunya keputusan tersebut.

Wilayah inti politik ialah wilayah keputusan yang dapat dilaksanakan dan inti parti politik pula menurut Deutch ialah koordinasi usaha manusia yang dapat diunjurkan untuk mencapai matlamat masyarakat.

Politik sebenarnya merupakan satu proses dalam mana masyarakat memutuskan bahawa aktiviti tertentu adalah lebih baik daripada yang lain dan ianya mestilah terus dilaksanakan.

## SISTEM POLITIK

UNTUK memahami apa yang dimaksudkan dengan sistem politik

dapatlah kita perhatikan apa yang dihuraikan oleh *Gabriel A. Almond* dan *G. Bingham Powell, Jr* sebagai berikut:

Penggunaan istilah Sistem Politik ini sebagai pengganti istilah "pemerintah", "bangsa" atau "negara" - mencerminkan suatu cara baru meninjau fenomena politik. Memanglah di dalam istilah baru itu mengandungi beberapa penamaan baru untuk barang lama dan beberapa sebutan baru menunjuk kepada pelbagai aktiviti dan proses yang sebelumnya tidak diketahui sebagai aspek politik.

Kita sudah lama mengenali pelbagai istilah yang berhubung kait dengan politik seperti negara, jabatan, institusi, pendapat umum, pendidikan politik dan sebagainya.

Istilah-istilah ni sekarang sering diubah menjadi istilah-istilah berikut seperti sistem politik, peranan politik, struktur politik, sosialisasi politik atau budaya politik.

Oleh yang demikian batas erti sistem politik menjadi lebih tidak seragam dan juga dalam beberapa hal bertambah meluas.

Oleh yang demikian kita harus menghurai dan menyebarkan tiap kata yang berbentuk istilah Sistem Politik sehingga sejauh mungkin dapat diterima oleh umum.

Perbincangan di dalam hal ini dapat membantu menghalang pihak-pihak yang sengaja mahu memesongkan pengertian khususnya.

Kita mestilah berhasrat untuk menghuraikan pelbagai definisi sebagai titik-tolak penelitian ilmiah walaupun ada kalanya tidak diterima.

Marilah kita mula meneliti apa yang dimaksudkan dengan istilah sistem. Sistem dapat diertikan sebagai satu kesatuan yang terbentuk dari beberapa elemen.

Elemen, komponen, atau bahagian yang banyak ini satu sama lain berada di dalam keterikatan yang kait mengait dan fungsional.

Tinjauan di atas menurut pandangan dari segi bentuknya yang melibatkan perkara yang dapat dilihat atau dirasai.

Di lain pihak, sistem dapat pula diertikan sebagai sesuatu yang lebih tinggi daripada hanya merupakan cara, tata, rencana, skema, prosedur atau method.

Sistem juga adalah diertikan sebagai suatu cara yang mekanismenya berpola dan konsisten, malahan mekanismenya sering bersifat automatik. Berikut diperturunkan beberapa sistem politik yang amat popular di seluruh dunia:

## ● ANARKISME

Anarkisme adalah satu ideologi yang menolak apa jua kuasa, undang-undang dan peraturan yang dipusatkan kepada pihak berwajib.

Ia merupakan penggantian kepada negara yang berautoriti menerusi kesediaan secara suka rela dari kalangan individu dan rakyat jelata.

Aktivitinya memperlihatkan sektor yang paling radikal dalam penentangan terhadap apa jua sistem sosial dan politik dengan melakukan apa jua tindakan-tindakan yang zalim.

Akar umbi Anarkisme boleh dilihat dari kebencian rakyat terhadap pemikirannya di zaman pertengahan dulu. Mereka menentang pendedahan materialistik yang diperkenalkan pada zaman itu.

Reformasi pada awalnya dikaitkan dengan kehendak untuk mengubah keadaan sosio-ekonomi.

Antara yang berpengaruh untuk menjalankan ideologi anarki ini adalah Thomas Muntzer, Jan Mathys of Harlem, John of Leyden, Marat dan Herbet, Pierre Proudhon, Micheal Bakunin, Peter Kropotkin, Errico Malatesta, Alexander Berkman dan Emma Goldman.

Kebanyakan aktiviti mereka berpegang kepada idea yang membenci dan tidak percaya kepada kerajaan. Mereka mempercayai bahawa setiap kejayaan boleh dicapai dengan kekerasan dan menentang adanya perubahan kehidupan rakyat kepada yang lebih liberal.

## ● KOLONIALISME

Kolonialisme adalah perkataan yang telah dipergunakan sebagai istilah yang menyerupai dengan kalimah imperialisme.

Kamus biasanya memberikan takrif tentang pelbagai agregat yang melibatkan ekonomi dan politik yang berada di dalam penguasaan orang asing yang menekankan kuasanya ke atas rakyat tempatan.

Atau dengan perkataan lain disebut sebagai satu penjajahan oleh kuasa asing ke atas negara dan rakyat tempatan.

Istilah ini baru popular pada tahun 1939 di mana ia dipergunakan sebagai satu sistem penjajahan atau satu polisi untuk perundangan industri atau pembesaran kawasan.

Ia juga memperlihatkan aktiviti di luar kawasan hinggan ada yang jauh dari tempat lahir mereka seperti penempatan Inggeris di New England di dalam sejarah moden atau penempatan Greek di Sicily

dan Selatan Itali di dalam sejarah lama.

Istilah ini semakin popular berikutan dengan tersebarnya perjuangan yang disemarakkan terhadap sikap anti-imperialis di mana-mana tanah jajahan di seluruh dunia.

## ● KOMUNISME

Komunisme muncul sebagai ideologi di Abad Ke-20 yang dijunjung oleh parti-parti Komunis di seluruh dunia.

Tetapi dua ibu kota terbesar seperti Moscow dan Peking adalah pusat-pusat terkuat yang menjadi saingan blok Barat sebelum kejatuhan Soviet Rusia di akhir Abad ke -20.

Dalam Abad ke-19, perkataan Komunisme telah dipergunakan secara meluas sebagai doktrin kepada kepunyaan bersama.

Komunisme mula popular di England pada tahun 1,840 apabila ianya dihubungkan dengan Komunisme Perancis.

Pada tahun 1,840 *Manifesto Komunis* telah lahir hasil karya Karl Marx yang mula mendorong kepada kemunculan Komunisme sejagat.

Menurut Engles, Karl Marx membentuk Komunisme semata-mata untuk membezakan Sosialisme Saintifik dengan Sosialisme Utopia yang subur di Perancis dan di Britain.

Dalam pelbagai aktiviti, Soviet Russia kelihatan di barisan depan dengan memonopoli penggunaan Komunisme di dalam menyemarakkan perang dingin dengan blok Barat.

## ● LENENISME

Lenenisme atau Marxisme-Lenenisme adalah doktrin politik yang menjadi tapak wujudnya Kesatuan Sosialis Soviet Rusia di dalam agenda tugasnya mengembangkan sayap dan ideologinya ke mana-mana saja.

Doktrin ini mula diasaskan oleh pemimpin dari keturunan Bolshevik dari pergerakan demokrasi sosial Rusia V. I. Uliianov yang dikenali sebagai Lenin ( 1870-1924 ).

Golongan Bolshevik ini yang kemudiannya terkenal sebagai orang Komunis berjaya pada bulan November, 1917 menumbangkan pemerintah wilayah demokrasi yang dibentuk melalui revolusi pada bulan Mac pada tahun yang sama.

Lenin telah terlibat di antara 1899-1902 seperti yang terkandung di dalam buku *Apakah yang wajib dibuat?* yang telah diterbitkan pada tahun 1902.

Teori yang terkandung di dalamnya mempunyai tiga tujuan berikut:

**Pertama**, tindakan revolusi mestilah sentiasa berasaskan kepada doktrin yang ditentukan secara saintifik.

**Kedua**, kelas pekerja bukan saja di Russia tetapi di mana-mana juga tidak akan dapat menghasilkan kesedaran sosial yang sempurna untuk memperjuangkan revolusi sosial yang bersejarah.

**Ketiga**, tindakan spontan yang dilancarkan oleh para pekerja boleh menghancurkan revolusi.

## ● MARXISME

Marxisme adalah teori atau idelogi Karl Marx di antara tahun 1818 hingga 1883.

Dia berjuang menerusi tapak yang sangat mengalu-alukan sumbangannya akibat dari kemelut industri pada Abad ke-19.

Beliau yang memang terkenal sebagai ahli ekonomi dan ahli sosiologi mempunyai hujah-hujah yang logik dalam menyerang dan menghancurkan martabat masyarakat Kapitalis ketika itu.

Marx mendapati adanya sebab-sebab wajar untuk membuat perubahan kepada masyarakat.

Pada tahun 1859 beliau telah mengemukakan satu penyelesaian yang berbentuk sejarah Materialisme.

Dalam tahun 1874 di dalam Manifesto Komunis beliau telah menghuraikan tentang pertentangan kelas yang mesti dilancarkan.

Beliau menekankan tentang produksi material sudah tentu akan membentuk sosial, politik dan intelektual di dalam proses kehidupan rakyat.

## ● LIBERALISME

Perkataan Liberalisme mula dipergunakan di England pada awal Abad ke-19 bila orang Liberal telah diserang oleh musuh-musuh politik mereka. Ia adalah satu kepercayaan di mana rakyat mempunyai kebebasan individu dan politik yang sebeb-bebasnya.

Mereka pada mulanya dipanggil 'liberaales', bahasa Sepanyol yang

bermakna bahawa mereka bukanlah dari keturunan orang Inggeris.

Amatlah ironi kerana perkataan 'Liberal' telah dimaksudkan sebagai orang Inggeris yang mempunyai perlembagaan, kerajaan dan hak-hak kemanusiaan Inggeris.

Perkataan Liberal juga dimaksudkan dengan perjuangan untuk mencapai kebebasan dan kemerdekaan.

J. S. Mill telah menulis tentang orang Inggeris dan Liberalisme benua.

John Locke pula telah menghuraikan lebih panjang mengenainya.

Yang penting tentang Liberal ialah bebas dari sebarang gangguan oleh pihak kerajaan ke atas tingkah laku individu.

Ada juga yang melibatkan Liberal dengan *laissez faire*, bertolak ansur, hak asasi dan kedaulatan yang terhad.

## ● NASIONALISME

Nasionalisme adalah doktrin dan satu bentuk perwatakan politik.

Doktrin nasionalis terus berkembang hingga berakhirnya Abad ke-18.

Ia menggembeng hak satu bangsa untuk memerintah diri sendiri.

Bangsa Eropah sendiri seperti Jerman, Itali, Ireland, Czechs, Serbia dan Poland sudah pasti merupakan negara-negara yang mahu membentuk pemerintahan mereka sendiri dalam sejarah perjuangan masing-masing.

Oleh yang demikian, para nasionalis telah melancarkan revolusi menjangkau abad ke-19 hinggalah ke Abad ke-20.

Negara-negara berkecuali yang mengasaskan pembentukannya menerusi persidangan Bandung, Indonesia membuktikan hasrat untuk membolehkan para nasionalis mencapai matlamat kebangsaan masing-masing.

Para pengasas Persatuan Negara-negara Berkecuali (NAM) seperti Soekarno, Teto, Gamal Abd Nasir, Nehru, Chau In Lai dan sebagainya merupakan para pemimpin nasionalis yang tahu ke mana mereka hendak membawa rakyat mereka.

Para nasionalis Tanah Melayu juga telah berjuang hebat untuk menentukan nasib masa depan anak cucu kita yang akan ditentukan sendiri dengan bertindak menghalau Inggeris daripada terus menjajah tanahair kita.



## ● NEUTRALISME

Perkataan Neutralisme tersenarai di dalam kamus politik di Perancis pada 1840 dan dengan sekejap saja istilah ini tersebar dan diperkenalkan ke mana-mana.

Ia bermula dari penentangan sebahagian daripada negara-negara Eropah untuk menyertai Pakatan Tentera Atlantik Utara (NATO).

Fahaman Neutralisme ini tersebar luas akibat hujah-hujah kewartawanan yang mendakwa bahawa penyertai negara-negara Eropah ke dalam NATO adalah menyeret mereka ke dalam kancah pertentangan perang dingin di antara Amerika Syarikat dengan Soviet Rusia ketika itu.

Dengan adanya perang dingin tersebut maka dunia telah terbahagi kepada dua iaitu dunia Kapitalis dan blok negara-negara Sosialis.

- Ada tiga aspek dari Neutralisme yang patut diteliti bila dihubungkan dengan perang dingin. Neutralisme akan berperanan tidak akan menyebelahi mana-mana pihak baik dalam sentimen, doktrin atau polisi luar negara.
- Ramai pihak yang meramalkan Neutralisme boleh memainkan peranan berikut:
- Neutralisme boleh membantu mengurangkan atau menghapuskan konflik antarabangsa.
- Neutralisme mempunyai moral yang ditegakkannya.
- Neutralisme punya kebebasan bertindak.
- Neutralisme menentang apa jua bentuk penjajahan dan penjajahan baru.
- Neutralisme merangsang perlucutan senjata dan mewujudkan damai sejagat.

## ● FASCISME

Fascisme adalah perkataan Inggeris berasal dari *fascismo*, satu gerakan yang dipelopori oleh Mussolini di antara 1919-1945 di Itali.

Mussolini sendiri menulis: 'Fascisme adalah tindakan-tindakan yang berfikiran yang bergerak untuk menentang apa jua bentuk negara.

Aktivitinya berpandukan kepada apa jua bentuk keganasan demi mencapai kemajuan. Ia menentang sosialisma kerana sosialisma menentang konflik kelas dan status, manakala fascisme

berjuang untuk menyatukan masyarakat yang mempunyai hasrat dan perjuangan yang serupa.

Cara ketenteraan adalah digalakkan kerana ia dapat menajamkan semangat cintakan negara dan menanamkan semangat boleh berkorban.

## ● INTERNASIONALISME

Internasionalisme merupakan satu kepercayaan yang diberikan kepada sesebuah negara merdeka yang tidak boleh lagi memuaskan hati atau kemahuan rakyat yang menyebabkan ianya terpaksa bergantung kepada negara lain dalam hubungan multilateral.

Namun begitu, pada masa yang sama negara berkenaan harus mengeluarkan beberapa sekatan demi mendaulatkan negara sendiri. Ideologi ini membolehkan peperangan sekiranya ianya melibatkan kepentingan antarabangsa. Keharmonian perhubungan di antara elemen yang kecil, yakni sesebuah negara kecil, kepada elemen yang lebih besar, yakni perhubungan sejagat.

Ideologi ini bemula dari Eropah, di mana satu perjanjian damai telah dikenakan ke atas Perancis oleh Austria, England, Parsi dan Rusia, selepas kekalahan Napoleon Bonaparte pada tahun 1815.

## ● KONSERVATISME

Konservatisme ialah sifat dan perilaku yang enggan menerima perubahan dan idea-idea baru. Walau bagaimanapun rakyat Britain telah mengundi parti konservatif di bawah pimpinan Margaret Thatcher dan John Major sebelum ditewaskan oleh parti Buruh pimpinan Tony Blair, baru-baru ini.

Konservatisme bermula semenjak awal tahun 1830 di London dan di Paris. Tetapi idea yang kononnya baru itu seumpama idea yang telahpun dipraktikkan oleh Edmund Burke di dalam bukunya "Reflections on the Revolution in France" pada 1791.

Semasa berlakunya Revolusi di Perancis, penulis-penulis politik berusaha untuk menjatuhkan pemerintahan di bawah raja-raja dan institusi yang berkaitan dengan mereka. Tetapi Burke telah menyangkal

pendapat kontroversi mereka kerana beliau merasakan bahawa tugas memerintah itu adalah tugas aristokrat, iaitu raja-raja itu sendiri dan mereka tidak boleh diperlekehkan

## ● DEMOKRASI

Demokrasi berasal dari perkataan Greek '*demokratia*' yang bermakna pemerintahan oleh rakyat yang mempunyai kuasa untuk memutuskan apa yang perlu dilakukan ke atas perkara-perkara berbangkit.

Sistem pemerintahan demokrasi berpegang kepada prinsip memilih wakil-wakil rakyat melalui peti undi yang bebas untuk menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Selain daripada Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah, Malaysia muncul sebagai sebuah negara demokrasi yang memilih pemimpin kita melalui pilihanraya yang diadakan setiap lima tahun sekali.

Demokrasi di Malaysia dapat ditegakkan dengan wujudnya ahli-ahli Dewan Rakyat dan ahli-ahli Dewan Undangan dari tokoh-tokoh parti pembangkang. Pulau Pinang dan Sabah pernah diperintah oleh parti pembangkang dan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan terus diuruskan oleh PAS, sebuah parti pembangkang yang terulung di Malaysia.

Demokrasi diamalkan secara berbeza-beza mengikut budaya sesebuah negara. Inilah yang menyebabkan wujudnya pelbagai panggilan seperti demokrasi terpimpin, demokrasi sosialis, demokrasi rakyat, demokrasi proliteriat, demokrasi Arab dan sebagainya.

Beberapa sistem demokrasi telah melakukan pelbagai kaedah untuk membuat keputusan seperti mengadakan pungutan suara, inisiatif yang popular atau perjumpaan-perjumpaan awal di akar umbi.

Sebahagian teori menganggap wakil rakyat yang dipilih sebagai puncak kuasa dalam menentukan kuasa memerintah.

Yang lain pula menyatakan pentingnya para esekutif menjalankan peranan masing-masing untuk menguruskan keperluan rakyat.

Demokrasi sudah tentu melibatkan pelbagai institusi yang bertugas untuk memastikan demokrasi telah ditegakkan dengan wajar. Ini meliputi hak semua rakyat untuk bebas berucap dan bebas mengundi dan berhak membentuk persatuan untuk mendidik dan menyemarakkan minda rakyat.

## HALANG ORANG LAIN BUAT LAKU MACAM ANWAR

**D**atuk S. Augustine Paul menerima gesaan pihak pendakwa supaya Anwar dikenakan hukuman yang berat bukan hanya dengan maksud memenjarakan Anwar untuk satu tempoh yang lama bahkan untuk menghalang orang lain yang mungkin mempunyai kecenderungan yang sama seperti Anwar.

Hakim tersebut juga mengingatkan bahawa Ordinan Darurat yang menjadi asas pertuduhan terhadapnya itu digubal khas bagi maksud membanteras kegiatan rasuah di kalangan para pemimpin politik dan pegawai awam dan juga bertujuan untuk menghukum mereka yang telah menyalahgunakan kuasa mereka.

Ketika hendak mengumumkan keputusannya, hakim berkata, tugas seorang hakim menjatuhkan hukuman dalam satu perbicaraan jenayah adalah sesuatu yang amat sukar terutama sekali di dalam kes ini.

Hakim juga menerima hujah pihak pendakwa bahawa tertuduh selaku Timbalan perdana Menteri dan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah, memainkan peranan utama di dalam menggubal Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Anwar telah cuba menggunakan kedudukannya ketika dia mengarahkan para pegawai Cawangan Khas supaya membuat sesuatu bagi kepentingannya sendiri.

Hakim juga berkata, semasa tertuduh melakukan kesalahan rasuah itu dia menjadi *Captain* politik Malaysia dan memegang jawatan kedua paling tinggi dalam negara.

Anwar Ibrahim di dapati bersalah dan dihukum enam tahun penjara oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur di atas empat tuduhan rasuah

kerana campur tangan di dalam siasatan polis berhubung dengan salah laku seks terhadapnya.

Hakim Datuk S. Augustine Paul menjatuhkan hukuman penjara enam tahun bagi setiap tuduhan itu dan memerintahkan supaya hukuman itu berjalan serentak mulai 14 April yang lalu.

"Adalah menjadi pendapat saya setelah memberikan pertimbangan terperinci terhadap undang-undang dan fakta-fakta pada asas keseluruhannya, saya mendapati pihak pendakwa telah membuktikan kesnya melepasi keraguan munasabah. Saya dapati tertuduh bersalah sebagaimana tuduhan yang dikenakan terhadapnya," kata Paul apabila mengumumkan keputusan yang sangat ditunggu-tunggu itu.

Perbicaraan itu yang bermula pada 2 November tahun lalu telah menarik minat media antarabangsa dengan kumpulan besar orang ramai yang beratur setiap hari untuk mendapat tempat di galeri awam di dalam mahkamah.

"Anwar adalah kapten politik Malaysia dan tokoh nombor dua di negara ini. Oleh itu saya menjatuhkan hukuman enam tahun penjara di setiap tuduhan tetapi kesemuanya berjalan serentak," kata beliau.

Apabila mendengar keputusan itu Anwar menoleh kepada para pemberita di dalam mahkamah dan bertanya, "Adakah anda terkejut? Saya tidak."

Isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail didengar sebagai berkata, "Oh, my God."

Di antara keluarga Anwar yang hadir di mahkamah hari itu ialah kedua ibu bapanya dan empat dari enam orang anaknya.

Anwar, 51 tahun, yang memakai baju biru dan seluar kelabu, nampak tenang apabila hukuman diumumkan. Beliau kelihatan memeluk isteri dan anak-anaknya sewaktu rehat selama 10 minit selepas keputusan bersalah itu diumumkan.

Anwar di dakwa mengarahkan Cawangan Khas Polis mendapatkan penafian dari 2 orang yang mendakwanya terlibat dalam jenayah seks.

Beliau dituduh mengikut seksyen 2 (1) Ordinan Darurat No. 22 (Kuasa-kuasa perlu) 1970 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksima 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Raja Aziz Edrus yang mengetuai pasukan pembela seramai sembilan orang berkata, pihak pembela akan membuat rayuan terhadap keputusan dan hukuman tersebut dalam masa dua minggu.

Hakim itu juga menolak permohonan pembela untuk ikat jamin sehingga rayuan dibuat.

## BENTENG MANUSIA

POLIS terpaksa membina benteng manusia di Jalan Raja pada kedua-dua hala serta menyembur gas pemedih mata bagi mengelakkan para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu mengadakan tunjuk perasaan di hadapan bangunan mahkamah Tinggi pada 14 April lalu.

Kawasan Mahkamah Tinggi yang menjadi tumpuan orang ramai sejak jam 7 pagi pada mulanya tenang tetapi keadaan itu mula berubah apabila Dr Wan Azizah Ismail bersama-sama dengan anaknya tiba pada jam 8.27 pagi.

Orang ramai terutama kumpulan yang berdiri berhampiran bangunan Hong Kong Bank yang berdekatan mula melaungkan "Reformasi" dan laungan itu bertambah kuat apabila kenderaan yang membawa Anwar daripada Penjara Sungai Buluh tiba di mahkamah pada jam 8.30 pagi.

Beberapa kumpulan yang terdiri daripada 100 hingga 200 orang sanggup berdiri di tepi tebing sungai, persimpangan jalan Tuanku Abd Rahman- Tun Perak dan disekitar bangunan Mahkamah Sesyen bagi mengikuti secara dekat perkembangan keputusan kes bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Suasana di bangunan Hong Kong bank mulai tegang pada jam 9 pagi sehingga memaksa Polis Simpanan Persekutuan (FRU) menyuraikan mereka.

Bagaimanapun, kumpulan itu mula berarak menuju ke Jalan Raja Laut dan cuba merempuh benteng polis yang bertujuan menyekat kemaraan mereka memasuki kawasan Mahkamah Tinggi.

Semasa berarak, mereka membawa lambang parti KeADiLan dan sepanduk-sepanduk yang meminta keadilan untuk Anwar.

Sejurus kemudian, kumpulan itu berkumpul semula di sekitar persimpangan Jalan Tun Perak-Jalan Tuanku Abdul Rahman dan pada jam 10 pagi polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata untuk menyuraikan mereka.

Ketegangan di kawasan mahkamah bermula semula apabila mereka melihat Anwar di bawa keluar dari Mahkamah Tinggi pada jam 12 tengah hari diikuti oleh Dr Wan Azizah.

Kumpulan itu semakin berani dengan melaung-laungkan "Reformasi" dan mencabar polis.

Semasa meninggalkan perkarangan mahkamah, Dr Wan Azizah

melambai-lambaikan tangan ke arah mereka yang berkumpul di tebing sungai dan keadaan menjadi bertambah tegang bila Dr Wan Azizah meninggalkan mereka.

Sekumpulan orang berkumpul di Masjid Negara berarak menuju ke Dataran Merdeka tetapi polis berjaya menyuraikan mereka.

Keadaan tegang itu berterusan sehingga ke jalan Leboh Pasar Besar, jalan Hang Kasturi dan jalan Tun Perak.

Di kawasan terlibat, mereka telah mula bertindak lebih ganas dengan membaling batu ke arah polis, membakar kertas, membaling bom api, memecah dua mesin teller bank dan memecahkan cermin kereta milik Sistem TV Malaysia (TV3).

## HORMATI KEPUTUSAN MAHKAMAH

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru rakyat supaya menerima keputusan perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia merupakan keputusan mahkamah.

Beliau berkata, tidak perlu ada reaksi yang boleh menimbulkan suasana tegang atau sebarang tindakan merusuh.

Katanya, keputusan itu telah dibuat dalam tempoh yang agak lama dengan liputan mengenainya diikuti setiap hari oleh rakyat Malaysia dan orang luar sedangkan barisan peguam yang membela Anwar adalah handal-handal belaka.

MB Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim mahukan rakyat menghormati keputusan mahkamah di samping menghormati Undang-undang Negara.

MB Johor, Datuk Abd Ghani Othman menyeru orang ramai supaya jangan mudah terpengaruh dengan angkara media asing.

MB Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Abd Samad pula berkata, oleh kerana mahkamah merupakan sebuah badan bebas maka setiap keputusan yang dibuat mestilah dihormati.

MB Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, kedua-dua belah pihak di dalam kes Anwar telah pun diberikan peluang seluas-luasnya mengemukakan hujah masing-masing oleh mahkamah dan mereka telah menyerahkan nasib mereka untuk diputuskan oleh mahkamah maka keputusan mahkamah itu mestilah dihormati.

MB Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar berkata, tidak ada gunanya bagi para penyokong Anwar Ibrahim berarak dan menentang keputusan itu kerana ia cuma boleh merosakkan imej negara dari

pandangan orang asing.

## **MAHATHIR TIDAK TERLIBAT**

**SURUHANJAYA** Siasatan Diraja yang menyiasat kecederaan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menolak andaian Anwar bahawa serangan itu telah dipengaruhi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir.

Suruhanjaya itu menyatakan, walaupun Anwar berhasrat menimbulkan tanggapan bahawa tindakan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abd Rahim Noor di dipengaruhi oleh Dr Mahathir, andaian itu tidak dapat disahkan dan tanggapan itu terpaksa ditolak.

## **RAHIM TAK MENGAKU SALAH**

**BEKAS** Ketua Polis Negara, Tan Sri Abd Rahim Noor tidak mengaku salah atas tuduhan saman kerana sengaja cuba mendatangkan cedera parah terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis pada bulan SEptember yang lalu.

Rahim, 56 tahun, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur pada jam 9.40 pagi 22 April, 1999.

Sebelum itu, Suruhanjaya Penyiasat Diraja telah memperakukan supaya Abd Rahim yang menjadi Ketua Polis Negara semasa insiden itu berlaku, di dakwa mengikut seksen 511 kanun keseksaan yang dibacakan bersama seksen 325.

Seksyen 325 Kanun Kesiksaan memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tujuh setengah tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Perbicaraan dijalankan dihadapan Hakim Hamdan Indah.

Hakim Hamdan berkata, "Kamu pada atau lebih kurang jam 10.45 malam pada 20 September 1998 di sel nombor 6, Lokap Polis, tingkat bawah bangunan podium Bukit Aman di dalam daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah dengan sengaja cuba mendatangkan cedera parah kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim."

Rahim yang berada di luar kandang tertuduh sepanjang kes itu didengar bagaimana pun dibebaskan tanpa dikenakan sebarang jaminan kerana didaftarkan atas kes saman.

Hakim Hamdan kemudiannya menetapkan 21 Mei ini untuk sebutan kes berkenaan dan mengingatkan bahawa waran tangkap akan dikeluarkan kiranya Rahim tidak hadir.



# Perlembagaan UMNO

- 18.11 Tugas-tugas Pegawai Cawangan:-
- 18.11.1 Ketua:
- 18.11.1.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Cawangannya.
- 18.11.1.2 Melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
- 18.11.1.3 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota pejabat Cawangan.
- 18.11.1.4 Memanggil dan mempengerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan.
- 18.11.1.5 Melantik tiga orang Ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut Fasal 18.1.8.
- 18.11.2 Timbalan Ketua:
- 18.11.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua

- Cawangan.
- 18.11.2.2 Mempengerusi  
-kan sidang-  
sidang  
Jawatankuasa  
Cawangan  
apabila Ketua  
Cawangan tidak  
hadir.
- 18.11.3 Setiausaha:
- 18.11.3.1 Bertanggung  
-jawab secara  
langsung kepada  
Ketua Cawangan.
- 18.11.3.2 Mentadbir  
perjalanan  
pejabat  
Cawangan dan  
menjadi Pegawai  
Awam.
- 18.11.3.3 Melaporkan  
kepada Ketua  
Cawangan segala  
tindakan yang  
diambil  
berhubung  
dengan  
pentadbiran  
pejabat  
Cawangan.
- 18.11.3.4 Bertanggung  
jawab atas  
kesempurnaan  
sidang-sidang  
Jawatankuasa  
Cawangan dan  
Persidangan  
Cawangan.
- 18.11.3.5 Menyediakan  
Penyata Tahunan  
Cawangan.
- 18.11.3.6 Memanggil  
mesyuarat

- mengikut Fasal 18.5.
- 18.11.4 Bendahari:
- 18.11.4.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Cawangan.
- 18.11.4.2 Menyedia dan membentangkan Penyata Kira-Kira Kewangan Tahunan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Jawatankuasa Cawangan.
- 18.11.4.3 Memaklumkan kepada Jawatankuasa Cawangan kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 18.11.5 Ketua Penerangan:
- 18.11.5.1 Mentadbir dan menyusun rancangan-rancangan penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
- 18.11.5.2 Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
- 18.11.5.3 Melaporkan kepada

Jawatankuasa Cawangan  
atas kerja-kerja penerangan  
UMNO yang dijalankan dalam  
Cawangan itu.

- 18.12 Tugas-tugas Jawatankuasa Cawangan ialah:-
- 18.12.1 Menjalankan arahan-arahan parti seperti ditentukan oleh Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Bahagian.
  - 18.12.2 Menyemai perasaan persaudaraan dan menggalakkan bantuan sesama sendiri di kalangan ahli-ahli parti.
  - 18.12.3 Hendaklah menerima wang yuran tahunan yang dibayar oleh ahli-ahli.
  - 18.12.4 Mengkaji dan memanjangkan permohonan untuk menjadi ahli kepada Majlis Tertinggi melalui Jawatankuasa Bahagian.
  - 18.12.5 Membentangkan kepada Persidangan Cawangan Penyata Tahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira.
  - 18.12.6 Menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
  - 18.12.7 Menghantarkan kepada ahli-ahlinya Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh diadakan Persidangan Cawangan.
  - 18.12.8 Mencadangkan pemecatan dan penggantungan keahlian seseorang ahli kepada Majlis Tertinggi melalui Bahagian.
  - 18.12.9 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
  - 18.12.10 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikanannya pada bila-bila masa pun.



---

*Sdra Ikhwan Nasir sedang menerima Pingat Setia Emas Kelas Pertama daripada YAB Perdana Menteri kerana sumbangan beliau merintis dan menjayakan Gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) di satu majlis di Angkasapuri Disember, 1989 yang lalu.*

# LAKSANAKAN HASRAT NABI MUHAMMAD SAW

**I**NISIATIF terbaru Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Abu Hassan Haji Omar menyatukan lebih 10,000 para penjaja di bawah satu konsortium yang sedang digembleng keupayaan mereka adalah bertujuan untuk melaksanakan saranan Nabi Besar Muhammad saw yang menekankan bahawa :

***“ Sembilan persepuluh rezeki itu ada dalam perniagaan! ”***

Saya mesti memberikan tabik hormat kepada inisiatif Datuk Abu Hassan ini kerana sepanjang empat tahun saya menjadi Ahli Parlimen (1978-82), saya dan rakan-rakan saya telah bertungkus-lumus membina lebih 200 gerai rakyat di kawasan parlimen Pontian dan Sungai Benut yang saya wakili ketika itu dengan pembiayaan dari peruntukan tahunan wakil rakyat sebanyak RM200,000 setahun.

Walaupun saya telah bersara dari Dewan Rakyat 17 tahun yang lalu tetapi saya tetap terus menyarankan supaya projek-projek tersebut dibangunkan di mana-mana saja saya berpeluang memberikan ucapan di perjumpaan anjuran UMNO di seluruh tanahair.

Di dalam ucapan saya mengenai *Strategi Penerangan UMNO* pada 8 Oktober 1998 di Dewan Tun Hussin Onn di PWTC yang dihadiri oleh 500 orang ketua-ketua penerangan UMNO negeri dan bahagian, pemuda dan wanita dari seluruh tanahair, saya telah menyentuh lagi tentang gagasan gerai rakyat ini walaupun ianya telah 20 tahun lalu mula saya rintis.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad yang pada waktu itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Tengku Razaleigh Hamzah selaku Menteri Kewangan telah menambahkan lagi peruntukan yang saya pohon untuk pembinaan 200 gerai rakyat yang memang tidak cukup dari peruntukan tahunan itu kerana saya juga terpaksa membelanjakan

pelbagai projek pendidikan dan sosial yang lain untuk kepentingan para pengundi yang telah memberikan saya peratusan majoriti paling tinggi di kalangan semua ahli parlimen di dalam pilihanraya kebangsaan bulan Ogos, 1978 itu.

Saya menimbulkan gagasan gerai rakyat ini lagi sekali setelah mengikuti kenyataan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Drs Sulaiman Mohammad yang menyatakan premis kepunyaan Melayu di Lembah Kelang telah turun dari 11 peratus kepada 8 peratus pada tahun 1997 yang lalu.

Tan Sri Mohd Khalid Ibrahim, Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie pula menyebutkan, angka yang sebenar premis kepunyaan Melayu di Lembah Kelang setelah 41 tahun merdeka hanya 6 % saja.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad pula membetulkan angka tersebut dengan menyatakan bahawa premis kepunyaan Melayu di Lembah Kelang kini setakat 5.7 peratus saja.

Sekiranya ada 10,000 unit premis perniagaan, hanya 570 unit saja kepunyaan Melayu setelah negara mencapai kemerdekaan lebih 40 tahun dan setelah usia UMNO memasuki 53 tahun.

Saya membuat unjuran kiranya 10,000 penjaja di Selangor ini saja dapat digembleng kekuatan mereka. Insya-Allah, seramai 100 orang dapat membeli premis sekurang-kurangnya berharga RM100,000 seunit dalam setahun.

Kiranya sasaran satu peratus ini berjaya maka dalam tempoh 10 tahun, Melayu Selangor akan mempunyai 1,000 unit premis perniagaan mengatasi pencapaian 41 tahun merdeka yang cuma menghasilkan 570 unit premis kepunyaan Melayu di Lembah Kelang.

Apakah tidak hebat, dalam tempoh 2 tahun menjadi Menteri Besar, Abu Hassan merintis gerakan yang melibatkan begitu ramai peniaga?

Apakah para pemimpin dari 17,007 cawangan UMNO di seluruh tanahair masih juga berpeluk tubuh tidak mahu mengambil inisiatif memaksa para pemimpin UMNO bahagian dan negeri masing-masing untuk mencontohi inisiatif yang diperjuangkan oleh Datuk Abu Hassan untuk pembangunan perniagaan Melayu di Selangor itu yang mesti dijangkitkan ke seluruh Malaysia?

Kerajaan Selangor telah membentuk Konsortium Penjaja Selangor Berhad yang akan disertai oleh 10,000 penjaja berlesen tahun ini bagi membangunkan ekonomi negara.

Katanya, pewujudan konsortium tersebut adalah di antara tiga langkah strategik yang akan disegerakan ke arah membangunkan

Gagasan Penjaja Selangor yang dikagumi.

Beliau menyifatkan penjaja sebagai gagasan peniaga yang mempunyai kuasa membeli berkata, komitmen pelaburan anggota bakal menjadi penentu kejayaan konsortium.

Beliau lalu mengarahkan Presiden Persatuan Penjaja Kecil Malaysia, Datuk Ramli Norani yang juga Adun Sungai Besar supaya mengambil tindakan segera ke arah merealisasikan kejayaan konsortium tersebut.

Modal konsortium dengan mudah boleh dikumpul kiranya setiap seorang melabur RM1,000 menjadikan jumlah pelaburan RM10 juta.

Kalau dianggarkan setiap penjaja membeli barangan mentah berjumlah RM100 sehari atau RM3,000 sebulan maka perolehan tahunan syarikat akan meningkat RM360 juta setahun.

Dengan dagangan sejumlah itu katanya, Konsortium Penjaja Selangor sudah pasti akan dapat disenaraikan di BSKL, kelak.

Datuk Abu Hassan memberitahu, pihaknya turut bersetuju untuk mewujudkan pusat latihan dan bimbingan penjaja cemerlang di setiap majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah.

Ini akan dibuat menerusi perkongsian pintar antara pihak berkuasa tempatan, tenaga profesional, sektor swasta dan para ilmuan dari institusi pengajian tinggi.

Pusat ini akan menganjurkan kursus-kursus bagi membolehkan penjaja kecil di daerah masing-masing memperolehi kemahiran pembangunan organisasi perniagaan berwawasan yang cemerlang.

Beliau juga menyebutkan "Piagam Penjaja Selangor" mempunyai lima prinsip etika akan turut diperkenalkan sebagai kod yang perlu dipatuhi dan dihayati oleh para penjaja.

**Pertama:** Sentiasa mengutamakan aspek kebersihan dan kesihatan.

**Kedua:** Sentiasa berpegang kepada akhlak murni, amanah, jujur dan beretika dan menentang sebarang usaha dan amalan negatif yang boleh merosakkan nama baik masyarakat penjaja.

**Ketiga:** Sentiasa gigih berusaha demi memajukan ekonomi diri, keluarga dan negara.

**Keempat:** Sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan.

**Kelima:** Sentiasa mematuhi undang-undang dan tuntutan Islam dan sentiasa menyokong dan komited terhadap usaha pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memajukan golongan penjaja.



## PEMBENTUKAN KONSORTIUM

YAYASAN Futuristik Malaysia telah diberikan tugas untuk menguruskan pembentukan konsortium itu. Pengerusi Yayasan, Dr. Mohd Radzi Abd Latif berkata, konsortium yang dianggotai oleh 10,000 penjaja berlesen di Selangor mampu membendung tekanan orang tengah dan sekaligus menjimatkan kos perniagaan.

Dengan cara itu tambah beliau, para penjaja boleh menstabilkan harga jualan barangan kepada para pelanggan.

"Menerusi konsortium ini, para penjaja boleh menggunakan modal dan wang syarikat untuk melabur di dalam perusahaan ladang sayur-sayuran, kilang kordial minuman, ternakan ayam, kilang cili sos, kilang air batu dan perusahaan tangkapan ikan laut dalam.

" Secara tidak langsung, pembekalan bahan mentah daripada orang tengah yang selalu mencekik darah dapat dikawal."

Sehubungan dengan itu, tokoh-tokoh profesional dalam bidang perakaunan, pemasaran, perundangan, teknologi pemakanan dan perancangan strategik perlu dilantik untuk menjadi ahli-ahli lembaga pengarah untuk memimpin konsortium.

Beliau juga berharap supaya konsortium ini juga diberi peluang untuk menguruskan kawasan penjaja di sekitar Selangor secara penswastaan.

Beliau juga mencadangkan supaya konsep konsortium penjaja ini diperluaskan ke seluruh negara.

## AMANAT MAHATHIR

DATO' Sharif Jajang, Ketua Penerangan UMNO Selangor yang mengambil alih jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Selangor dari tangan Datuk Fuad Hassan telah bertindak pantas untuk membantu menjayakan wawasan Datuk Abu Hassan itu.

Seorang yang pernah menjadi Ahli Parlimen sebelum ini, Datuk Sharif adalah salah seorang tokoh UMNO Negeri yang kuat bekerja untuk politik UMNO Selangor dan pembangunan negeri Selangor.

Beliau memegang kuat akan amanat Datuk Seri Mahathir dalam buku **Panduan Peniaga Kecil** bersempena pelancaran Bulan Penjaja Ramadan peringkat negeri Selangor.

Katanya, panduan yang digariskan oleh Perdana Menteri itu membolehkan mereka mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi proses membuat keputusan.

"Amanat Perdana Menteri kepada para penjaja supaya jangan menganggap perniagaan itu sebagai pekerjaan yang hina. Jika kita berniaga, perlu fikirkan supaya perniagaan menjadi usaha yang berkekalan, tidak sementara atau bersifat sambilan," tegas Sharif.

Perdana Menteri juga katanya, mengingatkan penjaja supaya tidak membiarkan diri dipengaruhi oleh sesuatu jenis perniagaan hanya kerana telah ada orang lain maju di dalam perniagaan itu.

"Dr Mahathir turut berpesan supaya memilih perniagaan yang sesuai dengan pengalaman, kebolehan dan modal. Jangan sekali-kali membuat pinjaman dengan modal yang seratus peratus dipinjam dan rancangkan perniagaan supaya ia dapat kekal dan menjadi lebih besar pada masa depan."

Datuk Sharif mahukan misi *Bulan Penjaja Ramadan* bertujuan mengubah sikap para penjaja dan ciri-ciri keusahawanan mereka agar lebih sistematik, terarah dan mampu muncul sebagai usahawan berpotensi di masa depan.

Beliau juga mahukan keputusan Datuk Abu Hassan tidak mengenakan bayaran di mana-mana ruang letak kenderaan pada hari Sabtu pertama setiap bulan sebagai peluang memajukan lagi perniagaan para penjaja dan menggalakkan pelancongan dalam negeri seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri.

## PENGURUSAN BERSELEKEH

SAYA merasa bangga melihat ribuan gerai perniagaan telah dibina dengan rancaknya di seluruh Selangor tetapi pengendalian menguruskannya kelihatan amat berselekeh.

Kenyataan yang dibuat oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya bahawa 108 buah gerai yang sebahagian besarnya tidak menjalankan perniagaan selama empat tahun hingga hutang sewaan yang tidak dipungut berjumlah lebih RM350,000 memperlihatkan MPAJ benar-benar tidak mempedulikan tempat berniaga yang strategik di Malawati, Kuala Lumpur itu.

Di majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah lain di negeri Selangor ada berpuluh-puluh premis perniagaan yang sudah dibina

lebih setahun tetapi masih lagi belum kelihatan sesiapa orang Melayu menjalankan perniagaan di dalamnya.

Apakah masuk akal kalau jumlah premis lebih seratus unit kesemuanya menjual makanan dan minuman saja di Malawati?

Sepatutnya tidak lebih separuh daripadanya dijadikan gerai makanan yang ditetapkan disetiap pusat perniagaan dan bakinya bolehlah dicuba dengan pelbagai perniagaan lain.

Tolonglah gunakan budi bicara yang masuk akal sedikit di dalam menguruskan premis-premis perniagaan yang telah dibina begitu cantik dan di tempat-tempat yang strategik tetapi gagal berfungsi hingga boleh menjahamakan nama baik Melayu.

Kita sepatutnya boleh membuat satu peraturan di mana para peniaga yang tidak menjalankan perniagaan selama tiga bulan sekalipun mereka membayar sewanya maka dengan sendirinya sewaan mereka terbatal dan bolehlah diberikan kepada ramai pemohon menanti yang lain.

Kini sudah ramai orang Melayu yang boleh menjalankan perniagaan dengan jayanaya kiranya mendapat peluang.

Kenalah Datuk Shariff Jajang tengok-tengokkan perkara ini.

Di dalam Majlis Perbadaran Ampang Jaya hingga 1998 ada sebanyak 2,225 gerai telah dibina untuk merancakkan aktiviti peniaga kecil.

Datuk Mufti Suib, Mad Aris Mad Yusuf dan Ismail Kijo adalah para pemimpin UMNO sebagai adun-adun yang harus diberikan pujian kerana penglibatan mereka memajukan peniaga kecil di Ampang Jaya, jumlah warong dan gerai yang terbanyak di Selangor.

## TINDAKAN SERTA MERTA

LANGKAH pertama yang mesti dilakukan dengan segera oleh 17,007 Ketua Cawangan ialah dengan melakukan tindakan berikut:

- Bekerjasama dengan pejabat-pejabat tanah dan daerah untuk mengenal pasti tanah-tanah kosong kerajaan yang masih terdapat di kawasan masing-masing.

- Mencari tanah kepunyaan persendirian yang sudi mewakaf atau memberi kebenaran supaya gerai-gerai yang didirikan itu dapat disewa oleh peniaga kecil. Ini telah saya lakukan di daerah Pontian melibatkan 20 gerai yang terus tegak hingga kini di tapak-tapak

tanah persendirian. Cara ini juga dapat mengatasi karenah birokrasi yang selama ini menghalang pembinaan kedai-kedai di tanah persendirian Melayu walaupun tanah-tanah tersebut terletak di kawasan yang strategik. Dengan peruntukan daripada wakil-wakil rakyat maka mudahlah dibina gerai-gerai rakyat tersebut.

- Memohon kepada ahli-ahli parlimen atau ahli dewan undangan negeri peruntukan secukupnya untuk membina gerai-gerai tersebut.

- Kiranya sebuah cawangan ada lima gerai rakyat pun sudah cukup untuk gerai restoran, jualan barang runcit, baiki basikal & motosikal, gerai elektrik, paip air, klinik TV & radio dan lain-lain.

17,007 cawangan UMNO tentulah merasa kagum dengan kenyataan Datuk Abu Hassan yang menyatakan bahawa isu kuota untuk memperbanyakkan lagi tempat-tempat berniaga di Selangor bukan lagi menjadi isu.

Arahan-arahan telah dibuat bahawa semua majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah jangan sekali-kali menjadikan isu kouta itu sebagai perbuatan negatif mereka untuk menghalang perjuangan menambah premis atau tempat perniagaan Melayu walau sekecil mana sekalipun yang kini masih berkurangan di seluruh negara itu.

Di Selangor juga, ada banyak bangunan pasar raya dan premis-premis perniagaan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri untuk orang Melayu dengan sewa yang agak murah kira-kira setengah bayaran sewa dari premis yang disediakan oleh pihak swasta membolehkan orang Melayu rancak berniaga.

## **BENDERA SELANGOR**

SEBELUM ini, Datuk Abu Hassan telah menemui tuan-tuan punya pasar raya yang berniaga di seluruh negeri Selangor.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengatur pertemuan tersebut yang dianggap sebagai jalan membuka peluang kepada para pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang selama ini tersisih daripada mendapat peluang untuk memasarkan barang-barang keperluan masing-masing dengan pelbagai alasan.

Datuk Abu Hassan amat gembira akan reaksi positif semua tuan punya pasar raya yang telah memberikan piawaian yang boleh dipenuhi oleh para usahawan Melayu.

Piawan tersebut berkisar kepada mutu dan bungkusannya yang lebih menarik yang pasti boleh diusahakan secara berkumpulan oleh para pengusaha industri kecil Melayu.

Saya mencadangkan supaya semua barang-barang pengeluaran industri Melayu di negeri Selangor memakai bendera negeri Selangor di bungkusannya masing-masing bagi mendorong kepada kekuatan daya penarik di kalangan rakyat Selangor.

Datuk Abu Hassan memberitahu, beliau akan membuat apa saja bagi menyemarakkan bakat 10,000 penjaja dan ratusan usahawan kecil yang sudah memperlihatkan potensi mereka kini.

Beliau dalam waktu yang singkat membuktikan ciri-ciri hebat yang melayakkan beliau diberikan kepercayaan untuk menjadi seorang tokoh tertinggi UMNO diperingkat kebangsaan.

Semua para pengerusi perhubungan UMNO negeri kini nampaknya sudah tak boleh lagi *bercakap sesuka hati* untuk memberitahu akan kejayaan yang dicapai oleh pentadbiran masing-masing kiranya ia tidak mencerminkan peningkatan peratusan aktiviti perniagaan dan perusahaan orang Melayu di setiap negeri.

Dengan bahasa yang mudah, berapa peratuskah aktiviti perniagaan Melayu bertambah sejak mereka diberikan amanah.

Tan Sri Datuk Seri Amar Diraja Wan Mokhtar Ahmad umpamanya dapat mempertahankan 90 peratus premis perniagaan Melayu di negeri Terengganu dan bukan Melayu tidak sampai pun 10 peratus.

Sedangkan di Kelantan pula premis perniagaan bukan Melayu telah meningkat melebihi 20 peratus dan jumlah premis perniagaan Melayu menurun di bawah 80 peratus.

Penghargaan saya kepada Datuk Seri Dr Mahathir ialah kerana kehebatan beliau merintis dan memperjuangkan kemunculan industri besar yang kini memartabatkan UMNO dan orang Melayu hingga merebak ke seluruh dunia.

Pada 5 April lalu, Datuk Abu Hassan melancarkan program Mentor-Mentee dalam perjuangan untuk melahirkan 50 usahawan IKS Melayu setiap tahun dari kerjasama Kerajaan Negeri, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Selangor, agensi dan syarikat-syarikat milik kerajaan negeri.

Inilah satu ukuran terpenting bila kita hendak memilih seseorang pemimpin UMNO di semua peringkat pada masa depan.

Apakah yang mereka buat untuk memajukan orang Melayu secara terperinci sejak mereka diberikan kuasa?

# WAWASAN DEMIMPIN UMNO

## TOKOH GAGALKAN SERANGAN PAS

TAN Sri Wan Mokhtar Ahmad sentiasa saja menghadapi serangan sengit daripada tokoh-tokoh PAS kerana kebetulan kedudukan Terengganu berjiran dengan Kelantan dan di dalam satu ketika beliau pernah sekaligus menghadapi serangan sepadu gabungan para pemimpin PAS-S46 yang terkuat di seluruh tanahair.

Mereka terdiri daripada Ustaz Abd Hadi Awang, Mustafa Ali, Abd Mutalib Embong, Abu Bakar Chik, Abd Manan Othman, Zakaria Abd Rahman, Ibrahim Azmi dan sebagainya.

Para pemerhati politik lebih-lebih lagi tokoh-tokoh pembangkang telah berkali-kali mencanangkan bahawa kepimpinan Tan Sri Wan Mokhtar akan kecundang setiap kali di adakan pilihanraya tetapi selama 24 tahun beliau memimpin Terengganu, ramalan-ramalan tersebut hanya menjadi khayalan pembangkang semata-mata.

Apakah azimat yang dipakai oleh Tan Sri Wan Mokhtar kerana dalam tempoh tersebut, UMNO dan BN Terengganu terus tegak dengan gagahnya?

Sudah tentulah kepimpinan UMNO/BN Terengganu telah membuat apa saja untuk memenuhi keperluan rakyat setempat hinggakan para pengundi tidak tergamak untuk cuba-cuba mengubah selera kerana mereka telah disemarakkan dengan segala khidmat bakti yang cemerlang oleh kepimpinan Tan Sri Wan Mokhtar.

Beliau mengarahkan semua wakil rakyat BN di Terengganu mengatur program bersemuka dengan rakyat di kawasan masing-masing terutama pada hari cuti atau hujung minggu.

Katanya, menerusi program bersemuka dengan rakyat itu, para pengundi boleh membangkitkan sebarang kesulitan yang mereka hadapi

dan para wakil rakyat pula dapat mencari jalan menyelesaikan apa jua masalah rakyat secepat mungkin.

Yang penting bahawa kepimpinan Wan Mokhtar telah berupaya memenuhi keperluan rakyat hinggakam mereka tidak mahu beralih selera selama 24 tahun.

Menteri Besar Johor, Datuk Abd Ghani Othman mengiktiraf untuk mencontohi usaha-usaha pembangunan kemanusiaan di dalam menangani kemiskinan yang dilancarkan di Terengganu.

Di antara aspek terpenting yang akan diberikan penekanan ialah bantuan kemahiran kepada golongan miskin dan sekaligus membantu mereka mewujudkan perniagaan.

Datuk Abd Ghani yang mendengar taklimat semasa melawat Yayasan Pembangunan Terengganu memberitahu tentang peranan yang sedang dilancarkan di Johor dengan mewujudkan pusat latihan kemahiran untuk golongan belia seperti kolej komuniti di setiap daerah yang kini menampung lebih 5,000 pelajar.

## PAHANG KUASAI BANK

TAN Sri Mohd Khalil Yaakub telah membawa Pahang Darul Makmur memasuki dunia perbankan sebagai kejayaan terbesar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Pahang (PENP) yang dipimpinnya mengorak langkah merintis kegiatan yang terkini.

Dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara melibatkan bank-bank tempatan, PENP tiba-tiba saja muncul menguasai Rashid Hussin Bank dengan membeli ekuitinya sebanyak 29%. Rashid Hussain sendiri hanya memegang saham sebanyak 17 % berikutan dengan pembelian tersebut.

Saya mesti menghormati Tan Sri Mohd Khalil sebagai salah seorang tokoh UMNO yang terkemuka kerana bertindak tegas memastikan peranannya untuk memajukan orang Melayu di negeri Pahang.

Kejayaan PENP mengambil alih saham sebanyak RM530 juta itu amat menarik perhatian kerana saya dapati beliau begitu prihatin terhadap pelbagai isu yang memerlukan campur tangan politik yang positif.

Dengan pembelian itu, pegangan Rashid menurun dari 29% kepada 17.5%, MRCB pula turun dari 27% kepada 16.1%, KWSP juga turun dari 11.1% kepada 6.6% dan Wang Amanah Pencen akan memegang 11.9% sementara pegangan awam berjumlah 19.1%.

## SEGERAKAN 200,000 GERAN

KERAJAAN Negeri Perak telah mengaktifkan tugas untuk menyelesaikan urusan pengeluaran 200,000 geran hak milik tanah dengan mengambil kakitangan sementara untuk menyelesaikan tuntutan rakyat yang telah terabai bertahun-tahun selama ini.

Menterti Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib mahukan proses ini diselesaikan segera bagi membolehkan kerajaan negeri Perak memungut hasil baru dan juga untuk memberi nilai ekonomi kepada tanah rakyat yang terlibat.

Hasil Perbendaharaan negeri Perak akan bertambah sebanyak RM10 juta daripada cukai tahunan dan RM60 juta daripada bayaran premium.

Dengan penyelesaian pengeluaran 200,000 geran tanah itu, Kerajaan Negeri Perak tidak lagi bimbang mengenai pendapatan negeri itu pada masa depan untuk melaksanakan terus projek pembangunan dan pembiayaan pengurusan kerajaan negeri.

## KERENAH BIROKRASI

DATUK Abd Ghani Othman menegaskan gagasan *Mesra Rakyat* di negeri Johor memberi peluang kepada rakyat jelata dapat berurusan dengan selesa dan telus tanpa sebarang kerenah birokrasi di jabatan-jabatan kerajaan.

Melalui pendekatan ini rakyat telah bertemu secara lansung dengan para pegawai kerajaan termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri pada setiap hari Sabtu tanpa perlu membuat sebarang temu janji.

Sebab itulah para pegawai daerah dan ketua-ketua jabatan di Johor diarahkan supaya tidak keluar daripada pejabat atau menghadiri majlis-majlis lain bagi membolehkan rakyat bertemu dengan mereka.

Sejak dilancarkan pada 3 Januari 1997 hingga September, 1998 ada sebanyak 6,006 orang yang telah datang berurusan secara lansung dengan ketua-ketua jabatan melibatkan penyelesaian isu seperti memohon tanah, lesen perniagaan dan permohonan rumah kos rendah.

Menteri Besar itu juga telah menemui kumpulan-kumpulan kecil bagi menerangkan pelbagai isu seperti pertemuannya dengan 50 hingga 100 ketua kampung, para penghulu, perkumpulan wanita, pertubuhan peladang, organisasi belia, badan-badan politik dan sebagainya di negeri ini dengan menghasilkan kefahaman yang amat membanggakan.



## **27,000 GURU CELIK AL-QURAN**

KERAJAAN Pusat membelanjakan lebih RM140 juta untuk membayar elaun 27,000 guru kelas agama fardu ain (Kafa) di seluruh negara, kata Datuk Muhamad Abdullah, Supar di Jabatan Perdana Menteri.

Para guru tersebut sedang bertugas untuk meningkatkan kefahaman dan galakan di kalangan para pelajar terhadap pembelajaran al-Quran.

Menurutnya, kerajaan tetap prihatin terhadap hasrat untuk mewujudkan masyarakat Islam yang celik al-Quran terutama di kalangan para pelajar sekolah termasuk juga golongan belia dan orang dewasa.

Walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi tambah beliau, kerajaan tetap terus memberi keutamaan terhadap pembelajaran al-Quran dengan menyediakan peruntukan yang agak besar.

Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM12 juta disediakan untuk membayar elaun lebih seribu guru yang bertugas untuk 3,000 kelas Kafa di seluruh negeri Pahang.

Hasil dari pelaksanaan kelas-kelas Kafa ini amat membanggakan dan kesemua para guru Kafa telah menjalankan tugas dengan cemerlang, kata Setiausaha Parlimen itu.

## **RAKAN MUDA DI IPT**

PROGRAM Rakan Muda sektor Institusi Pengajian Tinggi ( IPT ) bukan setakat memperkenalkan gaya hidup aktif tetapi juga memberi tumpuan bagi menggerakkan golongan pelajar sebagai agen pembangunan belia.

Program tersebut juga akan mempelopori pembudayaan gaya hidup positif yang menyumbang kepada proses pembangunan negara, ujar Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Beliau gembira kerana kegiatan rakan muda menyaksikan pembabitan aktif persatuan belia, sukan, rekreasi dan cinta alam melaksanakan program masing-masing.

Menurutnya, Kementerian Belia dan Sukan turut membantu 80 persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat kebangsaan ( NGO ) dan 1,200 NGO peringkat negeri yang melaksanakan program tersebut.

Pada akhir pelaksanaan fasa program Rakan Muda, akan mencatatkan 16,000 kegiatan dengan penyertaan melebihi 1.7 juta peserta di seluruh tanahair.

## PROGRAM MENDEKATI NGO

PERGERAKAN Pemuda UMNO Malaysia akan memberi penekanan terhadap usaha mendekati pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi program "turun ke padang" bagi mengenal pasti dan mengatasi apa-apa masalah yang berbangkit.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, pergerakan itu tidak mahu melihat dalam usaha menuju ke arah status negara maju, ada golongan rakyat yang merasakan diri mereka terpinggir.

Golongan NGO itu termasuk golongan pelajar, pensyarah, guru serta masyarakat penjaja dan peniaga supaya dapat bekerjasama mewujudkan suasana harmoni agar tidak merasakan diri mereka tercicir dalam arus pembangunan.

Beliau akan melawat bahagian-bahagian Pemuda UMNO bagi memastikan kerjasama antara Pemuda UMNO dengan NGO dapat diwujudkan kerana BN saja satu-satunya parti yang mampu membela rakyat.

## TARIK RM6.5B PELABURAN

LEMBAGA Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) meluluskan 25 pelaburan baru berjumlah RM6.5 bilion di antara Januari hingga Oktober, 1998 untuk negeri Terengganu, pelaburan tertinggi di antara negeri-negeri di Malaysia.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Haji Ahmad memberitahu, Johor di tempat kedua dengan pelaburan RM4.3 bilion dan Selangor ketiga dengan pelaburan berjumlah RM2.6 bilion.

Pelaburan di Terengganu telah meningkat 200% dalam tempoh sepuluh bulan jika dibandingkan dengan jumlah sebanyak RM2.1 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 1997.

Wan Mokhtar menyebutkan penambahan tersebut hasil dari beberapa insentif yang disediakan oleh kerajaan negeri Terengganu.

Katanya, 61% dari pelaburan tersebut berjumlah RM4.01 bilion adalah dari pelaburan tempatan.

Amerika Syarikat pula menyumbangkan RM1.8 bilion diikuti dengan Jepun RM126 juta, Germany 51 juta, Singapura RM 27 juta dan Indonesia RM18 juta.

Inilah kejayaan terbesar pernah dicapai oleh Terengganu selama ini.

## **JELAPANG KEDUA TERBESAR**

USAHA menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri jelapang padi kedua terbesar selepas Kedah boleh menjadi kenyataan sekiranya pemilik tanah adat terus membenarkan tanah mereka diusahakan dengan tanaman padi.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abd Samad berkata, usaha menanam padi perlu berterusan sekurang-kurangnya enam tahun sebelum kerajaan negeri boleh memajukan cadangan bagi mendapatkan gelaran tersebut kepada Kerajaan Persekutuan.

Katanya, ini bermakna tuan punya tanah adat perlu berunding dengan pemaju berhubung perjanjian selepas tempoh perjanjian sekarang tamat dan kerajaan sentiasa mengalu-alukan sekiranya tanah tersebut terus diusahakan dengan tanaman padi sawah.

Menurutnya, langkah menjadikan negeri ini sebagai pengeluar utama beras mampu membantu mengurangkan import beras ke negara ini sekaligus menyelamatkan pengaliran Ringgit Malaysia keluar negara.

"Buat masa ini, hampir seluruh tanah adat sudah ditanam dengan padi dan itu menunjukkan potensi negeri ini menjadi pengeluar utama beras negara, lagipun kandungan tanah di sini lebih subur berbanding dengan tanah di negeri-negeri lain," tegas beliau.

## **PELAJAR ASING MENINGKAT**

SERAMAI lebih 20,000 pelajar asing dijangka melanjutkan pelajaran mereka di negara ini berbanding dengan 15,000 pelajar pada tahun ini, 11,000 tahun 1998 dan 5,000 pada tahun sebelumnya.

Demikian ditegaskan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Mohd Najib Tun Abd Razak, baru-baru ini.

Katanya, kemasukan pelajar asing ke institut pengajian tinggi (IPT) akan berganda berikutan dengan kelonggaran syarat permohonan visa berkuatkuasa mulai 15 Januari lalu.

Peraturan baru Jabatan Imigresen membenarkan permohonan visa dibuat oleh pihak IPT yang terlibat maka sudah tentu ia lebih memudahkan dan dapat menarik lebih ramai pelajar asing untuk datang ke negara ini.

Menurut Najib, ini bukan saja selaras dengan usaha kementeriannya untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau

malah membantu kepada pemulihan ekonomi.

Kebanyakan pelajar asing yang sedang belajar di negara ini datangnya dari China, Indonesia, Singapura, India, Jepun, Korea, Bangladesh, Maldives dan Brunei.

Mereka sudah tentu akan menyumbangkan begitu banyak kemasukan wang asing ke dalam negara kita.

## **PASAR TANI AKAN DITAMBAH**

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan ( FAMA) akan menambah jumlah pasar tani di seluruh negara berikutan kejayaannya meningkatkan pulangan sepanjang tahun lalu.

Pengerusi FAMA, Datuk Badruddin Amiruldin berkata, sepanjang tempoh itu FAMA berjaya mencatatkan perolehan RM130 juta berbanding RM100 juta pada tahun 1997 lalu.

Oleh itu katanya, jumlah pasar tani iaitu medan pertemuan para pengeluar dan pengguna yang berupaya menawarkan pelbagai hasil pertanian dan makanan yang segar dengan harga berpatutan, perlulah ditambah.

Setakat ini, sebanyak 174 pasar tani membabitkan 8,600 peserta diwujudkan di seluruh negara.

Berikutan dengan perayaan Aidilfitri, sebanyak 76 pasar tani khas telah dibina di seluruh negara tahun ini.

## **RM200 JUTA HASIL TEMBAKAU**

LEMBAGA Tembakau Negara (LTN) memperuntukkan sebanyak 14.4 juta kilogram sebagai kuota tahun ini berbanding 14.1 juta kilogram tahun lalu.

Jumlah paling tinggi dan dianggap bersejarah di dalam industri tembakau itu diluluskan oleh Lembaga Pengarah LTN berikutan permintaan tinggi pihak pengilang rokok tempatan terhadap tembakau tahun ini.

Pengerusinya, Senator Datuk Hashim Safin berkata, kuota terbesar adalah bagi Kelantan iaitu 9 juta kilogram diikuti oleh Terengganu 3.2 juta kilogram, Kedah dan Perak 1.1 juta kilogram, Perlis 1 juta dan masing-masing 0.2 juta bagi Pahang, Johor dan Melaka.

Katanya, pihaknya menjangka pulangan berjumlah kira-kira RM200

juta bagi golongan yang terbabat dalam industri tembakau jika berjaya mencapai sasaran pengeluarannya.

## **BAHAN LUCAH DIMINATI**

MENTERI Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, bahan bacaan lucah dan yang berunsur fitnah lebih mudah mendapat tempat di hati pembaca meskipun ia tidak membantu pembentukan minda yang sihat.

Katanya, bahan-bahan bacaan yang berunsur negatif tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat yang bertamadun tetapi ia kini menjadi bahan bacaan yang paling laris berbanding dengan buku-buku ilmiah.

Beliau berucap ketika melancarkan kempen derma buku peringat negeri.

Katanya, rakyat perlu mengubah sikap daripada menggemari bahan-bahan bacaan yang sensasi kepada bahan bacaan yang lebih berkualiti dan berupaya mengembangkan minda secara positif.

## **MAKANAN RM74 JUTA**

PAHANG akan mengeluarkan makanan menerusi satu pelan yang melibatkan pembangunan sembilan taman pengeluar sayuran dan 35 dusun buah-buahan.

Menerusi pelan itu, jumlah pengeluaran makanan di Pahang meningkat sebanyak 65% bagi menghasilkan makanan bernilai RM74 juta hingga tahun ini.

Sasaran peningkatan pengeluaran ikan sebanyak 30% setiap tahun hingga menghasilkan RM476 juta hingga tahun 1999.

Hasil ternakan lembu dan ayam akan meningkat sebanyak 31% bernilai RM33juta.

Di dalam memantapkan program ini kerajaan telah mengenal pasti tanah-tanah terbiar, rizab pertanian dan tanah kosong seluas 6,099 hektar akan dapat diusahakan bagi menghasilkan lebih banyak makanan.

## **5 RIBU USAHAWAN PELADANG**

TIMBALAN Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansur menyatakan azam Kementerian Pertanian untuk melahirkan 5,000

usahawan peladang menjelang tahun 2,000 sebagai sebahagian daripada matlamat meningkatkan sektor tani ke peringkat yang lebih tinggi setanding dengan sektor industri.

Tetapi Menteri Pertanian, Datuk Dr Suleiman Daud amat kecewa kerana pinjaman untuk memajukan industri pertanian dan makanan dari kalangan Bumiputera begitu kecil.

Beliau menyeru mereka supaya segera mengambil peluang untuk meminjam diantara RM10,000 hingga RM3 juta seperti yang disediakan oleh Kerajaan.

Tengku Mahmood juga menyatakan terima kasih kepada Kerajaan Johor pimpinan Datuk Abd Ghani Othman yang telah bersetuju menyediakan tanah seluas 8,000 hektar untuk dijadikan ladang tanaman jagung di mana 2,000 ekar daripadanya telah pun dimulakan.

## **RM600 JUTA BELI JAGUNG**

MALAYSIA telah membelanjakan RM600 juta untuk mengimport jagung dari negara luar setiap tahun bagi memenuhi keperluan industri makanan berasaskan jagung.

Apakah angka yang begitu besar tidak dapat dilihat oleh PKEN-PKEN atau Perbadanan Kemajuan Pertanian negeri sebagai bidang pelaburan yang berpotensi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera.

Siapakah dari kalangan mereka yang mahu mempelopori industri makanan berasaskan jagung itu?

Saya juga telah diberitahu oleh MARDI bahawa kita telah mengimport mee hon dari Thailand dan China sebanyak 18,000 ton setiap tahun.

Tak bolehkah MARDI, Pernas Edar, Bernas, FAMA dan Dewan-dewan Perniagaan Melayu mengadakan pelan tindakan bersepadu untuk menghasilkan mee hon bagi membolehkan 17,007 ketua cawangan UMNO membelinya untuk 2.7 ahli UMNO di seluruh tanahair.

## **REBUT PELUANG PELANCONGAN**

KETUA Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin menggesa pertubuhan belia di negeri ini supaya merebut peluang untuk aktif di dalam sektor pelancongan yang menjanjikan pulangan lumayan.

Katanya, pertubuhan belia sepatutnya mengambil kesempatan daripada kegiatan pelancongan di negeri ini dengan menubuhkan syarikat-syarikat pelancongan.

Beliau memberikan jaminan bahawa kerajaan negeri Melaka akan memberikan apa jua bantuan sekiranya diperlukan untuk pembabitian belia di dalam program pelancongan.

Datuk Seri Abu Zahar mahukan pergerakan belia menceburkan diri dalam pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) yang menurutnya hingga kini hanya melibatkan 20 peratus saja golongan belia.

Beliau kecewa kurangnya penglibatan belia menjadikan banyak premis perniagaan yang didirikan oleh kerajaan masih lagi tinggal kosong.

## PAKAR SEBAT JOHOR

Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam Johor, Datuk Abd Kadir Anwar berkata, hanya pakar-pakar sebatan yang terlatih saja diberikan tugas melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah-pesalah yang terlibat dengan persetubuhan haram dan enam jenayah syariah lain.

Pakar sebatan telah dipilih dari kalangan kakitangan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah diberikan latihan khas terlebih dahulu mengenai kaedah dan teknik yang betul dalam menjalankan tugas menyebat pesalah-pesalah syariah.

Sultan Johor telah memperkenankan enakmen ini dan JAIJ telah pun melatih terlebih dahulu pakar-pakar sebat ini kerana sebelum ini JAIJ memang tidak mempunyai pakar-pakar tersebut.

Tidaklah diketahui sama ada hukuman itu akan dilakukan di khalayak ramai seperti yang dituntut dalam hukuman syarak atau pun di tempat yang tertutup sebagaimana kes kesalahan sivil.

## JENTERA JKKK DIPERKEMAS

Jentera penggerak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di negeri Selangor akan diperkemas supaya mereka tidak ketinggalan dari segi ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar bandar, Belia dan Sukan, Datuk Zainal Dahlan berkata, sebagai langkah permulaan, mereka akan diberikan kursus berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran, pengurusan, kepimpinan, motivasi, komputer, kewangan dan keagamaan.

Pejabat Daerah dan Pusat Dakwah Selangor akan memberi bantuan dengan menyediakan pelbagai kursus tersebut setiap tahun.

Peranan pengerusi JKKK dan ahli jawatan kuasanya tidak lagi dilihat

sebagai penyelesaian masalah remeh temeh semata-mata seperti sebelum ini tetapi ianya perlu ditingkatkan sesuai dengan keperluan terkini.

Diharap JKKK Selangor mulai sekarang akan bertambah efisien lagi.

## **PENGELUAR TERBESAR**

Johor menjadi pengeluar buah durian terbesar di negara ini memandangkan 40,504 daripada 62,235 hektar kawasan dusun ditanam dengan pokok durian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sabariah Ahmad berkata, 57,101 hektar dusun dipunyai oleh para pekebun kecil.

Eksport buah-buahan dari negeri Johor telah meningkat kepada RM128 juta tahun 1997 yang lalu dan dijangka meningkat terus pada tahun ini.

Kebanyakan eksport ke Republik Singapura dan negara-negara Eropah.

## **SETIAP KELUARGA KE IPT**

KERAJAAN Barisan Nasional Sabah akan memastikan setiap keluarga khususnya Bumiputera di kalangan penduduk di kawasan pedalaman dapat menghantar sekurang-kurangnya seorang anak mereka melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Demikian tekad Ketua Menteri Sabah yang baru, Datuk Osu Haji Sukam ketika menghuraikan tugas terpenting kerajaan pimpinan BN yang dipimpinya setelah memenangi 31 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah di dalam pilihanraya 12 dan 13 Mac yang lalu.

Datuk Osu yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sabah berkata, pada masa ini, ibu bapa tidak lagi menghadapi halangan menghantarkan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran kerana kemudahan dan peluang untuk mencapai cita-cita tersebut sudah pun disediakan di negeri ini.

Sebuah universiti telah pun dibina di Sabah dengan harga lebih RM1.2 bilion dalam rangka menyediakan peluang untuk rakyat Sabah melanjutkan pelajaran masing-masing.

## **LUPAKAN SENGKETA**

SETIAUSAHA Agung UMNO, Datuk Sabaruddin Chik mengingatkan para pemimpin UMNO supaya jangan memanjangkan sengketa akibat



pertandingan di peringkat bahagian yang lalu dalam menghadapi pilihanraya yang akan datang.

Katanya, kesan dari pertandingan bahagian pada tahun 1996 itu sepatutnya sudah tidak ada lagi sekarang.

Bagaimana pun tambah beliau, sengketa di kalangan para pemimpin terus berlaku terutama yang ada pertandingan sengit dan kemenangan dengan perbezaan undi kecil. Keputusan ini memanglah sensitif kepada kepimpinan UMNO bahagian.

“Yang sudah itu sudahlah. Parti ini bukan seperti kita menukar baju. Kita perlu ingat, dalam politik tidak ada kawan atau musuh yang kekal.

“Apa yang kita khuatir bila pilihanraya dijadikan tempat membalas dendam. Pihak lain pula yang akan mengambil kesempatan seperti yang berlaku di Arau,” ujar Datuk Sabaruddin.

Di dalam pilihanraya kecil Arau, BN tewas dengan majoriti 1, 323 undi sedangkan pada tahun 1995, BN menang dengan 6,889 undi majoriti. Dengan itu, BN telah kehilangan 8,212 undi di dalam pilihanraya kecil itu dengan 4 dari 5 kadunnnya telah jatuh ke tangan PAS.

## PENERANGAN EFEKTIF

KETUA Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Dr Mohd Yusuf Noor menegaskan, strategi penerangan UMNO yang akan dilaksanakan kelak berbeza antara negeri dengan negeri yang lain mengikut kesesuaian dan pendekatan tertentu.

Katanya, UMNO sebagai tulang belakang kerajaan perlu mempunyai jentera penerangan yang efektif untuk menangkis semua tomanan.

Beliau memberitahu demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penerangan UMNO Pulau Pinang dalam lawatannya menemui tokoh-tokoh penerangan UMNO di seluruh tanahair bagi memperkukuhkan lagi jentera penerangan parti.

Dr Yusuf kemudiannya mencabar parti-parti pembangkang yang terus menuduh kerajaan sebagai zalim dan kejam supaya mencari negara lain yang mampu memberi nikmat yang lebih baik daripada Malaysia.

“Saya kesal kerana mereka menari mengikut rentak media asing sedangkan mereka terus hidup penuh nikmat di Malaysia.”

Katanya, ratusan ribu rakyat asing yang mencari rezeki di Malaysia adalah bukti bahawa negara ini telah diuruskan secara yang terbaik.

“Bolehlah parti-parti pembangkang itu mencari negara lain yang mampu memberi nikmat yang lebih baik daripada Malaysia,” ujar beliau.

# TAK APALAH PAK LAH JADI BONEKA MAHATHIR

Muka depan bulanan TAMADUN keluaran Febuari, 1999 menggunakan huruf-huruf besar bertajuk, " Pak Lah Boneka PM."

Saya berpendapat, tidak apalah Pak Lah menjadi boneka kepada Dr Mahathir setelah dilantik memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) kerana Tun Razak, Tun Dr Ismail, Tun Hussein, Dr Mahathir sendiri, Musa Hitam, Tun Ghafar dan Anwar Ibrahim yang kesemua mereka pernah menjadi tokoh-tokoh nombor dua di dalam hirarki tertinggi Kerajaan Malaysia.

Sekiranya Pak Lah dianggap hina menjadi boneka Mahathir, apakah juga kita boleh saja-saja menganggap hina bila Musa, Ghaffar dan Anwar juga pernah menjadi Timbalan kepada Mahathir.

Ertinya Musa sudah pun menjadi boneka Mahathir lebih awal.

Anwar pun sudah bertahun-tahun menjadi boneka Mahathir sebelum dia dipecat demikian pula dengan Ghafar.

Sudah tentu saya menghormati sesiapa jua tokoh kita yang menjadi tokoh nombor dua yang tidak terlanjur mencabar akan kepimpinan nombor satu yang boleh melemahkan kepimpinan negara dan menggoncang perpaduan parti pemerintah.

Tetapi yang lebih penting ialah kita mesti melihat dengan jijik siapa saja yang menjadi boneka Amerika, boneka IMF atau boneka George Soros yang dengan terang-terang berjuang untuk mencampuri urusan dalaman kita dan bersungguh-sungguh pula untuk memaksa menggulingkan kepimpinan Malaysia sekarang.

Kita mesti merasa tercabar bila Naib Presiden Amerika Al Gore, Setiausaha Negaranya Madeleine Albright dan kuncu-kuncu mereka

yang telah terang-terang memberitahu kita siapakah dari kalangan rakyat kita yang telah menjadi boneka mereka kini.

Ketika berucap di majlis makan malam bersempena dengan sidang APEC, Al Gore telah mengeluarkan kata-kata biadab menyokong gerakan reformasi rakyat Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan yang memerintah secara demokrasi di negara ini.

Dengan melakukan perbuatan kurang ajar di hadapan tuan rumah, Al Gore tidak mempedulikan langsung barisan para pemimpin dunia yang menghadiri sidang APEC itu yang kesemua mereka terkejut dengan pengiktirafan Naib Presiden Amerika mengenai gerakan reformasi dengan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan yang dilancarkan akibat penyingkiran Anwar Ibrahim.

Madeleine Albright pula telah mengadakan pertemuan dengan Dr Wan Azizah dan memberitahu yang beliau ingin melihat Anwar Ibrahim di penjara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz telah menyanggah Madeleine di hadapan para wartawan dan berlakulah pertikaman lidah di antara mereka.

Rafidah lantas menyatakan yang beliau akan menemui Kenneth Starr, kiranya berada di Amerika, Pendakwa Bebas yang membuat pendakwaan terhadap Bill Clinton mengenai skandal seks Presiden Amerika itu dengan pelatih Rumah Puteh, Monica Lewinsky.

Kebiadaban Al Gore memperlihatkan bahawa beliau tidak mempedulikan perasaan Malaysia, tuan rumah sidang APEC itu.

Ucapan Al Gore dan perangai Madeleine Albright membuktikan bahawa mereka telah memberitahu dunia yang Amerika telah pun mempunyai boneka dan tali barut yang sudah pun aktif bekerja untuk kepentingan Amerika.

Setidak-tidaknya apa yang hendak diberitahu oleh Al Gore dan Madeleine Albright bahawa mereka telah mempunyai Anwar Ibrahim sebagai boneka mereka di Malaysia.

Apakah rakyat Malaysia yang patriotik tidak merasa apa-apa bila melihat kelakuan Al Gore yang kurang ajar itu.

Tetapi syukurlah bahawa agenda terpenting mereka untuk melemahkan Malaysia telah dapat dipatahkan. Serangan Amerika yang dipelopori oleh Naib Presiden Amerika Al Gore telah mendedahkan konspirasi jahat mereka.

Anwar sendiri sebelum ini telah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa pembangunan Bank Dunia dan diberikan peluang

memeriksa barisan kehormatan di Pentagon yang biasanya diberikan kepada ketua-ketua negara saja.

Tidakkah ini boleh dianggap satu penghormatan dibuat semata-mata sebagai perangkap untuk memaksa Malaysia jatuh ke dalam agenda IMF seperti yang menimpa Indonesia dan Thailand.

Di Bangkok baru-baru ini, 2,000 ketua kampung telah mengadakan tunjuk perasaan di hadapan bangunan Parlimen Thailand dengan membawa pelbagai sepandok antaranya menyatakan " kami sayangkan Mahathir! " dimana mereka mahukan supaya Kerajaan Thailand mengikuti cara Dr Mahathir menangani kegawatan ekonomi di Malaysia.

Barangkali kita sudah lama menjadi mufliis, tegas Dr Mahathir, kiranya kita tidak bertindak cepat dengan melancarkan pengawalan tukaran mata wang dan pelaburan asing atau kita terjebak menerima gagasan jahat IMF seperti yang sedang menimpa ke atas rakyat Indonesia dan Thailand kini.

Sebaliknya pula, dasar kerajaan yang spontan dan cepat bertindak menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berjaya memulihkan ekonomi negara daripada menjadi lebih teruk seperti yang berlaku di Indonesia dan di Thailand.

Menteri Kewangan Pertama yang juga Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin merasa lega kerana keadaan mungkin lebih teruk seperti yang berlaku di kedua-dua buah negara itu jika kegawatan yang menimpa Malaysia tidak dibendung pada peringkat awal lagi.

MTEN yang dilancarkan pada Ogos, 1998 mempunyai enam objektif termasuk menstabilkan ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, memastikan pasaran kewangan stabil, mengukuhkan asas ekonomi dan meneruskan agenda pembangunan ekonomi di dalam semua sektor.

Dengan penubuhan Danamodal dan Danaharta, masalah sistem perbankan mampu mengatasi masalah berkaitan dengan pembayaran semula pinjaman berbayar.

Penubuhan Jawatankuasa Penstruktur Hutang Korporat membantu menyelesaikan masalah kewangan yang diakibatkan penurunan nilai mata wang dan pertumbuhan ekonomi yang jatuh pada tahun yang lalu.

"Kerajaan menetapkan kadar pertukaran Ringgit ialah RM3.80 bagi satu Dolar Amerika sebagai langkah mengawal mata wang negara

dan juga kawalan yang menetapkan modal portfolio dikahendaki berada tidak kurang 12 bulan dalam negara sebelum di bawa keluar," katanya.

Beliau berkata, ramai beranggapan Malaysia mengasingkan diri tetapi dakwaan itu tidak benar kerana apa yang dilakukan adalah bertujuan melindungi negara daripada spekulator asing yang tamak dan tidak bertimbang rasa.

Daim berkata, langkah itu terbukti menguntungkan negara kerana kadar mata wang ketika ini lebih stabil dan ini membolehkan kerajaan menumpukan sepenuh perhatian kepada pembangunan ekonominya.

Dasar itu juga katanya, membolehkan kerajaan membantu peniaga dan usahawan membuat pinjaman dengan kadar yang rendah dan kadar kecairan menjadi lebih baik.

Dalam hal ini, marilah kita membuat penilaian masing-masing, apa salahnya sekiranya Pak Lah menjadi boneka Mahathir daripada Anwar Ibrahim dan rakan-rakan beliau yang menjadi boneka dan tali barut Amerika Syarikat.

## ANWAR HINAKAN NABI

*Saya telah membentangkan kertas kerja mengenai Strategi Penerangan UMNO pada 8 September, 1998 di dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh 500 ketua penerangan UMNO yang kemudiannya telah berdialog dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad di Dewan Tun Hussien, PWTC.*

*Di kursus itu juga Datuk Idris Jusuh, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Datuk Dr. Shafiee Salleh, Supar Kementerian Kewangan turut membentangkan kertas kerja masing-masing mengenai ekonomi.*

*Sebahagian daripada kertas kerja saya itu menghuraikan hal-hal berikut:*

Setelah sembilan tahun hidup dalam ketakutan diancam hukuman maut yang diputuskan oleh Pemimpin Iran, Almarhum Ayatullah Ruhulah Khomeini, seorang rakyat British yang murtad, Salman Rushdie kelihatan muncul dari tempat persembunyiannya di Britain, baru-baru ini.

Media barat lantas melaporkan bagaimana tawaran RM9.5 juta untuk membunuhnya telah ditarik balik.

Tetapi Kementerian Luar Iran segera menyangkal bahawa fatwa yang menghendaki Salman Rushdie dihukum bunuh kerana menghina Islam 'tidak boleh ditarik balik'.

Perisytiharan tersebut akan terus kekal hingga terlaksananya hukuman bunuh ke atas Salman Rushdie itu, tegas jurucakap Kementerian Luar Iran.

Jurucakap itu juga berkata, adalah memeranjatkan bahawa Rushdie yang dijatuhkan hukuman mati oleh Almarhum Ayatollah Ruhullah Khomeini kerana novelnya *The Satanic Verses*, terus membuat kenyataan yang menyakitkan hati dan menambahkan lagi kemarahan umat Islam.

Almarhum Imam Khomeini pada 14 Februari, 1989 mengumumkan, "Dengan ini pengarang buku bertajuk *Satanic Verses* yang menghina Islam, mencemarkan Rasulnya dan mendustakan al-Quran, serta kesemua yang terlibat dengan penerbitannya, setelah menyedari tentang isu kandungannya maka dijatuhkan hukuman mati."

Para pengikut Ayatollah Khomeini kemudiannya menawarkan AS\$2.5 juta ( RM9.5 juta ) kepada sesiapa saja yang berjaya membunuh Salman Rushdie.

Setelah pengumuman itu dibuat, tiada kaum Muslimin pun yang berani membantahnya. Yang pasti, semua kaum Muslimin membuat reaksi bahawa Salman Rushdie telah murtad dan dia adalah penjenayah yang telah menghina Islam, mencemarkan Rasulnya dan mendustakan al-Quran.

Apa yang ditulis oleh Salman Rushdie bukan saja menghina Dr Mahathir, Ayatollah Khomeini, Hosni Mubarak, Saddam Hussein, King Hussein, King Fahd, Yasser Arafat, Presiden Habibie dan sebagainya tetapi orang yang dihina oleh Salman ialah junjungan kita Nabi Muhammad saw yang wajib diberikan salawat dan salam di mana kita semua kaum Muslimin dan Muslimat mengemis syafaat daripada baginda di Padang Mahsyar nanti.

Kes ini bukan boleh diremeh dan dipermain-mainkan. Jangan kerana kita mengiyakan perbuatan seorang pemimpin yang kita semua berikan kepercayaan maka kita terpinggir dari mendapat syafaat tersebut.

Tetapi yang anehnya, seorang tokoh Malaysia di dalam pertemuannya dengan seorang wartawan kanan majalah ASIaweek, Roger Mitton, yang tersiar pada 11 November, 1993 berkata: Terjemahan wawancara itu adalah seperti berikut:-

" Saya telah membaca *The Satanic Verses*. Saya juga telah membaca novelnya *Midnight's Children* lebih awal. Bagi saya, beliau adalah **seorang karyawan yang amat dalam pengetahuannya**.

Saya tidak bersetuju dengan Khomeini mengenai *The Satanic Verses*, tetapi ia perlu diberikan penelitian berikut. Pertama, penulisan buku ini merupakan hasil sastera. Kedua, bagi saya apa-apa hukuman ke atas seseorang pesalah perlu diputuskan oleh sebuah mahkamah undang-undang.

Saya tidak percaya seseorang boleh menjatuhkan hukuman kepada seorang yang lain. Sekiranya ada negara yang bercanggah pendapat mengenai penulisan Salman, perkara itu perlu di hadapkan ke mahkamah. Di Malaysia kami mengambil keputusan hanya untuk mengharamkan buku itu, jika tidak, rusuhan akan berlaku.

Mahukah anda membela seorang dan sebaliknya mengakibatkan ramai yang terbunuh? Keputusan seumpama ini amat sukar kerana kiranya tidak ada kebebasan berfikir, orang ramai akan merasa terugut bilamana mereka menyentuh hal-hal yang dianggap sensitif."

Apakah reaksi saudara terhadap kenyataan ini yang disiarkan ke seluruh dunia ini.

Dia menyatakan yang Salman Rushdie adalah penulis yang mempunyai pengetahuan yang amat luas. Salman Rushdie yang menghina Rasulullah saw dan al-Quran menurut bekas tokoh UMNO itu adalah seorang karyawan yang punya pengalaman mendalam.

Saya sendiri beristighfar berkali-kali ketika membaca wawancara seorang tokoh yang ketika itu menjadi pemimpin nombor dua UMNO dengan wartawan kanan *ASIaweek* itu.

Dia tidak lain dan tidak bukan ialah Anwar Ibrahim yang terpesona dengan kehebatan penulis *Satanic Verses* atau di dalam Bahasa kita diterjemahkan sebagai Ayat-ayat Syaitan.

Dengan itu maka jelaslah Anwar penyokong ayat-ayat syaitan. Atau dia menyokong perbuatan yang bersumberkan kedurjanaan syaitan.

Ketika berlaku serangan Amerika Syarikat dan Britain dengan sekutunya ke atas Iraq, Anwar dilaporkan telah bersetuju supaya Saddam Hussein digulingkan.

Walaupun Dr Mahthir tidak bersetuju dengan serangan Iraq ke atas Kuwait namun Perdana Menteri Malaysia itu tetap mempertahankan kedaulatan Iraq dari serangan luar. Tetapi tokoh nombor dua Malaysia ketika itu jelas telah dilihat menjadi tali barut Amerika dan Inggeris dengan menyokong tindakan kuasa-kuasa Barat melancarkan serangan ke atas Iraq dan bersekongkol dengan kaum Yahudi yang dilaknat Allah SWT untuk menggulingkan Saddam Hussein....**bersambung**

## MENGEKALKAN IDEALISME PERJUANGAN

*U*MNO yang ingin terus hidup kukuh memerlukan ahli-ahli yang mempunyai idealisme perjuangan yang tinggi. Kita mesti memahami kehendak UMNO yang memerlukan pengorbanan tenaga dan masa yang banyak bagi mencapai kejayaan yang akan dianggap sebagai sesuatu yang memberi makna di dalam kehidupan kita.

Demikian ditegaskan oleh **Wan Mohd Mahyuddin**, Ketua Pegawai Penyelidik Ibu Pejabat UMNO Malaysia di dalam siri tulisannya di ***Sudut Pandangan*** di dalam Rekod dan Perkembangan UMNO, media penyelidikan terbitan Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

Idealisme perjuangan ini boleh diarahkan pada bidang apa sekalipun baik soal-soal kenegaraan, pembinaan parti, membela orang miskin, memelihara alam sekitar dan pelbagai lagi yang dapat memperbaiki kehidupan ramai.

Hasil dari ramainya orang idealis yang sanggup menumpukan fikiran dan tenaga mereka kepada isu-isu kemasyarakatan maka banyak penderitaan, kezaliman dan pelbagai kerosakan telah dapat diatasi.

Dengan itu tidaklah wajar menuduh seseorang itu idealis dengan membawa pengertian ia berada di awang-awangan dan kehendaknya adalah khayalan yang tidak mungkin tercapai.

Apa yang patut dielakkan bukanlah idelaime tetapi kemusnahan yang berlaku kerana salah arah. Idealisme seperti ini terpancar di



kalangan personaliti -personaliti yang berfikiran destruktif atau di kalangan mereka yang cenderung membuat kerosakan. Kehadiran mereka ini tidak boleh dibanggakan sama sekali.

UMNO memerlukan orang idealis yang bersedia untuk memperjuangkan cita-cita parti. Kalau ramai dari kalangan para pemimpin dan ahli-ahlinya yang sudah kehilangan idealisme mereka, perjuangan pasti akan luntur. Ketika itu majoriti ahli-ahlinya tidak akan bergerak bagi menjayakan kepentingan parti, negara dan orang ramai. Setiap ahli akan terdorong bertindak hingga meranapkan pertubuhan tanpa mepedulikan kesan-kesan buruk yang akan menimpa kita semua akibat perbuatan mereka.

## KURSUS LEBIH KERAP

Kekuatan UMNO pada setiap masa bergantung kepada ahli-ahli atau para pemimpinnya yang memahami akan tujuan dan dasar-dasar UMNO. Mereka tidak meragui akan dasar-dasar tersebut dan kelihatan begitu jelas dalam pendirian masing-masing mengenainya.

Kepada ramai dapat diterangkan matlamat UMNO, yang pasti akan menambahkan keyakinan kita untuk menyokong dasar-dasarnya.

Tetapi keadaan ini berubah apabila ramai ahli UMNO menumpukan pelbagai perjuangan ekonomi dengan melupakan matlamat sebenar UMNO.

Sesetengah kita gagal untuk memahami perjuangan parti untuk **survival orang Melayu** dalam negara yang demokratik berasaskan pemilihan orang ramai. Kehadiran mereka di dalam UMNO yang lebih bersifat ikut-ikutan tidak menjadikan parti benar-benar kukuh, malah UMNO boleh merosot dengan cepat apabila menghadapi ancaman.

Tatkala negara mengalami kemewahan, ahli-ahli UMNO tidak begitu mengambil berat tentang hal-hal UMNO dan dasar-dasar perjuangannya.

Yang terpenting ialah bagaimana mencapai kehidupan yang lebih mewah kerana tidakkah UMNO itu wujud bagi memajukan bangsa dan negara?

Itulah pandangan mudah mereka tentang dasar-dasar UMNO. Ahli-ahli tidak tahu atau enggan tahu lebih daripada itu. UMNO dan

kerajaan adalah semata-mata bagi mencapai kekayaan, bukan satu yang mempunyai matlamat atau wawasan untuk agama, bangsa dan negara.

Jawatan-jawatan direbut bukan untuk melaksanakan perjuangan yang luhur tetapi sebagai pasport ke arah kekayaan yang lebih.

Dengan kemerosotan imej UMNO akibat daripada tumpuan yang berat sebelah, ini adalah masanya untuk membetulkan balik perjalanan UMNO.

Kursus-kursus pemahaman mengenai dasar parti perlu diadakan dengan lebih rancak bagi mendedahkan seluruh peringkat ahli kepada sejarah penubuhan UMNO dan matlamat perjuangannya.

## SUKA BERKHIDMAT

Kekuatan UMNO banyak bergantung kepada semangat ahli-ahlinya yang suka berkhidmat. Ia merupakan perasaan yang keluar dari lubuk hati seseorang bagi menolong orang lain.

Dengan semangat ini, ia melakukan tindakan-tindakan yang dapat memajukan pertubuhan atau masyarakatnya.

Dalam membina UMNO, semangat ini bertiup luas di kalangan ahli-ahlinya yang mahu melihat parti mereka berjaya dan negara dapat diperintah sendiri.

Ahli-ahli UMNO yang suka berkhidmat ini menteladani para pemimpin utama mereka yang tidak kurang dari segi semangat ini.

Kita bertuah beroleh seorang seperti Tunku Abd Rahaman pada peringkat awal perjuangan parti.

Keikhlasan dalam melaksanakan sebarang usaha telah memupuk satu tradisi di kalangan ahli-ahli untuk berkhidmat.

Tradisi ini terus menerus dihayati oleh Tun Abd Razak yang bekerja dengan penuh dedikasi untuk kepentingan bangsa dan negaranya hinggalah kepada Tun Hussein Onn yang mengutamakan khidmat dan Datuk Seri Dr Mahathir yang kemampuannya bekerja tiada tandingan.

Slogan UMNO selain 'Bersatu dan Bersetia' ialah 'Berkhidmat'.

Tradisi berkhidmat ini telah menjadikan perjuangan UMNO subur dan bersemarak selama berpuluh tahun dan memberi kemenangan kepadanya, di dalam sebahagian besar pilihan raya.

## MENGATASI MASALAH

Kemunculan masalah adalah sebahagian daripada lumrah alam yang mencabar kebolehan kita untuk mengatasinya. Jika keadaan semuanya baik sepanjang masa, manusia akan kaku dan lemah hingga boleh tertidur atau mati kerana kebosanan. Maka ia memerlukan masalah dan cabaran yang memberi sebab kepada kehidupan.

Berhadapan dengan masalah, kita tidak boleh berdiam diri melainkan terdorong untuk bergerak mencari penyelesaian.

Jika tidak, kita dan orang lain juga yang menjadi anggota satu-satu masyarakat atau mendiami satu-satu negara akan mendapati hidupnya terancam. Maka adalah menjadi tanggungjawab semua untuk bermuafakat supaya keadaan-keadaan yang memudaratkan dapat dielakkan.

Ada beberapa pendekatan dalam menghadapi sesuatu masalah. Fakta-fakta yang relevan perlu diteliti dan pertimbangan dibuat tentang cara penyelesaiannya.

Yang penting kita bersikap tenang dan mempunyai kepala yang sejuk, tegas Dr Mahatahir.

Janganlah cepat mengelabah atau buntu fikiran menyebabkan kita mencadangkan tindakan yang tergesa-gesa. Kesannya akan menimbulkan lebih banyak masalah lagi dan kekusutan tidak dapat diatasi.

Mentadbirkan sesebuah negara seperti Malaysia sudah tentu penuh dengan liku-liku yang sukar kerana corak penduduknya, tuntutan-tuntutan pembangunan dan memupuk kestabilan.

Ini memerlukan para pemimpin yang cukup mahir serta terlatih dalam cara-cara pembinaan negara dan mengesan ancaman-ancaman yang boleh menggugat masyarakat.

Ternyata pelbagai masalah besar telah menimpa negara tetapi syukurlah semua masalah tersebut dapat diatasi dengan jayanya.

Kita tentu ingat tentang pemaksaan *Malayan Union* ke atas orang Melayu, penganasan Komunis, halangan-halangan yang diletakkan oleh British semasa menuntut kemerdekaan, masalah penubuhan Malaysia dan pemisahan Singapura, rusuhan kaum selepas pilihan raya umum 1969, pertentangan puak kiri dan pemuda di dalam UMNO dan pertandingan sengit di dalam UMNO tahun 1987.

Walaupun peristiwa-peristiwa ini berlaku, negara dan UMNO tidak terbalik. Rakyat dapat hidup seperti sedia kala dan usaha-usaha pembangunan diteruskan. Tetapi masalah tidak habis di situ.

Pada Julai 1997, negara dilanda oleh krisis ekonomi akibat daripada spekulasi mata wang oleh pedagang-pedagang asing dan lain-lain faktor yang menjurus kepada kegawatan.

Krisis ini begitu memanjang dan lebih teruk daripada kemelesetan ekonomi pada masa-masa yang lalu kerana kita berhadapan dengan kuasa pasaran global.

Para pemimpin negara tidak boleh dituduh tidak berusaha menyelesaikan krisis ini.

Dr Mahathir dan MTEN telah melaksanakan pelbagai strategi yang sudah mula menunjukkan isyarat mengeluarkan kita daripada kebuntuan yang dialami.

## **KESTABILAN NEGARA**

Bagi negara Malaysia yang berbilang kaum, berbilang bangsa dan kepentingan politik yang berbagai, kemungkinan berlakunya konflik berpunca daripada keadaan yang berbeza ini amat nyata.

Dengan kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang, mudah saja perasaan tidak puas hati meletus dan disemarakkan.

Setengah pihak boleh mengambil ilham dari kejadian di luar negara untuk menghasut rakyat supaya bangun menentang kerajaan dengan mengadakan rusuhan dan tindakan-tindakan fizikal.

Tidak akan terfikir oleh mereka apakah kesan daripada tindakan mereka ke atas negara dan kebajikan orang ramai.

Ugutan terhadap negara boleh dimulakan oleh elemen-elemen perkauman, fanatik agama, kesatuan-kesatuan, pelbagai golongan lain termasuk para pelajar.

Mereka boleh mengambil peluang daripada keadaan yang gawat bagi menonjolkan kepentingan masing-masing tanpa mempeduli negara akan rosak akibat daripada tindakan mereka.

Orang ramai yang mudah tertarik dengan desakan demi desakan boleh terpedaya menyokong mereka kecuali usaha-usaha dibuat bagi mendedahkan kepalsuan pendirian mereka.

Malaysia sebagai negara demokrasi mengasaskan

pemerintahannya pada pendapat ramai. Tetapi kerajaan juga perlu memastikan kehidupan ramai tidak terganggu akibat angkara elemen-elemen tertentu. Ini termasuk melaksanakan undang-undang yang ada betapa keras sekalipun bagi memelihara ketenteraman awam.

Inilah di antara yang dilakukan oleh kerajaan selama ini bagi membolehkan kestabilan negara dan usaha-usaha pembangunan terus dilancarkan.

Suara-suara yang menghasut baik di dalam media asing yang sangat aktif melaporkan tentang kejadian di Malaysia atau punca-punca di dalam negeri yang cuba mengeruhkan suasana perlu diberikan jawapan yang meyakinkan supaya dakyah mereka ditolak ramai.

Pada masa yang sama hendaklah juga diberi ruang kepada kritikan-kritikan yang wajar yang boleh dijadikan asas bagi membina semula ekonomi negara.

Dalam menghadapi golongan pengacau, perlu tegaknya persefahaman di kalangan para pemimpin negara bagi membolehkan pendekatan yang selaras dan tidak berbeza.

Dalam UMNO, para pemimpin dan ahli-ahli parti di semua peringkat mestilah membenamkan perbezaan dan sedia menerima satu pendekatan yang sama dalam mencari penyelesaian kepada masalah.

Sebarang perbezaan boleh mengakibatkan parti menjadi lemah dan hilang kewibawaannya.

Dalam keadaan seperti itu, ia sudah pasti akan diambil kesempatan oleh musuh-musuh UMNO yang membawa kepada keadaan kacau bilau hingga boleh menjejaskan kestabilan negara sendiri.

Sudah terlalu banyak contoh dari sejarah atau kejadian semasa di mana ketiadaan kepimpinan yang padu boleh mencampakkan negara ke kancah huru-hara.

Ingatlah sekali terjadi demikian, ia mengambil masa yang lama untuk pulih kepada keadaan seperti sedia kala.

Kita berasa syukur bahawa kejadian-kejadian yang menimpa negara pada masa yang lalu telah dapat diatasi dalam tempoh yang singkat berkat daripada kebijaksanaan para pemimpin kita menanganinya.

*Bekas para pegawai Bahagian Hal Ebuwal Kbas di Jabatan Penerangan yang pernah berkhidmat di bawah kepimpinan Sdr Ikhwan Nasir (1987-90) yang telah diberikan kepercayaan sebagai para pemimpin peringkat negeri:*

- **SABAH:**
  - YB Datuk Abdul Manan Jakasa - Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri
  - YB. Encik Surady Kayong - Pembantu Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
  - YB Encik Unding Lana - Adun N 41 - Kunak
  - Encik Samleh Juaseh - Setpol YAB Ketua Menteri
  - Encik Rizalman Abdullah - Setpol YB Menteri Kewangan
  - Encik Mokhtar Radin - Setpol YB Menteri Kewangan
  - Encik Johari Haji Janan - Setpol YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
  - Encik Mohamed Bakar - Setpol YB Menteri Luar Bandar
- **PERLIS:**
  - YB Che Ah Long - Adun N14 - Simpang Empat ( Ahli EXCO )
  - YB Ustaz Arof Saad - Adun N13 - Guar Saji
  - YB Encik Mohd Hadzi Norrdin - Adun N10 - Kayang
- **PULAU PINANG:**
  - YB Encik Jasmin Mohamad - Adun N05 - Sungai Dua
  - YB Encik Lim Gim Soon - Adun Kota Lama
- **PERAK:**
  - YB Encik Shharuddin Abd Jabar - Adun N12 - Trong
  - YB Encik Tan Chin Beng - Adun N25 - Bercam
- **SELANGOR:**
  - YB Datuk Abd Rahman Palil - Adun N39 - Sementa
  - YB Puan Mesrah Selamat - Adun N12 - Jeram
- **PAHANG:**
  - YB Tuan Syed Ali Ahmad - Adun N16 - Batu Talam
  - YB Hajah Rahimah Kawi - Adun N09 - Tahan
- **KEDAH:**
  - YB Ustaz Hamlan Din - Adun N22 - Belantek
- **JOHOR:**
  - Haji Shamsuddin Abu Bakar - Setpol Menteri Penerangan
  - YB Gan Lian Keng - Adun Jementah
- **KELANTAN:**
  - YB Senator Karimah Mohd Noor

Rencana ini dan lima rencana yang lain telah dibekalkan kepada semua 20 ketua UMNO bahagian di Sabah untuk membantu mereka menghadapi pilihanraya Dewan Undangan Negeri yang bertansung pada 12-13 Mac, 1999 yang lalu.

## STRATEGI MEMENANGI PILIHANRAYA

UMNO/BN telah tewas teruk di dalam dua pilihanraya kecil di Teluk Intan, Perak dan di Arau, Perlis, dua kawasan parlimen yang selama ini dianggap sebagai kubu UMNO/BN yang kuat di Malaysia.

Di Teluk Intan, Perak, BN tewas 2,968 undi sedangkan di dalam pilihanraya kebangsaan 1995 yang lalu BN menang 13,916 undi. Ini telah mengakibatkan BN kehilangan 16,884 undi di dalam pilihanraya kecil Mei, 1997 lalu.

Di Arau, Perlis pula, BN menang pada tahun 1995 dengan majoriti 6,889 undi tetapi pada pilihanraya kecil 4 Julai lalu BN telah tewas 1,323 undi menjadikan BN kehilangan 8,212 undi.

Kekalahan seteruk ini juga mengakibatkan para pengundi di empat dari lima kadun di kawasan parlimen Arau telah menyatakan tidak percaya mereka kepada UMNO/BN.

Apakah yang telah dibuat oleh UMNO/BN akibat kekalahan teruk yang pernah kita hadapi itu?

UMNO dan BN peringkat cawangan, bahagian, negeri dan pusat tentu telah mengumpulkan pelbagai laporan dan mereka telah menganalisis dengan membuat pelbagai rumusan mengenai ketewasan teruk di kedua-dua kapar itu.

Sekurang-kurangnya parti pemerintah kita ini sudah pun mencari pelbagai sebab yang mengakibatkan ketewasan teruk tersebut.

Sekurang-kurangnya kekalahan BN di Teluk Intan mestilah menjadi satu pengajaran terpenting untuk dijadikan fakta-fakta rujukan.

Memang telah berlaku saingan di antara MIC dan IPF yang masing-masing telah menunjukkan kehebatan berkempen termasuk menaikkan pelbagai sepanduk dan gambar-gambar besar para pemimpin mereka di setiap tempat yang strategik supaya mudah dilihat oleh para pengundi di kapal Teluk Intan.

Dalam kehebohan pekerja-pekerja BN dari keturunan India yang sibuk berkempen itu, amatlah melucukan bila calon DAP yang kebetulan seorang tokoh dari keturunan India telah berjaya menyapu 16,884 undi dari BN jika dibandingkan dengan kemenangan BN dalam pilihanraya kebangsaan pada tahun 1995 yang lalu.

Syukurlah kerana kita mencapai kejayaan cemerlang di kadun Permatang di Kuala Selangor dengan majoriti 7,800 undi dimenangi oleh Datuk Dr Abu Hassan Omar.

Seorang tokoh yang kelihatan begitu sederhana tetapi telah dipilih oleh Datuk Seri Dr Mahathir untuk membuktikan kepimpinan yang baru di Selangor, beliau telah mendapat majoriti yang melegakan.

Demikian pula dengan kemenangan BN di Changkat Jering dengan 3,296 undi bila Sdra Mohd Isa Ismail di pilih menggantikan Datuk Mohd Razlan Abd Hamid yang meninggal dunia mengakibatkan kadun tersebut terpaksa mengadakan satu pilihanraya kecil.

Peranan saya menjadi lebih mudah kerana saya sendiri dapat memberikan nasihat secara langsung kepada calon-calon BN yang bertanding dan mereka pula sudi menerima sedikit sebanyak nasihat dari kepakaran yang dapat saya sumbangkan untuk kemenangan mereka.

Saya sendiri bersama-sama dengan ramai rakan lain tidak teragak-agak untuk bertindak cepat seperti yang dilakukan oleh Sdra Abd Aziz Mohd Noh, Jakiran Jacomah, Dasuki Karison dan Haji Ahmad Abd Aziz membantu dua calon BN yang bertanding serentak di kadun Permatang dan di kapal Kuala Selangor.

## **MAHATHIR MESTILAH DITONJOLKAN**

SAYA telah menekankan pendapat saya di mana-mana saja bahawa tokoh terbesar UMNO/BN, Datuk Seri Dr Mahathir mestilah menjadi bahan-bahan utama yang ditonjolkan di dalam sebarang pilihanraya kecil dan di dalam pilihanraya kebangsaan sepanjang kepimpinannya.

Barangkali juga di dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru pada tahun



1988, imej beliau menjunam akibat pelbagai isu termasuk yang menyentuh hati nurani orang Johor ketika itu.

Memanglah jelas kebencian para pengundi kepada Dr Mahathir terbukti bila BN tewas dengan 12.613 undi di tangan calon **Kunci**. Datuk Shahrir Abd Samad yang telah meletakkan jawatan mengosongkan kapar Johor Bahru tersebut.

Dalam pilihanraya kecil di Parit Raja, walaupun calon bebas, Haji Hamdan Yahya yang memakai lambang **Ikan** telah diiringi oleh 25.000 orang penyokong yang diketuai oleh Tengku Razalieggh Hamzah dan Datuk Musa Hitam sementara BN cuma diiringi oleh 5.000 para penyokong yang kelihatan sudah seperti lemah semangat, namun Haji Yassin Kamari yang mewakili BN telah menang juga di kadun Parit Raja dengan 413 undi di bawah arahan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Beliau yang berganding bahu dengan Datuk Mohamed Rahmat adalah dua pemimpin Johor yang telah bermati-matian menyerang semua kubu-kubu pertahanan yang dibina oleh **Ikan**.

Tentulah kita boleh mencari sebab-sebab mengapa BN menang dalam saat-saat genting menghadapi serangan-serangan berpadu dari S46, PAS, DAP, PRM dan sebagainya.

Tetapi kini setelah ribuan anggota S46 menyertai semula UMNO, BN telah kehilangan 16.884 undi di Teluk Intan dan 8,212 undi di Arau.

Sehingga hari ini saya masih lagi merasakan bagaimana hebatnya berjuang untuk kemenangan BN yang kiranya kita tewas di Parit Raja, saya tidak tahu apa yang telah menimpa UMNO/BN sekarang ini.

Di dalam pilihanraya kecil di Parit Raja itu saya sendiri merasa amat hiba kerana ada di kalangan **para pemimpin UMNO sendiri yang sudah tidak lagi berani memakai lambang Dacing di baju masing-masing**. Wajah mereka kelihatan seperti berada di dalam keadaan ketakutan dan keberanian sebagai pemimpin UMNO pun seperti sudah begitu pudar dari wajah mereka.

Pertarungan di Ampang Jaya lebih hebat lagi bila Datuk Haji Harun Idris mewakili S46 menentang Ong Tee Kiat, calon BN yang tidak terkenal pun ketika itu.

Tokoh-tokoh parti pembangkang sampai tergamak memekik-mekikkan slogan, "**Mahathir ke hospital dengan bendera, akan pulang dari hospital dengan keranda!**" ketika itu kebetulan Dr Mahathir sedang menjalani pembedahan injap saluran jantung di Hospital Jantung, Kuala Lumpur.

Kaki-kaki judi juga telah menawarkan 4-1 bagi memihak kepada

kemenangan Datuk Harun tetapi setelah UMNO dan BN bekerja kuat di bawah pimpinan Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, BN menang dengan 4,250 undi.

Pemulihan imej Dr Mahathir terus terbukti dengan kemenangan beberapa lagi pilihanraya kecil terutama di kapar Bentung yang dipimpin oleh Tan Sri Mohd Khalil Yaakub di mana calon BN, Datuk Lim Ah Lek telah meneng 8,506 undi sedangkan ramalan sebelum hari membuang undi bahawa BN boleh menang dengan majoriti 4,000 undi saja.

Sejak itu saya berkeyakinan, bila berlangsungnya sebarang pilihanraya kecil atau pilihanraya kebangsaan yang akan datang, Dr Mahathir mestilah ditonjolkan sebagai bahan kempen yang utama dan pertama.

Gambar-gambar wajah Dr Mahathir mestilah dipampangkan lebih banyak dan lebih besar saiznya daripada tokoh-tokoh lain. Jangan pula ada pihak-pihak lain yang cuba menumpang kehebatan Dr Mahathir dengan meletakkan gambar beliau berganding dengan tokoh-tokoh lain.

Kalau ini dilakukan juga, saya kuatir ramai para pengundi akan merasa meluat melihatnya lantas tidak merasa belas kasihan lagi hingga mendorong mereka tidak mengundi BN.

Saya suka mengingatkan para pemimpin UMNO/BN peringkat negeri supaya tidak melakukan kesilapan ini lagi hingga menonjolkan keangkuhan masing-masing membuat dan memasang begitu banyak objek memperkenalkan diri mereka lebih daripada YAB Perdana Menteri.

Di dalam semua ucapan pemedato UMNO/BN mestilah banyak menyebutkan peranan Dr Mahathir dan sumbangannya kepada negara dan dunia antarabangsa.

Sekurang-kurangnya bahan-bahan di bawah tajuk ***Kejayaan kita semakin memuncak di bawah Mahathir*** seperti yang disiarkan di muka surat 55 dijadikan bahan ucapan semua ahli pidato kita.

## PERANAN KETUA CAWANGAN

APAKAH yang mesti dibuat oleh ketua-ketua UMNO cawangan sebaik-baik sahaja diumumkan adanya pilihanraya kecil di kawasan mereka atau pilihanraya kebangsaan untuk Dewan Rakyat atau Dewan-dewan Undangan Negeri yang melibatkan kawasan masing-masing?

**Bilik Gerakan.** Wujudkan segera bilik gerakan cawangan.

Sekiranya belum lagi dapat dicari tempat yang sesuai maka rumah

kediaman ketua UMNO cawangan mestilah dijadikan bilik gerakan sementara.

Setelah diwujudkan bilik gerakan sementara di kediaman Ketua Cawangan, barulah dicari di tempat lain yang lebih sesuai.

Amatlah menghinakan kiranya ada ketua UMNO cawangan yang menyatakan bahawa mereka belum lagi dapat membuat bilik gerakan kerana menunggu wang peruntukan dari UMNO bahagian.

Tidak usahlah lagi kita hormati ketua UMNO cawangan seperti ini.

Membeli kertas kad manila sebanyak 10 keping berharga RM10 dan peralatan lain berharga kesemuanya RM30 pun tak mampu dikeluarkan maka macam manalah kita hendak menghormati ketua UMNO cawangan seperti ini.

Hendak membuat bilik gerakan dengan belanja RM30 pun terpaksa menunggu wang dari UMNO bahagian?

Ketua UMNO cawangan yang terbaik boleh terus mengekalkan bilik gerakan di kediamannya bila sudah didapati bilik gerakan yang sesuai. Ertinya di cawangan tersebut sudah ada dua bilik gerakan untuk lengkap melengkapi dan memastikan kelancaran aktiviti di cawangan masing-masing.

Satu bilik gerakan di kediaman ketua UMNO cawangan dan satu lagi di tempat lain dikendalikan urusannya oleh setiausaha atau ketua penerangan UMNO cawangan.

Dengan adanya dua bilik gerakan ini membolehkan kedua-duanya mencatat semua aktiviti dengan teratur dan membuat kepastian di antara satu sama lain tentang operasi yang sempurna untuk menarik sokongan para pengundi.

Saya suka menekankan bahawa bilik gerakan merupakan nadi kepada semua aktiviti menyerang pembangkang dan aktiviti untuk memungut setiap satu undi supaya menyokong BN.

Kiranya bilik gerakan tidak tahu untuk memastikan berapa ramai ahli UMNO di cawangan yang aktif dan berapa ramai pula yang tidak nampak wajah mereka maka pastilah UMNO cawangan ini sedang menghadapi bencana yang besar.

Dua bilik gerakan di sebuah cawangan ini sudah pasti memberikan gambaran yang saling lengkap-melengkapi atau berupaya memastikan gerakan atau kecenderungan aliran mengundi menerusi dua pengawasan.

Sebaik-baiknya bilik gerakan menerima maklumat untuk menyerang kekuatan parti-parti pembangkang dan memperkukuhkan aktiviti BN

ialah di antara jam 5 hingga 6 petang setiap hari.

Semua petugas hendaklah hadir selama sekurang-kurangnya satu jam untuk menyampaikan maklumat dan perbincangan membuat operasi selanjutnya yang mestilah dimulakan serta merta selepas itu.

Jadikan tempoh satu jam setiap hari di mana ketua atau naib ketua UMNO cawangan mesti mempengerusikan mesyuarat mengenai taklimat tersebut dengan maksud untuk melancarkan apa jua operasi.

## SIAPAKAH SASARAN KITA?

*Biro Rumah Sepuluh* adalah satu biro yang menjalankan aktiviti yang paling berkesan di dalam sebarang pilihanraya yang dilancarkan oleh setiap UMNO cawangan.

Ada UMNO cawangan yang sentiasa berwaspada dan sentiasa tahu siapakah yang menjadi tokoh pembangkang di kawasan mereka dan tahu pula berapa ramai penyokong mereka dengan angka yang tepat.

Di dalam bilik gerakan UMNO cawangan, salah satu carta mestilah mempamerkan jalan-jalan atau lorong-lorong di mana terletak kediaman ahli-ahli jawatan kuasa UMNO cawangan dan jangan sekali-kali lupa kediaman tokoh-tokoh pemuda dan wanita cawangan.

Di satu carta lain, mestilah dicatatkan juga kediaman tokoh-tokoh parti pembangkang dan kawasan yang mereka kuasai.

Ada beberapa aktiviti yang patut dijalankan seperti majlis ceramah dan majlis agama.

Sebaik-baik tempat untuk mengadakan majlis-majlis tersebut ialah di rumah ahli UMNO yang kebetulan dikelilingi oleh ramai ahli parti pembangkang atau ahli-ahli yang berdiri di atas pagar.

Ahli-ahli UMNO yang lain boleh datang meramaikan majlis di kediaman ahli UMNO tersebut dan dengan itu ada peluang di kalangan ahli-ahli parti pembangkang dan yang berdiri di atas pagar yang diam di sekeliling mendengar ucapan tokoh-tokoh UMNO/BN.

Inilah satu strategi yang terbaik jika dibandingkan dengan menganjurkan majlis di kediaman ahli UMNO yang diketahui di kelilingi oleh para penyokong parti kita saja.

Sekurang-kurangnya kalau mereka tak datang pun mereka akan duduk di rumah masing-masing dan berkesempatan memasang telinga mendengar akan mesej UMNO/BN yang hendak kita sampaikan.

Memanglah sukar untuk menawan ahli-ahli pembangkang yang totok

tetapi kita jangan berputus asa atau cepat mengalah untuk cuba meyakinkan mereka akan perjuangan UMNO/BN semata-mata bagi kepentingan mereka dan anak cucu mereka.

Ingatlah bila diadakan majlis anjuran cawangan, carilah seorang dua penceramah dari luar cawangan seperti pemimpin dari cawangan lain atau daripada UMNO bahagian yang cekap berpidato memberikan ucapan tidak lebih daripada 45 minit. Kiranya ada dua tokoh maka masa yang diambil ialah 90 minit.

Para pemimpin cawangan termasuk ketua UMNO cawangan berucaplah tidak melebihi 30 minit. Berilah peluang kepada tokoh luar berucap kerana para penduduk tempatan biasanya lebih gemar mendengar orang luar memberikan ucapan.

Majlis ini sebaik-baiknya berjalan selama 2 jam. Majlis dimulakan selepas solat Isyak jam 9.00 dan tamat jam 11 malam.

Dengan yang demikian ada tiga penceramah mengambil bahagian dengan ucapan yang tidak meleret-leret tetapi dengan fakta-fakta dan angka-angka terkini yang akan menarik perhatian para pendengar.

Dengan adanya tiga penceramah tersebut maka Ketua UMNO cawangan haruslah menghuraikan sejarah kampung dan kemajuan yang dicapai masa kini seperti yang dijelaskan di dalam tajuk *Ahli-ahli pidato yang hebat*. Sudah pasti mesej yang kita sampaikan akan sedikit sebanyak mengusik hati ahli-ahli parti pembangkang dan orang yang berdiri di atas pagar.

Sepanjang tempoh berkempen di dalam pilihanraya itu, ahli-ahli UMNO jangan hanya berkumpul sesama ahli UMNO saja setiap masa.

Teknik yang terbaik ialah setiap hari mereka cubalah bertemu dengan seorang ahli parti pembangkang atau orang yang belum menjadi ahli UMNO supaya dapat menarik minat mereka untuk menyokong BN.

Kalau ada 10 hari sebelum hari penamaan calon dan seramai 10 orang dapat ditemui oleh ahli-ahli UMNO maka jumlahnya tentulah ramai juga yang akan menyebelahi kita.

Itulah sebabnya sasaran terpenting yang harus kita tembusi ialah kawasan parti-parti pembangkang dan para pengundi di atas pagar.

Carta di bilik gerakan UMNO cawangan mestilah ada carta kawasan dan kedudukan ahli-ahli yang menentang kita atau belum lagi menyokong kita.

Jangan lupa juga carta taburan kediaman AJK-AJK UMNO cawangan, tokoh-tokoh pemuda dan wanita UMNO bagi memudahkan

perhubungan yang kerap di antara satu sama lain.

## SISTEM KOTAK

Saya suka menggunakan satu sistem yang saya namakan dengan nama Sistem Kotak.

Sistem ini amat popular di kalangan para pegawai dan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan semasa saya memimpin mereka dalam tempoh 1987-90 dulu.

Sistem Kotak ini ialah carta yang memperlihatkan semua jalan dan lorong yang mempamerkan rumah kediaman yang terdapat di dalam satu-satu kawasan peti undi.

Baguslah anda bahagikan kawasan cawangan anda kepada 15 kotak yang setiap kotak diberikan tugas kepada seorang AJK UMNO cawangan dengan dibantu oleh seorang tokoh pemuda dan seorang tokoh wanita UMNO. Ertinya di setiap kotak ada tiga tokoh UMNO setempat menguruskannya.

Mereka boleh bertemu di setiap kotak pada setiap jam 6 petang bagi mengenal pasti akan kedudukan kawasan kotak masing-masing.

Tentulah mereka tahu apa yang mereka nak buat selepas itu atau mereka boleh meminta bantuan kepada ketua UMNO cawangan untuk mengatasi masalah yang timbul.

Sekiranya ada 450 pengundi di kawasan ini maka 45 ahli UMNO cawangan yang diberikan tugas secara kolektif untuk 15 kotak itu boleh memastikan ke mana perginya undi-undi yang akan dipangkah oleh para pengundi di kotak masing-masing.

## DIBUKA TENGAH MALAM

Semua bilik gerakan UMNO cawangan mestilah dibuka hingga ke tengah malam untuk mengawasi setiap pergerakan yang mungkin berlaku di cawangan masing-masing.

Sudah pastilah ada air minuman seperti teh, kopi atau air galian dan nasi lemak yang disediakan untuk para pekerja yang biasanya tidak mendapat apa-apa bayaran pun.

Sekiranya keadaannya begitu, ketua-ketua UMNO cawangan mestilah juga memastikan Bilik Gerakan diwujudkan di pejabat UMNO bahagian yang dibuka hingga ke larut malam setiap malam.

Ahli UMNO lebih merasa seronok kiranya pejabat UMNO bahagian dibuka hingga malam sepanjang tempoh kebenaran berkempen.

Sekurang-kurangnya ahli-ahli UMNO boleh singgah di pejabat UMNO bahagian dan bertegur sapa di antara satu sama lain.

Walaupun ada tempat-tempat lain yang dianggap hebat dan mampu dibiayai oleh pihak yang tertentu seperti di hotel, namun pejabat UMNO bahagian mestilah jangan ditutup di sebelah malam kerana ia adalah lambang perjuangan parti yang ada keramat dan sangat bermartabat sebagai pusat pertemuan di kalangan ahli-ahli UMNO.

Oleh kerana bayaran minuman dan makanan di hotel begitu mahal, ada ahli-ahli UMNO yang terkulat-kulat dan terkilan akibat tidak ada sesiapa pun yang akan membayar kiranya mereka tumpang menjamu selera di situ. Tetapi kiranya pejabat UMNO bahagian dibuka hingga ke tengah malam, mungkin ahli-ahli yang hadir boleh diberikan minuman kopi atau teh bagi membasahi tekak mereka.

Kalau ada biskut, kuaci, kacang atau nasi lemak pun baik juga.

Kiranya ada para pengundi luar atau orang luar yang hendak berurusan mengenai tugas mengundi maka mudahlah mereka berurusan di pejabat UMNO bahagian terutama di sebelah malam.

Kenapa pula ada pejabat UMNO bahagian yang ditutup bila diadakan pilihanraya kecil di sebuah negeri?

## MASALAH KENDERAAN

Masalah kenderaan di sebelah petang hari membuang undi menjadi masalah yang boleh mengakibatkan undi untuk BN berkekurangan.

Ini telah dibuktikan di dalam banyak pilihanraya di mana BN ada yang tewas tipis atau menang dengan majoriti yang kurang.

Oleh yang demikian, sekiranya BN ada mempunyai seratus kereta untuk mengangkut pengundi maka jadual berikut hendaklah dipatuhi.

Jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi	-	25 kereta
Jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi	-	40 kereta (+ 15 kereta)
Jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi	-	55 kereta (+ 15 kereta)
Jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang	-	70 kereta (+ 15 kereta)
<b>Jam 2.00 hingga 6.00 petang</b>	-	<b>100 kereta (+ 30 kereta)</b>

Ertinya, sebanyak 30 kereta mesti disediakan untuk memulakan tugas membuat operasi mulai jam 2.00 petang.

Dengan adanya 30 kereta khas untuk tugas petang maka mereka

boleh bergerak cergas untuk membawa para pengundi hingga tamat waktu mengundi yang biasanya pada jam 6.00 petang.

## RAKAMAN SETIAP HARI

Setiap ketua UMNO cawangan mestilah jangan lupa untuk merakamkan apa jua aktiviti pilihanraya yang dijalankan pada sebelah pagi, petang dan malam dicarta Bilik Gerakan masing-masing. Rakaman itu kemudiannya dilaporkan ke UMNO bahagian setiap hari.

Kiranya setiap hari ada saja aktiviti UMNO cawangan yang berkesan dan dilaporkan ke pihak UMNO bahagian dengan bilangan para pengundi yang terlibat maka UMNO bahagian adalah bahagian yang amat bernasib baik mendapat para pemimpin UMNO cawangan yang benar-benar bekerja kuat untuk kepentingan parti kita.

Percayalah, bila setiausaha UMNO cawangan atau ketua penerangannya sudah tidak dapat menghantar laporan bergilir-gilir ke pejabat UMNO bahagian pada setiap hari maka tunggulah nasib buruk akan menimpa calon-calon BN.

Inilah di antara tanda-tanda UMNO/BN akan kecundang. Ini juga sebagai bukti bahawa UMNO cawangan sudah tidak aktif lagi.

Saya tidak dapat menghuraikan strategi lain untuk kepentingan UMNO/BN seperti membuat pendedahan apa jua keburukan dan kelemahan parti-parti pembangkang. Demikian juga dengan peranan calon-calon dan apa yang wajib dibuat oleh wakil-wakil calon untuk menewaskan parti-parti pembangkang seperti yang dibenarkan oleh undang-undang negara dan peraturan pilihanraya.

Dr Stephen C. Shadegg dalam bukunya *The new how to win an election* menghuraikan, parti-parti politik seperti satu pasukan bola sepak yang profesional. Mereka mestilah membuat banyak intipan dalam mengumpul maklumat mengenai apa jua kelemahan atau kekuatan pasukan-pasukan lain yang menjadi musuh tradisi mereka.

Ada banyak lagi teknik untuk kita memenangi pilihanraya tetapi biarlah tidak payah saya perincikan di dalam buku yang sudah pun tebal ini. Semoga kita akan berjumpa lagi di dalam buku saya yang lain yang khusus memperinci pelbagai strategi memenangi pilihanraya.

**Atau kita berjumpa di dalam satu majlis anjuran UMNO bahagian atau anjuran UMNO negeri bagi menghadapi pilihanraya kebangsaan yang akan tiba tidak berapa lama lagi, insya-Allah!**





# Jangan kempunan!

Buku ini tidak dijual di pasaran terbuka kerana ia memperinci pelbagai strategi yang boleh dijadikan panduan kepada perjuangan para pemimpin UMNO terutama di kalangan 17,007 ketua UMNO cawangan yang menjadi nadi kepada kekuatan UMNO dalam era mutakhir yang amat mencabar kini.

Menjelang 53 tahun kelahiran UMNO, tidak ada sebuah buku rujukan pun yang boleh dijadikan panduan kepada para pejuang UMNO di setiap peringkat dan buku ini diolah begitu rupa oleh seorang tokoh yang mempunyai pengalaman luas melalui pelbagai kerjaya hidup sebagai guru sekolah menengah Inggeris, wartawan Utusan Melayu, Setpol Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr Ismail, seorang diplomat Malaysia di Kanada dan pernah menjadi penasihat perwakilan Malaysia di dalam Jawatankuasa Undang-undang di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Ahli Parlimen Pontian dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan yang bertanggungjawab mengasas dan melaksanakan Gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) 1987-90.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Dato' Dr. Mohd. Yusuf Noor ketika mengalu-alukan kehadiran YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di seminar 500 ketua penerangan UMNO negeri, bahagian, pemuda dan wanitanya pada 8 Oktober, 1998, telah menyebutkan bahawa Sdra Ikhwan yang menghuraikan Strategi Penerangan UMNO di seminar itu adalah salah seorang tokoh terpenting UMNO yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam menyumbangkan khidmat bakti kepada kekuatan parti.

Menteri Besar Selangor, Dato' Dr. Abu Hassan Omar ketika berucap meraikan kemenangannya anjuran UMNO Bahagian Ampang Jaya berterima kasih kerana Sdra Ikhwan bukan setakat berucap 19 kali di sepanjang kempen pilihanraya kecil di Kuala Selangor malah katanya, Sdra Ikhwan telah membantu mengatur strategi, menyiapkan logistik dan melancarkan perang saraf hingga beliau menang 7,800 undi majoriti.

Setiausaha Jabatan Penerangan UMNO Malaysia, Haji Hassan Che Soh pula dalam rencana pengenalannya mengakui, Sdra Ikhwan telah mewakili UMNO lebih 140 kali berentap dengan para pemimpin pembangkang, golongan anti-establishment dan para intelektual di dalam forum di pusat-pusat pengajian tinggi yang dihadiri oleh ribuan siswa.

Buku ini menyediakan peranan terperinci ketua-ketua UMNO cawangan yang disusunnya dan sudah tentu ia akan memberi manfaat kepada setiap daripada 2.7 juta ahli UMNO untuk memahami akan peranan masing-masing di dalam mendukung kerajaan yang telah memerintah negara sejak merdeka 41 tahun yang lalu.

Buku ini juga menghuraikan ideologi politik yang tersebar di seluruh dunia dan sarat menggariskan teknik menjadi pemimpin yang efisien.

~Zulaiha Iskandar (Penerbit)



# Jangan kempunan!

Buku ini tidak dijual di pasaran terbuka kerana ia memperinci pelbagai strategi yang boleh dijadikan panduan kepada perjuangan para pemimpin **UMNO** terutama di kalangan 17,007 ketua **UMNO** cawangan yang menjadi nadi kepada kekuatan **UMNO** dalam era mutakhir yang amat mencabar kini.

Menjelang 53 tahun kelahiran **UMNO**, tidak ada sebuah buku rujukan pun yang boleh dijadikan panduan kepada para pejuang **UMNO** di setiap peringkat dan buku ini diolah begitu rupa oleh seorang tokoh yang mempunyai pengalaman luas melalui pelbagai kerjaya hidup sebagai guru sekolah menengah Inggeris, wartawan Utusan Melayu, Setpol Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr Ismail, seorang diplomat Malaysia di Kanada dan pernah menjadi penasihat perwakilan Malaysia di dalam Jawatankuasa Undang-undang di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Ahli Parlimen Pontian dan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan yang bertanggungjawab mengasas dan melaksanakan Gerakan Setia Bersama Rakyat (**SEMARAK**) 1987-90.

Ketua Penerangan **UMNO** Malaysia, *Dato' Dr. Mohd. Yusuf Noor* ketika mengalu-alukan kehadiran **YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad** di seminar 500 ketua penerangan **UMNO** negeri, bahagian, pemuda dan wanitanya pada 8 Oktober, 1998, telah menyebutkan bahawa **Sdra Ikhwan** yang menghuraikan *Strategi Penerangan UMNO* di seminar itu adalah salah seorang tokoh terpenting **UMNO** yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam menyumbangkan khidmat bakti kepada kekuatan parti.

Menteri Besar Selangor, *Dato' Dr. Abu Hassan Omar* ketika berucap meraikan kemenangannya anjuran **UMNO** Bahagian Ampang Jaya berterima kasih kerana **Sdra Ikhwan** bukan setakat berucap 19 kali di sepanjang kempen pilihanraya kecil di Kuala Selangor malah katanya, **Sdra Ikhwan** telah membantu mengatur strategi, menyiapkan logistik dan melancarkan perang saraf hingga beliau menang 7,800 undi majoriti.

Setiausaha Jabatan Penerangan **UMNO** Malaysia, *Haji Hassan Che Soh* pula dalam rencana pengenalannya mengakui, **Sdra Ikhwan** telah mewakili **UMNO** lebih 140 kali berentap dengan para pemimpin pembangkang, golongan *anti-establishment* dan para intelektual di dalam forum di pusat-pusat pengajian tinggi yang dihadiri oleh ribuan siswa.

Buku ini menyediakan peranan terperinci ketua-ketua **UMNO** cawangan yang disusunnya dan sudah tentu ia akan memberi manfaat kepada setiap daripada 2.7 juta ahli **UMNO** untuk memahami akan peranan masing-masing di dalam mendukung kerajaan yang telah memerintah negara sejak merdeka 41 tahun yang lalu.

Buku ini juga menghuraikan ideologi politik yang tersebar di seluruh dunia dan sarat menggariskan teknik menjadi pemimpin yang efisien.



~Zulaikha Ishandar (Penerbit)